# FASA SETERUSNYA

MSM MALAYSIA HOLDINGS BERHAD (935722-K)

LAPORAN TAHUNAN DUA RIBU EMPAT BELAS

MSM MALAYSIA HOLDINGS BERHAD



PENERAJU GULA

SEJAK 1959 KEWUJUDAN

PENERAJU GULA

1.1 JUTA TAN PENGELUARAN

TENAGA KERJA

1,144 PEKERJA SELURUH NEGARA

TINJAUAN PASARAN

20 NEGARA SELURUH DUNIA

"MSM bertekad untuk
menjadi di antara 10 syarikat gula
terbaik dunia menjelang tahun 2020"



MESYUARAT AGUNG TAHUNAN
**MSM MALAYSIA HOLDINGS BERHAD**

# KEEMPAT

**Tempat** : Dewan Bankuet 1, Aras B2,
Menara Felda, Platinum Park, No. 11,
Persiaran KLCC, 50088 Kuala Lumpur

**Tarikh** : Selasa, 2 Jun 2015

**Masa** : 11.00 pagi

# FAKTA-FAKTA GULA

Gula – sukrosa – adalah satu karbohidrat yang wujud secara semulajadi di dalam buah-buahan dan sayur-sayuran. Tumbuhan menggunakan proses semulajadi yang digelar fotosintesis untuk proses penukaran tenaga cahaya kepada khasiat bagi tumbesaran.



**GULA**
telah ditemui di **India**

dan orang-orang Mesir adalah yang pertama sekali mengekstrak gula daripada tebu.



Gula merupakan **ramuan tertua dunia.**





Gula tidak mengandungi lelemak dan adalah **100%** asli.

Sebutir gula dilihat menerusi **mikroskop** berupa hablur lutsinar





yang memantulkan cahaya menerusi 14 fasetnya seumpama permata.



Gula boleh dikaitkan dengan beberapa jenis termasuk sukrosa, fruktosa dan laktosa.



## Tebu

terbukti mengandungi kandungan gula yang terbanyak.

**Sumber:**
Sugar Nutritional UK • facts.randumhistory.com • www.hollyseed.com

## SECUBIT GULA DILETAKKAN DI LIDAH



digunakan sebagai rawatan tradisi mujarab untuk sedu.





## BAYI-BAYI

**dilahirkan** dengan keinginan semulajadi bagi **rasa kemanisan.**

# GULA & MASYARAKAT

Sebanyak 168 juta tan gula telah dihasilkan di seluruh dunia pada tahun 2011. Seseorang individu mengambil purata 24 kg gula dalam setahun (33.1 kg dalam negara-negara perindustrian), bersamaan dengan lebih 260 kalori pemakanan seseorang dalam sehari.

# Sesudu gula sekiranya dimasukkan

ke dalam pasu akan mengekalkan kesegaran bunga lebih lama.





**Gula** adalah sumber penting karbohidrat yang merupakan pembekal tenaga utama badan.





## Dalam tahun 2001

para saintis telah menjumpai gula di angkasa lepas!



**Sumber:**
Sugar Nutritional UK • facts.randumhistory.com • www.hollyseed.com

GULA
wujud secara semulajadi dalam kebanyakan makanan.





# GULA & MAKANAN

Anda lesu? Pengambilan gula dengan kadar sederhana dalam pemakanan kita, membekalkan tenaga sedia ada bagi kecergasan otot dan minda.



Sesudu kecil gula akan melegakan rasa kepedasan di mulut anda.



## Lemon

mengandungi lebih gula daripada strawberi.





Gula menyekat pertumbuhan kulat dan yis.

## Ianya melanjutkan

tempoh luput jem dan agar-agar.



**Gula menyedapkan lagi makanan berkhasiat.** Sedikit gula ditabur ke atas mil oat, limau gedang dan bran mufin semestinya lebih enak!

**Sumber:**
Sugar Nutritional UK • facts.randumhistory.com • www.hollyseed.com

**GULA** merupakan salah satu ramuan pertama yang digunakan dalam bidang farmaseutikal, dan masih diguna pakai sehingga hari ini untuk menghilangkan rasa pahit ubat-ubatan.





**GULA**
membantu menyembuhkan luka.

Gula mengeringkan luka justeru menghalang pertumbuhan bakteria.



PENGELUAR-PENGELUAR
**FARMASEUTIKAL**

menggunakan



bagi tumbesaran pe



**GULA**
merupakan medium pembekalan vitamin.

## TANPA GULA
ubat-ubatan yang digunakan
tidak berkesan.



# GULA & PERUBATAN

Ujian makmal menunjukkan glukosa dan fruktosa – sejenis gula yang wujud di dalam tumbuh-tumbuhan – merangsangkan bakteria dan menjadikan ubat lebih berkesan.

enisilin.



**Sumber:**
Sugar Nutritional UK • facts.randumhistory.com • www.hollyseed.com

# DI DALAM LAPORAN INI


12 Visi dan Misi
14 Sorotan Tahun 2014
- 14 Imbasan Fakta
- 16 Imbasan Prestasi

## 20
### Utusan-utusan Utama
20 Penyata Pengerusi
24 Ulasan Ketua Pegawai Eksekutif

## 28
### Rangka Kerja Korporat
28 Profil Korporat
32 Jejak Kemanisan MSM
34 Peristiwa Penting
38 Sorotan Media
40 Maklumat Korporat
42 Struktur Korporat
43 Struktur Organisasi
46 Anugerah & Pengiktirafan 2014

## 50
### Strategi Perniagaan dan Penciptaan Nilai
50 Model Perniagaan Kami
52 Strategi Perniagaan Kami
54 Perhubungan Pelabur
56 Prestasi Saham
57 Kalendar Kewangan

## 58
### Tunggak Kepimpinan
58 Lembaga Pengarah
60 Profil Pengarah
66 Ahli Pengurusan Kanan
68 Profil Ahli Pengurusan Kanan

## 74
### Ulasan Prestasi
74 Ulasan Kewangan
75 Prestasi Kewangan Suku Tahun
76 Ringkasan 5 Tahun Kewangan
78 Ringkasan Penyata Kedudukan Kewangan
80 Penyata Nilai Tambah
81 Analisis Segmen

## 84
### Ulasan Perniagaan
84 Tinjauan
86 Ulasan Perniagaan
89 Prospek & Tinjauan


ms 20
**Penyata Pengerusi**

Prestasi harga saham MSM kekal konsisten sepanjang tahun 2013 dan 2014. Peningkatan dalam keuntungan syarikat menghasilkan pembayaran dividen yang lebih tinggi kepada pemegang-pemegang saham. Tahun ini, dividen kasar sesaham kami dianggarkan pada 24 sen, iaitu hasil sebanyak 4.8% dan pembayaran bersih berjumlah 66%.



# 90

## Kajian Kemampanan


90 Kajian Modal Insan
92 Tanggungjawab Sosial Korporat
- 92 Komuniti
- 95 Tempat Kerja
- 97 Pasaran
- 100 Alam Sekitar


# 102

## Kebertanggungjawaban


102 Penyata Tadbir Urus Korporat
118 Penyata Pengurusan Risiko Dan Kawalan Dalaman
123 Penyata Jawatankuasa Pencalonan Dan Imbuhan
128 Laporan Jawatankuasa Audit
135 Integriti Korporat
136 Maklumat Pematuhan Tambahan


# 140

## Penyata Kewangan


142 Penyata Tanggungjawab Pengarah
143 Laporan Para Pengarah
148 Penyata Para Pengarah
149 Perakuan Berkanun
150 Laporan Juruaudit Bebas
152 Penyata Pendapatan Komprehensif
153 Penyata Kedudukan Kewangan
155 Penyata Perubahan dalam Ekuiti
157 Penyata Aliran Tunai
159 Nota kepada Penyata Kewangan
225 Maklumat Tambahan


# 226

## Maklumat Lain


226 Analisis Pegangan Saham
227 Senarai 30 Pemegang Saham Utama
229 Ringkasan Hartanah Dimiliki oleh Kumpulan MSM
233 Ringkasan Hartanah Pajakan Kumpulan MSM
235 Notis Mesyuarat Agung Tahunan
239 Penyata Mengiringi Notis Mesyuarat Agung Tahunan
240 Direktori Korporat

- Borang Proksi




ms 86

### Ulasan Perniagaan

Dalam tahun 2014, dua daripada kilang penapis kami – di Prai dan Perlis – telah mencatatkan rekod pengeluaran produk gula bertapis sebanyak 986,115 tan iaitu peningkatan sebanyak 5% berbanding tahun 2013. Daripada volum ini, 839,400 tan dihasilkan di Prai dan baki 146,715 tan datangnya dari Perlis.

ms 92

### Tanggungjawab Sosial Korporat

MSM adalah salah satu majikan terbesar di Negeri Perlis, di mana kami mempunyai 612 kakitangan, yang mana 391 orang bekerja di kilang penapisan dan 221 orang di bahagian peladangan kami.

# VISI

## PENGELUAR GULA
## 10 TERBAIK
## DUNIA MENJELANG TAHUN 2020

UNTUK MEMBANGUN DENGAN CEMERLANG SEBAGAI SEBUAH SYARIKAT PENGELUAR GULA YANG BERDAYA SAING DAN MESRA ALAM SERTA MENGHASILKAN PRODUK YANG DIIKTIRAF BERKUALITI TINGGI.

UNTUK MENJADI SYARIKAT TERKEMUKA DALAM PERNIAGAAN GULA DENGAN MENYEDIAKAN PRODUK-PRODUK DAN PERKHIDMATAN BERNILAI TINGGI BAGI MENGEKALKAN PERTUMBUHAN JANGKA PANJANG YANG MAMPAN DALAM JUMLAH DAN KEUNTUNGAN. UNTUK MENCAPAI KEJAYAAN KOMERSIL YANG KONSISTEN DAN SEIMBANG DENGAN:

- Memenuhi keperluan pelanggan kami
- Memberi prestasi terbaik untuk para pemegang saham
- Mewujudkan peluang kerjaya yang memberi kepuasan kepada kakitangan
- Membina hubungan yang saling memberi manfaat dengan rakan-rakan niaga utama; dan
- Mengambil bahagian dan menyumbang secara berkesan kepada pembangunan negara dan kebajikan serta kemajuan masyarakat di mana kami beroperasi.

# MISI

# SOROTAN TAHUN 2014

## IMBASAN FAKTA

**GULA PRAI**
Jenama Laris
**NO.1**
Malaysia

KEUNTUNGAN SEBELUM ZAKAT DAN CUKAI
**RM344.30 JUTA**

KEUNTUNGAN BERSIH
**RM257.01 JUTA**

HASIL BAGI TAHUN 2014
**RM2.28 BILION**

MODAL PASARAN

RM3.50 BILION

PENGELUARAN TERTINGGI

DALAM 50 TAHUN

986,115 TAN

BAHAGIAN PASARAN

64%

(setakat Disember 2014)

JUMLAH DIVIDEN DIBAYAR

RM168.72 JUTA

# SOROTAN TAHUN
2014

## IMBASAN PRESTASI

### 2013

**HASIL JUALAN (RM JUTA)**
**JUMLAH JUALAN**
**RM2,192 juta**




Domestik Perindustrian Eksport

### 2014

**HASIL JUALAN (RM JUTA)**
**JUMLAH JUALAN**
**RM2,270 juta**




Domestik Perindustrian Eksport

### 2013

**VOLUM JUALAN (TAN)**
**JUMLAH JUALAN**
**929,052 tan**




Domestik Perindustrian Eksport

### 2014

**VOLUM JUALAN (TAN)**
**JUMLAH JUALAN**
**989,290 tan**




Domestik Perindustrian Eksport

**Nota:**
1) Jumlah jualan adalah SELEPAS penyelarasan penyatuan
2) Jumlah jualan tidak termasuk jualan molases

**PENGELUARAN GULA KASAR GLOBAL (JUTA TAN)**




**BAKI PENGELUARAN & PENGGUNAAN GLOBAL (JUTA TAN)**





Dengan penguasaan sebanyak 64% daripada hasil keluaran gula bertapis Malaysia, kedudukan kami sebagai peneraju pasaran tidak boleh dipertikaikan lagi. Kini, pelan pengembangan rantauan dan antarabangsa kami berlandaskan keupayaan kami membekalkan produk-produk yang berkualiti tinggi pada harga yang berdaya saing. Kesinambungan pembangunan perniagaan kami dipacu oleh pelaburan-pelaburan kami di dalam teknologi dan pembangunan kepakaran.

# MERINTIS
## HALUAN

# PENYATA PENGERUSI

**HASIL**
**RM2.28 BILION**

**3.6%** PENINGKATAN BERBANDING RM2.20 BILION PADA TAHUN 2013

**KEUNTUNGAN**
**RM257.01 JUTA**

MELEBIHI **RM254.68 JUTA** PADA TAHUN 2013

**PARA PEMEGANG SAHAM,**

SEBAGAI PENGERUSI MSM MALAYSIA HOLDINGS BERHAD (MSM), PERANAN UTAMA SAYA ADALAH UNTUK MEMASTIKAN KEMAMPANAN JANGKA PANJANG SYARIKAT SELARAS DENGAN PERTUMBUHAN PERNIAGAANNYA BAGI MENJANAKAN PULANGAN YANG LEBIH TINGGI BUAT ANDA. WALAUPUN KEMAMPANAN MUNGKIN DILIHAT SEBAGAI SESUATU YANG BERBEZA DARIPADA KEUNTUNGAN, KAMI DI MSM PERCAYA BAHAWA KEMAMPANAN OPERASI AKAN MEMANTAPKAN LAGI SYARIKAT SECARA KETARA DAN TIDAK KETARA DAN AKHIRNYA MENINGKATKAN NILAI PEMEGANG SAHAM.



**YB TAN SRI HAJI MOHD ISA DATO' HAJI ABDUL SAMAD**
Pengerusi

Kepercayaan ini dicerminkan melalui gaya laporan baru yang telah mula diamalkan oleh MSM bagi memberi gambaran yang lebih jelas mengenai faktor-faktor yang penting bagi kejayaan jangka panjang Syarikat dan kaedah-kaedah yang dipraktikkan bagi pengurusan faktor-faktor ini. Memandangkan ini adalah tahun pertama kami mengguna-pakai pendekatan Laporan Berintegrasi ini, sudah pasti timbul kesukaran dalam keupayaan kami untuk menunjukkan kesan akibat langkah-langkah bukan kewangan terhadap keputusan kewangan kami. Walau bagaimanapun, dengan peredaran masa, kami berharap hubung-kait ini dapat dijelaskan dengan nyata bagi memberikan gambaran holistik mengenai perkara-perkara yang penting bagi MSM dan bagaimana kami memupuk serta membangunkan aset-aset kritikal ini.

Prestasi syarikat bagi tahun dalam kajian adalah amat baik – MSM telah mencatatkan hasil sebanyak RM2.28 bilion, iaitu peningkatan sebanyak 3.6% daripada RM2.20 bilion pada tahun 2013. Hasilnya kami telah mencatatkan keuntungan sebanyak RM257 juta, melebihi RM255 juta yang telah dicatatkan pada tahun 2013.


HITACHI

Meskipun prestasi harga saham MSM kekal konsisten sepanjang tahun 2013 dan 2014, peningkatan dalam keuntungan syarikat masih dapat menghasilkan pembayaran dividen yang lebih tinggi kepada pemegang-pemegang saham. Sepanjang tiga tahun berturut-turut, MSM berjaya mengatasi sasaran pembayaran minima yang telah dinyatakan iaitu sebanyak 50% daripada keuntungan bersih. Kami berjaya mengekalkan prestasi ini bagi tahun 2014, dividen kasar sesaham dianggarkan pada 24 sen, iaitu hasil sebanyak 4.8% dan pembayaran bersih sebanyak 66%.

Selain daripada prestasi kewangan MSM, saya juga amat bangga melaporkan bahawa kami telah memantapkan struktur tadbir urus kami bagi meningkatkan prestasi masa depan MSM. Seperti yang dinyatakan di dalam tema laporan tahunan 2014 ini, hala tuju syarikat seterusnya adalah ke peringkat global. Pentas antarabangsa membuka banyak peluang pertumbuhan bagi syarikat seperti MSM, dan kami amat teruja dengan pelan strategik yang telah dirangka selaras dengan haluan ini. Namun, perkembangan industri dari segi geografi mahupun dalaman tetap akan diiringi risiko-risiko yang harus ditadbir dan diurus dengan sewajarnya.

Oleh itu, pada tahun 2014 Lembaga Pengarah telah menubuhkan dua jawatankuasa baru bagi menambahbaik tadbir urus risiko MSM. Jawatankuasa Lembaga Pelaburan yang telah ditubuhkan pada 28 April bertujuan untuk memastikan pelaburan-pelaburan yang dijalankan oleh Kumpulan adalah sejajar dengan visi dan tahap risiko secara keseluruhan. Seterusnya pada 28 Ogos, kami telah menubuhkan Jawatankuasa Lembaga Tadbir Urus dan Pengurusan Risiko (BGRMC).

Di peringkat korporat, sebuah Jabatan Tadbir Urus, Pengurusan Risiko dan Pematuhan Kumpulan (GRC) telah ditubuhkan dan mula beroperasi pada 1 Januari 2015. GRC dengan serta merta memulakan tugasnya, dan dalam tempoh sebulan telah berjaya merangka pelan - *A Way Forward Plan 2015*, yang telah diluluskan oleh BGRMC. Kami berbangga dengan semangat yang ditunjukkan oleh GRC dalam menyandang peranan barunya, dan kami juga amat yakin dengan keupayaannya untuk membentuk satu rangka kerja yang mantap bagi memastikan kemampanan MSM.

Dalam menuju ke arah masa depan yang cemerlang, saya juga ingin mengenang kembali masa lalu dan ingin mengucapkan terima kasih kepada ahli-ahli Lembaga Pengarah atas peranan mereka dalam membentuk kejayaan MSM yang wujud pada hari ini, iaitu sebagai sebuah syarikat gula Malaysia yang sedia untuk mengambil posisi dalam kalangan peneraju antarabangsa.

Pada tahun 2014, dua daripada Ahli Lembaga Pengarah telah meletak jawatan. Saya bagi pihak rakan-rakan sejawat ingin mengucapkan terima kasih kepada YM Raja Anuar Raja Abu Hassan dan Dr Suzana Idayu Wati Osman atas sumbangan mereka terhadap MSM dan mengucapkan selamat maju jaya dalam apa jua bidang yang mereka ceburi pada masa depan. Menggantikan tempat mereka, pada tahun 2015, kami mengalu-alukan Dato' Rosini Abd Samad yang mempunyai pengalaman yang luas dalam sektor perkhidmatan awam sewaktu menjawat jawatan sebagai Timbalan Ketua Akauntan di Jabatan Akauntan Negara. Pada tahun 2014, Dato' Sheikh Awab Sheikh Abod, yang juga merupakan Ketua Pegawai Eksekutif MSM, menyertai Lembaga Pengarah sebagai Pengarah Eksekutif yang baru. Pengalamannya yang luas dalam bidang korporat, terutamanya sektor perbankan akan menambahkan pengetahuan dan kepakaran kolektif Lembaga Pengarah di samping dapat memberikan perspektif baru dalam proses membuat keputusan.

Dato' Sheikh Awab telah memainkan peranan yang penting dalam menerajui pelbagai perubahan positif di dalam organisasi ini. Saya bagi pihak Lembaga Pengarah ingin mengucapkan terima kasih kepada beliau dan pasukannya dalam menstruktur syarikat untuk kejayaan yang lebih besar. Pada masa yang sama, saya ingin merakamkan penghargaan setulus ikhlas kepada kesemua warga kerja MSM atas usaha gigih mereka yang merupakan tunggak kejayaan Syarikat selama ini dan akan memacu MSM untuk – *The Next Phase – Our Global Journey.*

Terima kasih.

**YB TAN SRI HAJI MOHD ISA**
**DATO' HAJI ABDUL SAMAD**
Pengerusi



"MSM TELAH MENCATATKAN PRESTASI CEMERLANG BAGI TAHUN 2014, DARI SEGI OPERASI DAN JUGA KEWANGAN. KAMI TELAH MENINGKATKAN PRODUKTIVITI GULA BERTAPIS KAMI DARIPADA 938,203 TAN PADA TAHUN 2013 KE 986,115 TAN PADA TAHUN 2014, IAITU CATATAN TERTINGGI DALAM SEJARAH SYARIKAT"

**DATO' SHEIKH AWAB SHEIKH ABOD**
Presiden/Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan

Tahun 2014 merupakan tahun yang mencabar bagi kebanyakan perniagaan di Malaysia ekoran aliran keluar dana daripada pasaran modal tempatan dan susut nilai Ringgit. Walaupun ini memberi kesan ke atas MSM, faktor-faktor makroekonomi yang menjejaskan operasi kami secara ketara adalah tindakan kerajaan menghapuskan subsidi gula pada Oktober 2013; dan peningkatan bilangan permit import gula daripada 13, kepada lebih daripada 30 kini di pasaran.

Penghapusan subsidi telah meningkatkan kos jualan kami manakala peningkatan bilangan permit sekaligus telah meningkatkan persaingan pasaran. Dalam persekitaran yang mencabar ini, MSM terpaksa melaksanakan langkah-langkah keberkesanan kos bagi mengekalkan daya saing syarikat. Walaupun ini adalah masa yang sukar, saya bangga menyatakan bahawa usaha-usaha kami sememangnya berbaloi dengan keputusan yang telah dicapai.

Meskipun pelbagai cabaran yang dihadapi, MSM telah mencatatkan prestasi cemerlang bagi tahun 2014, dari segi operasi dan juga kewangan. Kami telah meningkatkan produktiviti gula bertapis kami daripada 938,203 tan pada tahun 2013 ke 986,115 tan pada tahun 2014, iaitu catatan tertinggi dalam sejarah syarikat.

Berhadapan situasi influks gula yang murah daripada Thailand, kami masih berjaya meningkatkan jualan domestik kepada 801,020 tan berbanding 730,040 tan pada tahun 2013, dan sekaligus telah meningkatkan bahagian pasaran MSM daripada 57% ke 64%. Prestasi yang baik ini secara langsung berdasarkan usaha-usaha lanjutan dan berhemat bagi meningkatkan keberkesanan operasi dan juga pengurusan kos yang telah dilaksanakan.

Seperti yang telah dinyatakan dalam laporan tahunan yang lalu, pada tahun 2013 kami telah menyuntikkan sejumlah RM85 juta bagi penambahbaikan kemudahan infrastruktur, penyimpanan dan pengendalian, serta sistem pengedaran kami. Pada tahun 2014, perbelanjaan modal (capex) ini telah mula menunjukkan hasil, terutamanya daripada penggantian peralatan di kilang penapisan kami yang semakin usang. Pada tahun yang sama, kami telah melancarkan Sistem Perancangan Sumber Perusahaan (ERP) di ibu pejabat kami. Pengautomasian diteruskan pada 2015 yang membolehkan kami mengautomasi fungsi-fungsi pentadbiran kami, seterusnya mempercepatkan masa pemprosesan.

# ULASAN KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF



"MENUJU KE HADAPAN, KAMI PERCAYA BAHAWA BERLANDASKAN PRINSIP-PRINSIP ASASI MSM YANG KUKUH YANG TELAH DIMANTAPKAN BERTAHUN-TAHUN LAMANYA, KAMI YAKIN UNTUK MEMBAWA SYARIKAT INI KE PERINGKAT SERANTAU DAN JUGA ANTARABANGSA. MATLAMAT KAMI MENJELANG TAHUN 2020 ADALAH UNTUK MENJADI ANTARA TIGA SYARIKAT GULA TERBAIK DI ASEAN DAN 10 TERBAIK DI DUNIA."

Dari segi pengurusan kos, kami sedar bahawa penjimatan terbesar boleh dicapai dalam pengurusan kos gula mentah, yang merangkumi 87% daripada jumlah kos kami. Walaupun harga gula mentah jatuh pada tahun 2014, kami tidak dapat meraih manfaat sepenuhnya disebabkan oleh perjanjian-perjanjian/kontrak-kontrak jangka panjang yang telah ditandatangani pada harga yang lebih tinggi, sebelum penyusutan harga tersebut. Situasi ini diburukkan lagi oleh penyusutan nilai mata wang Ringgit dibandingkan dengan Dolar AS. Kami bagaimanapun telah merangka mekanisma lindung nilai bagi pembelian gula mentah dan pertukaran mata wang asing serta mengkaji rapi pasaran bagi memastikan segala pembelian dibuat pada harga dan masa yang tepat.

Satu lagi langkah pengurangan kos yang ketara adalah pengurangan rebat pengangkutan yang ditawarkan kepada pelanggan-pelanggan yang memungut konsainan mereka daripada kilang-kilang penapisan kami, yang pada suatu ketika menelan belanja di antara RM30 juta hingga RM40 juta setahun. Untuk mengurangkan kos pengangkutan, kami telah membahagikan operasi pengedaran kami mengikut zon Utara, Tengah dan Selatan. Hasilnya walaupun rebat pengangkutan masih lagi ditawarkan, kadarnya adalah nominal.

Menuju ke hadapan, kami percaya bahawa berlandaskan prinsip-prinsip asasi MSM yang kukuh yang telah dimantapkan bertahun-tahun lamanya, kami yakin untuk membawa syarikat ini ke peringkat serantau dan juga antarabangsa. Matlamat kami menjelang tahun 2020 adalah untuk mencapai kedudukan antara syarikat gula tiga terbaik di ASEAN dan 10 terbaik di dunia.

Halatuju masa depan kami adalah untuk memanfaatkan kepakaran kami dalam bidang penapisan dan meningkatkan kapasiti, serta mempelbagaikan operasi kami bagi memantapkan kedudukan kami di setiap peringkat rantaian nilai industri, dari huluan hinggalah ke hiliran. Saya amat berbangga dalam menyatakan bahawa usaha-usaha ini telahpun membawakan hasil.

Dalam pertengahan tahun 2015, kami akan membuka pejabat dagangan kami di Dubai. Pejabat ini akan memberi tumpuan kepada perdagangan gula mentah dan juga gula bertapis. Kami juga akan melengkapkan usahaniaga ini dengan sebuah syarikat carter tersendiri. Walaupun pejabat dagangan ini akan berpusat di Dubai, ianya akan disokong oleh empat pejabat yang bakal beroperasi di Indonesia, China, India dan Thailand.

Kami juga sedang membina sebuah kilang penapisan di Johor dengan keupayaan pengeluaran harian sebanyak 3,000 tan, yang akan menggandakan pengeluaran tahunan kami. Kami berharap dapat memulakan pembinaan kilang ini pada suku ketiga tahun ini dan menyiapkannya pada suku ketiga tahun 2017. Kilang penapisan ini akan menggunakan teknologi termoden dan dijangka mencapai kadar keberkesanan operasi yang tinggi dan akan mengeluarkan produk-produk yang mempunyai daya saing yang tinggi. Ini akan menyokong matlamat kami dalam mengembangkan pasaran eksport MSM yang akan disokong oleh cawangan dagangan kami.

Pada masa yang sama, kami juga meneroka kemungkinan penggabungan dan pemerolehan dengan syarikat-syarikat lain di sektor huluan ataupun hiliran. Kami juga akan melaksanakan pakatan strategik bagi meluaskan kepelbagaian geografi kami.

Warga kerja kami adalah tonggak kejayaan kami. Dalam usaha kami memantapkan kedudukan MSM sebagai peneraju industri global dan membangunkan Malaysia sebagai sebuah hab serantau bagi gula, warga kerja kami perlu meningkatkan lagi usaha mereka dalam memacu masa depan MSM yang divisikan. Bagi memupuk budaya prestasi di kalangan warga kerja, kami telah memperkenalkan sistem pengurusan prestasi di mana insentif-insentif menarik akan diberikan kepada warga kerja yang mencapai keputusan cemerlang.

Pada masa ini, MSM berada di kedudukan yang amat memberangsangkan. Dalam usaha ke destinasi yang telah ditetapkan, kesinambungan komitmen daripada warga kerja amat diperlukan. Kepada warga kerja yang dihormati, mesej saya adalah untuk kita bekerjasama bagi masa depan yang lebih cerah. Kepada pemegang-pemegang berkepentingan yang dihargai – terutamanya para rakan niaga, pelanggan-pelanggan dan pemegang saham – saya ucapkan terima kasih atas sokongan berterusan anda.

**DATO' SHEIKH AWAB SHEIKH ABOD**
Presiden/Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan



# 2014

**MSM TELAH MENGHASILKAN SEJUMLAH**

**986,115 tan**

produk gula bertapis

**64%**

bahagian pasaran malaysia
(setakat Disember 2014).

MSM Malaysia Holdings Berhad (MSM) telah diperbadankan pada 10 Mac 2011 dan adalah pengeluar gula terbesar di Malaysia. Ianya telah disenaraikan di dalam Pasaran Utama Bursa Malaysia Securities Berhad pada 28 Jun 2011 dan merupakan salah satu syarikat 60 terutama Bursa dengan modal pasaran sebanyak RM3.5 bilion (setakat 2014).

MSM mengendalikan perniagaan gula Felda Global Ventures Holdings Berhad (FGV). MSM mengeluarkan, memasarkan dan menjual produk-produk gula bertapis. Syarikat mengendalikan perniagaannya menerusi anak-anak syarikatnya, MSM Prai Berhad *(dahulunya dikenali sebagai Malayan Sugar Manufacturing Company Berhad)* dan MSM Perlis Sdn Bhd *(dahulunya dikenali sebagai Kilang Gula Felda Perlis Sdn Bhd)* yang telah ditubuhkan pada 1959 dan 1971. MSM juga mengendalikan syarikat logistiknya tersendiri, iaitu MSM Logistics Sdn Bhd *(dahulunya dikenali sebagai Astakonas Sdn Bhd).*

Menerusi anak-anak syarikatnya, MSM memiliki gabungan kapasiti pengeluaran sebanyak 1.1 juta tan produk-produk gula bertapis. Pada tahun 2014, MSM telah menghasilkan sejumlah 986,115 tan produk gula bertapis dan telah meningkatkan bahagian pasarannya kepada 64% (setakat Disember 2014).

# PROFIL KORPORAT

Kumpulan MSM menawarkan pelbagai produk-produk yang merangkumi gula putih bertapis pelbagai saiz ke gula perang lembut. Produk-produk ini dipasarkan dan dijual menerusi pelbagai pilihan pembungkusan di bawah jenama – Gula Prai. Kumpulan MSM juga menjual molases, iaitu sejenis produk sampingan yang terhasil daripada proses penapisan, kepada syarikat-syarikat penyuling dan pengeluar-pengeluar etanol, makanan haiwan dan yis, di antara produk-produk lain.

MSM menjual produk-produknya kepada pelbagai pelanggan di dalam Malaysia dan kepada negara-negara lain secara langsung dan tidak langsung menerusi peniaga, pemborong dan pengedar. Pelanggan-pelanggan kami termasuk syarikat-syarikat utama di dalam industri minuman dan gula-gula, hotel, restoran, kedai-kedai makanan dan pengguna isi rumah.

## MSM PRAI BERHAD

MSM Prai Berhad (MSM Prai) merupakan satu usahasama di antara Kuok Brothers Sdn Bhd, Mitsui & Co dan Nissin Sugar Manufacturing Company, yang ditubuhkan bagi mengurangkan pergantungan Malaysia kepada gula bertapis yang diimport.

MSM Prai mengendalikan kilang penapisan Prai di Pulau Pinang, pantai barat utara Semenanjung Malaysia. Kilang ini merupakan yang terbesar di Malaysia dengan kapasiti pengeluaran gula bertapis tahunan sebanyak 960,000 tan, mewakili hampir 86% daripada jumlah kapasiti pengeluaran Kumpulan MSM.

Kilang ini bertempat secara strategik berdekatan Pelabuhan Pulau Pinang dan memiliki jeti tersendirinya, ini memudahkan pemunggahan gula kasar daripada kapal-kapal untuk disimpan bagi penapisan.

“MSM PRAI MERUPAKAN SYARIKAT PENAPISAN GULA TERBESAR DI MALAYSIA DENGAN KAPASITI PENGELUARAN TAHUNAN SEBANYAK 960,000 TAN”



Landasan kereta api yang terletak di dalam MSM Prai menghubungkan MSM Prai kepada gudang-gudang di Sungai Buloh, Selangor dan Johor Bahru, Johor yang membolehkan produk-produk gula bertapis dihantar menerusi gerabak kereta api dengan kecekapan kos kepada pelanggan-pelanggan kami di rantauan tengah dan selatan Semenanjung Malaysia. Pengangkutan jalan raya digunakan untuk menyokong pergerakan landasan keretapi di antara gudang dan bagi penghantaran akhir ke premis-premis pelanggan kami.

Sebahagian daripada gula yang dihantar dari kilang penapisan Prai ke gudang di Sungai Buloh adalah dalam keadaan pukal, ini membolehkan pembungkusan dilakukan di dalam gudang. Kilang penapisan ini juga boleh menghantar gula pukal dengan menggunakan lori tangki kepada pelanggan yang lebih mengutamakan produk dihantar terus kepada silo penyimpanan mereka.

Bagi penghantaran ke Timur Malaysia dan luar negara, produk-produk gula dihantar menerusi kontena daripada kilang penapisan Prai ke Pelabuhan Terminal Kontena Butterworth Utara, Pulau Pinang, yang terletak berdekatan dengan kilang penapisan, dan dimuatkan ke dalam kapal-kapal. Kilang kami berupaya memuat dan menghantar sebanyak 30 unit kontena eksport seluas 20 kaki sehari.

## MSM PERLIS SDN BHD

MSM Perlis mengendalikan satu kilang penapis di Chuping, Perlis di bahagian barat utara Semenanjung Malaysia dengan kapasiti pengeluaran tahunan gula bertapis sebanyak 150,000 tan, mewakili hampir 14% daripada jumlah kapasiti Kumpulan MSM.

Pada masa kini, ke semua produk gula bertapis MSM Perlis dijual di pasaran tempatan, dan fokusnya dijangka akan tertumpu di Malaysia. Kami sedang merancang pengembangan kapasiti pengeluaran MSM Perlis kepada 200,000 tan setahun menerusi pemasangan peralatan tambahan seperti mesin emparan dan meningkatkan automasi proses pengeluaran.

MSM Perlis mempunyai kemudahan gudang dilokasinya, dan juga terminal kargo pukal di Prai, Pulau Pinang, dari mana produk-produknya diedarkan ke seluruh Malaysia menerusi jalan raya dan laut. Terdapat juga bilangan pelanggan yang mengambil sendiri produk-produk bertapis secara langsung daripada gudang yang terletak di MSM Perlis dan daripada terminal kargo pukal.




## BILANGAN TRAK MSM LOGISTICS

- **31** treler kargo 20 tan
- **2** lori tangki 10 tan
- **2** lori tangki 15 tan
- **5** lori tangki 20 tan
- **7** lori tangki 30 tan

## MSM LOGISTICS SDN BHD

MSM Logistics telah diperbadankan pada 23 November 1990 sebagai syarikat logistik milik penuh bagi memenuhi keperluan Kumpulan MSM bagi perkhidmatan penghantaran dan pengedaran yang mapan ke seluruh negara.

Bilangan 47 trak MSM Logistics merangkumi 31 trailer kargo (20 tan), dua tangki tegar 10 tan, dua lori tangki tegar 15 tan, lima lori tangki tegar 15 tan dan tujuh lori tangki tegar 30 tan. Ianya memainkan peranan utama dalam rangkaian pengedaran MSM dengan memastikan produk-produk sampai kepada pelanggan-pelanggan dalam keadaan yang baik serta menepati masa. Visi MSM Logistics adalah untuk memberikan perkhidmatan penghantaran yang berkesan kepada pelanggan-pelanggan MSM dan bagi mengekalkan tahap profesionalisma dan keutuhan yang tinggi.

**1959**

Penubuhan MSM Prai di Prai, Pulau Pinang

**1964**

MSM Prai memulakan operasi di Prai, Pulau Pinang

**1971**

Penubuhan MSM Perlis di Chuping, Perlis

**1973**

MSM Perlis memulakan operasi pengilangan dan penapisan di Chuping, Perlis

**1976**

MSM Prai memulakan sistem automasi dalam sektor pengeluaran

**1980**

MSM Perlis memulakan operasi penapisan gula kasar diimport

**1990**

MSM Perlis meningkatkan keupayaan penapisan kepada 41,000 tan setahun

# JEJAK KEMANISAN MSM

**1992**
Gudang MSM di Sungai Buloh memulakan operasi dengan kemudahan landasan keretapi dari MSM Prai

**2002**
Gudang MSM di Johor Bahru memulakan operasi dengan kemudahan landasan keretapi dari MSM Prai

**2007**
MSM Prai meningkatkan keupayaan penapisan kepada 800,000 tan setahun

**2010**
Keupayaan penapisan meningkat kepada 960,000 tan setahun di MSM Prai dan 150,000 tan setahun di MSM Perlis. Pemgambilalihan Kumpulan Felda dari Kumpulan PPB dalam MSM Prai dan MSM Perlis

**2011**
Pemerbadanan MSM Malaysia Holdings Berhad dan penyenaraian MSM di Pasaran Utama Bursa Malaysia

**2014**
MSM Prai Berhad menyambut Ulangtahun ke-50

# PERISTIWA



**05** FEB 2014

Kunjungan hormat ke kediaman Tuan Yang Terutama Pulau Pinang.



**24** MEI 2014

MSM Perlis telah menganjurkan Pertandingan Catur Terbuka Gula Perlis 2014 sempena Hari Keputeraan DYMM Raja Perlis yang ke-71 di Hotel Putra Palace.



**11** JUN 2014

Mesyuarat Agung Tahunan MSM Malaysia Holdings Berhad ke-3 telah diadakan di Menara Felda.



**15** JUN 2014

Kelab Sukan Kilang Gula telah menganjurkan acara MSM Perlis *Treasure Hunt* yang telah diadakan di sekitar negeri Perlis.




**08** JULAI 2014

Townhall Kumpulan FGV dan Majlis Berbuka Puasa di Hotel Ixora, Pulau Pinang.



**09** JULAI 2014

Majlis Berbuka Puasa Kumpulan Felda bersama Media.



**17** JULAI 2014

Program memasak Bubur Lambuk yang telah diadakan di kawasan kilang MSM Perlis.



**22** JULAI 2014

Penyerahan duit raya kepada kakitangan MSM Perlis.




**22-23** JULAI 2014

MSM sebagai salah satu penaja bagi Persidangan Gula Asia Pasifik Kingsman yang ke-5 di Bangkok, Thailand.

# PENTING




**20** OGOS 2014

Sambutan Hari Raya Aidilfitri Kumpulan MSM dan Majlis Perasmian Surau Al-Munawwarah di MSM Prai.




**28** OGOS 2014

Lawatan delegasi gula dari Thailand melawat ibu pejabat MSM di Menara Felda.



**31** OGOS 2014

MSM Perlis telah menyambut Hari Kebangsaan yang ke-57 di Padang Merdeka, Kangar.



**19** SEPT 2014

Kakitangan MSM Perlis telah menyertai pertandingan memancing.



**23** SEPT 2014

Taklimat hala tuju masa depan MSM Malaysia Holdings dan penyerahan Kad Perubatan kepada kakitangan di Menara Felda.



**02** OKT 2014

Sesi Ceramah dan Solat Hajat telah dianjurkan oleh MSM Perlis bagi kakitangan beragama Islam.

# PERISTIWA



**05** OKT 2014

Korban sempena Hari Raya Aidiladha di MSM Perlis.



**01** NOV 2014

Majlis Sambutan Ulangtahun ke-50 MSM telah diadakan di Grand Ballroom, Hotel Palace of the Golden Horses.



**10** NOV 2014

Penyerahan Kad Perubatan kepada kakitangan Bahagian Perladangan, MSM Perlis.



**12-13** NOV 2014

Taklimat dan latihan Petunjuk Prestasi Penting (KPI) di Menara Felda.



**12** DIS 2014

Lawatan Dato' Sri Hasan Malek ke MSM Prai.



DIS 2014 – JAN 2015

Kumpulan MSM menghulurkan bantuan kepada mangsa-mangsa banjir di Kedah, Perak, Pahang, Kelantan dan Terengganu.

# PENTING



MSM cuts margin prediction

Lower margins due to influx of lower-priced foreign sugar, primarily from Thailand

MSM Malaysia Holdings Bhd quarterly net profit

# MSM looking into new income channels

By Sharina Ahmad
sharina@mmail.com.my

KUALA LUMPUR — MSM Malaysia Holdings Bhd, Malaysia's largest sugar producer, will look into finding new streams of income to increase its revenues, with a focus on the strengthening the management of its supply chain, its CEO Datuk Sheikh Awab Sheikh Abod said.

He said that some of the new activities it is exploring include venturing into foreign markets via strategic acquisitions and

MSM's technical expertise in the sugar refining industry will be put to good use with the company tapping into the growing regional demand for sugar.

This, the CEO said, will be one of the company's focus, as it sees opportunities and potential in Indonesia and Indochina.

MSM has signed a memorandum of understanding (MoU) with Al Khaleej International to strengthen its investment in the hospitality sector abroad.

"The food and beverages industries will remain our

profit of RM359 million on the back of a RM2.2 billion revenue.

The group's shareholders will receive a final dividend of 14 sen per share, which amounts to RM98.4 million.

According to the company's latest annual report, both MSM's refineries in Seberang Prai and Perlis are increasing production capacity to 87 per cent and 95 per cent respectively, enabling MSM to raise annual production capacity from 1.1 million tonnes to 1.2 million tonnes by end-2014.

The company foresees

## AmanahRaya Trustees buys into MSM Holdings

KUALA LUMPUR: AmanahRaya Trustees Bhd has emerged as a substantial shareholder of MSM Holdings Bhd with a 5.01% stake, having acquired 35.24 million shares in the latter on Aug 13.

A filing with Bursa Malaysia showed that AmanahRaya Trustees acquired this block of shares through a direct transaction. However, the transacted price was not stated.

According to MSM's 2013 annual report, its top four shareholders as at April 17 are Felda Global Ventures Sugar Sdn Bhd with a 40.03% stake, Koperasi Permodalan Felda Malaysia Bhd (20%), Felda Global Ventures Holdings Bhd (10.97%), and the Employees Provident Fund board (6.03%). — *by Wei Lynn Tang*

MSM Malaysia Holdings Bhd

Fair value: RM5.49 BUY

Feb 27 2013 · Feb 26 2014 · Feb 26 4.96

## MSM sees costs down 38% with US$270m refinery

MSM's margins impacted by imports

MSM targets to triple sugar output by 2020

## MSM looks beyond refining

Company plans to go big into the international raw sugar trading business

## 50 years of sweet legacy

Nation's leading sugar producer celebrates golden jubilee

By CHI JING YEEN

IT WAS a sweet occasion at MSM Malaysia Holdings Berhad's 50th anniversary celebration at the Palace of the Golden Horses earlier this month.

The event, hosted by celebrity Sazzy Falak, was a celebration of MSM's heritage and legacy in the sugar industry.

Invited guests included Domestic Trade, Co-operatives and Consumerism Minister Datuk Seri Hasan Malek, who was the special guest of honour along with his wife Datin Seri Noraiee Mohd Yatih, Felda Group chairman Tan Sri Mohd Isa Abdul Samad, Kuok Khoon Hong, the nephew of MSM founder Robert Kuok, the high commissioners of Fiji, Indonesia, Pakistan and Singapore as well as ambassadors from Indonesia and South Korea.

MSM customers and partners from different parts of the world were also present.

Hasan said MSM was a national icon and had played a major role in Malaysia's post-independence development.

MSM president and group chief executive officer Datuk Sheikh Awab Sheikh Abod shared with guests the company's history.

"In 1959, Malayan Sugar Manufacturing Company Berhad (MSM) was incorporated with the mission to set up a sugar refinery in Malaysia. At that time, Malaysia was still dependent on imported sugar refined in Britain and Hong Kong.

"Three companies, the Malaysian partner was the Kuok Brothers Sdn Bhd while the two Japanese partners were Mitsui & Co and Nissin Sugar Manufacturing Company, participated as joint venture partners to form Malayan Sugar Manufacturing Company Bhd.

"A triangle logo was chosen to represent the tripartite partnership.

"An acquisition took place between Felda Global Ventures (FGV) and PPB Group, which resulted in the incorporation of MSM Malaysia Holdings Berhad in March 2011," he said.

For the financial year of 2013, MSM achieved a net profit of RM255mil — a recording-breaking result in the company's history and an improvement of 26% compared to 2012.

It is one of the top 60 companies listed on Bursa Malaysia with a market capitalisation of RM2.4bil.

On future plans, he said the company was gearing itself to be a global player.

"We are currently looking at a few mergers and acquisition globally, as well as setting up strategic alliances.

"We are in the process of setting up our third refinery with a two-million-tonne capacity that will make us the biggest in Asia on a stand-alone basis.

"We will also be opening our trading office in Dubai in January 2015," he said.

Awards were presented to long service employees, including Chuah Hoe Peng who has been working with the company for 50 years.

One of the highlights of the night was a performance by Datuk Sheila Majid who mesmerised guests with her powerful vocals.

KEY POINT

MSM would only be making concrete decisions on this matter by the first quarter of next year as it anticipates the price of raw sugar to drop sharply.


Malaysia to be Asia Pacific's Largest Sugar Hub in 2016
Malaysia's largest refined sugar manufacturer MSM Malaysia Holdings Bhd is in the midst of turning Malaysia into Asia Pacific's largest sugar hub.
MSM: Imported sugar hurting local businesses
Cheaper imported sugar awarded by govt to manufacturers 'undermining' MSM
50 SWEET GOLDEN YEARS
MSM's Q1 net profit jumps to RM56.3m
KUALA LUMPUR: MSM Malaysia Holdings Bhd's net profit rose 117 per cent quarter-on-quarter to RM56.3 million in the first quarter ended March 31 2014, from RM25.9 million in the preceding period.
Revenue during the quarter was RM498.2 million.
The board of directors has declared a final dividend payment of 14 sen per share for the financial year ended December 31 2013. This is subject to the shareholders' approval at the coming annual general meeting.
MSM group chief executive officer Datuk Sheikh Awab Abod said in a statement that the first-quarter results were achieved during trying times for the industry, given the influx of foreign sugar supply as well as water rationing.
"Nonetheless, with cost optimisation measures coupled with consistent volume of production output, we believe the results for the quarter under review places us in good stead for the remaining quarters for the financial year," Sheikh Awab said.
In a filing to Bursa Malaysia, the company said year-on-year, the lower sugar sales in the domestic and export markets had eased its net profit by nine per cent from RM61.96 million in the same quarter last year.
MSM's first-quarter revenue slipped 3.2 per cent from RM515 million a year ago.
MSM eyes joint ventures
MSM plans acquisition to boost sugar production
MSM ready to conquer the world
MSM 50th
GULA P1 PRAI
GULA P4 PRAI
MSM sees sweet 2015
UPBEAT MOOD: FGV unit expects record profit on back of favourable raw sugar prices
MSM in expansion talks with 4 firms
MSM 2Q net profit drops 15%, declares 10 sen per share dividend
MSM eyes M&A with a bigger partner
MSM'S SWEET SUCCESS
Sweet expansion plan
'MSM to seal Asian deals soon'
REGIONAL EXPANSION: Talks with two sugar firms likely to be concluded in Q1 next year

# MAKLUMAT
## KORPORAT

### LEMBAGA PENGARAH

**YB Tan Sri Haji Mohd Isa Dato' Haji Abdul Samad**
Pengerusi/Pengarah Bukan Eksekutif Bukan Bebas

**Dato' Zainal Haji Ismail**
Pengarah Bukan Eksekutif Bebas

**Dato' Hajjah Rosni Haji Zahari**
Pengarah Bukan Eksekutif Bebas

**YB Datuk Noor Ehsanuddin Mohd Harun Narrashid**
Pengarah Bukan Eksekutif Bebas

**Dato' Rosini Abd Samad**
Pengarah Bukan Eksekutif Bebas
*(Dilantik pada 7 Januari 2015)*

**Datuk Haji Faizoull Ahmad**
Pengarah Bukan Eksekutif Bukan Bebas

**Datuk Lim Thean Shiang**
Pengarah Bukan Eksekutif Bebas

**Dato' Mohd Emir Mavani Abdullah**
Pengarah Bukan Eksekutif Bukan Bebas

**Dato' Sheikh Awab Sheikh Abod**
Pengarah Eksekutif Bukan Bebas
*(Dilantik pada 20 Ogos 2014)*

**YM Raja Anuar Raja Abu Hassan**
Pengarah Bukan Eksekutif Bebas Kanan
*(Meletak Jawatan pada 10 Oktober 2014)*

**Dr. Suzana Idayu Wati Osman**
Pengarah Bukan Eksekutif Bukan Bebas
*(Meletak Jawatan pada 20 Ogos 2014)*

### PRESIDEN/KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF KUMPULAN

Dato' Sheikh Awab Sheikh Abod

### SETIAUSAHA SYARIKAT

**Koo Shuang Yen**
(MIA 7556)

**Abd Rashid Atan**
(MIA 18390)
*(Dilantik pada 11 Februari 2015)*

### PEJABAT BERDAFTAR

Aras 45, Menara Felda
Platinum Park
No. 11 Persiaran KLCC
50088 Kuala Lumpur
Malaysia
Tel : +603 2859 0000
Faks : +603 2859 0016

### JURUAUDIT

Messrs. PricewaterhouseCoopers
Chartered Accountants
Aras 10, 1 Sentral
Jalan Travers, Kuala Lumpur Sentral
50706 Kuala Lumpur
Malaysia
Tel : +603 2173 1188
Faks : +603 2173 1288
Laman web : www.pwc.com

### PENDAFTAR SAHAM

**Symphony Share Registrars Sdn Bhd**
Aras 6, Symphony House
Pusat Dagangan Dana 1
Jalan PJU 1A/46
47301 Petaling Jaya, Selangor
Malaysia
Talian Bantuan: +603-7849 0777
Faks : +603 7841 8151/8152

### PERHUBUNGAN PELABUR DAN PERTANYAAN

Aras 44, Menara Felda
Platinum Park
No.11 Persiaran KLCC
50088 Kuala Lumpur
Malaysia
Tel : +603 2181 5018
Faks : +603 2181 5015
www.msmsugar.com
info@msmsugar.com.my

### PENYENARAIAN PASARAN SAHAM

Pasaran Utama
Bursa Malaysia Sekuriti Berhad
Disenaraikan sejak 28 Jun 2011
Kod Stok: 5202


GULA
PRAI

# STRUKTUR
## KORPORAT




** Pada 1 April 2015*
*[1] Dahulunya dikenali sebagai Malayan Sugar Manufacturing Company Berhad*
*[2] Dahulunya dikenali sebagai Kilang Gula Felda Perlis Sdn Bhd*
*[3] Dahulunya dikenali sebagai Astakonas Sdn Bhd*

# STRUKTUR
## ORGANISASI



# MENGUKU



Bagi mengukuhkan lagi keupayaan eksport kami, stesen pengisian *flexi-bag* yang kedua telah pun dipasang di Prai. Kami merupakan satu-satunya pengeluar gula yang menggunakan sistem *flexi-bag* di Malaysia. Sistem ini mengurangkan kos bahan-bahan dan tenaga manusia yang berkait dengan kaedah-kaedah pembungkusan produk konvensional serta ianya lebih lancar dan mudah. Dengan permintaan *flexi-bag* yang semakin meningkat daripada pasaran luaran, kami berada dalam kedudukan yang kukuh bagi meningkatkan pertumbuhan jualan kami.

# HKAN

KEUPAYAAN

# ANUGERAH

# & PENGIKTIRAFAN 2014

SEJAK BEBERAPA TAHUN YANG LALU, MSM TELAH MEMPEROLEHI BEBERAPA PENSIJILAN UTAMA BAGI PRODUK DAN PROSES PEMBUATAN. WALAUPUN INI ADALAH PENGIKTIRAFAN PROFESIONAL YANG MEMPERAKUI KEUNGGULAN MUTU KERJA DAN PERKHIDMATAN KAMI, PENCAPAIAN INI SEMEMANGNYA ADALAH HASIL KERJA KERAS DAN DEDIKASI PARA PEKERJA KAMI SERTA FOKUS MEREKA YANG KUAT UNTUK MEMBERI NILAI DAN KUALITI KEPADA PELANGGAN KAMI

1




2




3




4



## 2015

1. Nama anugerah/pengiktirafan:
**THE BILLION RINGGIT CLUB 2014**

Dianugerahkan oleh:
**The Edge**

5 6 7



2014

2. Nama anugerah/pengiktirafan:
**THE BLUE RIBBON CERTIFICATE**

Dianugerahkan oleh:
**Malaysian Health Promotion Board (MySihat)**

3. Nama anugerah/pengiktirafan:
**BEST VIDEO – OSH PROMOTIONAL VIDEO**

Dianugerahkan oleh:
**Department of Occupational Safety & Health Pulau Pinang**

4. Nama anugerah/pengiktirafan:
**BEST DIRECTOR AWARD**

Dianugerahkan oleh:
**Department of Occupational Safety & Health Pulau Pinang**

5. Nama anugerah/pengiktirafan:
**SPECIAL AWARD**

Dianugerahkan oleh:
**MTT Group**

6. Nama anugerah/pengiktirafan:
**TOP TEN EXPORTERS AND IMPORTERS BY CONTAINER VOLUME**

Dianugerahkan oleh:
**Penang Port Sdn Bhd (PPSB)**

7. Nama anugerah/pengiktirafan:
**BEST VIDEO – 1ST PLACE**

Dianugerahkan oleh:
**Department of Occupational Safety & Health Pulau Pinang**

# ANUGERAH
## & PENGIKTIRAFAN 2014



















- **Pensijilan Analisis Bahaya dan Titik Kawalan Kritikal (HACCP) oleh Kementerian Kesihatan Malaysia**

- **Pensijilan Kosher oleh London Beth Din Certified Company**

- **Pensijilan HALAL oleh Jabatan Kemajuan Islam Mlaaysia (JAKIM)**

  Pensijilan bagi mengesahkan pematuhan kami terhadap proses pembuatan makanan yang ketat

- **Pensijilan Sistem Keselamatan Makanan 22000: 2010**

  Pensijilan oleh SGS Malaysia kerana mematuhi Sistem Pengurusan Keselamatan Makanan

- **ISO 9001: 2008**

  Pensijilan oleh SIRIM QAS dan *The International Certification Network* kerana mematuhi Sistem Pengurusan Kualiti dalam:

  - Pembelian gula mentah
  - Perkhidmatan pemasaran bagi jualan eksport dan domestik
  - Penerimaan dan penggudangan gula bertapis
  - Pembekalan gula bertapis kepada pelanggan
  - Pengeluar gula bertapis dan produk-produk berkaitan


SGS
Malayan Sugar Manufacturing Co. Bhd
FOOD SAFETY SYSTEM CERTIFICATION 22000:2010


CERTIFICATE


CERTIFICATE


IQNet
CERTIFICATE
KILANG GULA FELDA PERLIS SDN. BHD.
OCCUPATIONAL HEALTH AND SAFETY MANAGEMENT SYSTEM
MS 1722:2011


CERTIFICATE


CERTIFICATE

- **MS1722: 2011**

  Pensijilan oleh *The International Certification Network* kerana mematuhi Sistem Pengurusan Kesihatan dan Keselamatan Pekerjaan

- **OHSAS 18001: 2007**

  Pensijilan oleh SIRIM QAS kerana mematuhi Sistem Pengurusan Kesihatan dan Keselamatan Pekerjaan

# MODEL
## PERNIAGAAN KAMI

| APA YANG KAMI LAKUKAN | BAGAIMANA KAMI LAKUKAN |
| --- | --- |
| **SUMBER GULA MENTAH** | Mendapatkan sumber gula mentah secara konsisten dari pembekal berwibawa dengan kecemerlangan pengurusan bekalan. |
| **PENAPISAN GULA MENTAH** | Persekitaran kerja yang selamat dan penambahbaikan berterusan dalam barisan pengeluaran kami, dengan impak persekitaran yang minimal adalah fokus utama operasi kami. |
| **PENGURUSAN LOGISTIK** | Kami mengeluarkan produk-produk berkualiti tinggi kepada pelanggan-pelanggan kami dalam masa yang bertepatan, mengukuhkan hubungan baik dengan pelanggan dan memastikan pulangan kewangan yang teguh. |
| **PASARAN** | Kami adalah organisasi berorientasikan pelanggan yang memberi tumpuan dalam mengenal pasti dan memenuhi keperluan pelanggan-pelanggan sebaik mungkin serta secara kompetitif. |

# PRESTASI

Volum Belian Gula Mentah (Tan)
2012: 844,575
2013: **918,000**
2014: **1,168,730**

Volum Pengeluaran Gula Bertapis (Tan)
2012: 900,620
2013: **938,203**
2014: **986,115**

Volum Penghantaran Gula Bertapis (Tan)
2012: 245,402
2013: **274,687**
2014: **304,608**

Volum Jualan (Tan)
2012: 907,000
2013: **929,052**
2014: **989,290**

# BAGAIMANA KAMI MENJANA NILAI KEPADA PARA PEMEGANG SAHAM

**KEUNTUNGAN**

TK2012: RM202.03 juta
TK2013: RM254.68 juta
TK2014: **RM257.01 juta**

**DIVIDEN**

TK2012: RM133.57 juta
TK2013: RM168.72 juta
TK2014: **RM168.72 juta**

**HARGA SAHAM**

**RM5.20** (FEB 2015)

**PULANGAN DIVIDEN**

TK2012: 4.00%
TK2013: 4.80%
TK2014: **4.85%**

# STRATEGI
## PERNIAGAAN KAMI

### STRATEGI-STRATEGI UTAMA

**PERTUMBUHAN**

- Perkembangan perniagaan hiliran
- Pembinaan kapasiti
- Perkembangan jejak rantaian nilai
- Identiti korporat baru



**OPERASI**

- Penggunaan aset optimum
- Pembentukan minda berorientasikan pelanggan
- Mencapai kecemerlangan operasi



**INSAN**

- Memupuk Budaya Prestasi Tinggi



### INISIATIF-INISIATIF UTAMA 2015

**PERTUMBUHAN**

- Menubuhkan pejabat dagangan di Dubai
- Projek kilang penapisan di Johor
- Perkembangan perniagaan menerusi M&A

**OPERASI**

- Peningkatan operasi menerusi inisiatif penggantian aset
- Inisiatif pengurangan kos
- Pelaksanaan ERP

**INSAN**

- Pengenalan Sistem Pengurusan Prestasi
- Inisiatif pengharmonian Sumber Manusia bagi ke semua anak-anak syarikat di dalam Kumpulan MSM



MSM TETAP TERTUMPU TERHADAP PELAN PERKEMBANGAN GLOBAL DAN TEMPATANNYA WALAUPUN KERAJAAN SECARA BERPERINGKAT MEMBUKA PASARAN INDUSTRI GULA MALAYSIA. PEMBATALAN SUBSIDI GULA JUGA MEMBOLEHKAN PESAING-PESAING PASARAN MENGIMPORT GULA. SELAIN DARIPADA MASALAH PENYELUDUPAN GULA DARIPADA NEGARA-NEGARA JIRAN, INDUSTRI GULA JUGA AKAN BERDEPAN DENGAN LEBIH CABARAN APABILA KERAJAAN MALAYSIA MEMBERHENTIKAN AMALAN KONTRAK JANGKA PANJANG (LTC) BAGI PENJUALAN GULA KASAR.

Walaupun berhadapan dengan pelbagai cabaran yang tersebut di atas, MSM tetap menumpukan fokus pertumbuhan utamanya terhadap perkembangan sektor hiliran, meningkatkan keupayaan dan mewujudkan jejak rantaian nilai yang mantap. Penubuhan operasi dagangan Dubai akan mewujudkan perniagaan dagangan gula mentah kami tersendiri; sementara projek kilang penapisan di Johor akan meningkatkan pengeluaran gula bertapis ke 3.25 juta tan daripada pengeluaran semasa sebanyak 1.25 juta tan. Ini akan membantu MSM mendapatkan penguasaan pasaran tempatan yang lebih besar. Pasukan Penggabungan & Pemerolehan kami secara aktif mencari peluang-peluang pelaburan di mana perladangan tebu merupakan tumpuan utama MSM.

Pihak pengurusan MSM melaksanakan pelbagai langkah-langkah bagi mengurangkan kos pengeluaran. Inisiatif-inisiatif pengeluaran kos berikut telah dilaksanakan pada tahun 2014:

- Mengoptimumkan penggunaan aset menerusi peningkatan operasi seperti penggantian aset; dan
- Pelaksanaan ERP – teknologi terkini bagi meningkatkan keberkesanan bermula daripada rantaian mendapatkan sumber hingga pengeluaran; di dalam logistik dan pengedaran.

Dalam usaha pencapaian kecemerlangan operasi, kami telah melancarkan program kecemerlangan prestasi bagi kakitangan kami sebagai inisiatif dasar kami dalam membentuk minda berorientasikan pelanggan di antara ke semua pasukan-pasukan kami. Ini juga merupakan pendekatan sistematik bagi mewujudkan dan mengekalkan program-program yang cemerlang pada semua peringkat Kumpulan. Program-program kecemerlangan kakitangan tersebut telah dilancarkan pada tahun 2014:

- Sistem Pengurusan Prestasi Baru; dan
- Inisiatif Pengharmonian Sumber Insan.

# PERHUBUNGAN
## PELABUR

"SEBAGAI SEBUAH SYARIKAT YANG TERSENARAI AWAM, MSM MEMPUNYAI TANGGUNGJAWAB MENYAMPAIKAN MAKLUMAT MENGENAI SYARIKAT SERTA OPERASI, TADBIR URUS, PRESTASI KEWANGAN DAN PROSPEK MASA DEPANNYA. MAKLUMAT INI DITUJUKAN KEPADA PELBAGAI PARA PEMEGANG SAHAM, PARA PEMEGANG BERKEPENTINGAN DAN MASYARAKAT UMUM. MATLAMAT KAMI ADALAH UNTUK MEMBERIKAN MAKLUMAT YANG SAKSAMA DAN TEPAT MENGENAI SYARIKAT SUPAYA PARA PELABUR BOLEH MEMBUAT KEPUTUSAN PELABURAN YANG TERMAKLUM DAN PIHAK-PIHAK LAIN MEMPUNYAI KESEFAHAMAN YANG SAMA MENGENAI SYARIKAT DAN OBJEKTIFNYA"

### KOMITMEN KEPADA PARA PEMEGANG SAHAM

Bersandarkan matlamat kami untuk menjadi salah satu syarikat gula antarabangsa 10 terbaik menjelang tahun 2020, MSM tertumpu kepada penciptaan nilai bagi para pemegang saham kami. Sebagai lanjutan bukti komitmen kami, bagi tahun 2014, kami telah mengisytiharkan jumlah pembayaran dividen bersih yang terbayar dan dicadangkan sebanyak RM168.72 juta, mewakili 66% jumlah bayaran bersih kepada para pemegang saham kami, merangkumi:

- Dividen interim sebanyak 10 sen sesaham berjumlah RM70.30 juta, yang dibayar pada 19 September 2014; dan
- Dividen akhir dicadangkan sebanyak 14 sen sesaham berjumlah RM98.42 juta.

### PULANGAN KEPADA PARA PEMEGANG SAHAM




| | 2011 | 2012 | 2013 | 2014 |
|---|---|---|---|---|
| Dividen sesaham (sen)^^ | 19.00 | 19.00 | 24.00 | **24.00** |
| Harga saham (RM) | 4.88 | 4.75 | 5.00 | **4.95** |
| Hasil dividen (%) | 3.89 | 4.00 | 4.80 | **4.85** |

^ Dividen interim sebanyak 10 sen dan dividen akhir sebanyak 14 sen bagi tahun 2014.
^^ Dividen sesaham (kasar) merangkumi dividen interim dan akhir diisytiharkan dan dicadangkan bagi tahun kewangan yang ditetapkan.

## DASAR DIVIDEN

Syarikat kini menggunakan nisbah pembayaran dividen sebanyak sekurang-kurangnya 50 peratus daripada keuntungan selepas cukai Syarikat yang boleh diagihkan kepada para pemegang saham tidak termasuk pendapatan tidak berulang. Dasar dividen turut mengambil kira tahap tunai, penggearan, pulangan atas ekuiti dan pendapatan tersimpan, jangkaan prestasi kewangan, tahap unjuran perbelanjaan modal dan pelan pelaburan yang lain serta keperluan modal kerja, keadaan kewangan umum, obligasi kontrak dan faktor-faktor lain yang dianggap berkaitan oleh Lembaga Pengarah.

Sebagai sebuah syarikat pegangan pelaburan, pendapatan dan juga keupayaan Syarikat untuk membayar dividen adalah bergantung kepada dividen yang diterima daripada anak-anak syarikatnya, yang sebaliknya bergantung kepada keuntungan diagihkan anak-anak syarikat, keputusan operasi, keadaan kewangan, rancangan perbelanjaan modal dan faktor-faktor lain yang difikirkan berkaitan.

Walaupun dasar dividen menggambarkan pandangan Lembaga Pengarah pada masa ini terhadap kedudukan kewangan dan aliran tunai Kumpulan, namun dasar tersebut akan tetap dikaji semula dari masa ke semasa. Dalam mengesyorkan dividen, adalah menjadi dasar Lembaga Pengarah untuk membenarkan para pemegang saham mengambil bahagian dalam keuntungan Syarikat, serta untuk mengekalkan rizab yang mencukupi bagi pertumbuhan masa depan.

## PROFIL DEPOSIT TETAP MSM

MSM secara berterusan membuktikan dasar-dasar asasi yang kukuh dan lembaran imbangan yang mantap. Sehingga kini, kami tidak mempunyai hutang mata wang asing. Penarafan kredit yang diberikan oleh agensi tempatan dan antarabangsa adalah seperti berikut:

| | Kumpulan | |
|---|---|---|
| | 2014 RM'000 | 2013 RM'000 |
| AAA | **292,246** | 219,247 |
| A1 | **1,429** | 12,100 |
| A2 | **115,008** | 6,104 |
| AA2 | **15,360** | – |
| Lain-lain* | – | 4,982 |
| | **424,043** | 242,433 |

* Lain-lain merangkumi dana-dana yang dilaburkan di dalam institusi-institusi yang dikawal selia oleh Bank Negara Malaysia.

## PERHUBUNGAN PELABUR

### BAHAN-BAHAN KOMUNIKASI

Maklumat yang diterbitkan mengenai Syarikat berkemungkinan mempunyai kesan ketara ke atas:

- Harga pasaran dan nilai saham-saham Syarikat; dan
- Keputusan untuk membeli, menjual atau melanjutkan pemegangan saham-saham Syarikat yang dibuat oleh pemegang yang sedia ada, atau seseorang pihak yang mempertimbangkan pelaburan di dalam saham kami.

Materialiti mungkin sukar ditaksir setiap kali. Walau bagaimanapun, Syarikat akan memihak kepada penaksiran kemungkinan kesan ke atas maklumat harga Syarikat berbanding dengan yang berdasarkan pengiraan nisbah peratus.

### Pengumuman Keputusan Kewangan Suku Tahun

Laporan suku tahun keputusan kewangan interim akan diberikan kepada Bursa Malaysia pada hari kelulusan Lembaga Pengarah, di dalam format yang diperlukan oleh Bursa Malaysia. Sejurusnya satu salinan Laporan Suku Tahunan akan dipaparkan di laman sesawang Syarikat, dan berdasarkan permintaan, salinan emel akan dihantar kepada pihak yang berkaitan mengikut senarai emel Syarikat.

### Mesyuarat Agung Tahunan (AGM)

Mesyuarat Agung Tahunan (AGM) Ketiga telah diadakan pada 11 Jun 2014. AGM merupakan satu forum yang amat berguna bagi para pemegang saham individu. Syarikat yakin bahawa ianya akan memberi peluang kepada para pemegang saham untuk berkomunikasi dengan para Pengarah dan Pengurusan Kanan Syarikat serta memperolehi pemahaman penuh akan ke semua hal ehwal Syarikat.

### Portal Perhubungan Pelabur

Laman sesawang korporat MSM di www.msmsugar.com terus menjadi tumpuan dan sering menjana pertanyaan daripada pelawat-pelawat tempatan dan asing. Laman sesawang adalah saluran komunikasi dan rujukan yang baik di mana para pelawat boleh mendapatkan laporan tahunan dan suku tahun, keputusan kewangan, maklumat stok, laporan para penganalisis, keratan-keratan akhbar dan maklumat lain.

# PERHUBUNGAN
## PELABUR

### Laporan Tahunan

Laporan Tahunan diuruskan di dalam Syarikat sebagai satu projek khas, di mana Bahagian Komunikasi Korporat bertindak sebagai penyelaras bersama. Salinan Laporan Tahunan yang lengkap akan dihantarkan kepada ke semua para pemegang saham yang berdaftar dan mereka yang memaklumkan Syarikat bahawa mereka inginkan salinan laporan tahunan. Salinan elektronik akan disediakan di laman sesawang Syarikat.

### Taklimat Penganalisis

Kami telah melaksanakan empat taklimat secara langsung bagi para penganalisis dan pihak media semasa pengumuman keputusan kewangan suku tahun. Kami juga telah memastikan bahawa penyataan para penganalisis dihantarkan kepada pihak yang berkepentingan serta keratan-keratan akhbar dipaparkan semerta di laman sesawang Syarikat.

| Acara-acara Utama | Tarikh |
|---|---|
| Suku Keempat FY2013 | 20 Februari 2014 |
| Suku Pertama FY2014 | 22 Mei 2014 |
| Suku Kedua FY2014 | 21 Ogos 2014 |
| Suku Ketiga FY2014 | 19 November 2014 |

### Liputan Penyelidikan Ekuiti

1. Affin Hwang Investment Bank
2. Alliance DBS Research
3. AmResearch
4. CIMB
5. Maybank IB Research
6. MIDF Research
7. M&A Securities
8. RHB Research Institute

# PRESTASI
## SAHAM



# KALENDAR
## KEWANGAN

### 2014

**19 FEBRUARI 2014**

Pengumuman keputusan disatukan belum beraudit bagi Suku Tahun Keempat berakhir 31 Disember 2013.

**30 APRIL 2014**

Pengumuman Akaun Beraudit Tahunan bagi Tahun Kewangan berakhir 31 Disember 2013.

**20 MEI 2014**

Notis Mesyuarat Agung Tahunan Ketiga, Notis Kelayakan Dividen dan pengeluaran Laporan Tahunan.

**21 MEI 2014**

Pengumuman keputusan belum beraudit bagi Suku Tahun Pertama berakhir 31 Mac 2014.

**11 JUN 2014**

Mesyuarat Agung Tahunan Ketiga.

**20 OGOS 2014**

Pengumuman keputusan belum beraudit bagi Suku Tahun Kedua berakhir 30 Jun 2014.

**20 OGOS 2014**

Pembayaran dividen interim satu peringkat sebanyak 10.0 sen sesaham biasa bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2014.

**19 NOVEMBER 2014**

Pengumuman keputusan belum beraudit bagi Suku Tahun Ketiga berakhir 30 September 2014.

### 2015

**11 FEBRUARI 2015**

Pengumuman keputusan disatukan belum beraudit bagi Suku Tahun Keempat berakhir 31 Disember 2014.

**31 MAC 2015**

Pengumuman Akaun Beraudit Tahunan bagi Tahun Kewangan berakhir 31 Disember 2014.

**11 MEI 2015**

Notis Mesyuarat Agung Tahunan Keempat, Notis Kelayakan Dividen dan pengeluaran Laporan Tahunan.

**25 MEI 2015**

Pengumuman keputusan belum beraudit bagi Suku Tahun Pertama berakhir 31 Mac 2015.

**2 JUN 2015**

Mesyuarat Agung Tahunan Keempat.

# LEMBAGA PENGARAH

*Berdiri dari kiri ke kanan:*

1. Dato' Zainal Haji Ismail
2. Dato' Rosini Abd Samad
3. YB Datuk Noor Ehsanuddin Mohd Harun Narrashid
4. Dato' Hajjah Rosni Haji Zahari

5. Datuk Lim Thean Shiang
7. Dato' Mohd Emir Mavani Abdullah
6. Datuk Haji Faizoull Ahmad

*Duduk dari kiri ke kanan:*

1. YB Tan Sri Haji Mohd Isa Dato' Haji Abdul Samad
2. Dato' Sheikh Awab Sheikh Abod





# PROFIL
## PENGARAH

LEMBAGA BERTANGGUNGJAWAB BAGI HALATUJU STRATEGIK DAN KAWALAN MUKTAMAD SYARIKAT SELARAS DENGAN MEMORANDUM DAN TATAURUSAN PERTUBUHAN SYARIKAT DAN PIAGAM LEMBAGA



**YB TAN SRI HAJI MOHD ISA DATO' HAJI ABDUL SAMAD**
Pengerusi, Pengarah Bukan Eksekutif Bukan Bebas

**Umur:**
65

**Dilantik pada:**
25 Mac 2011

**Kelayakan:**
Ijazah Sarjana Muda Sastera, Universiti Malaya

**Kepakaran dan Pengalaman:**
YB Tan Sri Haji Mohd Isa Dato' Haji Abdul Samad memulakan kerjayanya dalam bidang politik pada tahun 1974 sebagai Timbalan Ketua Pemuda Pertubuhan Kebangsaan Melayu Bersatu (UMNO) Teluk Kemang. Beliau pernah menyandang jawatan Ketua Pemuda UMNO Teluk Kemang, Ketua UMNO Teluk Kemang (jawatan yang beliau pegang hingga kini), Ahli Dewan Undangan Negeri bagi Linggi dan ahli Jawatankuasa Eksekutif Negeri bagi Negeri Sembilan. Beliau pernah menyandang jawatan Ketua Menteri Negeri Sembilan, Menteri Wilayah Persekutuan dan Naib Presiden UMNO. Beliau kini menyandang jawatan Ahli Parlimen Jempol, Negeri Sembilan.

**Jawatankuasa Lembaga MSM:**
Tiada

**Lain-lain pelantikan:**
Pengerusi Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan (FELDA), Felda Global Ventures Holdings Berhad (FGV), Felda Holdings Bhd, Pengarah Negeri Sembilan Holdings Bhd dan beberapa syarikat dalam Kumpulan Syarikat FGV.

**Menghadiri Mesyuarat Lembaga sepanjang tahun 2014:**
Lima daripada Lima

**Percanggahan kepentingan dengan MSM:**
Tiada

**Hubungan kekeluargaan dengan mana-mana pengarah atau pemegang saham utama:**
Tiada

**Didakwa atas sebarang kesalahan dalam tempoh sepuluh tahun yang lalu:**
Tiada



**DATO' ZAINAL HAJI ISMAIL**
Pengarah Bukan Eksekutif Bebas

**Umur:**
71

**Dilantik pada:**
25 Mac 2011

**Kelayakan:**
- Ijazah Sarjana Muda dalam Sastera (Kepujian), Universiti Malaya
- Diploma Pentadbiran Awam, Universiti Malaya

**Kepakaran dan Pengalaman:**
Dato' Zainal Haji Ismail telah memulakan kerjayanya dengan Jabatan Perkhidmatan Awam sebagai Penolong Setiausaha. Beliau kemudian dilantik sebagai Pengarah Latihan dan Pembangunan Kerjaya Lembaga Kemajuan Pahang Tenggara (DARA). Beliau telah menghadiri Latihan Profesional di Universiti Hawaii dan kemudiannya Pemimpinan Masyarakat di East West Centre Hawaii. Pada tahun 1977, beliau berkhidmat dengan Jabatan Pembangunan Sarawak sebagai Pegawai Pembangunan Negeri dan dilantik sebagai Pengarah pertama bagi Jabatan Pembangunan Sarawak pada tahun 1984. Beliau turut dilantik sebagai Pengurus Besar Yayasan Pahang dan Pegawai Kewangan Negeri bagi Negeri Pahang.

**Jawatankuasa Lembaga MSM:**
- Jawatankuasa Pencalonan dan Imbuhan – Pengerusi
- Jawatankuasa Audit – Ahli
- Jawatankuasa Pelaburan – Ahli

**Lain-lain pelantikan:**
Lembaga pengarah di beberapa syarikat sendirian berhad di Malaysia.

**Menghadiri Mesyuarat Lembaga sepanjang tahun 2014:**
Lima daripada Lima

**Percanggahan kepentingan dengan MSM:**
Tiada

**Hubungan kekeluargaan dengan mana-mana pengarah atau pemegang saham utama:**
Tiada

**Didakwa atas sebarang kesalahan dalam tempoh sepuluh tahun yang lalu:**
Tiada

# PROFIL
## PENGARAH



**DATO' HAJJAH ROSNI HAJI ZAHARI**
Pengarah Bukan Eksekutif Bebas

**Umur:**
54

**Dilantik pada:**
25 Mac 2011

**Kelayakan:**
Ijazah Sarjana Muda Undang-undang, Universiti Teknologi MARA

**Kepakaran dan Pengalaman:**
Dato' Hajjah Rosni Haji Zahari memulakan kerjaya dalam bidang politik pada tahun 1982 dan menjadi Ahli Dewan Undangan Negeri Pahang pada tahun 1999. Beliau merupakan Ketua Pergerakan Wanita UMNO, Maran sejak tahun 1992 dan Ketua Pergerakan Wanita UMNO Negeri Pahang sejak tahun 2008. Beliau juga telah menjadi Ahli Jawatankuasa Eksekutif Pergerakan Wanita UMNO Malaysia sejak tahun 2004 dan kini merupakan Ketua Penerangan bagi Pergerakan Wanita UMNO Malaysia. Beliau memulakan kerjaya dalam bidang perundangan sebagai Peguambela & Peguamcara Mahkamah Tinggi Malaysia pada tahun 1990 dan juga sebagai Peguam Shariah di firma Tetuan, Rosni, Francis Tan & Co.

**Jawatankuasa Lembaga MSM:**
- Jawatankuasa Pencalonan dan Imbuhan – Ahli
- Jawatankuasa Audit – Ahli

**Lain-lain pelantikan:**
Menganggotai beberapa lembaga pengarah syarikat sendirian berhad di Malaysia.

**Menghadiri Mesyuarat Lembaga sepanjang tahun 2014:**
Lima daripada Lima

**Percanggahan kepentingan dengan MSM:**
Tiada

**Hubungan kekeluargaan dengan mana-mana pengarah atau pemegang saham utama:**
Tiada

**Didakwa atas sebarang kesalahan dalam tempoh sepuluh tahun yang lalu:**
Tiada



**YB DATUK NOOR EHSANUDDIN MOHD HARUN NARRASHID**
Pengarah Bukan Eksekutif Bebas

**Umur:**
51

**Dilantik pada:**
22 Ogos 2013

**Kelayakan:**
Ijazah Kejuruteraan Awam dan Mekanikal, Southern Illinois University, Carbondale, Amerika Syarikat

**Kepakaran dan Pengalaman:**
YB Datuk Noor Ehsanuddin Mohd Harun Narrashid memulakan kerjaya sebagai jurutera dan bekerja di beberapa syarikat swasta termasuk Milford Haven Automation Sdn Bhd dan Alfa Laval Sdn Bhd. Beliau pernah menyandang jawatan Pengarah di Behnmas (M) Sdn Bhd and Daya Reka Nusantara Development Sdn Bhd. Pada tahun 2008, beliau dilantik sebagai Pengarah Seranta (FELDA) di Jabatan Perdana Menteri dan meletak jawatan sebagai Pengarah Seranta (FELDA) pada 2013. Beliau kini menyandang jawatan Ahli Parlimen Kota Tinggi, Johor.

**Jawatankuasa Lembaga MSM:**
- Jawatankuasa Tadbir Urus & Pengurusan Risiko Lembaga Pengarah – Ahli

**Lain-lain pelantikan:**
Lembaga Pengarah FELDA, Felda Global Ventures Holding Berhad dan Encorp Berhad

**Menghadiri Mesyuarat Lembaga sepanjang tahun 2014:**
Lima daripada Lima

**Percanggahan kepentingan dengan MSM:**
Tiada

**Hubungan kekeluargaan dengan mana-mana pengarah atau pemegang saham utama:**
Tiada

**Didakwa atas sebarang kesalahan dalam tempoh sepuluh tahun yang lalu:**
Tiada



## DATUK LIM THEAN SHIANG
Pengarah Bukan Eksekutif Bebas

**Umur:**
43

**Dilantik pada:**
23 Ogos 2013

**Kelayakan:**
- Ijazah Sarjana Muda Pentadbiran Perniagaan, Universiti Utara Malaysia
- Ijazah Sarjana Muda Undang-Undang, University of London

**Kepakaran dan Pengalaman:**
Beliau memulakan kerjaya sebagai Eksekutif Pemasaran dengan TA Construction & Properties Sdn Bhd pada tahun 1994 dan pada tahun 1996 menyertai Wayteam Sdn Bhd sebagai Pengurus Pembangunan Perniagaan. Pada tahun 1997 beliau telah bertukar ke Ideal Palms Sdn Bhd sebagai Penasihat Peribadi kepada Pengerusi. Beliau kemudian menubuhkan perniagaan sendiri pada tahun 1999 dan dilantik sebagai Pengarah Glotel Sdn Bhd, Tripro Engineering Sdn Bhd, Focus Indera Sdn Bhd, Latimax Engineering Sdn Bhd dan El Medical Systems Sdn Bhd. Pada tahun 2004, beliau menyandang jawatan Pengarah WWE Holdings Bhd dan dari tahun 2008 hingga 2009, beliau dilantik sebagai Pengurus Besar Lembaga Pelabuhan Klang dan Pengerusi Eksekutif Zon Bebas Pelabuhan Klang.

**Jawatankuasa Lembaga MSM:**
- Jawatankuasa Pelaburan – Pengerusi
- Jawatankuasa Tadbir Urus & Pengurusan Risiko Lembaga Pengarah – Pengerusi

**Lain-lain pelantikan:**
Beliau adalah Pengarah Eksekutif dan Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan Daya Materials Berhad, sebuah Syarikat Awam Tersenarai di Bursa Malaysia.

**Menghadiri Mesyuarat Lembaga sepanjang tahun 2014:**
Lima daripada Lima

**Percanggahan kepentingan dengan MSM:**
Tiada

**Hubungan kekeluargaan dengan mana-mana pengarah atau pemegang saham utama:**
Tiada

**Didakwa atas sebarang kesalahan dalam tempoh sepuluh tahun yang lalu:**
Tiada



## DATO' ROSINI ABD SAMAD
Pengarah Bukan Eksekutif Bebas

**Umur:**
60

**Dilantik pada:**
7 Januari 2015

**Kelayakan:**
- Felow Kehormat CPA Australia
- Ahli Institut Akauntan Malaysia
- Sarjana Pentadbiran Perniagaan, University Cardiff, United Kingdom
- Sarjana Muda Ekonomi (Perakaunan) (Kepujian), University Malaya, Malaysia
- Diploma Lanjutan Perakaunan, University Malaya, Malaysia

**Kepakaran dan Pengalaman:**
Dato' Rosini mempunyai pengalaman beberapa dekad di dalam sektor perkhidmatan awam. Beliau juga pernah menyandang jawatan Timbalan Akauntan Negara (Korporat) di dalam Jabatan Akauntan Negara, Malaysia dari tahun 2010 hingga 2014 sebelum persaraannya. Beliau juga pernah berkhidmat sebagai calon Akauntan Negara di dalam Majlis Institut Akauntan Malaysia (MIA). Beliau juga bekas ahli Lembaga Pengarah Percetakan Nasional Malaysia Berhad (2007 – 2014) dan berkhidmat sebagai Pengerusi Jawatankuasa Audit, ahli Jawatankuasa Pencalonan dan Imbuhan, Jawatankuasa Tender dan Jawatankuasa Disiplin.

**Jawatankuasa Lembaga MSM:**
- Jawatankuasa Audit – Pengerusi

**Lain-lain pelantikan:**
Tiada

**Menghadiri Mesyuarat Lembaga sepanjang tahun 2014:**
Tiada

**Percanggahan kepentingan dengan MSM:**
Tiada

**Hubungan kekeluargaan dengan mana-mana pengarah atau pemegang saham utama:**
Tiada

**Didakwa atas sebarang kesalahan dalam tempoh sepuluh tahun yang lalu:**
Tiada

# PROFIL
## PENGARAH



**DATUK HAJI FAIZOULL AHMAD**
Pengarah Bukan Eksekutif Bukan Bebas

**Umur:**
55

**Dilantik pada:**
1 Mac 2013

**Kelayakan:**
Sarjana Pentadbiran Awam, Virginia Commonwealth University, USA

**Kepakaran dan Pengalaman:**
Datuk Haji Faizoull mempunyai pengalaman pekerjaan luas di FELDA semenjak tahun 1986, dan pernah menyandang pelbagai jawatan termasuk Pegawai Pentadbiran Jabatan Belanjawan dan Jabatan Sosial, Pengurus Besar Felda Wilayah Terengganu, Pengarah Jabatan Inovasi dan Pembangunan Generasi Baru FELDA, Timbalan Pengarah FELDA (Pembangunan Masyarakat) dan Pengarah Besar FELDA.

**Jawatankuasa Lembaga MSM:**
Tiada

**Lain-lain pelantikan:**
Lembaga Pengarah Felda Global Ventures Holdings Berhad (FGV) dan beberapa syarikat dalam Kumpulan Syarikat FGV.

**Menghadiri Mesyuarat Lembaga sepanjang tahun 2014:**
Empat daripada Lima

**Percanggahan kepentingan dengan MSM:**
Tiada

**Hubungan kekeluargaan dengan mana-mana pengarah atau pemegang saham utama:**
Tiada

**Didakwa atas sebarang kesalahan dalam tempoh sepuluh tahun yang lalu:**
Tiada



**DATO' MOHD EMIR MAVANI ABDULLAH**
Pengarah Bukan Eksekutif Bukan Bebas

**Umur:**
51

**Dilantik pada:**
1 Mac 2013

**Kelayakan:**
- Ijazah Kimia dari Universiti Kebangsaan Malaysia
- Ijazah Sarjana Pengurusan Kejuruteraan dari Warwick University, UK

**Kepakaran dan Pengalaman:**
Beliau pernah berkhidmat sebagai Penasihat Kanan kepada Program Pembangunan Bangsa-Bangsa Bersatu untuk pelbagai projek di Timur Tengah dan Afrika Utara dari tahun 1998 hingga 2004; Penyelaras Tadbir Urus Terbaik bagi Pertubuhan Kerjasama Ekonomi dan Pembangunan untuk rantau Arab dari tahun 2002 hingga 2004; Penasihat kepada Menteri Kewangan Emiriah Arab Bersatu dari tahun 2002 hingga 2007; dan Penasihat Strategik kepada Majlis Eksekutif di Abu Dhabi dari tahun 2008 hingga 2010. Sebelum memegang jawatan pada masa ini, beliau telah berkhidmat sebagai Pengarah yang bertanggungjawab ke atas Bidang Ekonomi Utama Nasional (NKEA), Unit Pengurusan dan Penyediaan Prestasi (PEMANDU) di Jabatan Perdana Menteri; Ketua Pegawai Eksekutif Perbadanan Sumber Petroleum Malaysia (MPRC) di Jabatan Perdana Menteri dan Pengarah di Perbadanan Tenaga Nuklear Malaysia (MNPC).

**Jawatankuasa Lembaga MSM:**
- Jawatankuasa Pelaburan – Ahli
- Jawatankuasa Tadbir Urus & Pengurusan Risiko Lembaga Pengarah – Ahli

**Lain-lain pelantikan:**
Presiden Kumpulan/Ketua Pegawai Eksekutif Felda Global Ventures Holdings Berhad (FGV) dan menganggotai Lembaga Pengarah di beberapa syarikat dalam Kumpulan Syarikat FGV. Beliau juga ahli Lembaga Pengarah FELDA.

**Menghadiri Mesyuarat Lembaga sepanjang tahun 2014:**
Lima daripada Lima

**Percanggahan kepentingan dengan MSM:**
Tiada

**Hubungan kekeluargaan dengan mana-mana pengarah atau pemegang saham utama:**
Tiada

**Didakwa atas sebarang kesalahan dalam tempoh sepuluh tahun yang lalu:**
Tiada



**DATO' SHEIKH AWAB SHEIKH ABOD**
Pengarah Eksekutif Bukan Bebas

**Umur:**
55

**Dilantik pada:**
20 Ogos 2014

**Kelayakan:**
Ijazah Sarjana Muda Sains, Oklahoma State University, Amerika Syarikat

**Kepakaran dan Pengalaman:**
Beliau memiliki lebih 25 tahun pengalaman dalam bidang perbankan komersial dan pelaburan. Dari tahun 2003 hingga 2004, beliau merupakan Pemangku CEO di Malaysian International Merchant Bank. Beliau juga menyandang jawatan Presiden & CEO Affin Investment Bank dari tahun 2005 hingga 2007 dan Pengerusi PECD Bhd dari tahun 2007 hingga 2010.

**Jawatankuasa Lembaga MSM:**
Tiada

**Lain-lain pelantikan:**
Presiden/Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan MSM, Pengarah Percetakan Nasional Malaysia Bhd dan Pengerusi Jawatankuasa Kewangan & Pelaburan syarikat tersebut. Pengerusi Axis Consultancy & Advisory Services, Lembaga Pengarah di beberapa syarikat dalam Kumpulan Syarikat FGV.

**Menghadiri Mesyuarat Lembaga sepanjang tahun 2014:**
Dua daripada Dua

**Percanggahan kepentingan dengan MSM:**
Tiada

**Hubungan kekeluargaan dengan mana-mana pengarah atau pemegang saham utama:**
Tiada

**Didakwa atas sebarang kesalahan dalam tempoh sepuluh tahun yang lalu:**
Tiada



# AHLI
## PENGURUSAN KANAN

*Berdiri, dari kiri ke kanan:*

1. Dato' Sheikh Awab Sheikh Abod
2. Raja Faridah Raja Ahmad
3. Mohamad Amri Sahari @ Khuzari
4. Ismail Abdullah
5. Ismail Samsu
6. Ha Charm Mun




delete
enter
return
shift
command
option

# PROFIL
## AHLI PENGURUSAN KANAN



**DATO' SHEIKH AWAB SHEIKH ABOD**
Presiden/Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan

**Warganegara:**
Malaysia

**Kelayakan:**
- Ijazah Sarjana Muda Sains – Oklahoma State University, Amerika Syarikat.

**Kemahiran dan pengalaman:**
- Penganalisa Kredit, Bank of America (1982-1984)
- Ketua Industri Kecil & Sederhana, Malaysian French Bank Berhad (1985-1992)
- Naib Presiden (Ketua Perbankan Runcit), Bank Utama (M) Berhad (1993-1995)
- Pengurus Besar, EON Bank Berhad (1996-2002)
- Pemangku Ketua Pegawai Eksekutif, Malaysian International Merchant Bank (2003-2004)
- Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif, Affin Investment Bank Berhad (2005-2007)
- Ketua Kluster Gula, Felda Global Ventures Holdings Berhad (FGV) (2015)

**Pengarah di MSM dan syarikat-syarikat berkaitan:**
- Pengarah, MSM Malaysia Holdings Berhad
- Beberapa syarikat-syarikat di dalam Syarikat-syarikat Kumpulan FGV



**MOHAMAD AMRI SAHARI @ KHUZARI**
Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif

**Warganegara**
Malaysia

**Kelayakan:**
- Ijazah Sarjana Muda Sains (Kejuruteraan Mekanikal) – South Dakota State University, Amerika Syarikat
- Ijazah Sarjana Perniagaan dan Pentadbiran (Pengurusan Strategik) – Universiti Teknologi Malaysia

**Kemahiran dan pengalaman:**
- Jurutera Kilang, Felda Palm Industries Sdn Bhd (1989)
- Pengurus Kilang, Hamparan Badai Oill Mill, Sabah (1996)
- Penolong Pengurus Besar, Felda Palm Industries Sdn Bhd (2004)
- Pengurus Besar, MSM Perlis Sdn Bhd (2004)
- Pengurus Besar Kanan, MSM Perlis Sdn Bhd (2008)
- Ketua Pegawai Eksekutif, MSM Perlis Sdn Bhd

**Pengarah di MSM dan syarikat-syarikat berkaitan:**
- Beberapa syarikat-syarikat di dalam Syarikat-syarikat Kumpulan FGV



**RAJA FARIDAH RAJA AHMAD**
Ketua Pegawai Kewangan

**Warganegara:**
Malaysia

**Kelayakan:**
- Ijazah Sarjana Muda Perakaunan dari University of East Anglia, UK
- Ahli Institut Akauntan Malaysia (MIA) dan Ahli Bersekutu bagi Chartered Institute of Management Accountants (CIMA)

**Kemahiran dan pengalaman:**
- Akauntan, FELDA (1991)
- Pengurus/Ketua Kewangan/Pengurus Kewangan Kanan, Felda Holding Bhd (FHB) (1993-2005)
- Pengurus Besar, Bahagian Perladangan Kumpulan FHB
- Penasihat, PwC Capital Sdn Bhd (jawatan sementara) (2008-2009)
- Pengarah Eksekutif Kewangan, Kumpulan FHB (2009-2011)

**Pengarah di MSM dan syarikat-syarikat berkaitan:**
Tiada



**ISMAIL ABDULLAH**
Pengurus Besar Kanan, Logistik

**Warganegara:**
Malaysia

**Kelayakan:**
- Diploma Sains Kepolisan, Universiti Kebangsaaan Malaysia

**Kemahiran dan pengalaman:**
- Inspektor Percubaan, Polis Diraja Malaysia (1970)
- Penolong Pesuruhjaya Kanan, Polis Diraja Malaysia (2006)

**Pengarah di MSM dan syarikat-syarikat berkaitan:**
Tiada

# PROFIL
## AHLI PENGURUSAN KANAN



**HA CHARM MUN**
Ketua Pegawai Eksekutif, MSM Prai Berhad

**Warganegara:**
Malaysia

**Kelayakan:**
- Sarjana Muda Sains (Kejuruteraan Mekanikal), University of Sussex, UK

**Kemahiran dan pengalaman:**
- Jurutera Mekanikal, MSM Prai Berhad (1982)
- Jurutera Kanan, Dupont Singapore (1992)
- Pengurus Penyelenggaraan, Idemitsu SM (Malaysia) Sdn Bhd (1999)
- Pengurus Besar, MSM Prai Berhad (2004-sehingga kini)

**Pengarah di MSM dan syarikat-syarikat berkaitan:**
Tiada



**ISMAIL SAMSU**
Ketua Pegawai Eksekutif, MSM Perlis Sdn Bhd

**Warganegara:**
Malaysia

**Kelayakan:**
- Sarjana Muda Sains Kejuruteraan Mekanikal dan Kejuruteraan Aeronautikal, University of Glasgow, Scotland
- Jurutera Stim Gred 1

**Kemahiran dan pengalaman:**
- Jurutera Mekanikal, Linatex Process Rubber Berhad (1988)
- Jurutera Mekanikal, Kedah Cement Sdn Bhd (1991)
- Jurutera Mekanikal, MSM Perlis Sdn Bhd (1994)
- Pengurus, Bahagian Kilang, MSM Perlis Sdn Bhd (2005)
- Pengurus Kanan, Bahagian Kilang, MSM Perlis Sdn Bhd (2008)
- Koordinator Teknikal, MSM Perlis Sdn Bhd
- Penolong Pengurus Besar, MSM Perlis Sdn Bhd (2014 – sehingga kini)

**Pengarah di MSM dan syarikat-syarikat berkaitan:**
Tiada



**KOO SHUANG YEN**
Setiausaha Syarikat

**Warganegara:**
Malaysia

**Kelayakan:**
- Ahli Chartered Institute of Management Accountants, United Kingdom
- Ahli Institut Akauntan Malaysia (MIA)

**Kemahiran dan pengalaman:**
- Setiausaha Syarikat dan Ketua Kewangan di beberapa syarikat sendirian berhad, termasuk FHB dan Kumpulan Syarikatnya (1991-2012)
- Naib Presiden, Kewangan Kumpulan, FGV (2013 – sehingga kini)
- Setiausaha Syarikat FGV dan Kumpulan Syarikatnya



**ABD RASHID ATAN**
Setiausaha Syarikat

**Warganegara:**
Malaysia

**Kelayakan:**
- Diploma Pengajian Perniagaan, Institut Teknologi MARA
- Ijazah Pentadbiran Perniagaan (Kewangan), Drake University, Iowa, USA
- Ijazah Sarjana Muda Perakaunan (Kepujian), Universiti Teknologi MARA
- Ahli Institut Akauntan Malaysia

**Kemahiran dan pengalaman:**
- Penolong Pegawai Penaksiran, Lembaga Hasil Dalam Negeri (1988-1995)
- Pengurus, HBM Management Sdn Bhd (1995-1997)
- Setiausaha Syarikat Kumpulan UDA Holdings Berhad (1997-2013)
- Setiausaha Syarikat subsidiari-subsidiari FGV

# MENGAUTO

PROSES PENGELUARAN KA

# OMASI
## AMI

Kami meningkatkan keupayaan pengeluaran kami secara berterusan dengan pengautomasian proses pengeluaran kami. Sistem yang berautomasi sepenuhnya akan membolehkan kami meningkatkan kelancaran pengedaran seterusnya membolehkan kami memenuhi permintaan yang semakin meningkat dan juga memaksimumkan output serta menghasilkan pengurangan kos yang setara.



# ULASAN
## KEWANGAN

TAHUN 2014 MERUPAKAN TAHUN YANG AMAT BAIK BAGI MSM, KAMI TELAH MENCATATKAN REKOD HASIL SEBANYAK RM2.28 BILION, DI MANA SEBANYAK 54% ATAU RM1.2 BILION TERHASIL DARIPADA PASARAN TEMPATAN; 32% ATAU RM735 JUTA TERHASIL DARIPADA SEKTOR INDUSTRI; DAN 14% ATAU RM322 JUTA TERHASIL DARIPADA AKTIVITI PENGEKSPORTAN. KAMI TELAH MENCATATKAN PENINGKATAN YANG KETARA DI DALAM JUALAN INDUSTRI DARIPADA RM494 JUTA DI DALAM TAHUN 2013 KEPADA RM735 JUTA DI DALAM TAHUN 2014.

Sejajar dengan peningkatan hasil, MSM juga telah mencatatkan rekod tertinggi volum jualan syarikat di dalam tahun 2014 iaitu sebanyak 989,290 tan. 454,610 tan (46%) terhasil daripada pasaran tempatan; 346,410 tan (35%) terhasil daripada sektor industri; dan 188,270 tan (19%) terhasil daripada aktiviti pengeksportan.

Penggunaan yang tinggi di dalam pasaran industri telah menghasilkan pertumbuhan di dalam jualan pada tahun 2014. Kami akan terus menyaksikan peningkatan permintaan di dalam segmen pasaran ini dalam tahun-tahun yang akan datang. Walaupun kami menjangkakan penyusutan yang sedikit di dalam sektor eksport jualan pada tahun 2014 berbanding tahun 2013, kami yakin pertumbuhan akan meningkat dalam tahun-tahun yang akan datang.

Tahap keuntungan MSM kekal meningkat semenjak tahun 2012 dengan catatan RM202.03 juta, RM254.68 juta pada tahun 2013 dan RM257.01 juta pada 2014. MSM telah mengisytiharkan dividen sebanyak RM70.30 juta pada tahun 2014. Pengeluaran gula global berusaha menyamai penggunaan gula sedunia. Dengan penubuhan pusat dagangan antarabangsa kami di Dubai pada tahun 2015, kami akan mencapai peningkatan di dalam eksport jualan di dalam tahun-tahun yang akan datang.

Dengan penubuhan kilang penapis di Johor pada tahun 2017, MSM sudah pasti akan meningkatkan penguasaan bahagian pasaran tempatan dan antarabangsa. MSM merancang meningkatkan pengeluaran gula bertapisnya kepada empat juta tan setahun menjelang tahun 2020 berbanding dengan pengeluaran 1.1 juta tan tahunan semasa. Langkah-langkah MSM yang mantap dan berperingkat akan menghasilkan peningkatan yang konsisten dalam lima tahun yang akan datang.

**HASIL**
**RM2.28 bilion**

**JUALAN INDUSTRI**
**RM735 juta**

**JUMLAH JUALAN**
**989,290 tan**

**TAHAP KEUNTUNGAN**
**RM257.01 juta**

**DIVIDEN INTERIM**
**RM70.30 juta**

# PRESTASI
## KEWANGAN SUKU TAHUN

## 2014

| | Suku Pertama RM'000 | Suku Kedua RM'000 | Suku Ketiga RM'000 | Suku Keempat RM'000 |
|---|---|---|---|---|
| Perolehan | **498,261** | **595,426** | **559,735** | **628,071** |
| Keuntungan daripada operasi | **68,718** | **101,690** | **60,895** | **103,824** |
| Keuntungan sebelum zakat dan cukai | **72,063** | **102,939** | **64,497** | **104,799** |
| Keuntungan milik pemegang ekuiti Syarikat | **56,332** | **77,755** | **47,962** | **74,964** |
| Pendapatan asas sesaham (sen) | **8.01** | **11.20** | **6.82** | **10.66** |
| Dividen satu peringkat sesaham (sen) | **–** | **10.00** | **–** | **14.00** |

## 2013

| | Suku Pertama RM'000 | Suku Kedua RM'000 | Suku Ketiga RM'000 | Suku Keempat RM'000 |
|---|---|---|---|---|
| Perolehan | 514,955 | 604,608 | 545,588 | 537,329 |
| Keuntungan daripada operasi | 79,939 | 120,933 | 95,382 | 52,528 |
| Keuntungan sebelum zakat dan cukai | 82,835 | 123,218 | 97,340 | 55,511 |
| Keuntungan milik pemegang ekuiti Syarikat | 61,958 | 92,578 | 74,204 | 25,936 |
| Pendapatan asas sesaham (sen) | 8.81 | 13.17 | 10.56 | 3.69 |
| Dividen satu peringkat sesaham (sen) | – | – | 10.00 | 14.00 |

# RINGKASAN
## 5 TAHUN KEWANGAN

| | 2014 RM`000 | 2013 RM`000 | 2012 RM`000 | 2011 RM`000 | 2010 RM`000 |
|---|---|---|---|---|---|
| Hasil | **2,281,493** | 2,202,480 | 2,301,319 | 2,299,554 | 2,168,598 |
| Kos Jualan | **(1,814,139)** | (1,765,592) | (1,927,133) | (1,845,576) | (1,746,054) |
| Keuntungan Kasar | **467,354** | 436,888 | 374,186 | 453,978 | 422,544 |
| Lain-lain Pendapatan Operasi | **12,165** | 11,270 | 3,498 | 742 | 805 |
| Lain-lain (Keuntungan)/Hasil-Bersih | **(4,345)** | 1,501 | 3,544 | (1,494) | (29,574) |
| Perbelanjaan Jualan Agihan | **(81,398)** | (57,886) | (53,608) | (54,312) | (49,279) |
| Perbelanjaan Pentadbiran | **(53,122)** | (42,738) | (43,529) | (38,421) | (33,693) |
| Perbelanjaan Operasi Lain | **(5,527)** | (252) | (3,254) | (355) | – |
| Keuntungan Daripada Operasi | **335,127** | 348,783 | 280,837 | 360,138 | 310,803 |
| Pendapatan Kewangan | **12,891** | 15,017 | 15,371 | 11,538 | 3,494 |
| Kos Kewangan | **(3,719)** | (4,895) | (11,049) | (12,303) | (8,565) |
| Keuntungan Sebelum Zakat dan Cukai | **344,299** | 358,905 | 285,159 | 359,373 | 305,732 |
| Zakat | **(4,500)** | (17,481) | (16,580) | – | – |
| Cukai | **(82,786)** | (86,747) | (66,551) | (95,557) | (72,866) |
| Keuntungan bagi Tahun Kewangan | **257,013** | 254,677 | 202,028 | 263,816 | 232,866 |

| NISBAH KEWANGAN | 2014 | 2013 | 2012 | 2011 | 2010 |
|---|---|---|---|---|---|
| Pulangan atas Ekuiti Pemegang Saham | **13.2%** | 13.7% | 11.6% | 15.7% | 16.9% |
| Pulangan atas Aset Keseluruhan | **10.2%** | 11.7% | 8.6% | 12.5% | 13.4% |
| Nisbah Hutang Ekuiti | **0.3** | 0.2 | 0.3 | 0.3 | 0.3 |
| Lindungan Dividen | **1.5** | 1.7 | 1.5 | 0.7 | 1.4 |




HASIL (RM`000)

# 2,281,493




KEUNTUNGAN KASAR (RM`000)

# 467,354




KEUNTUNGAN DARIPADA OPERASI (RM`000)

# 335,127




KEUNTUNGAN SEBELUM ZAKAT DAN CUKAI (RM`000)

# 344,299




KEUNTUNGAN BAGI TAHUN KEWANGAN (RM`000)

# 257,013

# RINGKASAN PENYATA
## KEDUDUKAN KEWANGAN

### JUMLAH ASET







| JENIS ASET | Jumlah RM'000 |
|---|---|
| Hartanah, loji dan peralatan | 473,975 |
| Lain-lain aset | 41,311 |
| Aset bukan ketara | 649,557 |
| Belum terima | 209,091 |
| Inventori | 674,270 |
| Tunai dan setara tunai | 469,999 |

| JENIS ASET | Jumlah RM'000 |
|---|---|
| Hartanah, loji dan peralatan | 445,158 |
| Lain-lain aset | 32,259 |
| Aset bukan ketara | 651,702 |
| Belum terima | 203,996 |
| Inventori | 570,862 |
| Tunai dan setara tunai | 267,154 |

# JUMLAH LIABILITI







- Modal saham
- Premium saham
- Lain-lain rizab
- Pendapatan tertahan
- Liabiliti cukai tertunda
- Pemiutang
- Pinjaman
- Liabiliti cukai semasa

- Modal saham
- Premium saham
- Lain-lain rizab
- Pendapatan tertahan
- Liabiliti cukai tertunda
- Pemiutang
- Pinjaman
- Liabiliti cukai semasa

| JENIS LIABILITI | Jumlah RM'000 |
|---|---|
| Modal saham | 351,490 |
| Premium saham | 366,765 |
| Lain-lain rizab | 694,307 |
| Pendapatan tertahan | 531,933 |
| Liabiliti cukai tertunda | 76,699 |
| Pemiutang | 242,470 |
| Pinjaman | 248,390 |
| Liabiliti cukai semasa | 6,149 |

| JENIS LIABILITI | Jumlah RM'000 |
|---|---|
| Modal saham | 351,490 |
| Premium saham | 366,765 |
| Lain-lain rizab | 694,307 |
| Pendapatan tertahan | 443,635 |
| Liabiliti cukai tertunda | 79,694 |
| Pemiutang | 201,338 |
| Pinjaman | 29,000 |
| Liabiliti cukai semasa | 4,902 |

# PENYATA
## NILAI TAMBAH

| | 2014 RM'000 | 2013 RM'000 |
|---|---|---|
| **NILAI TAMBAH** | | |
| Hasil | **2,281,493** | 2,202,480 |
| Pembelian barangan dan perkhidmatan | **(1,844,753)** | (1,765,824) |
| Nilai tambah oleh Kumpulan | **436,740** | 436,656 |
| Pendapatan operasi yang lain | **12,165** | 11,270 |
| Lain-lain (kerugian)/keuntungan – (bersih) | **(4,345)** | 1,501 |
| Pendapatan kewangan | **12,891** | 15,017 |
| Kos kewangan | **(3,719)** | (4,895) |
| **Nilai tambah yang boleh diagihkan** | **453,732** | 459,549 |
| **AGIHAN** | | |
| Kepada Kakitangan | | |
| Kos pekerjaan | **60,261** | 58,307 |
| Kepada Kerajaan/Agensi-agensi yang Diluluskan | | |
| Cukai dan Zakat | **87,286** | 104,228 |
| Kepada Para Pemegang Saham | | |
| Dividen | **168,715** | 147,626 |
| Simpanan untuk pelaburan semula dan pertumbuhan masa depan | | |
| Susut nilai dan pelunasan | **49,172** | 42,337 |
| Keuntungan terkumpul | **88,298** | 107,051 |
| **Jumlah agihan** | **453,732** | 459,549 |

# ANALISIS
## SEGMEN

### HASIL MSM 2014 (RM' JUTA)




- ASEAN
- Asia (kecuali ASEAN)
- Lain-lain
- Australasia
- Domestik
- Industri
- Molases

### HASIL MSM 2013 (RM' JUTA)




- ASEAN
- Asia (kecuali ASEAN)
- Lain-lain
- Australasia
- Domestik
- Industri
- Molases







PENGE

MSM

# EMBANGAN
## GLOBAL

Kami sedang merancangkan satu pelan pertumbuhan menerusi aktiviti-aktiviti penggabungan, pemerolehan dan usaha sama. Kami akan memanfaatkan kepakaran penapisan gula kami bagi mewujudkan kerjasama dengan syarikat-syarikat antarabangsa dan kami juga menerokai peluang-peluang pengembangan ke sektor hiliran menerusi pemerolehan atau usaha sama dengan pengeluar makanan tempatan dan antarabangsa.

# TINJAUAN

MSM MALAYSIA HOLDINGS BERHAD MERUPAKAN PEMBEKAL GULA BERTAPIS UTAMA PASARAN DI MALAYSIA DAN RANTAU ASIA PASIFIK SEJAK BEBERAPA DEKAD KEBELAKANGAN INI. KINI, MSM MEMBEKALKAN GULA BERTAPIS KEPADA 20 NEGARA MERENTASI RANTAU ASIA PASIFIK.

Tahun 2014 merupakan tahun yang luar biasa bagi MSM. Kami berhadapan dengan cabaran baru yang besar. Pembatalan subsidi gula oleh kerajaan Malaysia dalam tahun 2014 merupakan suatu halangan yang besar bagi industri gula di Malaysia. Keutamaan kami sepanjang tahun adalah untuk mengimbangkan kos dan harga bagi memacu pengeluaran dan prestasi kami. Semangat dan ketabahan kami telah menjadikan 2014 satu tahun yang 'manis' bagi MSM.

Dalam tahun 2014, MSM telah mencatatkan TIGA rekod bersejarah. Pertama sekali, rekod keuntungan sebanyak RM257 juta dengan perolehan sebanyak RM2.28 bilion telah dicatatkan. Kedua, rekod volum pengeluaran tinggi telah dicatatkan di mana kedua-dua kilang penapis kami telah menghasilkan 986,115 juta tan produk gula bertapis, mencatatkan peningkatan sebanyak 5% berbanding tahun 2013. Daripada jumlah ini, sebanyak 839,400 tan telah dihasilkan di Prai, dan baki 146,715 tan daripada Perlis. Ketiga, volum jualan tertinggi sebanyak 989,290 tan telah dicatatkan, iaitu satu lagi catatan bersejarah sebanyak 6.5% lebih tinggi daripada 929,052 tan yang dicapai pada tahun 2013. Sebanyak 81.1% daripada volum ini adalah milik pasaran Malaysia manakala 18.9% dieksport ke negara-negara seperti Korea Selatan, Singapura, Australia, New Zealand dan Pakistan.

Meskipun daya saingan pasaran tempatan yang semakin tinggi, MSM berjaya meningkatkan bahagian pasaran tempatan sebanyak 64% dalam tahun 2014 berbanding 57% dalam tahun 2013. Usaha-usaha berterusan Kumpulan telah membawa keputusan yang 'MANIS' bagi pemegang-pemegang saham kami.

Walaupun Kontrak Jangka Panjang (LTC) telah dihentikan, MSM masih berjaya mengekalkan bekalan gula mentah yang mampan. Pakar urusan bekalan MSM berpendapat ini adalah peluang yang baik bagi MSM mendapatkan bekalan gula mentah pada harga antarabangsa dan daripada pembekal-pembekal yang berwibawa. Ini juga membuka peluang Penggabungan dan Pemerolehan (M&A) bagi mewujudkan perniagaan gula hiliran baru; dan seterusnya meluaskan capaian MSM merentasi pasaran Asia Tenggara dan China, dan juga operasi MSM di dalam rantaian nilai gula.




GULA
PASIR KASAR
1kg

# ULASAN
## PERNIAGAAN

DALAM TAHUN 2014, DUA DARIPADA KILANG PENAPISAN KAMI – DI PRAI DAN PERLIS – TELAH MENCATATKAN REKOD PENGELUARAN PRODUK GULA BERTAPIS SEBANYAK 986,115 TAN IAITU PENINGKATAN SEBANYAK 5% BERBANDING TAHUN 2013. DARIPADA VOLUM INI, 839,400 TAN DIHASILKAN DI PRAI DAN BAKI 146,715 TAN DATANGNYA DARI PERLIS.

Kami mencapai jumlah jualan sebanyak 989,290 tan, satu lagi catatan bersejarah sebanyak 6.5% lebih tinggi daripada 929,052 tan yang dicapai pada tahun 2013. Sebanyak 81.1% daripada volum ini adalah milik pasaran Malaysia manakala 18.9% dieksport ke negara-negara seperti Korea Selatan, Singapura, Australia, New Zealand dan Pakistan. Meskipun daya saingan pasaran tempatan yang semakin tinggi, MSM berjaya meningkatkan bahagian pasaran tempatan kepada 64% dalam tahun 2014 berbanding 57% dalam tahun 2013.

Jumlah kapasiti pengeluaran kekal sama seperti tahun 2013, iaitu 3,600 tan gula cair sehari, di mana 3,000 tan sehari (tpd) dihasilkan di Prai manakala 600 tpd dihasilkan di Perlis.



### KILANG PENAPISAN PRAI

Di kilang penapisan Prai, langkah-langkah berterusan dilaksanakan bagi meningkatkan sistem dan proses bagi menambahbaik keberkesanan operasi merentasi rantai operasi bermula daripada pengeluaran, pembungkusan, penyimpanan hingga ke pengedaran.

#### PENGELUARAN

Satu peningkatan utama dari segi pengeluaran adalah penambahbaikan infrastruktur kuasa – dengan memasang pengubah dan peralatan suis – bagi meningkatkan keupayaan menerima tenaga elektrik daripada Tenaga Nasional Berhad (TNB) daripada 11kV kepada 33kV. Penambahbaikan ini telah lengkap pada Julai 2014, di mana proses pengeluaran tidak lagi dikekang oleh had kuasa. Ekoran peningkatan di dalam kemasukan voltan, kilang ini mempunyai bekalan kuasa yang mencukupi dan tekal bagi memastikan proses pengeluaran yang lebih mantap.

Dalam proses penambahbaikan pengeluaran, kami telah mengenalpasti kesesakan di dalam pengeluaran kami dan sedang dalam proses melaksanakan pemasangan peralatan yang baru atau dinaik taraf bagi menyelesaikan masalah ini. Keputusan daripada pelaksanaan ini akan pasti menjadi kenyataan pada tahun 2016.

Bagi bidang pengeluaran kritikal, peralatan tambahan dipasang untuk menyediakan lebihan. Ini membolehkan kesinambungan pengeluaran semasa penyelenggaraan berkala dijalankan, dan membolehkan kilang memenuhi peningkatan permintaan atau mengelak kehilangan kapasiti.

| Deskripsi | Tahun 2014 (tan metrik) | Tahun 2013 (tan metrik) |
|---|---|---|
| Gula kasar dicairkan | **870,567** | 863,183 |
| Gula bertapis dihasilkan | **839,400** | 828,522 |
| Gula bertapis dijual | **866,801** | 843,802 |
| Penjualan produk di dalam pembungkusan runcit | **255,157** | 252,637 |




## PENGEDARAN

Hampir setengah gula bertapis yang dihasilkan di Prai dihantar kepada depot kami di Sungai Buloh, Selangor bagi pengedaran untuk pelanggan-pelanggan di Lembah Klang. Penghantaran ke lokasi pelanggan dapat dibuat dalam masa yang singkat kerana inventori di simpan di Sungai Buloh. Di samping itu bungkusan pelbagai saiz, pilihan penghantaran tangki pukal juga disediakan.

Salah satu inisiatif yang sedang dilaksanakan oleh Syarikat adalah untuk mengagihkan aktiviti pembungkusan gula daripada Prai ke Sungai Buloh. Ini akan dicapai menerusi peningkatan kadar pemindahan pukal berbanding pemindahan bungkusan daripada Prai, dan menambahkan keupayaan pembungkusan di Sungai Buloh. Dengan melakukan pembungkusan di Sungai Buloh kami boleh bertindak dengan lebih responsif kepada permintaan dan keperluan para pelanggan kami di samping meningkatkan kawalan dan pengurusan inventori pada masa yang sama. Kami juga dapat mengurangkan kos pengendalian dengan membuat keseluruhan operasi lebih cekap.

Pemukalan mewakili hampir 240,778 tan pemindahan daripada Prai pada tahun 2014, mencatatkan peningkatan sebanyak 6.9% berbanding 225,229 tan pada tahun 2013.

Kami giat dalam usaha kami meningkatkan pasaran dan pelanggan asing yang ingin membeli gula yang dibekalkan menggunakan flexi-bag. Ini merupakan peluang berharga kepada kami untuk menambahkan jualan eksport dan berpaut dengan pengimport gula utama industri. Kaedah pembekalan ini membolehkan penambahan nilai bagi kami serta pembeli dengan memudahkan operasi pengendalian. Ianya mengurangkan kos dan usaha yang berkait dengan pembungkusan serta pemuatan dan pemunggahan gula ke dalam bekas.

Kami merupakan satu-satunya pengeluar gula di Malaysia yang menggunakan sistem flexi-bag. Berdasarkan permintaan bagi flexi-bag, terutamanya oleh pelanggan-pelanggan daripada Korea Selatan, Australia dan New Zealand yang telahpun memasang peralatan pemungggahan yang sesuai flexi-bag, kami juga telah memasang stesen pengisian flexi-bag yang kedua kami di Prai. Jumlah eksport menggunakan flexi-bag telah meningkat daripada 45,225 tan dalam tahun 2013 kepada 51,027 tan pada 2014.

| Deskripsi penghantaran gula pukal/aktiviti pemindahan | Tahun 2014 | Tahun 2013 |
|---|---|---|
| Kuantiti gula yang dihantar menggunakan flexi-bag pukal (bagi eksport) daripada Prai, tan | **51,027** | 45,225 |
| Kuantiti gula yang dihantar daripada Prai ke Sg Buloh secara pukal (BBS), tan | **240,778** | 225,229 |
| Kuantiti gula yang dihantar kepada pelanggan menggunakan lori tangki daripada Sg. Buloh, tan | **75,710** | 65,314 |

# ULASAN
## PERNIAGAAN

### PENSIJILAN

Pada tahun 2014, kilang penapisan Prai telah menerima pensijilan OHSAS 18001 dan MS 1722 kerana mematuhi Sistem Pengurusan Kesihatan dan Keselamatan Pekerjaan.

Semasa tahun kewangan, kilang Prai telah mencapai pematuhan penuh kepada piawaian amalan pekerjaan beretika yang ditetapkan oleh salah satu pelanggan utama kami, selepas tiga tahun berusaha terhadap matlamat ini. Salah satu langkah utama yang diambil oleh kilang kami untuk mencapai matlamat ini adalah pengubahan jadual shif yang digunakan bagi tugasan operasi kilang. Persetujuan berjaya dicapai selepas perbincangan mendalam di antara pihak Pengurusan dan Kesatuan Pekerja yang menghasilkan penyelesaian yang memuaskan bagi kedua-dua pihak. Kejayaan ini adalah sesuatu yang boleh dibanggakan kerana MSM diiktiraf sebagai sebuah syarikat yang patuh kepada penguatkuasaan hubungan pekerja beretika sepenuhnya.

## KILANG PENAPISAN PERLIS

Usaha-usaha penambahbaikan keberkesanan dilanjutkan di kilang penapisan Perlis pada tahun 2014.

Satu peristiwa yang utama adalah penukaran dandang biomass kepada dandang gas asli yang telah mewujudkan kestabilan tinggi dalam bekalan kuasa bagi proses penapisan gula. Penukaran ini telah dimulakan pada bulan Mac dan telah dilengkapkan pada bulan Jun. Di samping keberkesanan bekalan kuasa yang mengurangkan masa tidak bekerja, transformasi ini telah menghasilkan operasi yang lebih bersih dan penjimatan kos yang ketara.

Inisiatif-inisiatif bagi menambahbaik kualiti gula juga berlanjutan dengan matlamat utama untuk mencipta satu jenama bagi keluaran gula di Prai dan Perlis. Satu sistem baru akan dilaksanakan pada bulan Mei 2015, di mana proses penapisan yang menggunakan sulfur akan digantikan dengan penggunaan resin pertukaran ion yang selaras dengan piawaian GMP.

Dari segi pembungkusan, kami secara berperingkat akan mengautomasikan kilang kami dan menumpukan fokus terhadap bungkusan 1kg yang mempunyai permintaan yang lebih berbanding dengan bungkusan 50kg.

Gula bertapis yang dikeluarkan di Perlis disimpan di kilang penapisannya sendiri dan juga di kilang penapisan di Prai. Bagi meningkatkan kapasiti penyimpanan di Perlis, kami sedang membina satu gudang penyimpanan di dalam kawasan kilang dengan keupayaan 4,000 tan. Projek ini dijangka siap pada pertengahan tahun 2015.



# PROSPEK
## & TINJAUAN

TAHUN 2015 AKAN MEMBAWA CABARAN YANG BESAR BAGI MALAYSIA. PERTUMBUHAN DIJANGKA SEDERHANA PADA KADAR 5%, BERGANTUNG KEPADA NILAI PASARAN HARGA MINYAK MENTAH DAN PERGERAKAN RINGGIT BERBANDING DENGAN MATA WANG ASING RAKAN NIAGA DAGANGAN UTAMA. KADAR INFLASI AKAN DIPENGARUHI OLEH FAKTOR-FAKTOR LUARAN DAN DOMESTIK.

MSM yakin menguasai lebih banyak bahagian pasaran dengan siapnya kilang penapisan baru dan ketiga kami di Tanjung Langsat, Johor menjelang tahun 2017. Pembinaan kilang ini adalah sebahagian daripada usaha-usaha ketara kami dalam mengurangkan kos. MSM akan membelanjakan di antara US$270 juta hingga US$290 juta bagi pembinaan kilang ini, serta sebuah kompleks logistik dan terminal perkapalan di Johor. Pelaburan ini adalah sebahagian daripada pelan MSM untuk menjadi hab gula terbesar di Asia Pasifik.

Dengan siapnya kilang penapisan ini pada tahun 2017, keupayaan pengeluaran gula bertapis kami akan meningkat kepada 3.25 juta tan setahun.

MSM juga merancang beberapa Penggabungan dan Pemerolehan yang akan merentasi keseluruhan rantaian nilai industri gula. Strategi ini merangkumi usaha-usaha menerokai sumber-sumber perniagaan huluan gula yang mampan dengan mengkaji kelebihan pembelian ladang-ladang di Myanmar, Indonesia dan Brazil.

Di samping perladangan, MSM International Trading Center yang diperbadankan di Dubai pada tahun 2015, untuk menambahbaik perniagaan dagangan gula mentah kami. Sebagai sebahagian daripada usaha kecemerlangan operasi kami, MSM juga mempertimbangkan pemilikan kapal carter kami tersendiri, bagi mengurangkan lagi kos pengeluaran kami dengan ketara.

Kemasukan kami ke dalam sektor dagangan gula mentah antarabangsa akan membolehkan kami mempunyai kawalan yang lebih baik ke atas keseluruhan rantaian nilai perniagaan gula.

Di samping memberi nilai kepada para pemegang saham kami, misi MSM untuk membekalkan gula berkualiti premium kepada masyarakat Malaysia akan diutarakan sementara Syarikat mengatur strategi bagi mencapai visinya iaitu; Untuk Menjadi Salah Satu daripada Syarikat Gula 10 Terbaik Dunia menjelang tahun 2020.



# KAJIAN
## MODAL INSAN

DI MSM, KAMI MENYEDIAKAN TENAGA KERJA KAMI DENGAN PERSEKITARAN KERJA YANG PALING KONDUSIF BAGI MEMBOLEHKAN MEREKA MEREALISASIKAN POTENSI TERTINGGI MEREKA DAN MEMBERIKAN MEREKA GANJARAN YANG BERDAYA SAING PASARAN SERTA MANFAAT-MANFAAT LAIN.

Seiring dengan usaha-usaha transformasi kami dalam membentuk sebuah Kumpulan yang bersepadu, kami telah memulakan satu proses penyelarasan polisi-polisi sumber manusia dengan membentuk rangka kerja yang setara di semua operasi perniagaan kami bagi tahun 2014. Kumpulan, baru-baru ini telah memulakan inisiatif-inisiatif bagi menyelaraskan polisi-polisi sumber manusianya bagi keseluruhan Kumpulan di mana semua kakitangan Kumpulan tertakluk kepada terma dan syarat serta menikmati ganjaran yang sama, dan dinilai oleh Sistem Pengurusan Prestasi yang sama. Usaha-usaha ini telah mewujudkan kesetaraan yang lebih tinggi dan telah memperkukuhkan rasa kekitaan dengan Kumpulan. Bersama penstrukturan semula ini, manfaat-manfaat tertentu juga telah dipertingkatkan. Sebagai contoh, di bawah skim insurans perubatan semasa, para kakitangan mempunyai perlindungan kesihatan dan faedah-faedah perubatan yang baik berbanding dengan sebelumnya.

### GANJARAN PEKERJA

Dalam usaha menyelaraskan manfaat-manfaat para pekerja merentasi Kumpulan, satu kajian tanda aras telah dilaksanakan bagi menentukan manfaat-manfaat yang disediakan oleh syarikat-syarikat individu dan setelah menjalankan kajian yang menyeluruh, gred kerja telah diperkemaskan dan julat penggajian telah diwujudkan. Syarikat juga telah memulakan satu kajian tanda aras perbandingan gaji luaran pada akhir tahun 2014, sebagai langkah pertama dalam menentukan daya saingan industrinya. Kajian ini telah dilakukan oleh perunding luaran bagi memastikan objektiviti secara keseluruhan.

Susulan daripada pembentukan struktur manfaat-manfaat yang diselaraskan, sebuah buku panduan bagi kakitangan eksekutif telah dikaji dan dilancarkan pada Disember 2014 menerusi sesi komunikasi kakitangan. Ini membolehkan para pekerja mengkaji kelayakan pampasan dan manfaat yang berbeza mengikut tahap jawatan, dan ini akan seterusnya memotivasikan para pekerja agar sentiasa berusaha untuk meningkatkan tahap jawatan mereka supaya mereka boleh menikmati ganjaran-ganjaran yang lebih menarik.

### PENGURUSAN PRESTASI

Sebagai sebahagian daripada penstrukturan semula rangka kerja sumber manusia dan seiring dengan penyelarasan manfaat-manfaat merentasi Kumpulan, MSM juga telah memperkemaskan Sistem Pengurusan Prestasi bagi semua eksekutif dan pengurus. Semua eksekutif telah diberi taklimat dan latihan mengenai perubahan ini. Mereka telah diberi pengenalan kepada sistem ini dan juga kaedah-kaedahnya bagi memudahkan pelaksanaan Sistem Pengurusan Prestasi tersebut. Di bawah sistem baru ini, para pekerja akan menerima ganjaran dan bonus berdasarkan prestasi individu sepanjang tahun yang akan dinilai pada hujung tahun.

### LATIHAN DAN PEMBANGUNAN PEKERJA

Semua pekerja akan diberikan latihan dan pembangunan profesional yang berterusan bagi memberikan mereka pengetahuan dan kepakaran yang sewajarnya bagi prestasi optimum. Syarikat telah memperbadankan pencapaian sekurang-kurangnya 8 jam latihan setahun ke dalam semua Petunjuk Prestasi Utama (KPI) pekerja eksekutifnya. Latihan yang diberikan kepada para pekerja bergantung kepada keperluan individu serta ditetapkan oleh Analisa Keperluan Latihan yang dilaksanakan pada tahap jabatan dan Kumpulan, dan dibentuk untuk menggalas jurang prestasi dalam pencapaian objektif jabatan dan Kumpulan. Pelan pembangunan bagi pekerja merangkumi:

- Latihan Mandatori – keperluannya dikenalpasti pada tahap Kumpulan
- Kepakaran teknikal – keperluannya dikenalpasti oleh setiap syarikat beroperasi. Jurang didekatkan menerusi latihan tugasan harian (OJT), serta program latihan lain bagi memenuhi keperluan pensijilan proses (termasuk audit ISO, vendor dan pembekal dan kawal selia)
- Kepakaran kepimpinan – bagi menggalas pembangunan kepimpinan pada pelbagai tahap; dimulakan pada tahap Kumpulan




Pada tahun 2014, kilang-kilang penapisan kami melaksanakan inisiatif-inisiatif latihan secara berterusan bagi memenuhi keperluan operasinya.

Di MSM Prai, 58% daripada pekerjanya telah menjalani latihan sama ada di dalam Amalan Terbaik Pengurusan (GMP), Keselamatan, Kepimpinan-Q4X, Kepimpinan Eksekutif bagi kepakaran Penyeliaan, atau di bidang teknikal yang merangkumi bekerja di ruang sempit atau tempat tinggi, dan juga latihan bagi memenuhi keperluan ISO 18001 dan FSSC 22000. Sebanyak 5,000 jam latihan telah dikendalikan bagi kilang tersebut. MSM Prai juga memastikan penilaian latihan dalam selaras dengan audit pensijilan seperti Tahap 1, 2 dan 3 Kirkpatrick, yang merangkumi penilaian program-program tersebut oleh para pekerja apabila tamatnya sesi latihan. Kemudiannya, Ketua Jabatan ditugaskan menaraf keberkesanan latihan-latihan yang dilaksanakan selaras dengan peningkatan prestasi.

Sejumlah 80% telah dituntut menerusi Dana Pembangunan Sumber Manusia (HRDF) yang diperuntukan oleh Kementerian Sumber Manusia bagi tahun semasa.

Di MSM Perlis pula, kebanyakan daripada latihan tertumpu pada keselamatan pekerja. Satu Kempen Kemalangan Pekerjaan Sifar telah dilaksanakan sepanjang tahun, di mana mesej-mesej keselamatan diperkukuhkan di dalam jabatan-jabatan, di mana jabatan yang mencatatkan kemalangan pekerjaan yang paling rendah akan diberi ganjaran semasa Kempen Minggu Keselamatan, yang akan dijangka berlangsung pada Jun 2015. Bersempena dengan kempen tersebut, dua sesi keselamatan menunggang motorsikal - Kursus Keselamatan Pekerja Bermotorsikal – telah diadakan pada 4-5 Disember dan 8-9 Disember 2014. Latihan-latihan ini telah dilaksanakan dengan usahasama Institut Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Negara (NIOSH) bagi mengurangkan kemalangan jalanraya.

MSM Perlis juga terbabit di dalam Program Mentor-Mentee yang telah dimulakan oleh Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (DOSH) Perlis. MSM Perlis dengan sukarela untuk menjadi mentor bagi Hup Huat Engineering.

# TANGGUNGJAWAB
## SOSIAL KORPORAT

**MSM PERCAYA SEPENUHNYA BAHAWA SETIAP SYARIKAT BERTANGGUNGJAWAB DALAM MENYUMBANG SEMULA KEPADA KOMUNITI YANG MENYOKONG OPERASINYA. TANGGUNGJAWAB INI TERMASUKLAH MENGAMBIL BERAT TENTANG PARA PEKERJA, PELANGGAN, PEMBEKAL DAN RAKAN KONGSI KAMI SERTA MENEGAKKAN TAHAP INTEGRITI TERTINGGI DALAM HUBUNGAN KAMI DENGAN PARA PEMEGANG SAHAM DAN PELABUR-PELABUR. TINDAKAN DAN AMALAN YANG BERTANGGUNGJAWAB BUKAN SAHAJA MEMBENTUK STRUKTUR KORPORAT KAMI, MALAH IANYA MENGUKUHKAN REPUTASI PASARAN, MEMANTAPKAN HUBUNGAN PERNIAGAAN SERTA MENYUMBANG TERHADAP KEMAMPANAN PERNIAGAAN KAMI.**

Lebih daripada jaminan beretika kepada para pemegang berkepentingan, kami mengakui kepentingan isu-isu perubahan iklim, justeru memainkan peranan kami dalam mengurangkan pelepasan gas karbon serta mengurangkan sisa bagi melindungi sumber asli negara dan melindungi alam persekitaran bagi generasi kini dan masa depan.

Halaman-halaman seterusya menggariskan inisiatif-inisiatif Tanggungjawab Korporat kami, yang telah dikategorikan kepada empat bidang luas iaitu Komuniti, Tempat Kerja, Pasaran dan Alam Sekitar, selaras dengan amalan terbaik global.

### KOMUNITI

Sebagai sebuah organisasi yang bertanggungjawab, MSM sentiasa menitikberatkan kebajikan dan kesejahteraan komuniti yang tinggal di persekitaran kawasan operasi kami. Ini termasuk komuniti tempatan di sekitar kilang-kilang kami di Prai dan Chuping, dan juga di sekitar gudang kami di Sungai Buloh. Kami juga menyokong usaha-usaha tanggungjawab korporat syarikat induk kami, iaitu FGV, dalam menyumbang kepada komuniti Felda dan juga komuniti lain yang berada di sekitar kawasan ini. Seiring dengan usaha-usaha ini, kami telah menyumbang kepada dana Derma Banjir Felda pada tahun 2014 bagi menghulurkan bantuan kepada mangsa-mangsa banjir.



Kami mempunyai tradisi menyumbang terhadap penambahbaikan infrastruktur komuniti tempatan, seperti membina jalanraya, menyediakan kemudahan dan membina sekolah-sekolah. Kami juga memberikan bantuan dana bagi menyokong pembangunan pendidikan kanak-kanak tempatan, dan menjaga keperluan kesihatan kanak-kanak serta orang dewasa. Semasa musim perayaan, terutamanya di bulan Ramadhan, kami meningkatkan lagi usaha kami bagi menunjukkan yang kami benar-benar prihatin terhadap mereka yang kurang bernasib baik dengan meluangkan masa bersama dan memberi sokongan dalam pelbagai cara.

Pada tahun di dalam kajian, kami telah bekerjasama dengan Masjid Batu Bertangkup di Perlis bagi menganjurkan satu majlis iftar di mana kami telah menghulurkan sumbangan kepada warga emas, golongan fakir dan miskin, anak-anak yatim dan mualaf. Kami juga telah menganjurkan acara memasak Bubur Lambuk secara besar-besaran, di mana juadah tersebut telah diagihkan kepada anggota polis, bomba serta pelbagai rumah warga emas dan anak-anak yatim. Bagi sambutan Hari Raya Aidilfitri pula, kami telah mengadakan Majlis Rumah Terbuka MSM bagi para kakitangan dan ahli keluarga mereka serta para tetamu jemputan daripada jabatan kerajaan dan sektor swasta di sekitar Prai.

MSM menyumbangkan zakat perniagaan kepada pusat-pusat pungutan zakat di ketiga-tiga negeri operasi kami, iaitu Pulau Pinang, Perlis dan Wilayah Persekutuan. Dana-dana ini kemudiannya disalurkan oleh pihak-pihak yang berkenaan kepada para muslimin yang kurang bernasib baik. Pada tahun 2014, kami telah membayar zakat berjumlah RM4.5 juta kepada tiga negeri. Dalam mempromosikan aktiviti keagamaan, kami telah membina Surau Al-Munawwarah untuk dikunjungi oleh kakitangan kilang penapisan kami di Prai dan juga komuniti tempatan. Majlis pecah tanah surau yang boleh memuatkan seramai 150 jemaah telah diadakan pada 18 Mac 2013, dan surau tersebut telah siap dibina pada 19 Mac 2014.

Di samping program-program khidmat masyarakat kami, para sukarelawan daripada MSM telah memulihara Taman Tunku, iaitu sebuah taman rekreasi yang terkenal di Pulau Pinang sejak tahun 2013. Semenjak tahun 1973, kami telah menyumbang kepada penyelidikan saintifik dan pembangunan negara melalui dana endowmen.

## TAMAN TUNKU

Pada 2013, MSM Prai telah "mengambil alih" pemuliharaan Taman Tunku dan semenjak itu, telah bekerjasama dengan Majlis Perbandaran bagi memulihara taman tersebut yang merupakan salah satu taman rekreasi terbaik dan terkenal di Butterworth. Taman Tunku terletak di kawasan perbandaran Seberang Jaya dan mempunyai keluasan 15-ekar. Taman Tunku mempunyai trek joging sepanjang 300 meter, yang sentiasa dikunjungi oleh mereka yang mementingkan kesihatan, kanak-kanak dan warga emas. Kakitangan MSM Prai ditugaskan untuk kerja



penyelenggaraan tertentu seperti memotong rumput ataupun membersihkan kemudahan-kemudahan awam setiap dua minggu. Di samping itu, MSM Prai juga menyediakan tong-tong sampah di sekitar Taman Tunku.

## MEMBANTU PEMBANGUNAN EKONOMI DAN SOSIAL DI PERLIS

MSM adalah salah satu majikan terbesar di Negeri Perlis, di mana kami mempunyai 612 kakitangan, yang mana 391 orang bekerja di kilang penapisan dan 221 orang di bahagian peladangan kami. Di samping menyediakan sumber pendapatan tetap kepada mereka, kami juga menyediakan kemudahan perumahan lengkap dengan bekalan air dan tenaga elektrik. Kemudahan perkhidmatan bas disediakan bagi membawa anak-anak mereka berulang alik dari sekolah, sementara kakitangan kami serta ahli keluarga mereka juga diberikan perkhidmatan pengangkutan secara percuma sekali setiap minggu bagi menunaikan sembahyang Jumaat di masjid terdekat. Dalam usaha kami menjaga kesihatan kakitangan kami, mereka beserta tanggungan mereka boleh menjalani rawatan percuma di klinik yang tersedia di kawasan premis kilang kami.

Sebagai sumbangan kepada komuniti tempatan Chuping, MSM Perlis menganjurkan satu kempen menderma darah secara tahunan bagi tabung darah tempatan. Pada bulan Jun 2014, dengan kerjasama Hospital Tunku Fauziah di Kangar, program ini telah diadakan di kilang penapisan kami di Perlis. Seramai 25 orang kakitangan kami hadir bagi menderma darah. Satu lagi acara tahunan adalah Pertandingan Catur Terbuka Gula Perlis, yang dianjurkan sempena Hari Keputeraan Duli Yang Maha Mulia Raja Perlis. Yuran kemasukan peserta disumbangkan kepada pasukan catur Majlis Sukan Sekolah-Sekolah Perlis bagi membantu perbelanjaan penyertaan mereka di dalam pertandingan Majlis Sukan Sekolah-Sekolah Malaysia.

# TANGGUNGJAWAB
## SOSIAL KORPORAT



### KEMAJUAN SAINS MELALUI DANA PENYELIDIKAN MSM

Pada tahun 1973, MSM telah menubuhkan satu dana endowmen yang dikenali sebagai "Dana Penyelidikan MSM", yang diuruskan oleh Kuok Foundation (KF) bagi menyokong penyelidikan sains di Universiti Sains Malaysia (USM). Pada mulanya, bagi membiayai Kerusi Industri Kimia yang seterusnya dijadikan Kerusi MSM di dalam Teknologi Makanan, dana ini kemudiannya telah digunakan bagi penyelidikan am dalam sains dan teknologi. Pada September 2014, wakil-wakil daripada MSM, KF dan USM telah bersetuju bagi menggunakan dana ini (kini berjumlah lebih kurang RM5 juta) sebagai dana biasiswa bagi menaja pelajar-pelajar lepasan ijazah secara langsung (bagi membiayai yuran kursus dan kos sara hidup), dan bukannya bagi menaja projek-projek penyelidikan.

Sebanyak RM250,000 daripada dana ini disalurkan ke USM setiap tahun bagi menganugerahkan empat biasiswa kepada graduan lepasan ijazah dalam meneruskan ijazah sarjana berdasarkan penyelidikan di Pusat Pengajian Teknologi Industri (PPTI) di USM. Setiap biasiswa adalah untuk tempoh dua tahun, dengan setiap graduan menerima RM30,000.00 setahun sebagai bantuan membiayai yuran pengajian, elaun dan perbelanjaan penyelidikan.

Program CR utama ini akan memberikan sumbangan bermakna terhadap peningkatan pengetahuan saintifik dalam negara yang seterusnya akan menyumbang kepada transformasi Malaysia sebagai satu negara berpendapatan tinggi yang didorong oleh inovasi.

## TEMPAT KERJA

MSM sesungguhnya percaya bahawa kami hanyalah sebaik tenaga kerja kami. Kini, dengan bermatlamatkan cita-cita untuk menjadi sebuah pengeluar gula bertaraf antarabangsa, ianya amatlah penting bagi memupuk persekitaran kerja yang berorientasikan pencapaian, dinamik dan berpandangan kehadapan.

Bagi mencapai matlamat ini, kami berusaha menarik minat dan mengekalkan para pekerja yang berkemahiran dengan menawarkan pakej ganjaran yang menarik sambil memupuk persekitaran kerja yang merangsangkan dan memperkasakan kakitangan kami dalam merealisasikan potensi sebenar mereka. Beroperasi di dalam persekitaran pelbagai budaya, kami menggalakkan kepelbagaian di tempat kerja kerana kami arif akan nilai-nilai penting yang dapat diperolehi daripada perspektif yang berbeza dan baru. Hubungan kakitangan dan perkongsian pengetahuan di antara kakitangan adalah elemen penting dalam meningkatkan modal intelek, yang akan seterusnya meningkatkan tahap prestasi dan kemampanan perniagaan jangka panjang.

### HUBUNGAN KAKITANGAN

Kami sedar akan kepentingan komunikasi pada semua peringkat bagi membentuk semangat kekitaan kakitangan terhadap Syarikat. Selaras dengan ini, pihak pengurusan atasan sentiasa berkomunikasi dengan kesemua kakitangan bukan sahaja bagi membincangkan strategi dan hala tuju Syarikat, malah juga dari segi pencapaian matlamat-matlamat utama. Kakitangan kami juga akan dimaklumkan apabila sasaran kami tidak dicapai bagi memupuk perubahan. Pada masa yang sama, kami menggalakkan dialog dua hala bagi mendapatkan maklum balas yang merupakan unsur kritikal dalam memelihara persekitaran kerja yang sihat dan telus.

Setiap kakitangan diberikan penjelasan rapi mengenai peranan mereka berhubung dengan keseluruhan Syarikat, kerana ini akan memupuk semangat kepunyaan bagi fungsi-fungsi dan tanggungjawab individu.

Sesi dialog tidak hanya diadakan di ibu pejabat sahaja malah ianya juga diadakan di setiap anak syarikat bagi mewujudkan perpaduan Kumpulan, dan juga bagi membolehkan pihak pengurusan mendapat gambaran persekitaran kerja yang jelas dari tahap bawahan dan membaik pulih isu-isu yang mungkin wujud.

### KEBEBASAN BERKESATUAN DAN PERJANJIAN PERUNDINGAN KOLEKTIF

Kakitangan Kumpulan bukan eksekutif, terutamanya kakitangan daripada kilang-kilang penapisan di Prai dan Perlis, mempunyai kebebasan sama ada menyertai dan/atau keluar daripada kesatuan kami. Kesatuan kami dikuatkuasakan untuk mengambil tindakan secara kolektif bagi mengutarakan kepentingan kakitangan kami, berpandukan skop Undang-undang Pekerjaan Malaysia. Namun, sebagai sebahagian daripada komitmen pihak pengurusan dalam berinteraksi dengan semua kakitangan, tanpa mengambilkira kedudukan, dengan hormat dan darjat, usaha bersungguh-sungguh telah dilaksanakan bagi mengekalkan hubungan yang baik dengan Kesatuan kami. Sesi dialog selalu diadakan di antara kesatuan dan pihak pengurusan supaya isu-isu dapat diselesaikan sebelum ianya bertambah buruk.

### KEPELBAGAIAN KAKITANGAN DAN PELUANG SAKSAMA

Kumpulan MSM adalah majikan yang saksama, kami memberi peluang yang sama dalam pengambilan kerja kepada semua pemohon dan kakitangan Syarikat sedia ada dan, seterusnya peluang peningkatan kerjaya yang saksama. Setiap kakitangan dilayan dan diberi ganjaran yang berpatutan dengan merit dan bukannya berdasarkan kaum, agama, jantina atau keupayaan/kelainan upaya. Kami percaya dalam mencungkil bakat sedia ada bagi mengisi jawatan-jawatan kekananan daripada membawa masuk pihak luar, amalan ini akan memotivasikan peningkatan daya kerja dan akan memberikan inspirasi kepada kakitangan kami untuk menambahbaik kemahiran dan pengetahuan profesional mereka.

Kakitangan yang berkebolehan tinggi dan pemimpin-pemimpin berpotensi akan dikenalpasti dan diberikan latihan serta peluang pembangunan bagi meningkatkan kerjaya mereka dalam Kumpulan.

Hasil daripada polisi-polisi Sumber Manusia saksama kami, MSM dengan jayanya telah lulus dalam Audit Intertek pada September 2014 dalam memenuhi keperluan Hak dan Undang-undang Pekerjaan Pekerja Asing menurut Pertubuhan Buruh Antarabangsa (ILO).



# TANGGUNGJAWAB
## SOSIAL KORPORAT

### MANFAAT

Sebagai manfaat kepada kakitangan kami, Syarikat menyumbang kepada KWSP pada kadar yang melebihi kadar mandatori. Di samping itu, kami juga menawarkan manfaat perubatan bagi kesemua kakitangan dan tanggungan terdekat mereka. Pada September 2014, MSM telah melancarkan Kad Kesihatan Kakitangan, yang boleh digunapakai oleh kakitangan kami bagi rawatan pesakit luar, wad, pembedahan, dan perlindungan insurans hayat berkumpulan serta insurans kemalangan individu. Presiden dan CEO Kumpulan kami, Dato' Sheikh Awab Sheikh Abod, telah mengambil peluang untuk mengagihkan kad-kad ini kepada semua kakitangan kami pada semua lokasi, dan berkongsi wawasannya untuk persekitaran tempat kerja yang sihat dan selamat.

### KESELAMATAN

Dalam menghargai tenaga kerja kami, MSM sesungguhnya amat komited dalam mengamalkan piawaian tertinggi keselamatan dan kesihatan pekerjaan (OSH). Bagi mencapai matlamat ini, kami mematuhi undang-undang negara yang berkaitan, peraturan-peraturan dan keperluan-keperluan yang lain berhubung dengan amalan terbaik OSH; dan sentiasa melaksanakan aktiviti-aktiviti dengan matlamat untuk mengurangkan kecederaan di tempat kerja.

Kami telah mewujudkan sebuah rangka kerja yang merangkumi prosedur-prosedur dan amalan-amalan bagi mengendalikan peralatan dan jentera kami dengan selamat. Kakitangan kami yang menggunakan mana-mana jentera telah dilatih bagi mengendalikannya dengan cara yang betul, sementara latihan kesihatan dan keselamatan disediakan bagi kesemua kakitangan untuk menambahbaik pengetahuan mereka dan membolehkan mereka hidup sihat, dan selamat semasa di tempat kerja dan di luar persekitaran kerja. Di MSM, kami mengamanahkan setiap kakitangan dengan tanggungjawab untuk menjaga keselamatan diri masing-masing dan juga keselamatan semua di dalam kepercayaan bahawa "semua kemalangan boleh dicegah dengan usaha kolektif".

Hasil daripada usaha-usaha yang mantap bagi mengekalkan tahap keselamatan yang tinggi, pensijilan berikut telah dianugerahkan kepada MSM Prai:

- Sistem Pengurusan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan – MS 1722:2011 Ogos 2014; dan
- Sistem Pengurusan Kesihatan dan Keselamatan Pekerjaan berpatuh kepada OHSAS 18001:2007



## PASARAN

Dalam usaha kami untuk menjadi di antara syarikat pengeluar gula utama dunia menjelang tahun 2020, kami sedar akan keperluan kritikal bagi memastikan produk-produk kami berkualiti tinggi; bahawa pelanggan-pelanggan kami dilayan sebaik mungkin; dan bahawa dalam semua urusan kami dengan pemegang berkepentingan, kami mengekalkan tahap integriti yang tinggi di samping memastikan rakan-rakan kongsi dan pembekal-pembekal turut sama mempraktikkan amalan nilai perniagaan yang bertanggungjawab. Disokong dengan pencapaian yang berkualiti, pelanggan-pelanggan yang bereputasi dan kesinambungan pelaburan dalam modal insan, teknologi dan keupayaan, kami komited dalam memajukan penguasaan pasaran tempatan dan menerokai pasaran baru di peringkat antarabangsa.

Inisiatif-inisiatif kualiti kami bersandarkan pencapaian dan pemeliharaan pensijilan Sistem Pengurusan Kualiti ISO 9001:2008.

### HUBUNGAN PELANGGAN

Kami mengakui bahawa pelanggan kami merupakan faktor utama kejayaan kami dan mereka adalah tumpuan utama operasi kami. Kami telah membentuk hubungan yang mantap dengan para pelanggan kami sejak lebih 50 tahun yang lalu, dan ini jelas dinyatakan dalam penguasaan bahagian pasaran kami, yang semakin meningkat meskipun berhadapan dengan persaingan hebat. Dalam meraikan ulang tahun yang ke-50 pada tahun 2014, kami telah mengiktiraf pelanggan-pelanggan setia kami dalam satu acara eksklusif di Palace of the Golden Horses. Kami telah mengundang seramai 40 daripada pelanggan-pelanggan kami ke acara tersebut, dan 17 daripada mereka telah bersama kami sejak tahun 1964.



# TANGGUNGJAWAB
## SOSIAL KORPORAT

### KUALITI PRODUK

Kami amat berbangga dengan produk utama kami – Gula Prai – yang diiktiraf sebagai jenama premium bagi gula di Malaysia dan merupakan pilihan utama di kalangan pengguna. Produk tempatan berusia 50 tahun ini, telah menjadi sebutan isi rumah, selaras dengan slogan "Jenama Laris No. 1 di Malaysia". Kini, kami di dalam proses menambahbaik semua sistem dan proses di kedua-dua kilang penapisan MSM, bagi memastikan gula yang diproses di Chuping, Perlis setanding kualiti Gula Prai dan dipasarkan di bawah jenama yang sama.

Kualiti produk kami didorong oleh kemampuan makmal kami, yang bukan sahaja memenuhi keperluan Pensijilan Sistem Keselamatan Makanan ISO 22000:2005 dan Pensijilan Analisis Bahaya dan Titik Kawalan Kritikal (HACCP) yang dianugerahkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia malah, ianya juga memenuhi keperluan ketat Prinsip Panduan Pembekal pelanggan-pelanggan. Tahun 2014 merupakan kali pertama kami dianugerahkan Kod Hijau (Green Code) oleh syarikat-syarikat makanan dan minuman utama Malaysia, yang menandakan pematuhan kami kepada amalan piawaian pekerjaan beretika. Kami juga telah memenuhi piawaian halal dan kosher antarabangsa, di mana produk-produk kami diiktirafkan halal di bawah MS 1500:2009 dan diiktiraf kosher oleh London Beth Din Kashrut Division bagi MS 1722:2011.

Sebagai sebuah pengeluar yang bertanggungjawab, kami membekalkan maklumat yang jelas pada bungkusan produk kami dan juga di laman sesawang kami.





Komitmen berterusan kami kepada kualiti, digabungkan dengan hubungan baik dengan para pelanggan kami, telah meningkatkan volum jualan tahun ini sebanyak 6.5% dan merupakan catatan rekod tertinggi sebanyak 989,290 tan berbanding dengan 929,052 tan pada 2013.

### PENGURUSAN PEMBEKAL

Kami memastikan pembekal-pembekal kami mematuhi piawaian etika yang setara dengan MSM, selaras dengan ini, kami telah membentuk satu Kod Amalan Pembekal, khusus bagi tujuan ini. Di antara lain, kod ini mengikat kontraktor-kontraktor kami agar mematuhi kesemua undang-undang dan peraturan-peraturan negara dan tempatan; menjalankan operasi mereka tanpa mengambil rasuah atau tingkahlaku yang tidak bertanggungjawab; menyediakan tempat kerja yang selamat bagi kakitangan mereka; dan melayan kesemua kakitangan dengan adil.

Bagi mengukuhkan komitmen kami kepada amalan-amalan yang bertanggungjawab, kami mengadakan taklimat secara berkala dengan pembekal-pembekal dan kontraktor-kontraktor kami bersabit dengan keperluan kilang kami, yang merangkumi keperluan alam sekitar.


GULA
BERAT BERSIH
500g
NETT
MERAH
LEMBUT
PRAI
SOFT BROWN SUGAR
赤黃香糖
The No.1 Selling Brand
In Malaysia

# TANGGUNGJAWAB
## SOSIAL KORPORAT

### ALAM SEKITAR

Kami sedar peranan setiap syarikat dalam mengurangkan jejak karbon dan meminimakan penggunaan sumber asli. Selaras dengan kesedaran ini, MSM mempunyai Sistem Pengurusan Alam Sekitar (EMS) yang menyediakan garis panduan jelas bagi operasi bertanggungjawab merentasi rantaian nilai kami, bermula daripada kilang-kilang kami hingga ke amalan harian di ibu pejabat kami. Berpandukan EMS ini, kami telah mengenal pasti kesemua aktiviti-aktiviti kami yang mempunyai kesan ke atas alam sekitar dan memastikan ianya memenuhi semua peraturan piawaian pengawalseliaan.

Pada tahun 2011, kami telah bekerjasama dengan SIRIM bagi mengendalikan satu penilaian impak alam sekitar pada setiap peringkat pemprosesan gula kami, bermula daripada pencairan gula mentah kepada pembungkusan produk akhir kami, penggunaan palet dan kuasa dalam proses penapisan, pengangkutan sehinggalah ke pelupusan bahan pembungkusan. Penilaian kitar hayat ini (LCA) menampakkan impak proses-proses kami ke atas alam sekitar secara jelas dan ini membolehkan kami merumus tindakan-tindakan mitigasi yang sewajarnya.

Ketua Bahagian Alam Sekitar kami dipertanggungjawabkan membentuk latihan-latihan tertentu bagi kesemua kakitangan di MSM supaya mereka mendapat maklumat-maklumat penting berkenaan trend dan isu-isu persekitaran yang dikemaskini. Sepanjang tahun, tiga kakitangan utama daripada Jabatan Keselamatan, Kesihatan dan Alam Sekitar, dan Jabatan Proses dan Jaminan Kualiti telah menghadiri kursus *Certified Environmental Professional in Scheduled Waste Management* (CePSWaM) pada 17-12 November.

Selaras dengan EMS, kami sentiasa memantau parameter berikut di kilang-kilang penapisan kami: pencemaran/pelepasan, bunyi, sisa buangan, pejal dan pembuangan sisa berjadual, penggunaan air dan kuasa, dan pelepasan gas rumah hijau. Matlamat utama kami adalah untuk menjangkaui keperluan peraturan-peraturan Jabatan Alam Sekitar (DOE) dan secara aktif mempraktikkan amalan-amalan positif seperti mengurangkan penggunaan bahan-bahan, menggunapakai semula dan kitar semula – terutamanya mematuhi prinsip 3R – bagi mengurangkan kesan operasi kami ke atas alam sekitar.

Dalam bidang pengangkutan dan logistik, kami memastikan enjin kenderaan-kenderaan kami dimatikan semasa proses pemuatan, dan kami mengoptimumkan penggunaan gerabak-gerabak keretapi dalam pengagihan produk-produk kami memandangkan cara ini lebih menjimatkan kuasa, sementara jentera angkat susun (forklift) kami menggunakan gas dan/atau elektrik. Kami juga menggalakkan para pembekal dan kontraktor kami berkomunikasi dengan kami menerusi telepersidangan bagi mengurangkan perjalanan.

Salah satu pencapaian penting dalam tahun 2014 adalah peralihan daripada penggunaan biomas di dalam dandang-dandang kilang penapisan di Chuping kepada penggunaan gas asli, yang merupakan jenis bahan api terbersih sedia ada.


MSM

# PENYATA
## TADBIR URUS KORPORAT

LEMBAGA PENGARAH KOMITED SEPENUHNYA BAGI MENGEKALKAN PIAWAIAN TADBIR URUS, PROFESIONALISME DAN INTEGRITI KORPORAT TERTINGGI DALAM MENDORONG MSM MALAYSIA HOLDINGS BERHAD ("MSM" ATAU "SYARIKAT") MENCIPTA DAN MENYEDIAKAN NILAI JANGKA PANJANG YANG MAMPAN KEPADA PEMEGANG SAHAM. LEMBAGA PENGARAH PERCAYA BAHAWA DALAM MENGURUSKAN PERNIAGAAN KUMPULAN MSM MALAYSIA HOLDINGS BERHAD ("KUMPULAN") DENGAN MENGGUNAKAN KAEDAH TADBIR URUS YANG MENGUTAMAKAN AMALAN TADBIR URUS YANG TERTINGGI MERENTASI KUMPULAN AKAN SENTIASA MEMAKSIMUMKAN NILAI PEMEGANG BERKEPENTINGAN, MENINGKATKAN KEYAKINAN PELABUR, MEWUJUDKAN KEPERCAYAAN PELANGGAN DAN MEMBINA SEBUAH ORGANISASI YANG BERDAYA SAING. LEMBAGA PENGARAH MENGAMALKAN PRINSIP-PRINSIP TADBIR URUS SEPERTIMANA YANG TELAH DINYATAKAN DALAM 8 PRINSIP DAN 26 SARANAN KOD TADBIR URUS KORPORAT MALAYSIA 2012 (KOD), BAB-BAB YANG BERKAITAN DALAM KEPERLUAN PENYENARAIAN PASARAN UTAMA (KEPERLUAN PENYENARAIAN) BURSA MALAYSIA SECURITIES BERHAD SERTA AMALAN-AMALAN TERBAIK YANG DITERIMA PAKAI SEPERTI YANG DIGARISKAN DALAM PANDUAN TADBIR URUS KORPORAT EDISI KE-2 (PANDUAN) YANG DITERBITKAN OLEH BURSA MALAYSIA BERHAD.

LEMBAGA PENGARAH DENGAN SUKACITANYA MEMBENTANGKAN PENYATA TADBIR URUS KORPORAT (PENYATA) INI YANG MENYATAKAN PENGGUNAAN DAN PEMATUHAN PRINSIP-PRINSIP DAN SARANAN-SARANAN KOD OLEH MSM SEPANJANG TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2014 (TK 2014).

### TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB LEMBAGA PENGARAH

Lembaga Pengarah memastikan bahawa tahap tadbir urus dan perlakuan korporat yang tertinggi dipatuhi bagi memastikan MSM mencapai prestasi kewangan yang mantap bagi setiap tahun kewangan, dan lebih penting, mencapai nilai jangka panjang dan mampan kepada pemegang-pemegang berkepentingan.

Lembaga Pengarah bertanggungjawab merumuskan dan mengkaji pelan-pelan strategik dan dasar-dasar utama Syarikat, dan menentukan hala tuju operasi perniagaan Syarikat sambil memastikan pemantauan yang berkesan ke atas prestasi pihak Pengurusan, pentaksiran risiko dan kawalan ke atas operasi perniagaan. Lembaga Pengarah memastikan bahawa proses, garis panduan dan sistem dalaman Kumpulan dikaji dan/atau diselaraskan dengan amalan-amalan tadbir urus korporat yang mantap.

Selain melaksanakan tanggungjawab mengikut undang-undang, fungsi dan tanggungjawab utama Lembaga Pengarah adalah seperti berikut:

(1) Mengkaji dan menerima pakai pelan strategik bagi Syarikat.

(2) Mengawasi pengendalian perniagaan Syarikat untuk menyelia prestasi pengurusan bagi menentukan sama ada perniagaan diuruskan dengan betul.

(3) Mengenal pasti risiko utama dan memastikan pelaksanaan kawalan dalaman dan langkah-langkah mitigasi yang sesuai.

(4) Perancangan penggantian bagi jawatan pengurusan kanan.

(5) Mengawasi pembangunan dan pelaksanaan dasar komunikasi pemegang saham untuk Syarikat.

(6) Mengkaji kecukupan dan integriti maklumat pengurusan dan sistem kawalan dalaman Syarikat.

## KOD TATACARA

Lembaga Pengarah bertanggungjawab secara kolektif ke atas keseluruhan tatacara perniagaan Kumpulan dan menggalas tanggungjawab penuh terhadap prestasi Syarikat dan Kumpulan. Ahli Lembaga Pengarah melaksanakan usaha wajar dan ketelitian dalam menjalankan tugas dan tanggungjawab mereka untuk memastikan supaya piawaian etika tertinggi diamalkan, melalui pematuhan dengan peraturan dan penguatkuasaan, arahan dan garis panduan berkaitan di samping menerima pakai amalan terbaik dalam Kod dan Panduan, serta bertindak untuk kepentingan Kumpulan dan para pemegang sahamnya.

Lembaga Pengarah mematuhi prinsip-prinsip amalan etika seperti yang terkandung di dalam Kod Etika dan Tatacara (CoEC) dan Kod Amalan Perniagaan (CoBP) yang telah dibentuk oleh syarikat induknya, iaitu Felda Global Ventures Holdings Berhad (FGV). CoEC dan CoBP menggariskan piawaian beretika bagi tingkah laku dan tatacara yang dikehendaki daripada semua Pengarah Kumpulan FGV. Lembaga Pengarah memastikan bahawa pematuhan dipantau menerusi satu proses pengisytiharan tahunan yang memerlukan kesemua para Pengarah mengisytiharkan pematuhan mereka, termasuk sebarang keadaan percanggahan kepentingan sedia ada dan/atau berpotensi.

## PIAGAM LEMBAGA

Lembaga Pengarah mengiktiraf akan keperluan melindungi kepentingan pemegang berkepentingan Kumpulan. Bagi memudahkan keberkesanan pelaksanaan tugasnya, Lembaga Pengarah berpandukan Piagam Lembaga.

Piagam Lembaga memastikan bahawa ke semua ahli Lembaga Pengarah yang bertugas bagi Kumpulan sedar akan peranan dan tanggungjawab mereka bagi memastikan kebertanggungjawaban. Piagam Lembaga menggariskan peranan dan tanggungjawab Lembaga Pengarah, keseimbangan dan komposisi Lembaga Pengarah, kuasa Lembaga Pengarah, jadual perkara-perkara yang dikhaskan untuk Lembaga Pengarah, penubuhan Jawatankuasa-jawatankuasa Lembaga Pengarah, proses dan prosedur untuk mengadakan mesyuarat Lembaga Pengarah, penilaian dan kajian Lembaga Pengarah terhadap prestasinya, pematuhan dengan piawaian etika, akses Lembaga Pengarah kepada maklumat dan khidmat nasihat serta pengisytiharkan percanggahan kepentingan.

Piagam Lembaga ada dimuatkan di dalam laman sesawang korporat Syarikat di www.msmsugar.com

## KESEIMBANGAN DAN KOMPOSISI LEMBAGA PENGARAH

Keanggotaan Lembaga Pengarah terdiri daripada lapan (8) orang Pengarah Bukan Eksekutif, yang mana lima (5) daripada mereka adalah Pengarah Bukan Eksekutif Bebas dan satu (1) Pengarah Eksekutif. Komposisi Lembaga Pengarah mematuhi syarat-syarat yang ditetapkan dalam Keperluan Penyenaraian dan sepertimana yang ditetapkan di bawah Saranan 3.5 Kod.

Komposisi Lembaga Pengarah ini menggambarkan kepentingan pemegang saham utama, tanpa menjejaskan kepentingan para pemegang saham minoriti. Lembaga Pengarah mengkaji komposisi ahli Lembaga Pengarah dan jawatankuasa-jawatankuasa yang terbabit dari masa ke semasa untuk memastikan keseimbangan yang sewajarnya dan gabungan kemahiran serta pengalaman yang sesuai. Ahli Lembaga Pengarah terdiri daripada individu yang berkaliber dan berintegriti tinggi dengan pelbagai latar belakang profesional, kemahiran dan pengalaman yang luas serta pengetahuan dalam bidang perakaunan, ekonomi, undang-undang, pengurusan am dan strategi yang diperlukan bagi kejayaan hala tuju Kumpulan.

Bilangan majoriti Pengarah Bukan Eksekutif di dalam Lembaga Pengarah adalah bagi memastikan wujudnya periksa dan imbangan ke atas perlakuan Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan dalam menguruskan perniagaan Kumpulan. Kepakaran mereka membolehkan mereka memberikan pertimbangan bebas ke atas isu-isu seperti strategi, prestasi perniagaan, sumber dan tahap perlakuan. Mereka juga memberikan pandangan bebas dalam perbincangan Lembaga Pengarah dan memastikan strategi-strategi yang dicadangkan oleh pihak Pengurusan dipertimbangkan dan dikaji secara teliti bagi kepentingan jangka panjang Kumpulan, dan juga para pemegang saham dan pemegang berkepentingan.

Lembaga Pengarah juga menggalakkan calon-calon wanita untuk menyertai Lembaga Pengarah. Pada masa kini, Dato' Hajjah Rosni Haji Zahari dan Dato' Rosini Abd Samad telah dilantik sebagai Pengarah. Lembaga Pengarah akan terus menggalakkan pewakilan calon-calon wanita di dalam Lembaga Pengarah.

Profil setiap ahli Lembaga Pengarah dibentangkan di muka surat 61 hingga 65 dalam Laporan Tahunan ini.

# PENYATA
## TADBIR URUS KORPORAT

**Kepelbagaian Lembaga Pengarah**










## PENGARAH BUKAN EKSEKUTIF BEBAS

Lembaga Pengarah menyimpulkan bahawa kesemua lima (5) para Pengarah Bukan Eksekutif Bebas, iaitu Dato' Zainal Haji Ismail, Dato' Hajjah Rosni Haji Zahari, YB Datuk Noor Ehsanuddin Mohd Harun Narrashid, Datuk Lim Thean Shiang and Dato' Rosini Abd Samad memiliki pendirian bebas menurut takrifan Keperluan Penyenaraian. Lembaga Pengarah berpuas hati bahawa kesemua lima (5) Pengarah Bukan Eksekutif Bebas mewakili kepentingan pemegang saham minoriti menerusi peranan dan tanggungjawab mereka.

Lembaga Pengarah menilai isu kebebasan Pengarah pada setiap tahun dan telah membuat kesimpulan bahawa setiap seorang daripada mereka terus menunjukkan tingkah laku yang mencerminkan kebebasan mereka, selaras dengan takrifan di bawah Keperluan Penyenaraian.

Para Pengarah Bebas dalam Lembaga Pengarah bertindak sebagai penjaga kepentingan pemegang saham minoriti dan pandangan mereka membawa pengaruh yang besar dalam proses membuat keputusan Lembaga Pengarah. Pengarah Bebas tidak melibatkan diri dalam pengurusan harian Syarikat, tidak mengambil bahagian dalam sebarang urusan perniagaan atau dalam apa-apa hubungan lain dengan Syarikat. Ini bagi memastikan supaya mereka bebas daripada sebarang percanggahan kepentingan dan yang lebih penting, membolehkan mereka berfungsi secara bebas dan tidak berat sebelah dalam melaksanakan peranan dan tanggungjawab mereka sebagai Pengarah Bebas Bukan Eksekutif.

Kelima-lima (5) Pengarah Bukan Eksekutif Bebas telah mengemukakan pengesahan tahunan kepada Jawatankuasa Pencalonan dan Imbuhan serta kepada Lembaga Pengarah berhubung kebebasan masing-masing. Tiada Pengarah Bukan Eksekutif Bebas Syarikat yang telah memegang jawatan pengarah Syarikat selama sembilan (9) tahun.

## PROSES PELANTIKAN LEMBAGA PENGARAH

Pelantikan para Pengarah baru ke Lembaga Pengarah dilaksanakan dalam prosedur yang rasmi dan telus, di mana tanggungjawab utama berkaitan dengannya telah diberikan kepada Jawatankuasa Pencalonan dan Imbuhan. Jawatankuasa Pencalonan dan Imbuhan juga akan menilai para Pengarah yang bakal melalui pemilihan semula di Mesyuarat Agung Tahunan (MAT) dan kemudian mengemukakan saranannya kepada Lembaga Pengarah untuk dipertimbangkan dan diluluskan.

Jawatankuasa Pencalonan dan Imbuhan memastikan kesemua calon memenuhi kemahiran dan daya saing teras yang diperlukan sebelum mereka dianggap layak dan sesuai, dan akan dilantik sebagai Pengarah selaras dengan Keperluan Penyenaraian. Lembaga Pengarah menyatakan dengan jelas perkara yang dikehendaki olehnya daripada para Pengarah baru berhubung komitmen masa mereka.

Kesemua Pengarah lantikan baru akan diberikan Kit Pengarah yang menjelaskan matlamat tadbir urus yang baik dan menggariskan peranan dan tanggungjawab Lembaga Pengarah dan Jawatankuasa-jawatankuasa Lembaga Pengarah dan juga had kuasa mereka. Di dalam Kit Pengarah ini disertakan Piagam Lembaga MSM yang bertindak sebagai satu perlembagaan yang komprehensif bagi Lembaga Pengarah, yang secara ringkasnya meliputi hal-hal penting yang berikut:

- Penegasan ke atas tujuan Lembaga Pengarah;
- Struktur dan komposisi Lembaga Pengarah;
- Peranan dan tanggungjawab Lembaga Pengarah dan mereka yang diwakilkan kepada pihak Pengurusan, termasuk peranan pemantauan Lembaga Pengarah, hubungan berserta tanggungjawabnya kepada anak-anak syarikat di dalam Kumpulan;
- Kuasa, tugasan dan fungsi Lembaga Pengarah, termasuk hak untuk mendapatkan nasihat, akses kepada kakitangan Kumpulan dan mengadakan mesyuarat apabila wajar; dan
- Pelaksanaan mesyuarat Lembaga Pengarah.

## PELANTIKAN SEMULA DAN PEMILIHAN SEMULA PENGARAH

Selaras dengan Tataurusan Pertubuhan Syarikat, para Pengarah yang baru dilantik pada tahun ini mestilah menawarkan diri masing-masing untuk pemilihan semula di MAT selepas pelantikan mereka dan satu pertiga (1/3) daripada Pengarah hendaklah bersara daripada jawatan sekurang-kurangnya sekali setiap tiga tahun dan kemudian hendaklah layak untuk pemilihan semula. Pengarah yang tertakluk kepada persaraan mengikut giliran, para Pengarah yang bersara setiap tahun adalah Pengarah yang paling lama memegang jawatan sejak pemilihan atau pelantikan mereka yang lepas. Pengarah yang bersara akan memegang jawatan sehingga tamat mesyuarat agung di mana beliau bersara. Menurut Seksyen 129(2) Akta Syarikat, 1965, para Pengarah yang berusia lebih 70 tahun hendaklah bersara pada setiap MAT dan boleh menawarkan diri mereka untuk pelantikan semula bagi memegang jawatan hingga MAT akan datang.

Prestasi para Pengarah yang tertakluk kepada pelantikan semula dan pemilihan semula di MAT, dinilai oleh Jawatankuasa Pencalonan dan Imbuhan yang akan mengemukakan saranan kepada Lembaga Pengarah untuk diputuskan berhubung pembentangan cadangan pelantikan semula atau pemilihan semula Pengarah terbabit untuk kelulusan para pemegang saham pada MAT akan datang.

Selain daripada Datuk Haji Faizoull Ahmad, keempat-empat (4) orang Pengarah yang lain yang akan melalui pemilihan semula pada MAT akan datang, sebagaimana yang telah dinilai oleh Jawatankuasa Pencalonan dan Imbuhan dan diluluskan oleh Lembaga Pengarah, telah memenuhi syarat-syarat Lembaga Pengarah dan menunjukkan prestasi cemerlang sebagaimana yang ditampilkan oleh, antara lain, sumbangan mereka kepada perbincangan Lembaga Pengarah.

# PENYATA
## TADBIR URUS KORPORAT

### PROGRAM PEMBANGUNAN DAN LATIHAN BERTERUSAN

Lembaga Pengarah mempunyai tanggungjawab menentukan dan menyelia keperluan latihan ahli Lembaga Pengarah dan akan menggalakkan para Pengarah untuk menyertai kursus, seminar dan latihan bagi menambahbaikan kepakaran dan pengetahuan mereka supaya mereka arif dengan perkembangan semasa perundangan, peraturan dan persekitaran perniagaan bagi melaksanakan tugas mereka dengan berkesan. Di samping pengemaskinian keperluan garis panduan, kanun dan kawal selia yang diberikan oleh Setiausaha Syarikat dari masa ke semasa, para Pengarah dengan inisiatif mereka sendiri menghadiri kursus selaras dengan keperluan individu sebagai ahli Lembaga Pengarah atau Jawatankuasa Lembaga Pengarah berdasarkan keahlian mereka.

Menurut Keperluan Penyenaraian, seseorang Pengarah yang baru dilantik dikehendaki menghadiri Program Akreditasi Mandatori (MAP) dan mendapatkan sijil daripada penganjur program berkenaan yang telah diluluskan oleh Bursa Malaysia untuk mengesahkan bahawa beliau telah menyempurnakan MAP. Kedua-dua Pengarah yang baru dilantik, iaitu Dato' Sheikh Awab Sheikh Abod dan Dato' Rosini Abd Samad telah menghadiri dan berjaya menamatkan MAP mereka.

Seminar dan program latihan yang telah disertai oleh ahli-ahli Lembaga Pengarah adalah seperti berikut:

(1) Program Akreditasi Mandatori (MAP) bagi Pengarah Syarikat Tersenarai Awam (Menurut Perenggan 15.09 Keperluan Penyenaraian Bursa Securities)

(2) Latihan Dalaman mengenai Urusniaga Pihak Berkaitan oleh Tetuan Albar & Partners

(3) Forum Ekonomi Sedunia oleh World Islamic Economic Forum Foundation

(4) 10th Kingsman Sugar Conference, Dubai Data Group Sugar Conference, New York, USA (5)

(6) LMC Sugar Retreat, London

(7) London Sugar Week, London

(8) World Sugar Investment 2014, Dubai

### MESYUARAT LEMBAGA PENGARAH

Lembaga Pengarah memerlukan kesemua ahlinya untuk menumpukan masa yang mencukupi bagi urusan Lembaga Pengarah, bagi melaksanakan secara berkesan tugas mereka sebagai Pengarah MSM, dan untuk berusaha sebaik mungkin untuk menghadiri mesyuarat. Mesyuarat Khas Lembaga Pengarah diadakan di antara mesyuarat yang telah dijadualkan untuk menimbangkan cadangan-cadangan mustahak atau perkara-perkara yang memerlukan keputusan atau perbincangan yang segera oleh Lembaga Pengarah.

Mesyuarat Lembaga Pengarah bagi tahun kewangan berikutnya akan dijadualkan terlebih dahulu sebelum akhir tahun kewangan semasa supaya para Pengarah dapat merancang dan memasukkan mesyuarat-mesyuarat Lembaga Pengarah sepanjang tahun berikutnya dalam jadual mesyuarat masing-masing. Kalendar tersebut meliputi mesyuarat Jawatankuasa Lembaga Pengarah dan mesyuarat yang melibatkan pemegang saham. Para Pengarah dikehendaki memberi notis kepada Pengerusi dan Lembaga Pengarah sekiranya terdapat sebarang perubahan kepada komitmen luaran mereka yang timbul sepanjang tahun dengan memberikan tempoh masa yang diperlukan bagi komitmen tersebut. Antara perkara yang dipertimbangkan semasa mesyuarat berjadual adalah:

- Hal-hal yang dikhususkan untuk diputuskan oleh Lembaga Pengarah.
- Penyata dan keputusan kewangan Syarikat dan anak-anak syarikatnya.
- Aktiviti operasi serta inisiatif strategik dan korporat.
- Laporan oleh Jawatankuasa Lembaga Pengarah.

Pengerusi setiap Jawatankuasa Lembaga Pengarah akan memaklumkan para Pengarah dalam mesyuarat Lembaga Pengarah, berhubung sebarang penemuan penting semasa perbincangan dalam mesyuarat Jawatankuasa Lembaga Pengarah masing-masing yang memerlukan perhatian atau arahan Lembaga Pengarah.

Pengurusan Kanan dan/atau penasihat luar boleh dijemput untuk menghadiri mesyuarat Lembaga Pengarah dan Jawatankuasa Lembaga Pengarah untuk menasihati Lembaga Pengarah dan memberi maklumat dan penjelasan yang diperlukan kepada para Pengarah berhubung perkara yang berkaitan dalam agenda bagi membolehkan mereka membuat keputusan yang termaklum.

Sepanjang TK 2014, lima (5) mesyuarat Lembaga Pengarah telah diadakan untuk mempertimbangkan pelbagai hal. Kesemua Pengarah telah mematuhi keperluan kehadiran 50% mesyuarat Lembaga Pengarah sepertimana dinyatakan di dalam Keperluan Penyenaraian.

Pada tahun semasa, kesemua Pengarah telah mengesahkan bahawa mereka dapat memperuntukan masa yang secukupnya bagi melaksanakan tanggungjawab mereka secara berkesan.

Kehadiran para Pengarah dalam mesyuarat Lembaga Pengarah dan Jawatankuasa Lembaga Pengarah yang diadakan sepanjang TK 2014 adalah seperti yang dinyatakan di bawah:

**Mesyuarat Lembaga Pengarah dan Jawatankuasa Lembaga Pengarah dan kehadiran**

| Pengarah | Mesyuarat Lembaga Pengarah | Mesyuarat Jawatan-kuasa Audit | Mesyuarat Jawatan-kuasa Pencalonan dan Imbuhan | Mesyuarat Jawatan-kuasa Tadbir Urus & Pengurusan Risiko Lembaga Pengarah | Mesyuarat Jawatan-kuasa Pelaburan |
|---|---|---|---|---|---|
| YB Tan Sri Haji Mohd Isa Dato' Haji Abdul Samad | 5/5 | TB | TB | TB | TB |
| Dato' Zainal Haji Ismail[1] | 5/5 | 7/7 | 5/5 | TB | 2/2 |
| Dato' Hajjah Rosni Haji Zahari | 5/5 | 7/7 | 5/5 | TB | TB |
| Dato' Rosini Abd Samad[2] | TB | TB | TB | TB | TB |
| YB Datuk Noor Ehsanuddin Mohd Harun Narrashid | 5/5 | TB | TB | 2/2 | NA |
| Datuk Lim Thean Shiang | 5/5 | TB | TB | 2/2 | TB |
| Datuk Haji Faizoull Ahmad | 4/5 | TB | TB | TB | TB |
| Dato' Mohd Emir Mavani Abdullah | 5/5 | TB | TB | 2/2 | 2/4 |
| Dato' Sheikh Awab Sheikh Abod[3] | 2/2 | TB | TB | TB | TB |
| YM Raja Anuar Raja Abu Hassan[4] | 4/4 | 5/5 | 3/3 | TB | TB |
| Dr. Suzana Idayu Wati Osman[5] | 3/3 | TB | TB | TB | TB |

**Nota:**

[1] Dilantik sebagai ahli Jawatankuasa Pelaburan pada 20 Ogos 2014
[2] Dilantik sebagai ahli Lembaga Pengarah pada 7 Januari 2015
[3] Dilantik sebagai ahli Lembaga Pengarah pada 20 Ogos 2014
[4] Meletak jawatan sebagai ahli Lembaga Pengarah pada 10 Oktober 2014
[5] Meletak jawatan sebagai ahli Lembaga Pengarah pada 20 Ogos 2014

# PENYATA
## TADBIR URUS KORPORAT

### AKSES KEPADA MAKLUMAT

Lembaga Pengarah mengkaji secara kerap laporan mengenai kemajuan objektif kewangan, pembangunan perniagaan dan turut menerima laporan dan pembentangan strategi dan maklumat terkini profil risiko dan tindakan undang-undang yang penting. Laporan juga disediakan oleh Jawatankuasa Lembaga Pengarah mengenai perbincangan dan cadangan mereka. Agenda dan kertas sokongan diedarkan terlebih dahulu untuk semua mesyuarat Lembaga Pengarah dan Jawatankuasa Lembaga Pengarah untuk memberi masa bagi kajian yang sesuai agar memudahkan perbincangan menyeluruh dalam mesyuarat.

Agenda mesyuarat Lembaga Pengarah dan kertas mesyuarat Lembaga Pengarah termasuk, antara lain, laporan pengurusan komprehensif, minit mesyuarat, cadangan projek atau pelaburan dan dokumen sokongan disasarkan untuk diagihkan kepada para Pengarah sekurang-kurangnya 7 hari sebelum mesyuarat Lembaga Pengarah.

Kertas-kertas mesyuarat Lembaga Pengarah disediakan dan dibentangkan secara padat dan menyeluruh supaya para Pengarah mendapat gambaran yang sewajarnya dan relevan berhubung isu-isu yang akan dibincangkan agar perbincangan dan proses membuat keputusan Lembaga Pengarah boleh dijalankan secara sistematik dan termaklum. Untuk memelihara kerahsiaan, kertas-kertas mesyuarat mengenai isu-isu atau cadangan korporat yang dianggap sulit dan berkerahsiaan tinggi, akan hanya diedarkan kepada para Pengarah semasa mesyuarat Lembaga Pengarah. Pembentangan kepada Lembaga Pengarah disediakan dan dipersembahkan dengan cara yang dapat memastikan pembentangan yang jelas dan mencukupi dapat dilakukan berhubung sesuatu perkara. Format kertas Lembaga Pengarah termasuk satu Ringkasan Eksekutif yang menggariskan fakta-fakta penting bagi perkara yang akan dibincangkan.

Para Pengarah bertanggungjawab untuk mengisytiharkan dengan serta-merta kepada Lembaga Pengarah jika mereka mempunyai kepentingan dalam mana-mana urusniaga yang dimeterai secara langsung atau tidak langsung oleh Syarikat. Pengarah yang berkepentingan dikehendaki untuk mengecualikan diri daripada perbincangan dan proses membuat keputusan Lembaga Pengarah berhubung urusniaga tersebut dan tidak akan mempengaruhi Lembaga Pengarah berkaitan urusniaga berkenaan.

Semua isu yang dibangkitkan, perbincangan, pertimbangan, keputusan dan kesimpulan termasuk pandangan yang bertentangan yang dibuat pada mesyuarat Lembaga Pengarah beserta tindakan jelas yang perlu diambil oleh pihak yang bertanggungjawab direkodkan dalam minit mesyuarat. Ahli Lembaga boleh meminta penjelasan minit atau pembetulan diperlukan sebelum minit disahkan sebagai tepat.

Lembaga Pengarah sentiasa dimaklumkan dan dikemaskini mengenai keperluan berkanun dan penguatkuasaan berkaitan tugas dan tanggungjawab mereka. Apabila perlu, para Pengarah juga disediakan dengan laporan adhoc, kertas maklumat dan latihan yang relevan, jika perlu, bagi memastikan mereka dimaklumkan berkaitan hal-hal perniagaan utama, operasi, korporat, perundangan dan penguatkuasaan.

### AKSES KEPADA PENGURUSAN KANAN DAN KHIDMAT NASIHAT PROFESIONAL BEBAS

Lembaga Pengarah mempunyai akses langsung kepada Pengurusan Kanan berkaitan sebarang maklumat terhadap perniagaan Kumpulan bagi membolehkan mereka melaksanakan tugas dengan berkesan. Di samping pembentangan biasa oleh Pengurusan Kanan kepada Lembaga Pengarah dan Jawatankuasa Lembaga Pengarah, para Pengarah boleh meminta diberi taklimat daripada Pengurusan Kanan mengenai perkara-perkara tertentu. Dalam keadaan tertentu, beberapa ahli Lembaga Pengarah telah dijemput oleh Pengurusan Kanan untuk berbincang dan/atau memberi input mengenai perkara perkara yang ingin Pengurusan Kanan cadangkan kepada Lembaga Pengarah untuk diluluskan.

Lembaga Pengarah boleh mendapatkan khidmat nasihat profesional bebas dari masa ke semasa dan jika perlu, dengan perbelanjaan ditanggung oleh Syarikat/anak syarikat berkaitan. Khidmat para profesional atau pakar bebas lazimnya diperoleh untuk mengesahkan atau menghilangkan kemusykilan yang dibangkitkan oleh para Pengarah dalam pelaksanaan tugas mereka. Semua Jawatankuasa Lembaga Pengarah turut mempunyai akses kepada khidmat nasihat profesional bebas pada asas yang sama.

### PENILAIAN PRESTASI LEMBAGA PENGARAH

Penilaian rangka kerja prestasi Lembaga Pengarah dan proses-proses dalam MSM telah dibentuk dan diterima pakai dengan mengambil kira prinsip-prinsip yang dinyatakan dalam Panduan dan Kod.

Bagi tahun 2014, Lembaga Pengarah telah melantik sebuah firma perunding luar untuk membantu proses penilaian Lembaga Pengarah. Proses penilaian tersebut melibatkan penilaian rakan sejawat dan kajian kendiri, di mana para Pengarah menilai prestasi mereka sendiri dan rakan Pengarah mereka.

Soal selidik tersebut telah diedarkan kepada ahli-ahli Lembaga Pengarah dan meliputi aspek-aspek yang termasuk, antara lain, tanggungjawab Lembaga Pengarah berhubung perancangan strategik, pengurusan risiko, pengurusan prestasi, laporan kewangan, audit luar

dan proses kawalan dalaman, pengurusan modal insan, tanggungjawab sosial korporat, komunikasi, tadbir urus korporat serta kepentingan dan nilai pemegang saham. Bidang-bidang lain yang dinilai termasuk komposisi dan saiz Lembaga Pengarah, sumbangan setiap ahli Lembaga Pengarah di mesyuarat-mesyuarat, proses membuat keputusan dan output Lembaga Pengarah, maklumat dan sokongan yang diberikan kepada Lembaga Pengarah serta pengaturan mesyuarat.

Topik yang sama telah dibincangkan berkenaan soal selidik bagi setiap Jawatankuasa Lembaga Pengarah. Keputusan soal selidik ini kemudiannya dikumpul dan diringkaskan secara kolektif serta dilaporkan kepada Jawatankuasa Pencalonan dan Imbuhan. Pengerusi Jawatankuasa Pencalonan dan Imbuhan membentangkan keputusan penilaian dalam mesyuarat Lembaga Pengarah untuk dibincangkan. Setelah meneliti keputusan penilaian tersebut, Lembaga Pengarah akan mengenal pasti saranan dan inisiatif seterusnya untuk mempertingkatkan keberkesanan Lembaga Pengarah.

## IMBUHAN PENGARAH

Tahap imbuhan para Pengarah secara umumnya ditetapkan supaya berdaya saing untuk menarik dan mengekalkan para Pengarah yang memiliki kewibawaan yang mampu menyumbangkan kemahiran dan pengalaman yang diperlukan dan setara dengan tanggungjawab demi pengurusan dan perjalanan operasi Kumpulan yang berkesan.

Jawatankuasa Pencalonan dan Imbuhan menyarankan kepada Lembaga Pengarah imbuhan bagi semua Pengarah Bukan Eksekutif, rangka kerja dasar imbuhan para Pengarah dan pengurusan utama dan pelan pampasan insentif.

Para Pengarah dibayar dengan yuran tahunan dan elaun kehadiran sebanyak RM2,000 bagi setiap mesyuarat Lembaga Pengarah dan Jawatankuasa Lembaga Pengarah yang mereka hadiri.

## PENGARAH EKSEKUTIF

Gaji pokok bagi Pengarah Eksekutif ditetapkan untuk tempoh kontraknya. Sebarang semakan terhadap gaji pokok akan dikaji dan disyorkan oleh Jawatankuasa Pencalonan dan Imbuhan dan diluluskan oleh Lembaga Pengarah. Bonus yang dibayar kepada Pengarah Eksekutif dikaji semula oleh Jawatankuasa Pencalonan dan Imbuhan dan diluluskan oleh Lembaga Pengarah. Pengarah Eksekutif tidak berhak menerima yuran tahunan Pengarah atau apa-apa elaun mesyuarat untuk mesyuarat-mesyuarat Lembaga Pengarah dan Jawatankuasa Lembaga Pengarah yang dihadirinya.

## PENGARAH BUKAN EKSEKUTIF

Pakej imbuhan para Pengarah Bukan Eksekutif menggambarkan pengalaman, kepakaran dan tahap tanggungjawab yang dipikul oleh para Pengarah Bukan Eksekutif tersebut. Butiran mengenai imbuhan para Pengarah Bukan Eksekutif disediakan di bawah:

**Yuran Tahunan**

| | |
|---|---|
| Lembaga Pengarah | – RM255,000 (Pengerusi)<br>– RM96,000 (Pengarah Bukan Eksekutif) |
| Jawatankuasa Audit | – RM24,000 (Pengerusi)<br>– RM12,000 (Pengarah Bukan Eksekutif) |
| Jawatankuasa Pencalonan dan Imbuhan Jawatankuasa Pelaburan, Jawatankuasa Tadbir Urus & Pengurusan Risiko Lembaga Pengarah | – RM10,000 (Pengerusi)<br>– RM8,000 (Pengarah Bukan Eksekutif) |

Agregat imbuhan para Pengarah Syarikat bagi tahun kewangan 2014 dalam turutan julat RM50,000 adalah seperti berikut:

| Julat Imbuhan Setiap Tahun | Bilangan Pengarah | |
|---|---|---|
| | Eksekutif | Bukan Eksekutif |
| RM1 hingga RM50,000 | | 0 |
| RM50,001 hingga RM100,000 | | 1 |
| RM100,001 hingga RM150,000 | | 5 |
| RM150,001 hingga RM200,000 | | 1 |
| RM200,001 hingga RM250,000 | | 1 |
| RM250,001 hingga RM300,000 | | 1 |
| RM800,001 hingga RM850,000 | 1 | |

# PENYATA
## TADBIR URUS KORPORAT

Butiran Imbuhan para Pengarah bagi TK 2014 adalah seperti berikut:

| | MSM MALAYSIA HOLDINGS BERHAD | | | | | | | | ANAK-ANAK SYARIKAT MSM MALAYSIA HOLDINGS BERHAD | | | |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| | | | YURAN TAHUNAN BAGI TK 2014 | | | | | | | | | |
| NAMA PENGARAH | GAJI (RM) | BONUS (RM) | LEMBAGA PENGARAH (RM) | JAWATANKUASA AUDIT (RM) | JAWATANKUASA PENCALONAN DAN IMBUHAN (RM) | JAWATANKUASA PELABURAN (RM) | JAWATANKUASA TADBIR URUS & PENGURUSAN RISIKO LEMBAGA PENGARAH (RM) | ELAUN MESYUARAT (RM) | YURAN TAHUNAN (RM) | ELAUN MESYUARAT (RM) | MANFAAT BUKAN KEWANGAN (RM) | JUMLAH |
| **Pengarah Bukan Eksekutif Bukan Bebas** | | | | | | | | | | | | |
| YB Tan Sri Haji Mohd Isa Dato' Haji Abdul Samad | – | – | 255,000.00 | – | – | – | – | 10,000.00 | – | – | – | 265,000.00 |
| Datuk Haji Faizoull Ahmad | – | – | 96,000.00 | – | – | – | – | 8,000.00 | – | – | – | 104,000.00 |
| Dato' Mohd Emir Mavani Abdullah | – | – | 96,000.00 | – | – | 5,983.56 | 3,112.33 | 18,000.00 | – | – | – | 123,095.89 |
| Dr. Suzana Idayu Wati Osman[1] | – | – | 61,072.47 | – | – | – | – | 6,000.00 | – | – | – | 67,072.47 |
| **Pengarah Bukan Eksekutif Bebas** | | | | | | | | | | | | |
| Dato' Zainal Haji Ismail | – | – | 96,000.00 | 12,000.00 | 8,312.32 | 3,112.33 | – | 38,000.00 | – | – | – | 157,424.65 |
| Dato' Hajjah Rosni Haji Zahari | – | – | 96,000.00 | 12,000.00 | 8,000.00 | – | – | 34,000.00 | – | – | – | 150,000.00 |
| YB Datuk Noor Ehsanuddin Mohd Harun Narrashid | – | – | 96,000.00 | – | – | – | 3,112.33 | 14,000.00 | – | – | – | 113,112.33 |
| Dato' Rosini Abd Samad[2] | – | – | – | – | – | – | – | – | – | – | – | – |
| Datuk Lim Thean Shiang | – | – | 96,000.00 | – | – | 7,479.45 | 3,890.41 | 22,000.00 | – | – | 87,615.00 | 216,984.86 |
| YM Raja Anuar Raja Abu Hassan[3] | – | – | 74,488.29 | 18,608.22 | 7,753.42 | 3,046.58 | – | 28,000.00 | – | – | – | 131,896.51 |
| **Pengarah Eksekutif** | | | | | | | | | | | | |
| Dato' Sheikh Awab Sheikh Abod[4]* | 640,000.00 | 50,000.00 | – | – | – | – | – | – | 44,000.00 | – | 104,054.17 | 838,054.17 |
| **JUMLAH** | 640,000.00 | 50,000.00 | 966,560.76 | 42,608.22 | 24,065.74 | 19,621.92 | 10,115.07 | 178,000.00 | 44,000.00 | – | 191,669.17 | 2,166,640.88 |

**Nota:**

[1] Dr. Suzana Idayu Wati Osman telah meletak jawatan sebagai Pengarah Bukan Eksekutif Bukan Bebas pada 20 Ogos 2014.
[2] Dato' Rosini Abd Samad telah dilantik sebagai Pengarah Bukan Eksekutif Bebas pada 7 Januari 2015.
[3] YM Raja Anuar Raja Abu Hassan telah meletak jawatan sebagai Pengarah Bukan Eksekutif Bebas Kanan pada 10 Oktober 2014.
[4] Dato' Sheikh Awab Sheikh Abod telah dilantik sebagai Pengarah Bukan Eksekutif Bebas pada 20 Ogos 2014.
* Gaji dibayar oleh MSM Prai Berhad dan tidak termasuk caruman Syarikat kepada tabung simpanan pekerja.

## LEMBAGA PENGARAH

Lembaga Pengarah disokong oleh Jawatankuasa Audit, Jawatankuasa Pencalonan dan Imbuhan, Jawatankuasa Pelaburan dan Jawatankuasa Tadbir Urus & Pengurusan Risiko Lembaga Pengarah yang tetap. Jawatankuasa-jawatankuasa Lembaga Pengarah ini diwujudkan bagi membantu keberkesanan operasi Lembaga Pengarah. Butiran penuh Terma Rujukan Jawatankuasa-jawatankuasa Lembaga Pengarah dipaparkan dalam laman sesawang korporat Syarikat.

## JAWATANKUASA AUDIT

Jawatankuasa Audit membantu Lembaga Pengarah melaksanakan tanggungjawab-tanggungjawab utama berikut:

(1) Menilai risiko dan persekitaran kawalan;

(2) Menyelia laporan kewangan;

(3) Menilai proses audit dalaman dan luar;

(4) Mengkaji keadaan pecanggahan kepentingan dan urusniaga pihak berkaitan; dan

(5) Melaksanakan fungsi-fungsi lain seperti yang ditentukan oleh Lembaga Pengarah dari masa ke semasa.

Maklumat lanjut skop dan aktiviti Jawatankuasa Audit serta Terma Rujukan dibentangkan secara berasingan di dalam Laporan Jawatankuasa Audit di muka surat 128 hingga 134 dalam Laporan Tahunan ini.

## JAWATANKUASA PENCALONAN DAN IMBUHAN

Maklumat lanjut skop dan aktiviti Jawatankuasa Pencalonan dan Imbuhan serta Terma Rujukan dibentangkan secara berasingan di dalam Laporan Jawatankuasa Pencalonan dan Imbuhan di muka surat 123 hingga 127 dalam Laporan Tahunan ini.

## JAWATANKUASA PELABURAN

Jawatankuasa Pelaburan ditubuhkan pada 28 April 2014 untuk membantu Lembaga Pengarah menjalankan tugas dan melaksanakan tanggungjawabnya dalam menilai cadangan pelaburan Syarikat.

Ahli-ahli Jawatankuasa Pelaburan dilantik oleh Lembaga Pengarah daripada ahli-ahlinya sendiri dan terdiri daripada tiga (3) orang ahli, dua (2) adalah Pengarah Bebas. Pengerusinya adalah Pengarah Bebas.

Skop dan fungsi Jawatankuasa Pelaburan adalah seperti yang dinyatakan di bawah:

(a) Untuk mengkaji pelan perniagaan dan belanjawan tahunan untuk disyorkan kepada Lembaga Pengarah.

(b) Untuk melabur dalam aktiviti pertengahan (penapisan gula) dan hiliran (produk pengguna) sahaja. Sebarang aktiviti huluan (perladangan gula dan kilang gula) akan dipertimbangan oleh Jawatankuasa Pelaburan FGV dan dilaksanakan oleh FGV.

(c) Untuk menilai cadangan pelaburan baharu dan pelupusan bernilai besar untuk memastikan keselarasan dengan Pelan Induk Strategi Global MSMH dan pulangan yang melebihi kadar rintangan yang diselaraskan untuk risiko dan premium prestasi.

(d) Untuk meluluskan pelaburan hingga ke jumlah yang ditetapkan seperti yang telah ditentukan oleh Lembaga Pengarah dari masa ke semasa, jumlah yang lebih daripada itu akan disyorkan kepada Lembaga Pengarah.

(e) Untuk mengkaji portfolio pelaburan kewangan Syarikat. Ini termasuk dan tidak terhad kepada penggabungan dan pengambilalihan sedia ada dan baru, perkongsian baharu, penarikan keluar pelaburan dan projek perbelanjaan modal besar.

(f) Untuk mengawasi modal semasa dan modal masa depan serta keperluan sumber kewangan.

(g) Untuk memantau aktiviti-aktiviti pengumpulan dana Kumpulan.

(h) Untuk menjalankan penilaian prestasi tahunan ke atas aktiviti pelaburan Kumpulan.

(i) Untuk mengkaji dan mengesyorkan kepada Lembaga Pengarah, dasar dan prosedur lindung nilai tukaran asing dan gula mentah.

Butiran penuh Terma Rujukan Jawatankuasa Pelaburan dipaparkan di laman sesawang korporat Syarikat.

Jawatankuasa Pelaburan telah mengadakan lima (5) mesyuarat sepanjang TK 2014.

# PENYATA
## TADBIR URUS KORPORAT

### JAWATANKUASA TADBIR URUS & PENGURUSAN RISIKO LEMBAGA PENGARAH

Jawatankuasa Tadbir Urus & Pengurusan Risiko Lembaga Pengarah telah ditubuhkan pada 20 April 2014 untuk membantu Lembaga Pengarah dalam melaksanakan tanggungjawab berkanun dan fidusiarinya berkaitan tadbir urus, etika dan pengurusan risiko di dalam Kumpulan.

Ahli-ahli Jawatankuasa Tadbir Urus & Pengurusan Risiko Lembaga Pengarah dilantik oleh Lembaga Pengarah daripada ahli-ahlinya sendiri dan terdiri daripada tiga (3) orang ahli, dua (2) adalah Pengarah Bebas. Pengerusinya adalah Pengarah Bebas.

Tanggungjawab Jawatankuasa Tadbir Urus & Pengurusan Risiko Lembaga Pengarah hendaklah meliputi kajian ke atas bidang-bidang berikut dan melaporkannya kepada Lembaga Pengarah:

(1) Tadbir Urus dan Etika
Berhubung dengan tadbir urus dan etika, Jawatankuasa Tadbir Urus & Pengurusan Risiko Lembaga Pengarah dikehendaki melaksanakan perkara-perkara berikut:

(a) Untuk menetapkan dan mengawasi pembentukan rangka kerja tadbir urus Kumpulan dengan tujuan untuk menerapkan persekitaran beretika dan tadbir urus, sejajar dengan kesanggupan mengambil risiko Lembaga Pengarah dan berpandukan Saranan-saranan Kod.

(b) Untuk menetapkan dan mengawasi pembentukan program dan dasar Kumpulan bagi menyokong pelaksanaan rangka kerja tadbir urus Kumpulan dan mengesahkan pelan induk serta dasar-dasar untuk kelulusan Lembaga Pengarah.

(c) Untuk menetapkan dan mengawasi pembentukan program dan dasar Kumpulan bagi menyokong pelaksanaan rangka kerja tadbir urus Kumpulan dan mengesahkan pelan induk serta dasar-dasar untuk kelulusan Lembaga Pengarah.

(d) Untuk memantau status dan perkembangan perumusan dan pelaksanaan rangka kerja, pelan induk dan dasar tadbir urus berkaitan; dan seterusnya melaporkan statusnya kepada Lembaga Pengarah.

(e) Untuk mengesyorkan kepada Lembaga kelulusan dan/atau pindaan kepada rangka kerja, pelan induk dan dasar tadbir urus Kumpulan.

(f) Untuk menetapkan dan menyelia Etika & Intergriti Kumpulan.

2) Pengurusan Risiko
Untuk melaksanakan perkara-perkara berikut berkaitan dengan pengurusan risiko:

(a) Untuk menetapkan dan mengawasi pembentukan keseluruhan rangka kerja dan strategi pengurusan risiko perniagaan, termasuk dasar, prosedur, sistem, kemampuan dan parameter untuk mengenal pasti, menilai dan mengurus risiko bagi memastikan keberkaitan dan kesesuaiannya dengan kedudukan dan perniagaan Kumpulan.

(b) Untuk melaporkan, menasihati dan menyarankan kepada Lembaga Pengarah, tahap boleh terima risiko, toleransi dan strategi berhubung pengurusan risiko perniagaan.

(c) Untuk melapor kepada Lembaga Pengarah, risiko-risiko utama perniagaan dan mendapatkan kelulusannya berrhubung dengan pengurusan risiko utama perniagaan yang selari dengan boleh terima risiko Kumpulan.

(d) Untuk memantau keberkesanan dan perkembangan pengurusan risiko utama perniagaan dan seterusnya melapor kepada Lembaga Pengarah berhubung status risiko utama perniagaan tersebut.

(e) Untuk mengesyorkan kepada Lembaga Pengarah, kelulusan bagi dan/atau pindaan terhadap rangka kerja dan strategi pengurusan risiko Kumpulan, termasuk dasar, prosedur, sistem, kemampuan dan parameter, sewajarnya.

(3) Pelaporan tadbir urus dan risiko kepada para pemegang saham dan pihak-pihak berkuasa yang berkaitan:

(a) Untuk mengkaji sebarang laporan berhubung perkara-perkara yang berkaitan dengan tadbir urus, etika Kumpulan dan pengurusan risiko kepada para pemegang saham dan pihak-pihak berkuasa.

(b) Untuk mengkaji penyata-penyata yang berkaitan untuk disertakan ke dalam Laporan Tahunan Syarikat, termasuk Penyata Pengurusan Risiko dan Kawalan Dalaman dan Penyata Tadbir Urus Korporat.

(4) Jawatankuasa Tadbir Urus & Pengurusan Risiko Lembaga Pengarah dikehendaki melaksanakan fungsi-fungsi lain seperti yang ditentukan oleh Lembaga Pengarah dari masa ke semasa.

Jawatankuasa Tadbir Urus & Pengurusan Risiko Lembaga Pengarah telah mengadakan dua (2) mesyuarat sepanjang TK 2014.

## SETIAUSAHA SYARIKAT

Para Pengarah mempunyai akses yang tidak terbatas kepada khidmat nasihat Setiausaha Syarikat untuk membantu pelaksanaan tugas-tugas mereka. Setiausaha Syarikat bertanggungjawab dan berkewajipan terhadap Lembaga Pengarah untuk memastikan supaya fungsi kesetiausahaan dalam menyediakan sokongan yang mencukupi kepada Lembaga Pengarah dan Jawatankuasa-Jawatankuasa Lembaga Pengarah bagi semua fungsi pentadbiran yang berkaitan.

## PEDAGANGAN DALAMAN

Selaras dengan Keperluan Penyenaraian dan peruntukan yang berkaitan dalam Akta Pasaran Modal & Perkhidmatan 2007, para Pengarah, kakitangan Pengurusan Utama dan Pegawai Utama Kumpulan adalah dilarang daripada menjalankan urusniaga perdagangan dalam sekuriti atau apa-apa jenis hartanah yang berdasarkan maklumat dan pengetahuan sensitif harga, yang belum diumumkan kepada orang ramai. Notis tempoh tutup urusniaga saham MSM diedarkan kepada para Pengarah, kakitangan Pengurusan Utama dan Pegawai Utama Kumpulan yang dianggap sebagai mempunyai hubungan dengan sebarang maklumat dan pengetahuan sensitif harga, terdahulu sebelum tempoh tutup berkenaan.

## PERCANGGAHAN KEPENTINGAN

Adalah menjadi amalan Syarikat untuk meminta ahli-ahli Lembaga Pengarah untuk membuat pengisytiharan yang berkaitan pada mesyuarat Lembaga Pengarah sekiranya mereka mempunyai kepentingan dalam cadangan yang sedang dipertimbangkan oleh Lembaga Pengarah, termasuk apabila kepentingan tersebut timbul menerusi ahli keluarga terdekat, selaras dengan keperluan berkanun berhubung pendedahan kepentingan Pengarah.

Mana-mana Pengarah yang mempunyai percanggahan kepentingan hendaklah mengecualikan diri daripada perbincangan dan proses membuat keputusan Lembaga Pengarah mengenai cadangan terbabit dan, di mana wajar, mengecualikan diri daripada hadir secara fizikal semasa perbincangan tersebut.

## HUBUNGAN DENGAN PEMEGANG SAHAM DAN PELABUR

Syarikat mengakui kepentingan memelihara ketelusan dan kebertanggungjawaban kepada pemegang saham dan pelabur sebagai amalan korporat yang baik. Sehubungan itu, Syarikat terus berusaha untuk mengamalkan piawaian yang tinggi dalam penyediaan maklumat yang relevan dan penting mengenai pembangunan Kumpulan dan untuk memastikan bahawa bukan sahaja keperluan penguatkuasaan dipenuhi, tetapi kepentingan para pemegang kepentingan yang lain juga ditangani. Justeru, dalam memastikan keadilan dan menggalakkan tahap ketelusan yang lebih tinggi dalam komunikasi kepada pasaran, Syarikat telah memberi penekanan yang tinggi terhadap kepentingan masa dan penyebaran maklumat yang saksama. Syarikat berkomunikasi dengan para pemegang saham dan pemegang kepentingan melalui saluran komunikasi berikut:

### Laporan Tahunan

Laporan Tahunan adalah saluran komunikasi utama antara Syarikat dan para pemegang kepentingannya. Laporan tahunan menyampaikan maklumat mengenai perniagaannya, aktiviti kewangan utama dan aktiviti-aktivti di mana kandungannya sentiasa dipertingkatkan dengan mengambil kira perkembangan dalam pelbagai bidang seperti tadbir urus korporat. Dalam hal ini, Lembaga Pengarah menitikberatkan kandungan Laporan Tahunan supaya dapat menyediakan maklumat selengkap mungkin dan supaya Laporan Tahunan menjadi sumber rujukan utama bagi maklumat penting mengenai Kumpulan.

Sebagai sebuah perbadanan yang tersenarai, keperluan kandungan dan pendedahan laporan tahunan Syarikat turut ditadbir oleh Keperluan Penyenaraian.

# PENYATA
## TADBIR URUS KORPORAT

### Pengumuman kepada Bursa Malaysia

Syarikat membuat pengumuman keputusan suku tahunan, pekeliling dan pelbagai pengumuman lain kepada Bursa Malaysia untuk menyediakan maklumat penting kepada para pemegang berkepentingan yang mempengaruhi proses membuat keputusan mereka, justeru, mempertingkatkan tahap ketelusan. Pengumuman yang dikeluarkan kepada Bursa Malaysia adalah tertakluk kepada kajian dan kelulusan oleh Lembaga Pengarah. Dalam banyak keadaan, pengumuman juga dikaji oleh para penasihat luar bagi memastikan supaya kandungannya bukan sahaja tepat malah maklumat yang berkaitan yang dimuatkan turut mengambil kira keperluan pendedahan dan perspektif pasaran.

### Laman Sesawang Korporat

Laman sesawang korporat Syarikat telah menjadi satu saluran komunikasi yang penting untuk berhubung dengan para pemegang sahamnya dan masyarakat umum. Keputusan Kewangan, Laporan Tahunan, pengumuman Bursa, pembentangan korporat dan maklumat lain berhubung Syarikat boleh didapati di laman sesawang korporat Syarikat. Bahan pembentangan untuk taklimat penganalisis penyelidikan dan siaran-siaran akhbar juga disediakan kepada orang ramai melalui laman sesawang Kumpulan, www.msmsugar.com.

### Kenyataan Media

Kenyataan Media akan dibuat kepada media mengenai semua perkembangan korporat dan inisiatif perniagaan penting. Kenyataan media adalah tertakluk kepada kelulusan oleh Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan dan jika perlu, turut dikeluarkan kepada Bursa Securities untuk meningkatkan keberkesanan peranan siaran media.

Bagi menyediakan peluang berdialog secara kerap antara para pengurus dana dan penganalisis penyelidikan dengan Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan dan para pegawai Pengurusan Kanan yang lain, Syarikat mengadakan taklimat setengah tahun khusus untuk para penganalisis/ pengurusan dana ekuiti. Taklimat tersebut merupakan sebuah forum di mana pihak pengurusan akan membentangkan keputusan suku/ setengah tahunan dengan segera sebaik sahaja pengumuman Bursa dibuat. Semasa taklimat dibuat, penganalisis berpeluang untuk bertanyakan soalan dan mendapat kefahaman yang lebih mendalam mengenai keputusan dan operasi Kumpulan bagi tempoh yang ditinjau. Taklimat tersebut akan membantu para penganalisis penyelidikan mengeluarkan analisis dan laporan mereka agar boleh disediakan kepada para pelabur dan media tepat pada masanya.

### Hubungan Pelabur

Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan, Ketua Pegawai Kewangan dan unit Perhubungan Pelabur sering berinteraksi dengan komuniti pelabur menerusi persidangan, pameran bergerak bukan urusan perniagaan dan mesyuarat satu sama satu dengan para penganalisis ekuiti, pengurus dana dan para pemegang saham institusi untuk menyediakan maklumat terkini mengenai prestasi kewangan suku tahunan Syarikat, serta melayani pertanyaan mengenai perkara-perkara strategik, isu-isu penguatkuasaan atau sebarang perubahan dalam persekitaran operasi yang boleh memberi kesan kepada prestasi Kumpulan.

### Mesyuarat Agung Tahunan

Mesyuarat Agung Tahunan (MAT) MSM adalah satu lagi platform komunikasi dengan para pemegang saham yang merupakan acara utama bagi Lembaga Pengarah untuk bertemu dengan para pemegang saham Syarikat. MAT Syarikat yang dijadualkan pada bulan Jun setiap tahun merupakan platform komunikasi terutama yang membolehkan komunikasi secara luas dengan para pemegang saham.

MAT menyediakan forum yang amat berguna bagi para pemegang saham untuk berkomunikasi secara langsung dengan para Pengarah dan Pengurusan Kanan Syarikat dan juga merupakan platform bagi mereka mengajukan soalan berkaitan semua hal ehwal Syarikat. Sehubungan itu, tertakluk kepada jenis soalan dan keberkaitannya, Pengerusi akan menjawab sebanyak mungkin soalan yang diutarakan semasa MAT.

Sebaik sahaja MAT dimulakan, Pengerusi akan memaklumkan para pemegang saham mengenai hak mereka untuk mengundi melalui pungutan suara. Pengundian pungutan suara ke atas Urusniaga Pihak Berkaitan telah dijadikan mandatori oleh Keperluan Penyenaraian.

Walaupun wakil-wakil media tidak hadir di dalam dewan mesyuarat MAT, satu sidang media akan diadakan sebaik sahaja MAT tamat di mana Pengerusi, Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan dan Ketua Pegawai Kewangan akan memaklumkan kepada wakil-wakil media mengenai resolusi yang diluluskan dan menjawab soalan-soalan mengenai perkara yang berkaitan dengan Kumpulan. Pendekatan ini memberi Syarikat cara yang lebih berkesan untuk mengendalikan para pemegang saham dan pihak media dengan cara yang memuaskan bagi mereka. Keputusan semua resolusi turut diumumkan pada hari yang sama melalui Bursa LINK.

## DASAR DIVIDEN

Syarikat kini menerima pakai nisbah pembayaran dividen pada sekurang-kurangnya 50% daripada keuntungan selepas cukai Kumpulan milik para pemegang saham tidak termasuk pendapatan tidak berulang. Dasar dividen juga mengambil kira paras tunai, penggearan, pulangan ke atas ekuiti dan pendapatan tersimpan, prestasi kewangan yang dijangkakan, unjuran tahap perbelanjaan modal serta rancangan-rancangan pelaburan lain dan keperluan modal kerja, keadaan kewangan umum, obligasi kontrak dan faktor-faktor lain yang dianggap berkaitan oleh Lembaga Pengarah.

Oleh kerana Syarikat adalah sebuah syarikat pegangan pelaburan, pendapatan dan keupayaannya untuk membayar dividen adalah bergantung kepada dividen yang diterima daripada anak-anak syarikatnya, yang sebaliknya bergantung kepada keuntungan boleh diagihkan, keputusan operasi, keadaan kewangan, pelan perbelanjaan modal dan faktor-faktor lain yang dianggap berkaitan.

Walaupun dasar dividen mencerminkan pandangan terkini Lembaga Pengarah mengenai kedudukan kewangan dan aliran tunai Kumpulan, namun dasar dividen itu akan dikaji dari masa ke semasa. Adalah menjadi dasar Lembaga Pengarah, dalam mengesyorkan dividen, untuk membenarkan pemegang saham mengambil bahagian dalam keuntungan Syarikat, selain mengekalkan rizab yang mencukupi untuk pertumbuhan masa hadapan.

Sehubungan itu, dan sejajar dengan dasar, bagi TK 2014, Syarikat telah membayar dividen interim satu peringkat sebanyak RM0.10 sen sesaham biasa pada 19 September 2014 dan Lembaga Pengarah sedang mendapatkan kelulusan para pemegang saham bagi pembayaran dividen akhir satu peringkat sebanyak RM0.14 sen sesaham biasa.

## LAPORAN KEWANGAN

Lembaga Pengarah memastikan supaya pemegang saham disediakan dengan pandangan yang jelas, seimbang dan komprehensif mengenai prestasi kewangan dan prospek Kumpulan menerusi penyata kewangan yang telah diaudit, pengumuman keputusan suku tahunan, Penyata Pengerusi, Tinjauan Perniagaan oleh Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan dalam Laporan Tahunan serta pengumuman korporat mengenai perkembangan penting yang mempengaruhi Syarikat selaras dengan Keperluan Penyenaraian.

Jawatankuasa Audit mengkaji penyata kewangan dan pengumuman keputusan suku tahunan dengan kehadiran juruaudit luar sebelum mengesyorkannya untuk kelulusan Lembaga Pengarah. Penyata kewangan yang tepat dan boleh dipercayai adalah hasil utama daripada sistem kawalan dalaman yang berwibawa dan Jawatankuasa Audit turut mempertimbangkan perkara-perkara berikut dari masa ke semasa:

- Perubahan dasar dan amalan perakaunan serta pelaksanaannya.
- Pelarasan penting yang timbul daripada proses audit luar.
- Andaian usaha niaga berterusan.
- Kecukupan dan kesesuaian pendedahan

Para Pengarah berpendapat bahawa, dalam menyediakan penyata kewangan, Kumpulan telah menggunakan dasar perakaunan bersesuaian yang digunakan secarra konsisten dan disokong oleh pelarasan dan anggaran yang berpatutan dan berhemah.

Kakitangan perakaunan dan kewangan dikehendaki menghadiri latihan untuk memperkayakan pengetahuan mereka, mengikuti perkembangan terkini dalam piawaian perakaunan dan mendorong penyediaan laporan kewangan berkualiti tinggi.

## PENYATA TANGGUNGJAWAB PARA PENGARAH DALAM MENYEDIAKAN PENYATA KEWANGAN BERAUDIT

Akta Syarikat, 1965 memerlukan para Pengarah menyediakan penyata kewangan bagi setiap tahun kewangan selaras dengan piawaian-piawaian perakaunan yang diguna-pakai dan diluluskan dan di mana para Pengarah mempunyai tanggungjawab bagi memastikan bahawa penyata kewangan memberikan gambaran sebenar dan saksama mengenai kedudukan kewangan Kumpulan dan Syarikat dan prestasi kewangannya serta aliran tunainya bagi tahun kewangan yang berakhir.

Lembaga Pengarah berpuas hati bahawa ia telah memenuhi tanggungjawabnya untuk membentangkan satu penilaian yang seimbang dan boleh difahami mengenai kedudukan dan prospek Syarikat dalam Laporan Pengarah di muka surat 143 hingga 147 dan Penyata Kewangan yang disediakan di muka surat 152 hingga 225 dalam Laporan Tahunan ini.

# PENYATA
## TADBIR URUS KORPORAT

### KAWALAN DALAMAN

Lembaga Pengarah mengakui bahawa tanggungjawab utama untuk memastikan sistem kawalan dalaman Kumpulan yang kukuh dan kajian keberkesanannya terletak pada Lembaga Pengarah, dalam melindungi aset Kumpulan dan pelaburan para pemegang saham Kumpulan.

Penyata Pengurusan Risiko dan Kawalan Dalaman yang memberikan tinjauan ke atas sistem kawalan dalaman Kumpulan dibentangkan di muka surat 118 hingga 122 dalam Laporan Tahunan ini.

### DASAR PENDEDAHAN MAKLUMAT

MSM telah mewujudkan Dasar Pendedahan Maklumat pada 22 Februari 2013 bagi mengekalkan tahap etika dan perlakuan undang-undang yang tertinggi di dalam Kumpulan. Matlamat utama Dasar Pendedahan Maklumat ini adalah seperti berikut:

(i) Untuk memberikan saluran kepada kakitangan bagi mendedahkan sebarang tindakan salahlaku.
(ii) Untuk meyakinkan kakitangan bahawa mereka akan dilindungi daripada serangan balas, diskriminasi atau penganiayaan untuk pendedahan maklumat berdasarkan niat yang baik.
(iii) Untuk menyediakan satu mekanisma rasmi untuk tindakan ke atas semua laporan yang dibuat.

Dasar Pendedahan Maklumat ini membolehkan individu melaporkan dakwaan perbuatan salahlaku dalam Kumpulan seperti, tetapi tidak terhad kepada, yang berikut:

- Penyelewengan, salah laku, penipuan dan penggelapan wang.
- Penyalahgunaan aset dan dana.
- Jenayah pecah amanah.
- Amalan haram dan rasuah.
- Perakaunan tidak wajar atau boleh dipersoalkan.
- Penyalahgunaan maklumat sulit.
- Perbuatan atau pengecualian, yang dianggap sebagai bertentangan dengan kepentingan Kumpulan, undang-undang, peraturan atau dasar-dasar awam.
- Pelanggaran mana-mana peraturan, pengawalseliaan dan prosedur-prosedur Kumpulan.
- Percubaan untuk sengaja menyembunyikan mana-mana perbuatan di atas atau lain-lain tindakan salah laku.

Individu yang melapor digalakkan untuk melaporkan semua kemusykilan melalui surat bertulis kepada mana-mana individu yang telah dikenal pasti atau melalui borang e-Alert di laman sesawang Kumpulan FGV dan email kepada alert@feldaglobal.com.

Aduan yang dilakukan menerusi laman sesawang Kumpulan FGV dan alert@feldaglobal.com akan dikendalikan oleh Ketua Penyiasatan Audit Dalaman Kumpulan. Semua laporan atau aduan yang diterima akan dilayan dengan kerahsiaan yang ketat. Walaupun Syarikat akan melayan setiap laporan yang diterima secara serius, namun tindakan juga boleh diambil terhadap pemberitahu maklumat jika laporan itu didapati tidak benar, palsu, berniat jahat, berniat untuk mempermain-mainkan, sengaja menyusahkan atau merupakan tuduhan tidak berasas.

### URUSNIAGA PIHAK BERKAITAN DAN URUSNIAGA DENGAN PIHAK BERKAITAN YANG BERULANG

Syarikat telah mewujudkan Dasar Urusniaga Pihak Berkaitan dan Urusniaga Pihak Berkaitan yang Berulang pada April 2013.

Matlamat dasar ini adalah seperti berikut:

(1) Untuk menetapkan rangka kerja bagi mengenal pasti, memantau, menilai, melapor dan meluluskan Urusniaga Pihak Berkaitan dan Urusniaga Pihak Berkaitan yang Berulang bagi Kumpulan.
(2) Untuk menyediakan garis panduan dan proses untuk memastikan bahawa Urusniaga Pihak Berkaitan dan Urusniaga Pihak Berkaitan yang Berulang dijalankan atas terma yang tidak lebih memihak kepada Pihak Berkaitan berbanding yang tersedia kepada umum, dan tidak menjejaskan pemegang saham minoriti serta memelihara kepentingan Kumpulan.

Syarikat telah mendapatkan mandat pemegang sahamnya pada MAT tahun sebelumnya di 2014 bagi Urusniaga Pihak Berkaitan yang Berulang berbentuk hasil atau perdagangan. Di MAT yang akan datang, Syarikat akan mendapatkan mandat pemegang saham untuk Urusniaga Pihak Berkaitan yang Berulang berbentuk hasil atau perdagangan.

Butiran Urusniaga Pihak Berkaitan Berulang yang memerlukan mandat pemegang saham disediakan dalam Pekeliling kepada Pemegang Saham yang akan dihantar bersama-sama dengan Laporan Tahunan ini.

## JURUAUDIT LUAR

Lembaga Pengarah menyedari kemungkinan timbulnya keadaan percanggahan kepentingan jika juruaudit luar Syarikat ditugaskan untuk menyediakan perkhidmatan bukan audit yang lain kepada Kumpulan.

Jawatankuasa Audit mendapatkan pengesahan bertulis daripada juruaudit luar bahawa juruaudit berkenaan adalah bebas sepanjang pelaksanaan tugasan audit selaras dengan keperluan profesional dan penguatkuasaan yang berkaitan. Juruaudit luar turut menyediakan pengesahan bertulis bahawa mereka telah mengkaji perkhidmatan bukan audit yang disediakan kepada Kumpulan pada tahun ini.

Hubungan Syarikat dengan juruaudit luar dikekalkan terutamanya melalui Jawatankuasa Audit dan Lembaga Pengarah. Ciri-ciri utama yang menjadi asas perhubungan Jawatankuasa Audit dengan juruaudit luar dan dalaman dibentangkan menerusi Laporan Jawatankuasa Audit dalam Laporan Tahunan ini.

Laporan Tahunan Syarikat ini turut mendedahkan yuran yang diterima oleh juruaudit luar untuk kerja-kerja bukan audit.

## INTEGRITI KORPORAT

MSM komited terhadap pegangan prinsip-prinsip intergriti dan berusaha terhadap mewujudkan persekitaran perniagaan yang bebas daripada rasuah dalam pengendalian perniagaannya serta dalam hubungannya dengan rakan-rakan niaga dan pihak Kerajaan.

## KEMAMPANAN

Kumpulan MSM menguruskan perniagaannya secara bertanggungjawab dengan menguruskan aspek alam sekitar, sosial dan tadbir urus operasinya serta komited kepada ketiga-tiga prinsip kemampanan, iaitu insan, planet dan keuntungan (asas tiga serangkai).

MSM sentiasa menggalakkan keseimbangan antara asas tiga serangkai dan peranannya sebagai sebuah warga korporat yang bertanggungjawab menerusi pendekatan empat dimensi, iaitu pasaran, komuniti, tempat kerja dan alam sekitar.

Penyata Tadbir Urus Korporat ini disediakan selaras dengan resolusi Lembaga Pengarah bertarikh 8 April 2015.

Bagi pihak Lembaga Pengarah

**YB TAN SRI HAJI MOHD ISA DATO' HAJI ABDUL SAMAD**
Pengerusi

# PENYATA
## PENGURUSAN RISIKO DAN KAWALAN DALAMAN

SELARAS DENGAN PERENGGAN 15.26(B) KEPERLUAN PENYENARAIAN PASARAN UTAMA BURSA MALAYSIA SECURITIES BERHAD, AHLI-AHLI LEMBAGA PENGARAH SYARIKAT-SYARIKAT TERSENARAI DIKEHENDAKI MENYERTAKAN SATU "PENYATA MENGENAI KEADAAN KAWALAN DALAMAN KUMPULAN" DALAM LAPORAN TAHUNAN MEREKA. DI SAMPING ITU, KOD TADBIR URUS KORPORAT MALAYSIA 2012 DISEMAK SEMULA, YANG DITERBITKAN OLEH SURUHANJAYA SEKURITI MALAYSIA MENGKEHENDAKI LEMBAGA PENGARAH MENGEKALKAN SATU SISTEM KAWALAN DALAMAN DAN RANGKA KERJA PENGURUSAN RISIKO YANG BERWIBAWA. AHLI LEMBAGA PENGARAH DENGAN SUKACITANYA MEMBENTANGKAN PENYATA BERIKUT YANG TELAH DISEDIAKAN MENURUT GARIS PANDUAN YANG DISEDIAKAN OLEH "PENYATA PENGURUSAN RISIKO DAN KAWALAN DALAMAN BURSA SECURITIES: GARIS PANDUAN BAGI PENGARAH SYARIKAT TERSENARAI". YANG DISAHKAN OLEH BURSA SECURITIES DAN MENGGARISKAN SIFAT DAN SKOP PENGURUSAN RISIKO DAN KAWALAN DALAMAN KUMPULAN BAGI TAHUN KEWANGAN YANG DIKAJI.

### TANGGUNGJAWAB DAN KEBERTANGGUNGJAWABAN

Lembaga Pengarah mengakui tanggungjawab keseluruhannya ke atas pembentukan dan pemantauan sistem pengurusan risiko dan kawalan dalaman Kumpulan MSM. Lembaga Pengarah komited dalam memastikan kewujudan rangka kerja pengurusan risiko dan sistem kawalan dalaman yang berkesan di dalam Kumpulan MSM dengan menilai keberkesanan dan kecukupan sistem ini secara berterusan. Walau bagaimanapun, Lembaga Pengarah mengiktiraf bahawa sistem-sistem seumpama ini dibentuk untuk mengurus dan mengurangkan risiko-risiko yang dikenal pasti ke tahap yang boleh diterima, dan bukannya untuk menghapuskan sama sekali risiko-risiko ini. Oleh itu, rangka kerja pengurusan risiko dan kawalan dalaman Kumpulan dibentuk untuk mengenalpasti dan menguruskan risiko-risiko ke tahap boleh terima yang telah ditetapkan dan diluluskan oleh Lembaga Pengarah. Kawalan dalaman yang telah dilaksanakan hanya boleh memberikan perlindungan yang munasabah, dan bukannya jaminan terhadap berlakunya salah nyata atau kerugian.

Bagi memudahkan pelaksanaan peranan tanggungjawab dan pemantauan di dalam pengurusan risiko dan kawalan dalaman, Lembaga Pengarah dibantu oleh Jawatankuasa Audit ("AC") yang telah ditugaskan dengan penyeliaan dan penaksiran aspek pengurusan risiko dan tadbir urus Kumpulan sebelum penubuhan Jawatankuasa Tadbir Urus dan Pengurusan Risiko ("BGRMC"). Sejurusnya, tugas pemantauan telah diambil alih oleh BGRMC apabila ianya ditubuhkan pada 28 Ogos 2014. Di samping memastikan kesemua pelaburan yang dilaksanakan oleh Kumpulan adalah selaras dengan wawasan dan tahap risiko boleh terima Kumpulan, sebuah Jawatankuasa Pelaburan ("IC") telah ditubuhkan kemudiannya bagi membantu Lembaga Pengarah dalam tugasan pemantauannya. Jawatankuasa-jawatankuasa tersebut dikuatkuasakan oleh terma-terma rujukan yang jelas dan diluluskan dalam melaksanakan tanggungjawab-tanggungjawab yang digariskan di atas.

### PENGURUSAN RISIKO

Pengurusan risiko adalah satu bahagian penting dalam proses organisasi Kumpulan, dengan objektif untuk mengekalkan sistem kawalan dalaman yang berwibawa dan memastikan kecukupan dan integritinya yang berterusan. Kumpulan telah menyediakan dasar-dasar dan prosedur-prosedur yang konsisten dengan Piawaian Pengurusan Risiko ISO 31000, yang telah dibentuk untuk membantu kakitangan yang berkaitan dalam melaksanakan tanggungjawab pengurusan risiko mereka. Proses pengurusan risiko yang telah diterima-pakai oleh Kumpulan digambarkan di bawah:



Tugas pengurusan risiko Kumpulan diketuai oleh Juara Risiko Kelompok Gula FGV. Juara Risiko Kelompok Gula disokong oleh Juara Risiko dan Pemilik Risiko Anak Syarikat. Juara Risiko Anak Syarikat adalah individu-individu yang dicalonkan sebagai wakil anak-anak syarikat berkaitan, bagi penyelarasan dengan Pemilik Risiko Anak Syarikat dalam mengenalpasti, menaksir, mengurus dan memantau risiko-risiko utama mereka. Mereka juga ditugaskan untuk memastikan pelaksanaan pelan tindakan bagi mengurangkan risiko-risiko yang dikenalpasti. Laporan mengenai risiko-risiko utama yang dihadapi oleh Kumpulan telah diberikan kepada Jawatankuasa Audit (sebelum BGRMC ditubuhkan) dan seterusnya kepada Lembaga setiap suku tahun. Bahagian Pengurusan Risiko Kumpulan FGV menyelia dan menyelaraskan aktiviti penyelarasan dalaman Kumpulan secara keseluruhan. Gambaran keseluruhan rangka kerja pengurusan risiko Kumpulan adalah seperti berikut:




## AKTIVITI-AKTIVITI PENGURUSAN RISIKO UTAMA 2014

Aktiviti-aktiviti pengurusan risiko utama yang dilaksanakan sepanjang tahun kewangan yang dikaji adalah seperti berikut:

### Laporan Suku Tahun Risiko Perusahaan

Risiko perusahaan utama telah dilaporkan setiap suku tahun kepada AC (sebelum BGRMC ditubuhkan). Kesemua pusat korporat dan anak-anak syarikat di dalam Kumpulan telah mengemaskini Daftar Risiko menerusi Sistem Pengurusan Risiko Perusahaan yang dilaporkan kepada AC/BGRMC oleh Juara Risiko Kelompok Gula.

### Pembangunan Budaya dan Kesedaran Pengurusan Risiko

Kesedaran dan sesi latihan pengurusan risiko telah dilaksanakan bagi kumpulan sasaran seperti di bawah. Ini adalah untuk menerapkan kepentingan budaya pengurusan risiko yang mantap dan berkesan di dalam Kumpulan.

| Anak Syarikat (Tempat) | Tarikh Latihan |
|---|---|
| MSM Prai Berhad (Prai, Pulau Pinang) | 20 Februari 2014 |
| MSM Holdings Berhad & MSM Logistics Sdn Bhd (Menara Felda, Kuala Lumpur) | 9 Oktober 2014 |
| MSM Perlis Sdn Bhd (Chuping, Perlis) | 28 Oktober 2014 |
| MSM Prai Berhad (Prai, Pulau Pinang) | 29 Oktober 2014 |
| MSM Holdings Berhad & MSM Logistics Sdn Bhd (Menara Felda, Kuala Lumpur) | 27 November 2014 |

### Pengurusan Kesinambungan Perniagaan (BCM)

BCM sedia untuk menyokong Kumpulan dalam membantu dan memulih daripada peristiwa-peristiwa ketara yang tidak dijangkakan. Dokumentasi BCM yang termasuk Pelan Kesinambungan Perniagaan, Kajian Kesan Perniagaan dan Penaksiran Risiko telah dikaji semula bagi mengekalkan pelan-pelan yang mantap bagi melindungi kepentingan pemegang-pemegang berkepentingan. Di samping itu, Pengujian BCM juga telah dilakukan di anak-anak syarikat yang disenaraikan di bawah:

| Anak Syarikat (Tempat) | Tarikh | Jenis Ujian |
|---|---|---|
| MSM Perlis Sdn Bhd (Chuping, Perlis) | 10 Jun 2014 | Kegagalan IT |
| MSM Prai Berhad (Prai, Pulau Pinang) | 12 Jun 2014 | Kebakaran |

# PENYATA
## PENGURUSAN RISIKO DAN KAWALAN DALAMAN

**Audit Pengurusan Risiko**

Audit Pengurusan Risiko telah dilaksanakan oleh Bahagian Kumpulan Pengurusan Risiko FGV bagi memastikan laporan risiko adalah relevan dan berkesan.

### RANGKA KERJA KAWALAN DALAMAN

Kumpulan menguruskan risikonya dengan melaksanakan pelbagai mekanisma kawalan dalaman. Unsur-unsur utama struktur kawalan dalaman Kumpulan adalah seperti berikut:



## 1. ETIKA DAN INTEGRITI

### a. Kod Etika Perniagaan bagi Kakitangan

Kumpulan mempunyai satu set Kod Etika Perniagaan bagi Kakitangan (Kod) yang menggariskan prinsip-prinsip untuk membimbing kakitangan dalam menjalankan tugas dan tanggungjawab mereka mengikut piawaian integriti peribadi dan korporat tertinggi. Kod ini meliputi bidang-bidang seperti pematuhan, tatalaku di tempat kerja, polisi dan prosedur aduan dan disiplin, kerahsiaan dan percanggahan kepentingan. Kod ini telah diperbadankan di dalam Buku Panduan Pekerja Kumpulan yang telah diwujudkan pada 1 September 2014.

### b. Inisiatif Integriti

Inisiatif integriti telah dilaksanakan oleh Bahagian Tadbir Urus Kumpulan FGV yang merangkumi kesemua Syarikat-syarikat Kumpulan FGV termasuk Kumpulan MSM. Kumpulan komited kepada penambahbaikan persekitaran perniagaannya dengan penekanan kepada ketelusan, integriti dan tadbir urus yang baik. Pada tahun 2014, Kumpulan FGV telah melaksanakan inisiatif kesedaran integriti berikut:

i. Program siri jelajah Kesedaran Integriti,

ii. Pelan Integriti telah dilancarkan pada 27 Januari 2014; dan

iii. Portal Integriti telah dilancarkan pada 27 Januari 2014.

### c. Polisi dan Prosedur Pendedahan Maklumat

Kumpulan mempunyai Polisi & Prosedur Pendedahan Maklumat yang berfungsi sebagai saluran sah bagi kakitangan menyuarakan masalah-masalah mereka menerusi kaedah yang selamat dan sulit.

## 2. KUASA DAN TANGGUNGJAWAB

### a. Struktur Organisasi

Kumpulan mempunyai struktur organisasi komprehensif yang menyusun operasi perniagaan. Struktur organisasi menyediakan aliran yang jelas bagi laporan, kuasa dan pembahagian tugas yang menggalakkan pemilikan dan kebertanggungjawaban dalam pengambilan risiko selain mentakrif had-had kebertanggungjawaban dan kuasa yang diwakilkan untuk perancangan, pelaksanaan, pengawalan dan pemantauan operasi perniagaan. Struktur organisasi ini dikaji secara berkala untuk disertakan dengan sebarang keperluan perniagaan baharu.

### b. Had Kuasa Budi Bicara Kumpulan (DAL)

Selaras dengan semangat penambahbaikan kawalan dalaman secara berterusan, DAL Kumpulan dikaji semula dan dikemaskini bagi mengutarakan keberkesanan organisasi sambil memastikan bahawa ianya selaras dengan tahap risiko boleh terima Lembaga Pengarah.

### c. Penerangan Tugas

Setiap jawatan di dalam struktur organisasi disokong oleh penerangan tanggungjawab tugas yang jelas yang berpaut kepada wawasan dan matlamat Kumpulan. Menerusi tanggungjawab yang jelas dan perhubungan fungsi, kerjasama di dalam Kumpulan akan bertambah baik sejurus meningkatkan keberkesanan operasi Kumpulan.

## 3. POLISI DAN PROSEDUR

### Polisi dan Prosedur Operasi

Kumpulan beroperasi menurut polisi dan prosedur sedia ada. Polisi dan Prosedur Operasi (Polisi) ini dikaji secara berkala agar ianya kekal berkesan dan relevan dalam menyokong aktiviti perniagaan Kumpulan sepanjang masa dalam pada ia terus berkembang dan berubah secara setempat dan merentasi sempadan. Dasar ini juga memudahkan pematuhan kepada keperluan peraturan, penyenaraian dan tadbir urus. Berikut adalah polisi-polisi dan prosedur-prosedur baru yang telah diwujudkan dan seterusnya diendors oleh BGRMC dan diluluskan oleh Lembaga Pengarah pada tahun 2014:

i. Lindung Nilai Pertukaran Asing,
ii. Lindung Nilai Gula Mentah/Bertapis; dan
iii. Pelaburan.

# PENYATA
## PENGURUSAN RISIKO DAN KAWALAN DALAMAN

**4. PEMANTAUAN**

**a. Kajian Kewangan dan Operasi**

Kumpulan membentangkan penyata kewangan suku tahunan kepada Jawatankuasa Audit sebelum dibentang kepada Lembaga Pengarah untuk kelulusan dan seterusnya diedarkan kepada Bursa Malaysia. Kajian suku tahunan membolehkan AC mempertimbangkan dan mentaksirkan keputusan kewangan, prestasi operasi dan perbandingan belanjawan Kumpulan bagi memantau dan menyumbang terhadap prestasi Kumpulan.

**b. Proses Belanjawan**

Kumpulan melaksanakan proses belanjawan dan unjuran tahunan yang merangkumi pembangunan strategi perniagaan dan pewujudan penunjuk prestasi utama ("KPI") Kumpulan. KPI merangkumi prestasi segmen perniagaan dan syarikat-syarikat di dalam Kumpulan yang boleh diukur dan dinilai. Satu keperluan operasi dan perbelanjaan modal yang terperinci dibentangkan kepada Lembaga Pengarah bagi kelulusan sebelum mulanya tahun kewangan yang baru. Parameter utama yang diluluskan yang berkaitan pelbagai segmen perniagaan kemudiannya diubahkan kepada KPI bagi tujuan pengukuran dan pentaksiran prestasi.

**c. Fungsi Audit Dalaman**

Kumpulan menggunakan perkhidmatan Audit Dalaman Kumpulan FGV bagi fungsi audit dalamannya. Kumpulan merujuk kepada saranan daripada Audit Dalaman Kumpulan bagi penambahbaikan di dalam sistem kawalan dalaman. Laporan penuh aktiviti audit dalaman bagi Kumpulan disertakan di dalam Laporan Jawatankuasa Audit di muka surat 128 hingga 134.

## SEMAKAN PENYATA OLEH JURUAUDIT LUAR

Seperti yang dikehendaki oleh Perenggan 15.23 Keperluan Penyenaraian Pasaran Utama Bursa Malaysia Securities Berhad, juruaudit luar telah menyemak Penyata Pengurusan Risiko dan Kawalan Dalaman ini. Semakan mereka dilaksanakan selaras dengan Panduan Amalan yang Disyorkan ("RPG") 5 (Disemak Semula) yang diterbitkan oleh Institut Akauntan Malaysia. RPG 5 (Disemak Semula) tidak memerlukan juruaudit luar untuk membentuk pendapat mengenai kecukupan dan keberkesanan sistem pengurusan risiko dan kawalan dalaman Kumpulan.

## KESIMPULAN

Berdasarkan proses-proses dan langkah-langkah yang diambil menerusi Lembaga Pengarah dan Jawatankuasa-jawatankuasanya sepanjang tahun kewangan dan tarikh laporan ini serta jaminan yang disediakan oleh Presiden/Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan dan Ketua Pegawai Kewangan Kumpulan, Lembaga Pengarah berpendapat bahawa rangka kerja pengurusan risiko dan kawalan dalaman seperti yang dinyatakan di dalam Penyata ini adalah mantap dan berkesan dalam melindungi pelaburan para pemegang saham dan aset Kumpulan.

Penyata ini disediakan selaras dengan resolusi Lembaga Pengarah bertarikh 8 April 2015.

# PENYATA
## JAWATANKUASA PENCALONAN DAN IMBUHAN

LEMBAGA PENGARAH MSM DENGAN SUKACITANYA MEMBENTANGKAN LAPORAN JAWATANKUASA PENCALONAN DAN IMBUHAN BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2014.

## KOMPOSISI DAN MESYUARAT

Ahli-ahli Jawatankuasa Pencalonan dan Imbuhan adalah seperti berikut:

- Dato' Zainal Haji Ismail – Pengerusi
  (Pengarah Bukan Eksekutif Bebas)
- Dato' Hajjah Rosni Haji Zahari
  (Pengarah Bukan Eksekutif Bebas)
- YM Raja Anuar Raja Abu Hassan
  (Pengarah Bukan Eksekutif Bebas)
  *(Meletak jawatan berkuatkuasa dari 10 Oktober 2014)*

Jawatankuasa Pencalonan dan Imbuhan telah bermesyuarat sebanyak 5 kali sepanjang tahun kewangan berakhir 31 Disember 2014.

**Mesyuarat Jawatankuasa Lembaga Pengarah dan kehadiran**

| Lembaga Pengarah | Bil Mesyuarat |
|---|---|
| Dato' Zainal Haji Ismail | 5/5 |
| Dato' Hajjah Rosni Haji Zahari | 5/5 |
| YM Raja Anuar Raja Abu Hassan | 3/3 |

Jawatankuasa Pencalonan dan Imbuhan telah ditubuhkan oleh Lembaga Pengarah pada 25 Mac 2011.

Di bawah Kod, Lembaga Pengarah disyorkan untuk menubuhkan sebuah Jawatankuasa Pencalonan yang secara eksklusif terdiri daripada Pengarah Bukan Eksekutif, yang mana majoritinya adalah Pengarah Bebas. Jawatankuasa Pencalonan dan Imbuhan MSM terdiri secara eksklusif daripada para Pengarah Bukan Eksekutif manakala kesemua ahlinya adalah Pengarah Bebas. Lembaga Pengarah percaya bahawa komposisi Jawatankuasa Pencalonan dan Imbuhan pada masa ini menyediakan keseimbangan yang sewajarnya dari segi kemahiran, pengetahuan dan pengalaman bagi menjaga kepentingan semua pemegang saham dan bagi memenuhi keperluan Kumpulan.

## TERMA RUJUKAN JAWATANKUASA PENCALONAN DAN IMBUHAN

### 1.0 MATLAMAT

Matlamat Jawatankuasa Pencalonan dan Imbuhan adalah untuk membantu Lembaga Pengarah dalam memenuhi tanggungjawab tadbir urus korporatnya berkaitan:

(a) Komposisi Lembaga, Jawatankuasa-jawatankuasa Lembaga, pemegangan jawatan Pengarah Kumpulan dan Pengurusan Teratas Kumpulan;
(b) Proses pencalonan dan pemilihan dan pelantikan dan pelantikan semula/proses pemilihan semula;
(c) Penyumbangan dan komitmen para Pengarah;
(d) Surat pelantikan;
(e) Induksi dan program pembelajaran berterusan;
(f) Penilaian Lembaga;
(g) Perancangan Barisan Pelapis;
(h) Hal-hal Imbuhan (Dasar Imbuhan);
(i) Imbuhan Presiden/Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan dan para Pengarah Eksekutif;
(j) Imbuhan Pengurusan Teratas Kumpulan; dan
(k) Lain-lain imbuhan merentasi Kumpulan

### 2.0 KUASA

Lembaga telah menguatkuasakan Jawatankuasa Pencalonan dan Imbuhan, dalam skop tugas dan tanggungjawabnya untuk:

(a) Menjalankan aktiviti-aktiviti yang diperlukan bagi melaksanakan tanggungjawabnya yang terangkum dalam Terma-terma Rujukannya dan mencadangkan saranan-saranan yang berkaitan kepada Lembaga;

(b) Memperoleh sumber-sumber yang diperlukan bagi menjalankan tugasnya;

(c) Memiliki akses penuh tanpa halangan kepada maklumat yang berkaitan kepada Kumpulan, rekod, hartanah dan kakitangan;

(d) Mendapatkan nasihat profesional bebas, apabila wajar bagi membantu Jawatankuasa Pencalonan dan Imbuhan atau sebarang ahli individu Jawatankuasa Pencalonan dan Imbuhan dalam melaksanakan tanggungjawab dan tugasnya, di mana perbelanjaan akan ditanggung oleh Syarikat. Sekiranya Jawatankuasa Pencalonan dan Imbuhan mendapatkan khidmat nasihat perunding luaran, Jawatankuasa Pencalonan dan Imbuhan mempunyai kuasa untuk meluluskan perlantikan tersebut dan yuran perunding tersebut dan syarat-syarat perkhidmatan yang lain menurut perwakilan kuasa Jawatankuasa Pencalonan dan Imbuhan; dan

(e) Bermesyuarat secara eksklusif di kalangan mereka, apabila dianggap perlu.

# PENYATA
## JAWATANKUASA PENCALONAN DAN IMBUHAN

### 3.0 PENGERUSI JAWATANKUASA PENCALONAN DAN IMBUHAN

Pengerusi Jawatankuasa Pencalonan dan Imbuhan mestilah merupakan Pengarah Bukan Eksekutif Bebas, dan di mana jawatan Pengarah Bukan Eksekutif Bebas Kanan wujud, Pengarah Bukan Eksekutif Bebas Kanan akan menyandang jawatan Pengerusi Jawatankuasa Pencalonan dan Imbuhan.

### 4.0 SETIAUSAHA JAWATANKUASA PENCALONAN DAN IMBUHAN

(a) Setiausaha Syarikat akan bertindak sebagai Setiausaha Jawatankuasa Pencalonan dan Imbuhan;

(b) Setiausaha Jawatankuasa Pencalonan dan Imbuhan mestilah hadir bagi mencatatkan butiran mesyuarat Jawatankuasa; dan

(c) Setiausaha Jawatankuasa Pencalonan dan Imbuhan mempunyai tangungjawab-tanggungjawab berikut:

(i) Memastikan mesyuarat Jawatankuasa Pencalonan dan Imbuhan diatur dan diadakan dengan sewajarnya;

(ii) Membantu Pengerusi Jawatankuasa Pencalonan dan Imbuhan dalam merancang dan merangka aktiviti Jawatankuasa Pencalonan dan Imbuhan bagi tahun kewangan;

(iii) Merangka agenda mesyuarat melalui perbincangan dengan Pengerusi Jawatankuasa Pencalonan dan Imbuhan, dan mengedarkan agenda, bersama dengan kertas kerja penting, sekurang-kurangnya tujuh (7) hari sebelum setiap mesyuarat Jawatankuasa Pencalonan dan Imbuhan;

(iv) Memastikan komunikasi yang teratur (iaitu pelaporan secara rasmi dan semerta) di antara Lembaga Pengarah dan Jawatankuasa Pencalonan dan Imbuhan;

(v) Memastikan prosiding mesyuarat diminitkan dan disahkan oleh Pengerusi Jawatankuasa Pencalonan dan Imbuhan sebelum diedarkan kepada ke semua ahli Lembaga Pengarah; dan

(vi) Memastikan saranan Jawatankuasa Pencalonan dan Imbuhan yang dibentangkan kepada Lembaga Pengarah disokong oleh kertas kerja, termasuk Laporan Jawatankuasa Pencalonan dan Imbuhan atau minit yang menjelaskan rasional saranan Jawatankuasa Pencalonan dan Imbuhan tersebut.

### 5.0 TANGGUNGJAWAB DAN TUGAS

#### 5.1 Proses Pencalonan dan Pemilihan

(a) Komposisi Lembaga Pengarah dan Jawatankuasa-jawatankuasa Lembaga Pengarah dan semua jawatan pengarah Kumpulan

(i) Bagi mengkaji struktur, saiz dan komposisi (termasuk kemahiran, pengetahuan, pengalaman dan kepelbagaian) ahli-ahli Lembaga Pengarah, Jawatankuasa-jawatankuasa Lembaga Pengarah dan ke semua jawatan-jawatan pengarah di dalam Kumpulan bagi menentukan impak bilangan pengarah ke atas keberkesanan dan mencadangkan penambahbaikan yang boleh diimplementasikan; dan

(ii) Bagi mewujudkan, mengkaji dan menyarankan Polisi Nilai Kebebasan & Percanggahan Kepentingan.

(b) Kontrak Pekerjaan
Mengkaji Kontrak Pekerjaan dan mengesyorkan pelantikan Pengarah Eksekutif dan Pengurusan Utama di dalam Kumpulan kepada Lembaga Pengarah.

(c) Proses pelantikan/pelantikan semula/pemilihan semula dan semua kriteria-kriteria yang terlibat

(i) Untuk mewujudkan, mengekalkan dan sentiasa mengkaji dasar-dasar yang akan digunakan di dalam proses pelantikan dan mengesyorkan kepada Lembaga Pengarah untuk diluluskan;

(ii) Untuk mengesyorkan kepada Lembaga Pengarah bagi mendapatkan kelulusan dasar-dasar yang akan digunakan bagi mengenalpasti Pengarah Bukan Eksekutif Bebas Kanan;

(iii) Untuk mengesyorkan kepada Lembaga Pengarah bagi mendapatkan kelulusan, calon-calon Lembaga Pengarah, Pengarah Bukan Eksekutif Bebas Kanan, Jawatankuasa-jawatankuasa Lembaga Pengarah, termasuk Pengerusi Jawatankuasa-jawatankuasa Lembaga Pengarah dan semua jawatan-jawatan pengarah di dalam Kumpulan;

(iv) Untuk mengesyorkan kepada Lembaga Pengarah bagi kelulusan, calon-calon Presiden/Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan dan Pihak Pengurusan Tinggi;

(v) Untuk mengkaji pelantikan semula/pemilihan semula proses persaraan para Pengarah dengan mengambil kira prestasi dan kemampuan bagi terus berkhidmat dan menyumbang dari segi pengetahuan, kemampuan atau kemahiran dan pengalaman, kepada Lembaga Pengarah; dan

(vi) Mengesyorkan kepada Lembaga Pengarah bagi kelulusan di atas pelantikan semula/pemilihan/persaraan para Pengarah.

(d) Sumbangan dan komitmen para Pengarah
Menyediakan dan menyampaikan harapan para Pengarah mengenai tahap sumbangan dan komitmen masa yang dijangka daripada mereka, dan memperolehi komitmen ini secara bertulis termasuk jangkaan masa yang akan disumbangkan di atas pelantikan daripada Pengarah-pengarah.

(e) Surat Pelantikan
Memastikan para Pengarah Bukan Eksekutif menerima surat pelantikan rasmi yang membentangkan secara jelas apa yang diharap daripada pelantikan dan tanggungjawab termasuk komitmen masa daripada mereka.

(f) Induksi dan program-program pembelajaran berterusan

(i) Bagi mencadangkan kepada Lembaga Pengarah dan memudahkan pelaksanaan program-program induksi yang sesuai bagi para Pengarah baru; dan

(ii) Bagi mencadangkan kepada Lembaga Pengarah dan memudahkan pelaksanaan program-program pendidikan yang bersesuaian bagi para Pengarah yang baru dilantik dan juga bagi para Pengarah semasa.

(g) Penilaian Lembaga Pengarah

(i) Bagi memastikan bahawa sebelum pelantikan Pengarah baru, satu penilaian menyeluruh ke atas calon-calon dilengkapkan berdasarkan Polisi MSM berkaitan komposisi Lembaga Pengarah (setelah diwujudkan) bagi menilai daya saing teras yang perlu dan wajar bagi setiap Pengarah agar keseimbangan kemahiran, pengalaman, kepakaran dan kepelbagaian dikekalkan dan Lembaga Pengarah bagi membolehkan Lembaga Pengarah melaksanakan tanggungjawabnya dengan berkesan;

(ii) Bagi membangunkan, mengekalkan dan menilai dasar dan proses yang akan dilaksanakan di dalam penilaian Lembaga Pengarah secara keseluruhan dan setiap Pengarah secara individu;

(iii) Bagi menilai secara tahunan keberkesanan keseluruhan Lembaga Pengarah, setiap pengarah secara individu Jawatankuasa Lembaga Pengarah dan sumbangan setiap pengarah secara individu, termasuk Presiden/Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan dan memastikan bahawa semua taksiran dan penilaian didokumenkan dengan betul;

(iv) Menilai penemuan Penilaian Lembaga Pengarah dan merancang pelan susulan yang berpatutan bagi menangani jurang yang telah dikenalpasti dari proses penilaian dan menjadualkannya bagi pengkajian dan kelulusan oleh Lembaga Pengarah;

(v) Bagi membangun, mengekalkan dan terus mengkaji dasar-dasar bagi mendapat akses bebas di bawah Keperluan Penyenaraian dan mengesyorkannya kepada Lembaga Pengarah untuk kelulusannya; dan

(vi) Bagi menyemak semula secara tahunan, pendirian kebebasan para Pengarah Bebas, pada tahap minimum dengan merujuk kepada takrifan "Pengarah Bebas" sepertimana terkandung di dalam Perenggan 1.01 Keperluan Penyenaraian dan Polisi Kebebasan dan Percanggahan Kepentingan (setelah diwujudkan) dan menyarankan penyambungan perkhidmatan kepada Lembaga Pengarah.

(h) Perancangan Barisan Pelapis
Bagi mengkaji dan menyelia pembangunan rangka kerja bagi ahli-ahli Lembaga Pengarah (termasuk jawatan-jawatan dalam Jawatankuasa-jawatankuasa Lembaga Pengarah), Presiden/Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan, Lembaga Pengarah Anak-anak Syarikat dan pihak Pengurusan Utama Kumpulan.

### 5.2 Perkara-perkara berkenaan Imbuhan

(a) Dasar-dasar berhubung imbuhan

(i) Bagi membentuk rangka kerja imbuhan bagi Kumpulan yang merangkumi Lembaga Pengarah, Jawatankuasa-jawatankuasa Lembaga Pengarah, Pihak Pengurusan Utama Kumpulan dan kakitangan Kumpulan pada setiap tahap;

(ii) Bagi membentuk, merangka dan mengesyorkan pakej imbuhan bagi para Pengarah Bukan Eksekutif Kumpulan, Jawatankuasa-jawatankuasa Lembaga Pengarah dan Anak-anak Syarikat Lembaga Pengarah bagi kelulusan oleh Lembaga Pengarah;

(iii) Menilai keberkesanan dan keberkaitan Dasar Imbuhan Lembaga Pengarah jika dan apabila diperlukan;

(iv) Mempertimbangkan penggunaan kombinasi jenis-jenis imbuhan, contohnya yuran Pengarah, elaun, rancangan prestasi saham, insentif bagi prestasi jangka panjang dan jangka pendek, manfaat seumpamanya, dan lain-lain;

(v) Bagi membentuk, merangka dan mengesyorkan pakej-pakej imbuhan bagi Presiden/Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan, para Pengarah Eksekutif dan Pihak Pengurusan Utama Kumpulan bagi kelulusan oleh Lembaga Pengarah dan pengekalan kajian; dan

(vi) Apabila wajarnya untuk menilai dan memautkan imbuhan para Pengarah, Presiden/Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan, para Pengarah Eksekutif and Pihak Pengurusan Utama Kumpulan, terutama sekali imbuhan berdasarkan prestasi, kepada prestasi individu dan sumbangan kepada Kumpulan.

(b) Imbuhan Presiden/Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan/para Pengarah Eksekutif

(i) Mengkaji dan mengesyorkan kepada Lembaga Pengarah, secara tahunan, pengaturan berkontrak dan imbuhan bagi President/Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan dan para Pengarah Eksekutif dengan mengambil kira Dasar Imbuhan Lembaga;

(ii) Menentukan dan bersetuju dengan Lembaga Pengarah akan prestasi rangka kerja yang berpatutan, mengendoskan permohonan dalam menentukan sasaran prestasi bagi imbuhan Presiden/Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan dan para Pengarah Eksekutif;

(iii) Di dalam merangkakan tahap imbuhan, Jawatankuasa Pencalonan dan Imbuhan mestilah mempertimbangkan penilaian prestasi Presiden/CEO Kumpulan termasuk para Pengarah Eksekutif terhadap sasaran seumpamanya termasuk penanda arasnya; dan

(iv) Ketua Pegawai Sumber Manusia FGV akan membantu Jawatankuasa Pencalonan dan Imbuhan merangka tahap imbuhan Presiden/CEO Kumpulan dan para Pengarah Eksekutif dan melaksanakan penanda aras yang sewajarnya berpandukan kadar pasaran di dalam menyarankan manfaat seumpamanya, kenaikan dan bonus tahunan.

(c) Imbuhan para Pengarah Bukan Eksekutif.

(d) Imbuhan pihak Pengurusan Utama Kumpulan.

(e) Untuk mempertimbangkan sebarang perkara lain yang dirujuk kepada Jawatankuasa Pencalonan dan Imbuhan oleh Lembaga Pengarah.

### 6.0 Pelaporan

(a) Jawatankuasa Pencalonan dan Imbuhan akan melaporkan kepada Lembaga mengenai perkara-perkara yang dipertimbangkan dan mengesyorkan cadangan-cadangan, termasuk melalui:

(i) salinan minit setiap mesyuarat Jawatankuasa Pencalonan dan Imbuhan yang disertakan dengan kertas kerja penjelasan dan diedarkan kepada ke semua ahli Lembaga Pengarah selepas diendorskan oleh Pengerusi Jawatankuasa Pencalonan dan Imbuhan; dan

(ii) Pengerusi Jawatankuasa Pencalonan dan Imbuhan membawa kepada perhatian Lembaga Pengarah sebarang perkara yang penting.

(b) Mengikut budi bicara Pengerusi Jawatankuasa Pencalonan dan Imbuhan dan ahli-ahli Jawatankuasa Pencalonan dan Imbuhan, sebarang perkara yang berkaitan yang dianggap penting harus dirujuk kepada perhatian Lembaga Pengarah.

(c) Jawatankuasa Pencalonan dan Imbuhan bertanggungjawab dalam memastikan bahawa Syarikat membentangkan Laporan Jawatankuasa Pencalonan dan Imbuhan di dalam laporan tahunannya, menurut Keperluan Penyenaraian.

Butiran penuh Terma Rujukan Jawatankuasa Pencalonan dan Imbuhan dipaparkan di laman sesawang korporat Syarikat.

### 7.0 PRESTASI JAWATANKUASA PENCALONAN DAN IMBUHAN

Lembaga Pengarah akan mentaksirkan prestasi Jawatankuasa Pencalonan dan Imbuhan secara tahunan ke tahap memastikan Jawatankuasa Pencalonan dan Imbuhan telah memenuhi keperluan Terma Rujukannya, termasuk tempoh jawatan dan prestasi Jawatankuasa Pencalonan dan Imbuhan dan setiap ahlinya. Penilaian prestasi ini mungkin merangkumi sebahagian daripada Penilaian Tahunan Keberkesanan Lembaga Pengarah, berhubung dengan penilaian Jawatankuasa Pencalonan dan Imbuhan.

## RINGKASAN AKTIVITI JAWATANKUASA PENCALONAN DAN IMBUHAN

Pengerusi Jawatankuasa Pencalonan dan Imbuhan melapor setiap suku tahun kepada Lembaga Pengarah mengenai aktiviti yang dijalankan oleh Jawatankuasa Pencalonan dan Imbuhan dalam pelaksanaan tugas dan tanggungjawabnya seperti yang digariskan dalam Terma Rujukan. Minit setiap mesyuarat Jawatankuasa Pencalonan dan Imbuhan diedarkan kepada Lembaga Pengarah pada mesyuarat Lembaga Pengarah seterusnya.

Di dalam melaksanakan tanggungjawab dan tugasnya, semasa tahun kewangan 2014, Jawatankuasa Pencalonan dan Imbuhan telah mempertimbangkan dan mengemukakan cadangan-cadangan kepada Lembaga Pengarah berhubung perkara-perkara berikut:

(1) Cadangan pelantikan para Pengarah baru;
(2) Cadangan Pembayaran Bonus bagi Tahun Kewangan 2013;
(3) Cadangan Polisi bagi Tugasan Antarabangsa bagi kakitangan;
(4) Cadangan Dasar Sumber Manusia Kumpulan bagi pengambilan, kenaikan pangkat, pemindahan dan pemberhentian kerja;
(5) Penilaian Keberkesanan Lembaga Pengarah, Jawatankuasa-jawatankuasa Lembaga Pengarah dan para Pengarah secara Individu;
(6) Cadangan Skim Insurans Kakitangan Kumpulan;
(7) Kajian kenaikan pangkat bagi jawatan-jawatan Pihak Pengurusan Utama Kumpulan;
(8) Pelantikan semula/pemilihan semula para Pengarah yang akan bersara pada MAT 2014;
(9) Penilaian Tahunan para Pengarah Bebas Lembaga Pengarah; dan
(10) Cadangan Kenaikan Gaji bagi Tahun Kewangan 2015.

## PENYATA OLEH LEMBAGA PENGARAH

Laporan Jawatankuasa Pencalonan dan Imbuhan ini disediakan selaras dengan resolusi Lembaga Pengarah dan diluluskan pada 8 April 2015.

# LAPORAN
## JAWATANKUASA AUDIT

LEMBAGA PENGARAH MSM DENGAN SUKACITANYA MEMBENTANGKAN LAPORAN JAWATANKUASA AUDIT BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2014.

## KOMPOSISI DAN MESYUARAT

Ahli-ahli Jawatankuasa Audit adalah seperti berikut:

- Dato' Rosini Abd Samad – Pengerusi
(Pengarah Bukan Eksekutif Bebas)
*(Dilantik pada 7 Januari 2015)*
- Dato' Zainal Haji Ismail
(Pengarah Bukan Eksekutif Bebas)
- Dato' Hajjah Rosni Haji Zahari
(Pengarah Bukan Eksekutif Bebas)
- YM Raja Anuar Raja Abu Hassan
(Pengarah Bukan Eksekutif Bebas)
*(Meletak jawatan pada 10 Oktober 2014)*

Jawatankuasa Audit bermesyuarat sebanyak 7 kali sepanjang tahun kewangan berakhir 31 Disember 2014.

### Mesyuarat Jawatankuasa Audit dan kehadiran

| Pengarah | Mesyuarat |
|---|---|
| Dato' Rosini Abd Samad | T/B |
| Dato' Zainal Haji Ismail | 7/7 |
| Dato' Hajjah Rosni Haji Zahari | 7/7 |
| YM Raja Anuar Raja Abu Hassan | 5/5 |

*T/B: Tidak Berkenaan

Jawatankuasa Audit telah ditubuhkan oleh Lembaga Pengarah pada 25 Mac 2011.

Sejajar dengan Keperluan Penyenaraian Pasaran Utama Bursa Malaysia Berhad, Jawatankuasa Audit dianggotai oleh tiga orang ahli, Semua ahli adalah Pengarah Bebas.

Dato' Rosini Abd Samad, Pengerusi Jawatankuasa Audit adalah Pengarah Bebas dan ahli Institut Akauntan Malaysia. Beliau juga merupakan Felow Kehormat CPA Australia.

YM Raja Anuar Raja Abu Hassan, yang merupakan bekas Pengerusi Jawatankuasa Audit, adalah Pengarah Bebas Kanan dan Institut Akauntan Awam Bertauliah Malaysia. Beliau juga adalah Felow Persatuan Akauntan Berkanun Bertauliah dan Ahli Bertauliah Institut Berkanun Juruaudit Dalaman.

Kedua-dua Dato' Rosini Abd Samad dan YM Raja Anuar Raja Abu Hassan telah memenuhi keperluan kelayakan seperti yang ditetapkan dalam perenggan 15.09(1)(c)(i) Keperluan Penyenaraian Pasaran Utama.

## TERMA RUJUKAN JAWATANKUASA AUDIT

### 1.0 TUJUAN

Tujuan penubuhan Jawatankuasa Audit adalah untuk membantu Lembaga Pengarah memenuhi tanggungjawab utama berikut:

(a) Menilai risiko-risiko dan persekitaran kawalan;

(b) Memantau laporan kewangan;

(c) Menilai proses audit dalaman dan luar dan keputusan;

(d) Mengkaji keadaan percanggahan kepentingan dan urusniaga pihak berkaitan (termasuk urusniaga pihak berkaitan yang berulang); dan

(e) Melaksanakan sebarang fungsi sepertimana yang mungkin ditentukan oleh Lembaga dari masa ke semasa.

Kewujudan Jawatankuasa Audit tidak melenyapkan tanggungjawab berkanun dan fidusiari utama Lembaga bagi membuat keputusan berkaitan dengan fungsi dan tugas Jawatankuasa Audit.

Butiran penuh Terma Rujukan Jawatankuasa Audit dipaparkan di laman sesawang korporat Syarikat.

## 2.0 KEAHLIAN

(a) Ahli-ahli Jawatankuasa Audit hendaklah dilantik oleh dan daripada kalangan Lembaga Pengarah MSM, dan hendaklah terdiri tidak kurang daripada tiga (3) orang ahli.

(b) Semua ahli Jawatankuasa Audit hendaklah terdiri daripada Pengarah Bukan Eksekutif dengan majoriti daripada mereka terdiri daripada Pengarah Bebas yang bebas dari segala hubungan urusniaga atau hubungan lain yang pada pendapat Lembaga akan menjejaskan pertimbangan bebas para Pengarah sebagai ahli Jawatankuasa Audit.

(c) Pengarah gantian tidak boleh dilantik sebagai ahli Jawatankuasa Audit.

(d) Sekurang-kurangnya seorang ahli Jawatankuasa Audit:

   (i) mestilah merupakan ahli Institut Akauntan Malaysia; atau

   (ii) jika beliau bukan ahli Institut Akauntan Malaysia, beliau mestilah mempunyai pengalaman bekerja sekurang-kurangnya 3 tahun dalam bidang berkaitan dan;

   - beliau mestilah lulus peperiksaan yang dinyatakan dalam Bahagian I Jadual 1 Akta Akauntan 1967; atau
   - beliau mestilah merupakan ahli salah sebuah persatuan akauntan yang dinyatakan dalam Bahagian II Jadual 1 Akta Akauntan 1967; atau

   (iii) memenuhi keperluan lain yang telah ditetapkan oleh Bursa Malaysia.

(e) Semua ahli Jawatankuasa Audit mestilah berpengetahuan dalam bidang kewangan.

(f) Sekiranya seorang ahli Jawatankuasa Audit meletak jawatan, meninggal dunia atau atas sebarang sebab lain tidak lagi menjadi ahli dan menyebabkan ketidakpatuhan terhadap perkara 2(a), 2(b), 2(c) dan 2(d), Lembaga Pengarah hendaklah dalam tempoh tiga (3) bulan daripada peristiwa tersebut, melantik bilangan ahli baru yang perlu untuk keperluan-keperluan tersebut.

## 3.0 KORUM

(a) Bagi membentuk sebuah korum bagi mesyuarat Jawatankuasa Audit, sekurang-kurangnya dua (2) ahli Jawatankuasa Audit mestilah hadir, dengan majoritinya daripada kalangan Pengarah Bukan Eksekutif Bebas;

(b) Sekiranya Pengerusi Jawatankuasa Audit tidak hadir, ahli-ahli yang hadir hendaklah memilih seorang Pengerusi bagi mesyuarat tersebut daripada kalangan Pengarah Bukan Eksekutif Bebas yang hadir.

## 4.0 KUASA

Lembaga telah menguatkuasakan Jawatan Audit, dalam skop tugas dan tanggungjawabnya untuk:

(a) Menyiasat sebarang aktiviti atau perkara yang terangkum dalam terma-terma rujukannya;

(b) Memperoleh sumber-sumber yang diperlukan bagi menjalankan tugasnya;

(c) Memiliki akses penuh tanpa halangan kepada sesiapa sahaja di dalam Kumpulan untuk menjalankan apa-apa penyiasatan dan untuk mendapatkan sebarang maklumat berkaitan operasi Kumpulan;

(d) Memiliki akses penuh tanpa halangan kepada maklumat yang berkaitan kepada Kumpulan, rekod, hartanah dan kakitangan;

(e) Mengekalkan saluran komunikasi langsung dengan juruaudit luar dan Ketua Juruaudit Dalaman (atau setara), dan juga dengan Pengerusi Jawatankuasa Pendedahan Maklumat;

(f) Mendapatkan nasihat profesional bebas atau lain-lain bagi membantu Jawatankuasa Audit atau sebarang ahli individu Jawatankuasa Audit dalam melaksanakan tanggungjawab dan tugasnya, di mana perbelanjaan akan ditanggung oleh Syarikat dan menurut peruntukan kuasa Jawatankuasa Audit;

(g) Mengadakan mesyuarat dengan juruaudit luar, juruaudit dalaman atau kedua-duanya, tanpa kehadiran pengarah lain dan kakitangan Kumpulan, apabila dianggap perlu; dan

(h) Bermesyuarat secara eksklusif di kalangan mereka, apabila dianggap perlu.

Jawatankuasa Audit boleh memberi kuasa kepada seorang atau lebih daripada seorang ahlinya untuk bertemu atau berkomunikasi dengan juruaudit luar dan/atau juruaudit dalaman secara bebas.

# LAPORAN
## JAWATANKUASA AUDIT

### 5.0 PENGERUSI JAWATANKUASA AUDIT

Pengerusi ahli Jawatankuasa Audit mestilah seorang Pengarah Bukan Eksekutif Bebas dan hendaklah dilantik oleh Ahli-ahli Jawatankuasa Audit.

### 6.0 SETIAUSAHA JAWATANKUASA AUDIT

(a) Setiausaha Syarikat akan bertindak sebagai Setiausaha Jawatankuasa Audit;

(b) Setiausaha Jawatankuasa Audit mestilah hadir bagi mencatatkan butiran mesyuarat Jawatankuasa Audit; dan

(c) Setiausaha Jawatankuasa Audit mempunyai tangungjawab-tanggungjawab berikut:

- (i) Memastikan mesyuarat diatur dan diadakan dengan sewajarnya;
- (ii) Membantu Pengerusi Jawatankuasa Audit dalam merancang dan merangka aktiviti Jawatankuasa Audit bagi tahun kewangan;
- (iii) Merangka agenda mesyuarat melalui perbincangan dengan Pengerusi Jawatankuasa Audit, dan mengedarkan agenda, bersama dengan kertas kerja penting, sekurang-kurangnya tujuh (7) hari sebelum setiap mesyuarat Jawatankuasa Audit
- (iv) Memastikan komunikasi yang teratur di antara (iaitu pelaporan secara rasmi dan semerta) Lembaga Pengarah dan Jawatankuasa Audit;
- (v) Memastikan prosiding mesyuarat direkod dan minit diedarkan kepada dan disahkan oleh Pengerusi Jawatankuasa Audit sebelum diedarkan kepada Lembaga Pengarah; dan
- (vi) Memastikan saranan Jawatankuasa Audit yang dibentangkan kepada Lembaga Pengarah disokong oleh kertas kerja, termasuk Laporan Jawatankuasa Audit atau minit yang menjelaskan rasional saranan Jawatankuasa Audit tersebut.

### 7.0 TANGGUNGJAWAB DAN TUGAS

#### 7.1 Menilai Risiko dan Persekitaran Kawalan

(a) Untuk mengkaji kecukupan dan keberkesanan rangka kerja pengurusan risiko perusahaan keseluruhan Kumpulan, strategi, dasar dan sistem; dan

(b) Untuk menilai keberkesanan sistem kawalan dalaman, iaitu keperluan risiko persekitaran kawalan dan pematuhan Kumpulan, berdasarkan keputusan audit luar dan dalaman serta jaminan daripada setiap individu yang bertanggungjawab.

#### 7.2 Memantau Laporan Kewangan

(a) Untuk mengkaji keputusan suku tahun dan penyata kewangan akhir tahun Kumpulan sebelum diluluskan oleh Lembaga Pengarah, dengan memberi tumpuan khusus terhadap:

- (i) perubahan dalam atau pelaksanaan dasar perakaunan utama;
- (ii) peristiwa dan pelarasan penting dan luar biasa; dan
- (iii) pematuhan terhadap piawaian laporan kewangan yang diguna pakai dan keperluan perundangan lain.

(b) Untuk mengkaji dan mengesyorkan sebarang perubahan dalam dasar perakaunan atau penambahbaikan dalam sistem kawalan dalaman, di mana perlu.

(c) Untuk mengkaji Laporan Jawatankuasa Audit untuk dimasukkan ke dalam Laporan Tahunan Syarikat dan mengesyorkan kelulusannya kepada Lembaga Pengarah.

#### 7.3 Menilai Proses dan Keputusan Audit Dalaman dan Luar

(a) Untuk mengkaji dengan juruaudit luar perkara-perkara berikut:

- (i) pelan audit mereka dan memastikan penyelarasan jika lebih daripada satu firma audit terlibat;
- (ii) penilaian mereka terhadap sistem kawalan dalaman;
- (iii) laporan audit mereka;
- (iv) masalah dan keraguan yang timbul daripada audit interim dan akhir, dan sebarang perkara yang ingin dibincangkan oleh juruaudit (tanpa kehadiran pihak pengurusan di mana wajar)
- (v) surat pengurusan dan tindak balas pengurusan; dan
- (vi) kecukupan bantuan yang diberikan oleh kakitangan Kumpulan kepada juruaudit luar.

(b) Untuk mengkaji sebarang surat peletakan jawatan daripada juruaudit luar dan melaporkannya kepada Lembaga;

(c) Untuk mengkaji sekiranya terdapat sebarang sebab juruaudit luaran tidak sesuai bagi pelantikan semula, dan membuat saranan yang sewajarnya kepada Lembaga;

(d) Untuk mengesyorkan pencalonan seseorang atau beberapa orang sebagai juruaudit luar, termasuk perkara berkaitan yuran audit.

(e) Berhubung dengan fungsi audit dalaman Kumpulan, untuk melaksanakan yang berikut:

   (i) mengkaji kecukupan skop, fungsi, daya saing dan sumber serta belanjawan fungsi audit dalaman Kumpulan dan bahawa ia mempunyai kuasa yang diperlukan untuk menjalankan tugasnya; dan melaporkan atau membuat saranan yang sewajarnya kepada Lembaga;

   (ii) meluluskan rancangan audit dalaman dan mengkaji keputusan rancangan audit dalaman atau penyiasatan yang dijalankan dan sama ada tindakan sewajarnya telah diambil berhubung saranan daripada fungsi audit dalaman Kumpulan; dan melaporkan atau membuat saranan yang sewajarnya kepada Lembaga;

   (iii) mengkaji keberkesanan fungsi audit dalaman Kumpulan FGV termasuk pematuhan kepada Piawaian Antarabangsa Amalan Profesional Audit Dalaman Institut Juruaudit Dalaman dan membuat saranan penambahbaikan fungsi audit dalaman;

   (iv) mengkaji sebarang taksiran atau penilaian prestasi fungsi audit dalaman Kumpulan FGV;

   (v) membuat catatan sebarang pelantikan atau pemecatan Ketua Juruaudit Dalaman FGV;

   (vi) menaksir prestasi Ketua Juruaudit Dalaman FGV; dan melaporkannya kepada FGV; dan

   (vii) mengambil perhatian kepada peletakan jawatan Ketua Juruaudit Dalaman FGV dan memberi peluang kepada individu yang meletak jawatan untuk mengemukakan sebab beliau meletak jawatan.

### 7.4 Mengkaji Situasi Percanggahan Kepentingan dan Urusniaga Pihak Berkaitan (termasuk Urusniaga Pihak Berkaitan Yang Berulang)

(a) Untuk mengkaji sebarang situasi percanggahan kepentingan dan urusniaga pihak berkaitan yang mungkin timbul di dalam Kumpulan termasuk sebarang urusniaga, prosedur atau tatacara yang menimbulkan persoalan mengenai kewibawaan pengurusan:

(b) Berkenaan Urusniaga Pihak Berkaitan, termasuk Urusniaga Pihak Berkaitan Yang Berulang, untuk:

   (i) memastikan bahawa Kumpulan mempunyai prosedur dan proses yang mencukupi untuk memantau, mengesan dan mengenal pasti urusniaga pihak berkaitan secara tepat pada masanya, dan mengkaji semula prosedur dan proses tersebut pada setiap tahun;

   (ii) menilai kecukupan prosedur, dasar dan syarat-syarat Urusniaga Pihak Berkaitan bagi memastikan urusniaga yang adil, munasabah dan berdasarkan terma komersial lazim; tidak lebih memihak kepada Pihak Berkaitan berbanding dengan yang umumnya tersedia kepada orang awam dan tidak merugikan pemegang saham minoriti serta untuk kepentingan Kumpulan;

   (iii) sekiranya Urusniaga Pihak Berkaitan tidak standing dengan sebut harga atau harga perbandingan dengan pihak-pihak ketiga yang tidak berkaitan, untuk mengkaji semula dasar harga urusniaga yang telah ditetapkan oleh pihak pengurusan berbanding dengan urusniaga oleh/kepada pihak-pihak yang tidak berkaitan bagi jenis urusniaga yang serupa untuk kelulusan Lembaga Pengarah; dan

(c) Urusniaga Pihak Berkaitan dan situasi percanggahan kepentingan harus menjadi agenda tetap mesyuarat Jawatankuasa Audit.

### 7.5 Tanggungjawab dan Tugas Lain

(a) Untuk mempertimbangkan sebarang kebimbangan yang diutarakan oleh juruaudit yang berkaitan pelanggaran atau tidak menunaikan sebarang keperluan atau hal-hal yang mungkin menjejaskan secara ketara kedudukan kewangan Kumpulan;

(b) Untuk melaporkan kepada Bursa Securities dengan segera jika Jawatankuasa Audit berpendapat bahawa sesuatu perkara yang dilaporkannya kepada Lembaga Pengarah FGV telah tidak diselesaikan dengan memuaskan hingga menyebabkan pelanggaran Keperluan Penyenaraian; dan

(c) Untuk melaksanakan sebarang fungsi lain yang telah dipersetujui oleh Jawatankuasa Audit dan Lembaga Pengarah.

## 8.0 PELAPORAN

(a) Jawatankuasa Audit haruslah secara kerap mengemaskini Lembaga mengenai aktiviti-aktivitinya dan membuat saranan yang sewajarnya kepada Lembaga:

(i) salinan minit setiap mesyuarat Jawatankuasa Audit yang disertakan dengan kertas kerja penjelasan dan diedarkan kepada ke semua ahli Lembaga selepas diendorskan oleh Pengerusi Jawatankuasa Audit; dan

(ii) Jawatankuasa Audit membawa kepada perhatian Lembaga sebarang perkara yang penting.

(b) Mengikut budi bicara Pengerusi Jawatankuasa Audit dan ahli-ahli Jawatankuasa Audit, sebarang perkara yang berkaitan yang dianggap penting harus dirujukkan kepada perhatian Lembaga.

(c) Jawatankuasa Audit bertanggungjawab dalam memastikan bahawa Syarikat membentangkan Laporan Jawatankuasa Audit di dalam laporan tahunannya, menurut Keperluan Penyenaraian Pasaran Utama.

## 9.0 HUBUNGAN DENGAN JAWATANKUASA AUDIT SYARIKAT PEMEGANGAN

(a) Jawatankuasa Audit akan melaksanakan kesemua fungsi di bawah terma rujukannya yang berkaitan dengan Kumpulan;

(b) Dalam melaksanakan fungsinya, Jawatankuasa Audit haruslah mengekalkan kekonsistenan tatatertib, bidang kuasa dan dasar-dasar selaras dengan Kumpulan FGV, khususnya di dalam dasar perakaunan dan dasar audit dalaman; dan

(c) Jawatankuasa Audit haruslah memaklumkan Jawatankuasa Audit FGV akan sebarang isu yang mungkin mempunyai kesan ke atas Kumpulan FGV.

## 10.0 PRESTASI JAWATANKUASA AUDIT

Lembaga akan mentaksirkan prestasi Jawatankuasa Audit secara tahunan ke tahap memastikan Jawatankuasa Audit telah memenuhi keperluan Terma Rujukannya, termasuk tempoh jawatan dan prestasi Jawatankuasa Audit dan setiap ahlinya. Penilaian prestasi ini mungkin merangkumi sebahagian daripada Penilaian Keberkesanan Lembaga tahunan, berhubung dengan penilaian Jawatankuasa Audit Lembaga.

## 11.0 ETIKA DAN PROSEDUR JAWATANKUASA AUDIT

(a) Kesemua ahli-ahli Jawatankuasa Audit haruslah melindungi kesemua komunikasi dalaman dan perlakukannya sebagai sulit dan peribadi, dan bagi kegunaan ahli-ahli Jawatankuasa Audit sahaja; dan

(b) Jawatankuasa Audit haruslah berusaha bersungguh-sungguh antara ahli-ahlinya dan mematuhi kesemua undang-undang dan peraturan-peraturan yang sah dan juga preskripsi yang dinyatakan di dalam Kod Etika & Tatalaku dan Kod Amalan Perniagaan para Pengarah.

## 12.0 ULASAN TERMA RUJUKAN

(i) Terma Rujukan dan pelan tugasan Jawatankuasa Audit akan dikaji secara tahunan dan apabila dan bila ianya diperlukan. Kajian ini akan disokong oleh Setiausaha Syarikat, Ketua Tadbir Urus, Pengurusan & Pematuhan Risiko, Ketua Juruaudit Dalaman FGV dan Pegawai Kewangan Kanan; dan

(ii) Kesemua pindaan kepada Terma Rujukan Jawatankuasa Audit perlu diluluskan oleh Lembaga.

## RINGKASAN AKTIVITI JAWATANKUASA AUDIT

Pengerusi Jawatankuasa Audit melapor setiap suku tahun kepada Lembaga Pengarah mengenai aktiviti yang dijalankan oleh Jawatankuasa Audit dalam pelaksanaan tugas dan tanggungjawabnya seperti yang digariskan dalam Terma Rujukan. Minit setiap mesyuarat Jawatankuasa Audit diedarkan kepada Lembaga pada mesyuarat Lembaga seterusnya.

Di dalam melaksanakan tanggungjawab dan tugasnya, Jawatankuasa Audit telah melaksanakan aktiviti-aktiviti utama yang berikut sepanjang tahun kewangan:

1. **Menilai Risiko Dan Persekitaran Kawalan**
   - Menilai kecukupan dan keberkesanan sistem kawalan dalaman dengan mengkaji hasil kerja yang dijalankan oleh juruaudit dalaman dan luar serta perbincangan dengan Pengurusan Utama.

2. **Menyelia Laporan Kewangan**
   Perkara-perkara berikut telah dikaji oleh Jawatankuasa Audit sebelum disyorkan kepada Lembaga Pengarah untuk kelulusan:
   - Keputusan Penyata Kewangan Suku Tahunan Belum Diaudit dan pengumuman-pengumuman berkaitan.
   - Penyata Kewangan Diaudit Kumpulan bagi tahun kewangan 2013 bagi memastikan supaya laporan kewangan tersebut memberi gambaran yang benar dan saksama mengenai prestasi kewangan Syarikat dan pematuhan dengan keperluan penguatkuasaan.
   - Laporan Jawatankuasa Audit, Penyata Kawalan Dalaman dan Penyata Tadbir Urus Korporat untuk dimasukkan ke dalam Laporan Tahunan.

3. **Mengkaji Proses Audit Luaran**
   - Mengkaji dan meluluskan terma perkhidmatan dan rancangan juruaudit luar dan penyelarasan dengan firma audit lain yang terlibat dalam mengaudit operasi Kumpulan bagi tahun kewangan.
   - Mengkaji dan menilai faktor-faktor berkaitan kebebasan juruaudit luar.
   - Menyemak skop dan strategi tugasan juruaudit luar dan setelah penilaian yang memuaskan dicapai, mengesyorkannya supaya Lembaga Pengarah meluluskan yuran yang perlu dibayar kepada juruaudit luar berhubung skop kerja yang telah dilaksanakan.
   - Mengkaji keputusan dan isu-isu yang timbul daripada audit oleh juruaudit luar bagi tahun kewangan dan kajian pertengahan tahunan penyata kewangan semasa tahun kewangan termasuk penyelesaian isu-isu yang diketengahkan dalam laporan mereka kepada Jawatankuasa Audit dan maklum balas Pengurusan. Juruaudit luaran hadir pada dua Mesyuarat Jawatankuasa Audit sepanjang tahun kewangan bagi tujuan ini.
   - Mengkaji penilaian juruaudit luaran bagi tahunan kewangan 2013 bagi pelantikan semula dan mengesyorkannya kepada Lembaga untuk kelulusan.

4. **Mengkaji Proses Audit Dalaman**
   - Mengkaji rancangan Audit Dalaman Tahunan bagi Kumpulan, yang telah disediakan menurut sistem penarafan keutamaan berdasarkan penilaian risiko dalam rangkuman audit untuk menyediakan liputan audit yang mencukupi.
   - Mengkaji kecukupan kecekapan dan sumber Audit Dalaman Kumpulan FGV untuk melaksanakan Pelan Audit Dalaman Tahunan Kumpulan.
   - Mempertimbangkan laporan audit dalaman, cadangan dan maklum balas pihak Pengurusan terhadap cadangan-cadangan ini. Di mana wajar, Jawatankuasa Audit telah mengarahkan pihak Pengurusan untuk membetulkan dan meningkatkan prosedur kawalan berdasarkan saranan-saranan Audit Dalaman Kumpulan FGV.
   - Mengemaskinikan pelaksanaan saranan-saranan pihak Pengurusan ke atas isu-isu yang belum dilaksanakan bagi memastikan ke semua risiko-risiko utama dan kawalan kelemahan telah ditangani dengan sewajarnya.
   - Mengkaji hasil siasatan yang dijalankan, termasuk laporan siasatan yang timbul daripada aduan menerusi pendedahan maklumat.
   - Memahami pematuhan fungsi audit dalaman Kumpulan kepada Piawaian Antarabangsa Juruaudit Dalaman bagi Amalan Profesional Pengauditan Dalaman berdasarkan Kajian Jaminan Kualiti Luaran oleh IIA Malaysia.
   - Menaksir prestasi Ketua Juruaudit Dalaman.

5. **Mengkaji Urusniaga Pihak Berkaitan**

- Mengkaji laporan suku tahunan ke atas Urus Niaga Pihak Berkaitan yang Berulangan (RRPT) bagi pemantauan urus niaga terhadap mandat pemegang saham.
- Mengkaji pekeliling RRPT untuk mendapatkan mandat daripada para pemegang saham ke atas Urus Niaga Pihak Berkaitan yang Berulangan Kumpulan dan mengesyorkannya kepada Lembaga bagi kelulusan.
- Mengkaji laporan audit dalaman RRPT.

## LATIHAN

Sepanjang tahun ini, ahli-ahli Jawatankuasa Audit telah menghadiri pelbagai persidangan, seminar dan program latihan.

## RINGKASAN AKTIVITI FUNGSI AUDIT DALAMAN

Fungsi audit dalaman bagi Kumpulan dilaksanakan oleh Audit Dalaman Kumpulan syarikat induk, FGV. Ketua Juruaudit Dalaman FGV secara fungsi melapor kepada Jawatankuasa Audit. Tugasan Audit Dalaman Kumpulan FGV berdasarkan Piagam Audit Dalaman Kumpulan, yang telah ditubuhkan selaras dengan keperluan Piawaian Antarabangsa IIA bagi Amalan Profesional Pengauditan Dalaman.

Audit Dalaman Kumpulan FGV memberikan jaminan bebas dan objektif untuk menilai kecukupan dan keberkesanan proses pengurusan, kawalan dan tadbir urus risiko Kumpulan merentasi keseluruhan operasi Kumpulan. Di samping memberikan jaminan, Audit Dalaman Kumpulan FGV juga memberikan khidmat nasihat dan siasatan. Bagi mengekalkan objektiviti tugasan jaminan, sebuah pasukan penyiasat audit khusus diperuntukan bagi siasatan audit.

Dalam melaksanakan audit bebas mereka, Audit Dalaman Kumpulan FGV telah menerima pakai pendekatan audit dalaman berasaskan risiko dengan memberi tumpuan kepada penilaian bidang-bidang risiko utama. Setiap tugasan audit dalaman dilaksanakan berdasarkan perancangan terperinci bagi penumpuan pengurusan risiko bagi mencapai objektif, ekonomi, kecekapan dan keberkesanan operasi, perlindungan aset, ketepatan, keutuhan dan ketepatan masa maklumat yang dilaporkan dan pematuhan kepada undang-undang, peraturan dan dasar-dasar dan prosedur-prosedur dalaman.

Sepanjang tahun kewangan berakhir 31 Disember 2014, Audit Dalaman Kumpulan FGV telah melaksanakan aktiviti-aktiviti utama berikut bagi Kumpulan:

(a) Menjalankan audit menurut Rancangan Audit Dalaman Kumpulan Tahunan yang telah diluluskan oleh Jawatankuasa Audit dan melaporkan penemuan, saranan dan tindakan pembetulan oleh pihak pengurusan kepada Jawatankuasa Audit setiap suku tahun.

(b) Melaksanakan kajian khas dan audit penyiasatan berdasarkan keperluan Jawatankuasa Audit, pihak Pengurusan dan Jawatankuasa Pendedahan Maklumat serta melaporkan keputusan penyiasatan berkenaan kepada Jawatankuasa Audit dan pihak Pengurusan.

(c) Melaksanakan kajian RRPT bagi tujuan menyokong penyata Jawatankuasa Audit di dalam Pekeliling kepada pemegang-pemegang saham bagi mendapatkan mandat ke atas RRPT baru dan sedia ada Kumpulan.

(d) Mengkaji dokumen bagi memberikan input ke atas Penyata Kawalan Dalaman, Laporan Jawatankuasa Audit dan Penyata Tadbir Urus untuk disertakan ke dalam Laporan Tahunan 2013.

(e) Menerusi inisiatif-inisiatif pada tahap FGV, telah melaksanakan mekanisma susulan berkala bagi ke semua saranan-saranan audit, termasuk susulan perkara-perkara yang dilaporkan oleh juruaudit luaran di dalam laporan Jawatankuasa Audit. Status pelaksanaan telah dilaporkan kepada Jawatankuasa Audit Pengurusan pada tahap FGV.

(f) Menerusi inisiatif-inisiatif pada tahap FGV, telah melaksanakan Kajian Jaminan Kualiti Luaran oleh IIA Malaysia.

Jumlah kos yang ditanggung untuk Audit Dalaman Kumpulan FGV bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2014 adalah sebanyak RM1,681,973 (2013: RM1,538,081).

## PENYATA OLEH LEMBAGA PENGARAH

Laporan Jawatankuasa Audit disediakan selaras dengan resolusi Lembaga Pengarah dan diluluskan pada 8 April 2015.

# INTEGRITI
## KORPORAT

KUMPULAN MSM KOMITED KEPADA SATU BUDAYA INTEGRITI. KOD ETIKA & TATALAKU DAN KOD AMALAN PERNIAGAAN YANG TELAH DILANCARKAN OLEH KUMPULAN FGV MENETAPKAN PRINSIP-PRINSIP ETIKA PERNIAGAAN YANG PERLU DIPATUHI, DITERIMA PAKAI DAN DITERAPKAN KE DALAM SEMUA OPERASI DAN PERNIAGAAN MSM SERTA KUMPULAN SYARIKATNYA. INI BAGI MEMASTIKAN KUMPULAN MSM SENTIASA MEMATUHI UNDANG-UNDANG DAN NILAI ETIKA DALAM MENGENDALIKAN PERNIAGAANNYA DI SELURUH DUNIA.

Menerusi pengenalan dan pelaksanaan Kod Etika & Tatalaku, Kod Amalan Perniagaan, Dasar Hadiah, Akur Janji Integriti Korporat oleh Kumpulan FGV, Kumpulan MSM sebagai sebuah subsidiari Kumpulan FGV komited untuk:

- Mematuhi kesemua undang-undang, dasar-dasar, prosedur, aturan, peraturan dan garis panduan,
- Mengendalikan operasi kami dengan sebaik usaha menurut piawaian antarabangsa, sementara sentiasa meningkatkan kualiti produk dan perkhidmatan kami,
- Membekalkan produk dan perkhidmatan kepada para pelanggan menurut akur janji kami,
- Bangga dalam menyumbang terhadap kejayaan MSM,
- Menjulang nilai-nilai teras FGV; PRIDE (Kerjasama, Hormat, Integriti, Dinamisma, Semangat); dan
- Mengamalkan sikap terbuka dan jujur dalam kesemua aspek.

# MAKLUMAT
## PEMATUHAN TAMBAHAN

SELARAS DENGAN PEMATUHAN KEPERLUAN PENYENARAIAN PASARAN UTAMA BURSA MALAYSIA SECURITIES BERHAD, MAKLUMAT BERIKUTNYA DIBERIKAN:

### 1. PENGGUNAAN PENDAPATAN DARIPADA CADANGAN-CADANGAN KORPORAT

Tiada pendapatan daripada cadangan-cadangan korporat sepanjang tahun kewangan berakhir 31 Disember 2014.

### 2. BELIAN BALIK SAHAM

Syarikat tidak membuat sebarang cadangan untuk pembelian balik saham sepanjang tahun kewangan berakhir 31 Disember 2014.

### 3. OPSYEN, WARAN ATAU SEKURITI BOLEH TUKAR

Syarikat tidak menerbitkan sebarang opsyen, waran atau sekuriti boleh tukar sepanjang tahun kewangan berakhir 31 Disember 2014.

### 4. PROGRAM PENERIMAAN DEPOSITORI AMERIKA (ADR) ATAU PENERIMAAN DEPOSITORI GLOBAL (GDR)

Syarikat tidak menaja sebarang program ADR atau GDR sepanjang tahun kewangan berakhir 31 Disember 2014.

### 5. SEKATAN DAN/ATAU PENALTI PENTING

Tidak ada sekatan dan/atau penalti penting yang dikenakan ke atas Syarikat, anak-anak syarikatnya, para Pengarah atau Pengurusannya, oleh badan-badan kawal selia yang berkaitan sepanjang tahun kewangan berakhir 31 Disember 2014.

### 6. YURAN BUKAN AUDIT

Jumlah yuran bukan audit yang ditanggung bagi perkhidmatan yang diberi kepada Syarikat oleh juruaudit luar, PricewaterhouseCoopers bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2014 berjumlah RM73,000.

### 7. PERUBAHAN DALAM KEPUTUSAN

Tiada anggaran keuntungan, ramalan atau unjuran yang dibuat atau disiarkan oleh Syarikat sepanjang tahun kewangan berakhir 31 Disember 2014.

### 8. JAMINAN KEUNTUNGAN

Tiada sebarang jaminan keuntungan yang telah diberikan oleh Syarikat pada tahun kewangan berakhir 31 Disember 2014.

### 9. KONTRAK PENTING

Tiada kontrak atau pinjaman penting telah dimeterai oleh Syarikat atau anak-anak syarikatnya yang melibatkan kepentingan para Pengarah atau pemegang saham utamanya, yang masih wujud pada akhir tahun kewangan berakhir 31 Disember 2014 atau dimeterai semenjak berakhir tahun kewangan sebelumnya.

## 10. PENDEDAHAN URUSNIAGA-URUSNIAGA BERULANG DENGAN PIHAK BERKAITAN YANG BERBENTUK HASIL (RRPT)

| Pihak Berurusniaga | Jenis hubungan | Jenis Urusniaga | Nilai urusniaga bagi tahun berakhir 31 Disember 2014 | |
|---|---|---|---|---|
| | | | 2014 (anggaran) RM'000 | 2014 (sebenar) RM'000 |
| MSM Prai Berhad (MSM Prai) dan Felda Trading Sdn Bhd (FTSB) | Pemegang Saham Utama Berkepentingan<br>• Koperasi Permodalan FELDA Malaysia Berhad (KPF)<br>Pengarah Berkepentingan<br>• Tiada | Penjualan gula daripada MSM Prai kepada FTSB | 20,000 | 18,685 |
| MSM Perlis Sdn Bhd (MSM Perlis) dan Felda Trading Sdn Bhd (FTSB) | Pemegang Saham Utama Berkepentingan<br>• KPF<br>Pengarah Berkepentingan<br>• Tiada | Penjualan gula daripada MSM Prai kepada FTSB | 6,000 | 590 |
| MSM Malaysia Holdings Berhad (MSM) dan Felda Engineering Services Sdn Bhd (FESSB) | Pemegang Saham Utama Berkepentingan<br>• KPF<br>• FGV<br>• FELDA<br>Pengarah Berkepentingan<br>• YB Tan Sri Haji Mohd Isa Dato' Haji Abdul Samad | Penyediaan perkhidmatan logistik dan pengubahsuaian | 2,000 | 378 |
| MSM Malaysia Holdings Berhad (MSM) dan Felda Prodata Services Sdn Bhd (FPSSB) | Pemegang Saham Utama Berkepentingan<br>• KPF<br>• FGV<br>• FAHC<br>• FELDA<br>Pengarah Berkepentingan<br>• YB Tan Sri Haji Mohd Isa Dato' Haji Abdul Samad<br>• Dato' Mohd Emir Mavani Abdullah<br>• Dr. Suzana Idayu Wati Osman | Penyediaan perkhidmatan IT | 2,000 | 255 |

# MAKLUMAT
## PEMATUHAN TAMBAHAN

| Pihak Berurusniaga | Jenis hubungan | Jenis Urusniaga | Nilai urusniaga bagi tahun berakhir 31 Disember 2014<br>2014 (anggaran) RM'000 | <br>2014 (sebenar) RM'000 |
|---|---|---|---|---|
| MSM Malaysia Holdings Berhad (MSM) dan Felda Global Ventures Sdn Bhd (FGVH) | Pemegang Saham Utama Berkepentingan<br>• FAHC<br>• FELDA<br>Pengarah Berkepentingan<br>• YB Tan Sri Haji Mohd Isa Dato' Haji Abdul Samad<br>• YB Datuk Noor Ehsanuddin Mohd Harun Narrashid<br>• Dato' Mohd Emir Mavani Abdullah<br>• Datuk Haji Faizoull Ahmad | Yuran Pengurusan dan lain-lain | 5,000 | 4,294 |
| MSM Perlis Sdn Bhd (MSM Perlis) dan Felda Agricultural Services Sdn Bhd (FASSB) | Pemegang Saham Utama Berkepentingan<br>• KPF<br>• FGV<br>• FELDA<br>Pengarah Berkepentingan<br>• YB Tan Sri Haji Mohd Isa Dato' Haji Abdul Samad<br>• Dato' Mohd Emir Mavani Abdullah | i. Perbelanjaan makmal<br>ii. Penyediaan bahan kimia untuk pertanian<br>iii. Penyediaan anak benih kelapa sawit dan perkhidmatan berkaitan<br>iv. Bahan lapisan sungkupan | 1,000 | 19 |
| MSM Malaysia Holdings Berhad (MSM) dan Felda D' Saji Sdn Bhd (FDSSB) | Pemegang Saham Utama Berkepentingan:<br>• KPF<br>• FELDA<br>Pengarah Berkepentingan:<br>• Datuk Haji Faizoull Ahmad | Hidangan bagi acara-acara Korporat MSM | 1,000 | 106 |
| MSM Malaysia Holdings Berhad (MSM) dan Delima Oil Products Sdn Bhd (DOPSB) | Pemegang Saham Utama Berkepentingan:<br>• KPF<br>• FELDA<br>• FGV<br>• FAHC<br>Pengarah Berkepentingan:<br>• YB Tan Sri Haji Mohd Isa Dato' Haji Abdul Samad<br>• Dato' Mohd Emir Mavani Abdullah<br>• Dr. Suzana Idayu Wati Osman | Cenderahati bagi acara-acara Korporat MSM | 1,000 | Tiada |

| Pihak Berurusniaga | Jenis hubungan | Jenis Urusniaga | Nilai urusniaga bagi tahun berakhir 31 Disember 2014 | |
|---|---|---|---|---|
| | | | 2014 (anggaran) RM'000 | 2014 (sebenar) RM'000 |
| MSM Malaysia Holdings Berhad (MSM) dan Felda Travel Sdn Bhd (FTSB) | Pemegang Saham Utama Berkepentingan:<br>• FGV<br>• FAHC<br>• FELDA<br>Pengarah Berkepentingan:<br>• YB Tan Sri Haji Mohd Isa Dato' Haji Abdul Samad<br>• Datuk Haji Faizoull Ahmad<br>• Dato' Mohd Emir Mavani Abdullah<br>• Dr. Suzana Idayu Wati Osman | Perkhidmatan Tiket | 1,000 | 202 |
| MSM Perlis Sdn Bhd (MSM Perlis) dan FPM Sendirian Berhad (FPMSB) | Pemegang Saham Utama Berkepentingan:<br>• FGV<br>• FAHC<br>• FELDA<br>Pengarah Berkepentingan:<br>• YB Datuk Noor Ehsanuddin Mohd Harun Narrashid<br>• Dato' Mohd Emir Mavani Abdullah<br>• Dr. Suzana Idayu Wati Osman | Baja | 1,000 | 870 |
| MSM Malaysia Holdings Berhad (MSM) dan Felda Trading Sdn Bhd | Pemegang Saham Utama Berkepentingan:<br>• KPF<br>Pengarah Berkepentingan:<br>• Tiada | i. Perkhidmatan Pencetakan<br>ii. Bahan Pertanian | 1,000 | 380 |
| MSM Malaysia Holdings Berhad (MSM) dan FELDA | Pemegang Saham Utama Berkepentingan:<br>• Tiada<br>Pengarah Berkepentingan:<br>• YB Tan Sri Haji Mohd Isa Dato' Haji Abdul Samad<br>• Datuk Haji Faizoull Ahmad | Biji Benih dan Pertanian | 1,000 | Tiada |





# PENYATA KEWANGAN

ms142 – 225


| | |
|---|---|
| 142 | Penyata Tanggungjawab Pengarah |
| 143 | Laporan Para Pengarah |
| 148 | Penyata Para Pengarah |
| 149 | Perakuan Berkanun |
| 150 | Laporan Juruaudit Bebas |
| 152 | Penyata Pendapatan Komprehensif |
| 153 | Penyata Kedudukan Kewangan |
| 155 | Penyata Perubahan dalam Ekuiti |
| 157 | Penyata Aliran Tunai |
| 159 | Nota kepada Penyata Kewangan |
| 225 | Maklumat Tambahan |

# PENYATA
## TANGGUNGJAWAB PENGARAH

AKTA SYARIKAT, 1965 MENGKEHENDAKI PARA PENGARAH MENYEDIAKAN PENYATA KEWANGAN (TERMASUK PENYATA KEDUDUKAN KEWANGAN YANG DISATUKAN DAN PENYATA PENDAPATAN KOMPREHENSIF YANG DISATUKAN KUMPULAN) BAGI SETIAP TAHUN KEWANGAN SELARAS DENGAN PIAWAIAN PERAKAUNAN YANG DILULUSKAN DI MALAYSIA OLEH LEMBAGA PIAWAIAN PERAKAUNAN MALAYSIA (MASB) BAGI ENTITI-ENTITI SELAIN DARIPADA ENTITI-ENTITI SWASTA DAN PERUNTUKAN AKTA SYARIKAT, 1965 DAN KEPERLUAN PENYENARAIAN PASARAN UTAMA BURSA MALAYSIA SECURITIES BERHAD (BURSA MALAYSIA), BAGI MEMBENTANGKAN PENYATA KEWANGAN SYARIKAT DI MESYUARAT AGUNG TAHUNANNYA.

Disertakan di muka surat 152 hingga 224 Laporan Tahunan ini adalah penyata kewangan Syarikat dan Kumpulan bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2014. Akta Syarikat, 1965 meletakkan tanggungjawab ke atas para Pengarah bagi mereka memastikan bahawa penyata kedudukan kewangan yang disatukan memberikan pandangan yang benar dan saksama mengenai urusan Kumpulan pada 31 Disember 2014 dan penyata pendapatan komprehensif yang disatukan memberikan pandangan yang benar dan saksama mengenai keputusan Kumpulan bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2014.

Dalam melaksanakan tanggungjawab mereka mengikut undang-undang, para Pengarah bergantung kepada sistem kawalan dalaman Kumpulan bagi memberikan mereka kepercayaan munasabah bahawa rekod perakaunan Kumpulan dan rekod-rekod lain yang berkaitan yang diuruskan oleh Kumpulan membolehkan para Pengarah menjelaskan urusniaga dan kedudukan kewangan Kumpulan dengan sewajarnya. Ini juga membolehkan para Pengarah memastikan bahawa penyata kedudukan kewangan dan penyata pendapatan komprehensif yang disatukan serta dokumen-dokumen lain yang disertakan adalah benar dan saksama selaras dengan keperluan Akta Syarikat, 1965, dan disediakan bagi tahun kewangan berkait kepada penyata kewangan tersebut.

Akta Syarikat, 1965 juga memerlukan para Pengarah memastikan bahawa Syarikat menyimpan segala rekod perakaunan dan lain-lain rekod di dalam keadaan di mana para Pengarah boleh menjelaskan urusniaga dan kedudukan kewangan Syarikat dan Kumpulan dengan sewajarnya, dan menyediakan penyata kedudukan kewangan dan penyata pendapatan komprehensif yang disatukan serta dokumen-dokumen lain yang disertakan adalah benar dan saksama, dan juga membolehkan rekod-rekod perakaunan tersebut diaudit dengan mudah dan sewajarnya.

Para Pengarah juga memiliki tanggungjawab am untuk mengambil langkah-langkah yang munasabah bagi melindungi aset Kumpulan dan Syarikat serta mengesan dan membanteras penipuan dan kesalahan-kesalahan lain.

# LAPORAN
## PARA PENGARAH

Para Pengarah dengan sukacitanya membentangkan laporan mereka bersama dengan penyata kewangan teraudit Kumpulan dan Syarikat bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2014.

### KEGIATAN UTAMA

Kegiatan utama Syarikat adalah pemegangan pelaburan. Kegiatan utama anak-anak syarikat dinyatakan dalam Nota 18 kepada penyata kewangan.

Tidak ada perubahan ketara dalam kegiatan bagi Kumpulan dan Syarikat ini dalam tahun kewangan.

### KEPUTUSAN-KEPUTUSAN KEWANGAN

| | Kumpulan RM'000 | Syarikat RM'000 |
|---|---|---|
| Keuntungan bagi tahun kewangan | 257,013 | 172,497 |

### DIVIDEN

Dividen ke atas saham-saham biasa dibayar atau diisytiharkan oleh Syarikat sejak 31 Disember 2013 adalah seperti berikut:

| | RM'000 |
|---|---|
| Bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2013: | |
| Dividen akhir satu peringkat sebanyak 14 sen setiap saham, dibayar pada 11 Julai 2014 | 98,417 |
| Bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2014: | |
| Dividen interim satu peringkat sebanyak 10 sen setiap saham, dibayar pada 19 September 2014 | 70,298 |
| | 168,715 |

Lembaga Pengarah mengesyorkan bayaran dividen akhir satu peringkat sebanyak 14 sen setiap saham berjumlah RM98.42 juta yang tidak dikenakan cukai di tangan pemegang-pemegang saham selaras dengan perenggan 12B Jadual 6 Akta Cukai Pendapatan 1967, tertakluk kepada kelulusan pemegang-pemegang saham pada Mesyuarat Agung Tahunan Syarikat yang akan datang.

# LAPORAN
## PARA PENGARAH

### RIZAB DAN PERUNTUKAN

Semua pemindahan material kepada dan daripada rizab atau peruntukan sepanjang tahun kewangan ini dinyatakan dalam penyata kewangan.

### TERBITAN SAHAM-SAHAM

Syarikat tidak menerbitkan sebarang saham atau debentur dalam tahun kewangan.

### PARA PENGARAH

Para Pengarah yang memegang jawatan sejak tarikh laporan terakhir adalah seperti berikut:

| | |
|---|---|
| YB Tan Sri Haji Mohd Isa Dato' Haji Abdul Samad | |
| Dato' Zainal Haji Ismail | |
| Dato' Hajjah Rosni Haji Zahari | |
| YB Datuk Noor Ehsanuddin Mohd Harun Narrashid | |
| Datuk Haji Faizoull Ahmad | |
| Datuk Lim Thean Shiang | |
| Dato' Mohd Emir Mavani Abdullah | |
| Dato' Rosini Abd Samad | (Dilantik pada 7 Januari 2015) |
| Dato' Sheikh Awab Sheikh Abod | (Dilantik pada 20 Ogos 2014) |
| Dr. Suzana Idayu Wati Osman | (Bersara pada 20 Ogos 2014) |
| YM Raja Anuar Raja Abu Hassan | (Bersara pada 10 Oktober 2014) |

### MANFAAT PARA PENGARAH

Semasa dan pada akhir tahun kewangan, tiada perancangan diatur di mana Syarikat merupakan satu pihak, kepada sebarang perancangan dengan tujuan atau tujuan-tujuan bagi membolehkan para Pengarah Syarikat untuk memperoleh manfaat melalui perolehan saham, atau debentur Syarikat atau mana-mana badan korporat yang lain.

Sejak akhir tahun kewangan yang lepas, tiada Pengarah telah menerima atau menjadi berhak untuk menerima manfaat (selain daripada sebagaimana dinyatakan dalam Nota 10 kepada penyata kewangan) disebabkan oleh kontrak yang dibuat oleh Syarikat atau perbadanan berkaitan dengan Pengarah atau dengan firma yang mana beliau adalah ahli, atau dengan Syarikat dalam mana beliau mempunyai kepentingan kewangan yang besar.

## KEPENTINGAN PARA PENGARAH DALAM SAHAM DAN DEBENTUR

Mengikut Daftar Pemegangan Saham Pengarah, para Pengarah yang memegang jawatan pada akhir tahun kewangan dan kepentingan mereka dalam saham-saham Syarikat dan perbadanan-perbadanan berkaitannya adalah seperti berikut:

| | Bilangan saham biasa bernilai RM0.50 sesaham | | | |
|---|---|---|---|---|
| **Pemegangan saham dalam Syarikat** | **Pada 1.1.2014** | **Diberikan/ diperolehi** | **Dilupuskan** | **Pada 31.12.2014** |
| YB Tan Sri Haji Mohd Isa Dato' Haji Abdul Samad | 20,000 | – | – | 20,000 |
| Dato' Zainal Haji Ismail | 20,000 | – | – | 20,000 |
| Dato' Hajjah Rosni Haji Zahari | 20,000 | – | – | 20,000 |

**Pemegangan saham dalam Felda Global Ventures Holdings Berhad**

| | Bilangan saham biasa bernilai RM0.50 sesaham | | | |
|---|---|---|---|---|
| | **Pada 1.1.2014** | **Diberikan/ diperolehi** | **Dilupuskan** | **Pada 31.12.2014** |
| YB Tan Sri Haji Mohd Isa Dato' Haji Abdul Samad | 180,000 | – | – | 180,000 |
| YB Datuk Noor Ehsanuddin Mohd Harun Narrashid | 150,000 | – | – | 150,000 |
| Datuk Haji Faizoull Ahmad | 110,000 | – | – | 110,000 |
| Dato' Mohd Emir Mavani Abdullah | 150,000 | – | – | 150,000 |

## MAKLUMAT BERKANUN KE ATAS PENYATA KEWANGAN

Sebelum penyata pendapatan komprehensif dan penyata kedudukan kewangan Kumpulan dan Syarikat disediakan, para Pengarah telah mengambil langkah-langkah yang sewajarnya:

(a) untuk memastikan agar tindakan sewajarnya telah diambil berhubung dengan pelupusan hutang lapuk dan penyediaan peruntukan bagi hutang ragu dan mereka berpuas hati bahawa semua hutang lapuk diketahui telah dihapus kira dan bahawa peruntukan yang mencukupi telah dibuat bagi hutang ragu; dan

(b) untuk memastikan bahawa mana-mana aset semasa, selain daripada hutang, yang tidak berkemungkinan untuk direalisasi dalam perjalanan biasa perniagaan, nilainya ditunjukkan dalam rekod perakaunan Kumpulan dan Syarikat telah dikurangkan nilai kepada satu jumlah mungkin dijangkakan dapat direalisasikan.

## MAKLUMAT BERKANUN KE ATAS PENYATA KEWANGAN (SAMBUNGAN)

Pada tarikh laporan ini, para Pengarah tidak menyedari sebarang keadaan:

(a) yang mungkin menjadikan jumlah dihapus kira bagi hutang lapuk atau jumlah peruntukan bagi hutang ragu dalam penyata kewangan Kumpulan dan Syarikat tidak mencukupi sehingga mana-mana tahap yang ketara; atau

(b) yang mungkin menjadikan nilai dikaitkan kepada aset semasa dalam penyata kewangan Kumpulan dan Syarikat mengelirukan; atau

(c) yang telah timbul dan menjadikan pematuhan kepada kaedah penilaian aset atau liabiliti sedia ada Kumpulan dan Syarikat mengelirukan atau tidak wajar.

Tiada liabiliti luar jangka atau lain-lain liabiliti telah dikuatkuasakan atau berkemungkinan dikuatkuasakan dalam tempoh dua belas bulan selepas akhir tahun kewangan yang, pada pendapat para Pengarah, akan atau mungkin menjejaskan keupayaan Kumpulan atau Syarikat untuk memenuhi kewajipan mereka apabila tiba masanya.

Pada tarikh laporan ini, tidak wujud:

(a) sebarang gadaian ke atas aset Kumpulan dan Syarikat yang telah timbul sejak akhir tahun kewangan yang menjamin liabiliti mana-mana orang lain; atau

(b) sebarang liabiliti luar jangka Kumpulan dan Syarikat yang timbul sejak akhir tahun kewangan.

Pada tarikh laporan ini, para Pengarah tidak menyedari akan sebarang keadaan yang dinyatakan di dalam laporan ini atau penyata kewangan yang mungkin menjadikan mana-mana jumlah dinyatakan dalam penyata kewangan mengelirukan.

Pada pendapat para Pengarah,

(a) keputusan operasi Kumpulan dan Syarikat dalam tahun kewangan tidak terjejas dengan ketara oleh sebarang perkara, urus niaga atau peristiwa yang bersifat material dan luar biasa; dan

(b) tidak timbul dalam tempoh di antara akhir tahun kewangan dan tarikh laporan ini, sebarang perkara, urus niaga atau peristiwa yang bersifat material dan luar biasa yang berkemungkinan akan menjejaskan dengan ketara keputusan operasi Kumpulan atau Syarikat bagi tahun kewangan dilaporkan.

## SYARIKAT PEMEGANGAN UTAMA

Para Pengarah menganggap Felda Global Ventures Holdings Berhad, sebuah syarikat diperbadankan di Malaysia dan disenaraikan pada Pasaran Utama Bursa Malaysia Securities Berhad, sebagai syarikat pemegangan utama.

## JURUAUDIT

Juruaudit, PricewaterhouseCoopers, telah menyatakan kesanggupan mereka untuk terus berkhidmat.

Ditandatangani bagi pihak Lembaga Pengarah selaras dengan resolusi bertarikh 11 Februari 2015.

**YB TAN SRI HAJI MOHD ISA DATO' HAJI ABDUL SAMAD**
PENGERUSI

**DATO' SHEIKH AWAB SHEIKH ABOD**
PENGARAH

Kuala Lumpur

# PENYATA

## PARA PENGARAH

## menurut Seksyen 169 (15) Akta Syarikat, 1965

Kami, Tan Sri Mohd Isa Dato' Haji Abdul Samad dan Dato' Sheikh Awab Sheikh Abod, dua daripada Pengarah MSM Malaysia Holdings Berhad, menyatakan bahawa, pada pendapat para Pengarah, set penyata kewangan yang dikemukakan pada muka surat 152 hingga 224 disediakan untuk memberikan gambaran sebenar dan saksama mengenai kedudukan kewangan Kumpulan dan Syarikat pada 31 Disember 2014 dan prestasi kewangan dan aliran tunai Kumpulan dan Syarikat bagi tahun kewangan berakhir pada ketika itu selaras dengan Piawaian Pelaporan Kewangan di Malaysia dan peruntukan-peruntukan Akta Syarikat 1965.

Maklumat tambahan yang dinyatakan dalam Nota 41 pada muka surat 225 telah disediakan selaras dengan Garis Panduan mengenai Perkara Khas No.1, Penentuan Keuntungan atau Kerugian Direalis dan Tidak Direalis dalam Konteks Pendedahan Selaras Dengan Syarat-syarat Penyenaraian Bursa Malaysia Securities Berhad, sebagaimana dikeluarkan oleh Institut Akauntan Malaysia.

Ditandatangani bagi pihak Lembaga Pengarah selaras dengan resolusi bertarikh 11 Februari 2015.

**YB TAN SRI HAJI MOHD ISA DATO' HAJI ABDUL SAMAD**
PENGERUSI

**DATO' SHEIKH AWAB SHEIKH ABOD**
PENGARAH

Kuala Lumpur

# PERAKUAN
## BERKANUN
## menurut Seksyen 169 (16) Akta Syarikat, 1965

Saya, Raja Faridah Raja Ahmad, sebagai pegawai utama bertanggungjawab bagi pengurusan kewangan MSM Malaysia Holdings Berhad, dengan sesungguhnya dan seikhlasnya memperakui bahawa, set penyata kewangan yang dikemukakan pada muka surat 152 hingga 224 adalah, pada pendapat saya, betul dan saya membuat perakuan ini dengan secara sedar mempercayai yang sama sebagai benar, dan selaras dengan peruntukan Akta Perakuan Berkanun, 1960.

**RAJA FARIDAH RAJA AHMAD**

Ditandatangani dan sesungguhnya diperakui di hadapan saya oleh Raja Faridah Raja Ahmad di Kuala Lumpur dalam Malaysia pada 11 Februari 2015, di hadapan saya.

PESURUHJAYA SUMPAH

# LAPORAN
## JURUAUDIT BEBAS
## kepada ahli-ahli MSM Malaysia Holdings Berhad
**(DIPERBADANKAN DI MALAYSIA) (NO. SYARIKAT 935722 K)**

## LAPORAN MENGENAI PENYATA KEWANGAN

Kami telah mengaudit penyata kewangan MSM Malaysia Holdings Berhad pada muka surat 152 hingga 224, yang terdiri daripada penyata kedudukan kewangan pada 31 Disember 2014 Kumpulan dan Syarikat, dan penyata pendapatan komprehensif, penyata perubahan dalam ekuiti dan penyata aliran tunai Kumpulan dan Syarikat bagi tahun berakhir pada ketika itu, dan ringkasan polisi-polisi perakaunan penting dan lain-lain nota penjelasan, sebagaimana dikemukakan pada Nota 1 hingga 40.

### Tanggungjawab para Pengarah Bagi Penyata Kewangan

Para Pengarah Syarikat bertanggungjawab bagi penyediaan penyata kewangan yang memberikan gambaran sebenar dan saksama selaras dengan Piawaian-piawaian Pelaporan Kewangan di Malaysia dan Akta Syarikat 1965 di Malaysia. Para Pengarah juga bertanggungjawab bagi kawalan dalaman tertentu sebagaimana para Pengarah putuskan sebagai perlu untuk membolehkan penyediaan penyata kewangan yang adalah bebas daripada salah nyataan material, sama ada disebabkan oleh fraud atau kesilapan.

### Tanggungjawab Juruaudit

Tanggungjawab kami adalah untuk menyatakan pendapat mengenai penyata kewangan ini berdasarkan audit kami. Kami melaksanakan audit kami selaras dengan piawaian-piawaian diluluskan mengenai pengauditan di Malaysia. Piawaian-piawaian ini memerlukan agar kami mematuhi syarat-syarat etika dan merancang dan melaksanakan audit untuk mendapatkan jaminan munasabah mengenai sama ada penyata kewangan adalah bebas daripada salah nyataan material.

Sesuatu audit melibatkan pelaksanaan prosedur-prosedur untuk mendapatkan bukti audit mengenai jumlah dan pendedahan dalam penyata kewangan. Prosedur-prosedur dipilih bergantung pada pertimbangan kami, termasuk penilaian risiko salah nyataan material penyata kewangan, sama ada disebabkan oleh fraud atau kesilapan. Dalam membuat penilaian risiko tersebut, kami menimbangkan kawalan dalaman yang berkenaan kepada penyediaan penyata kewangan yang memberikan gambaran sebenar dan saksama untuk mereka prosedur-prosedur audit yang sesuai dalam keadaan-keadaan, tetapi bukan untuk tujuan menyatakan pendapat mengenai keberkesanan kawalan dalaman entiti. Sesuatu audit juga termasuk menilai kesesuaian polisi-polisi perakaunan yang digunakan dan kemunasabahan anggaran-anggaran perakaunan yang dibuat oleh para Pengarah, serta juga menilai pembentangan keseluruhan penyata kewangan.

Kami percaya bahawa bukti audit kami yang telah kami peroleh adalah mencukupi dan wajar untuk menyediakan asas bagi pendapat audit kami.

### Pendapat

Pada pendapat kami, penyata kewangan memberikan gambaran sebenar dan saksama kedudukan kewangan Kumpulan dan Syarikat pada 31 Disember 2014 dan prestasi kewangan dan aliran tunai mereka bagi tahun kewangan berakhir pada ketika itu selaras dengan Piawaian-piawaian Pelaporan Kewangan dan keperluan-keperluan Akta Syarikat 1965 di Malaysia.

## LAPORAN MENGENAI KEPERLUAN UNDANG-UNDANG DAN BERPERATURAN LAIN

Selaras dengan keperluan Akta Syarikat 1965 di Malaysia, kami juga melaporkan yang berikut:

(a) Pada pendapat kami, rekod perakaunan dan lain-lain rekod dan daftar yang diperlukan oleh Akta untuk disimpan oleh Syarikat dan anak-anak syarikatnya untuk yang mana kami telah bertindak sebagai juruaudit telah disusun dengan teratur selaras dengan peruntukan-peruntukan Akta.

(b) Kami berpuas hati bahawa penyata kewangan anak-anak syarikat yang telah disatukan dengan penyata kewangan Syarikat dalam bentuk dan kandungan sewajarnya dan teratur untuk tujuan penyediaan penyata kewangan Kumpulan dan kami telah menerima maklumat dan penjelasan memuaskan yang diperlukan oleh kami untuk tujuan tersebut.

(c) Laporan juruaudit mengenai penyata kewangan anak-anak syarikat tidak mengandungi sebarang syarat atau sebarang ulasan kurang baik yang dibuat di bawah Seksyen 174(3) Akta.

## LAIN-LAIN TANGGUNGJAWAB PELAPORAN

Maklumat tambahan dinyatakan dalam Nota 41 pada muka surat 225 dinyatakan untuk memenuhi keperluan Bursa Malaysia Securities Berhad dan bukan sebahagian daripada penyata kewangan. Para Pengarah bertanggungjawab bagi penyediaan maklumat tambahan selaras dengan Panduan mengenai Perkara Khas No. 1, Penentuan Keuntungan atau Kerugian Direalis dan Tidak Direalis dalam Konteks Pendedahan Selaras dengan Syarat-syarat Penyenaraian Bursa Malaysia, sebagaimana dikeluarkan oleh Institut Akauntan Malaysia ("Panduan MIA") dan arahan Bursa Malaysia Securities Berhad. Pada pendapat kami, maklumat tambahan disediakan dalam semua hubungan material, selaras dengan Panduan MIA dan arahan Bursa Malaysia.

## PERKARA-PERKARA LAIN

Laporan ini dibuat semata-mata kepada ahli-ahli Syarikat, sebagai sebuah badan, selaras dengan Seksyen 174 Akta Syarikat 1965 di Malaysia dan bukan untuk sebarang tujuan lain. Kami tidak bertanggungjawab kepada mana-mana orang lain bagi kandungan laporan ini.

**PRICEWATERHOUSECOOPERS**
(No. AF:1146)
Akauntan Bertauliah

**AZIZAN BIN ZAKARIA**
(No. 2930/05/16 (J))
Akauntan Bertauliah

Kuala Lumpur
11 Februari 2015

# PENYATA
## PENDAPATAN KOMPREHENSIF
## bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2014

| | Nota | Kumpulan 2014 RM'000 | Kumpulan 2013 RM'000 | Syarikat 2014 RM'000 | Syarikat 2013 RM'000 |
|---|---|---|---|---|---|
| Hasil | 6 | **2,281,493** | 2,202,480 | **183,425** | 160,685 |
| Kos jualan | | **(1,814,139)** | (1,765,592) | **(9,772)** | (5,105) |
| Keuntungan kasar | | **467,354** | 436,888 | **173,653** | 155,580 |
| Lain-lain pendapatan kendalian | 7 | **12,165** | 11,270 | **–** | – |
| Lain-lain (kerugian)/keuntungan – bersih | 8 | **(4,345)** | 1,501 | **–** | – |
| Perbelanjaan jualan dan pengedaran | | **(81,398)** | (57,886) | **–** | – |
| Perbelanjaan pentadbiran | | **(53,122)** | (42,738) | **–** | – |
| Lain-lain perbelanjaan kendalian | | **(5,527)** | (252) | **–** | – |
| Keuntungan daripada operasi | | **335,127** | 348,783 | **173,653** | 155,580 |
| Pendapatan kewangan | 9 | **12,891** | 15,017 | **–** | – |
| Kos kewangan | 9 | **(3,719)** | (4,895) | **–** | – |
| Keuntungan sebelum zakat dan cukai | 10 | **344,299** | 358,905 | **173,653** | 155,580 |
| Zakat | 11 | **(4,500)** | (17,481) | **(150)** | (7,409) |
| Cukai | 12 | **(82,786)** | (86,747) | **(1,006)** | (328) |
| Keuntungan bagi tahun kewangan | | **257,013** | 254,677 | **172,497** | 147,843 |
| Lain-lain pendapatan komprehensif | | **–** | – | **–** | – |
| Jumlah pendapatan komprehensif bagi tahun kewangan boleh dikaitkan kepada pemilik-pemilik Syarikat | | **257,013** | 254,677 | **172,497** | 147,843 |
| Perolehan asas setiap saham boleh dikaitkan kepada pemegang-pemegang ekuiti Syarikat (sen) | 13 | **36.56** | 36.23 | | |

# PENYATA
## KEDUDUKAN KEWANGAN
## pada 31 Disember 2014

| | | Kumpulan | | Syarikat | |
|---|---|---|---|---|---|
| | Nota | 2014<br>RM'000 | 2013<br>RM'000 | 2014<br>RM'000 | 2013<br>RM'000 |
| **ASET** | | | | | |
| **Aset bukan semasa** | | | | | |
| Hartanah, loji dan peralatan | 15 | **473,975** | 445,158 | **1,731** | 544 |
| Bayaran pajakan prabayar | 16 | **775** | 565 | **–** | – |
| Aset tidak ketara | 17 | **649,557** | 651,702 | **420** | 135 |
| Pelaburan dalam anak-anak syarikat | 18 | **–** | – | **2,022,929** | 2,022,929 |
| Aset biologi | 19 | **33,590** | 23,364 | **–** | – |
| Pinjaman kepada anak-anak syarikat | 20 | **–** | – | **35,000** | 35,000 |
| Penghutang | 21 | **6,651** | 7,425 | **–** | – |
| Jumlah aset bukan semasa | | **1,164,548** | 1,128,214 | **2,060,080** | 2,058,608 |
| **Aset semasa** | | | | | |
| Inventori | 22 | **674,270** | 570,862 | **–** | – |
| Penghutang | 21 | **202,440** | 196,571 | **60** | 8 |
| Cukai boleh didapati semula | | **3,015** | 5,758 | **1,104** | 1,577 |
| Jumlah terhutang daripada anak-anak syarikat | 23 | **–** | – | **15,895** | 5,099 |
| Jumlah terhutang daripada lain-lain syarikat berkaitan | 24 | **3,875** | 2,536 | **–** | – |
| Pinjaman kepada anak-anak syarikat | 20 | **–** | – | **157,000** | 167,000 |
| Aset kewangan derivatif | 26 | **38** | – | **–** | – |
| Tunai dan setara tunai | 27 | **469,999** | 267,154 | **234,657** | 226,492 |
| Jumlah aset semasa | | **1,353,637** | 1,042,881 | **408,716** | 400,176 |
| Aset dipegang untuk jualan | 28 | **18** | 36 | **–** | – |
| **JUMLAH ASET** | | **2,518,203** | 2,171,131 | **2,468,796** | 2,458,784 |

# PENYATA
## KEDUDUKAN KEWANGAN
## pada 31 Disember 2014

| | Nota | Kumpulan 2014 RM'000 | Kumpulan 2013 RM'000 | Syarikat 2014 RM'000 | Syarikat 2013 RM'000 |
|---|---|---|---|---|---|
| **EKUITI DAN LIABILITI** | | | | | |
| **Modal dan rizab** | | | | | |
| Modal saham | 29 | **351,490** | 351,490 | **351,490** | 351,490 |
| Premium saham | 30 | **366,765** | 366,765 | **366,765** | 366,765 |
| Defisit penyusunan semula | 30 | **(1,039,632)** | (1,039,632) | **–** | – |
| Rizab relief penggabungan | 30 | **1,733,939** | 1,733,939 | **1,733,939** | 1,733,939 |
| Perolehan tertahan | 30 | **531,933** | 443,635 | **5,957** | 2,175 |
| Ekuiti boleh dikaitkan kepada pemilik-pemilik Syarikat | | **1,944,495** | 1,856,197 | **2,458,151** | 2,454,369 |
| Jumlah ekuiti | | **1,944,495** | 1,856,197 | **2,458,151** | 2,454,369 |
| **Liabiliti bukan semasa** | | | | | |
| Liabiliti cukai tertunda | 31 | **76,699** | 79,694 | **–** | – |
| Jumlah liabiliti bukan semasa | | **76,699** | 79,694 | **–** | – |
| **Liabiliti semasa** | | | | | |
| Pemiutang | 32 | **231,216** | 194,804 | **7,172** | 1,590 |
| Jumlah terhutang kepada anak-anak syarikat | 23 | **–** | – | **309** | – |
| Jumlah terhutang kepada lain-lain syarikat berkaitan | 24 | **2,336** | 2,770 | **2,025** | 2,555 |
| Jumlah terhutang kepada syarikat pemegangan utama | 25 | **8,918** | 3,764 | **1,139** | 270 |
| Pinjaman | 33 | **248,390** | 29,000 | **–** | – |
| Liabiliti cukai semasa | | **6,149** | 4,902 | **–** | – |
| Jumlah liabiliti semasa | | **497,009** | 235,240 | **10,645** | 4,415 |
| Jumlah liabiliti | | **573,708** | 314,934 | **10,645** | 4,415 |
| **JUMLAH EKUITI DAN LIABILITI** | | **2,518,203** | 2,171,131 | **2,468,796** | 2,458,784 |

# PENYATA
## PERUBAHAN DALAM EKUITI
## bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2014

| | Nota | Modal saham (Nota 29) RM'000 | Premium saham (Nota 30) RM'000 | Defisit penyusunan semula (Nota 30) RM'000 | Rizab relief penggabungan (Nota 30) RM'000 | Perolehan tertahan (Nota 30) RM'000 | Jumlah RM'000 |
|---|---|---|---|---|---|---|---|
| **Kumpulan** | | | | | | | |
| Pada 1 Januari 2014 | | **351,490** | 366,765 | **(1,039,632)** | 1,733,939 | 443,635 | 1,856,197 |
| **Urus niaga dengan pemilik-pemilik:** | | | | | | | |
| Dividen | 14 | – | – | – | – | (168,715) | (168,715) |
| Jumlah pendapatan komprehensif bagi tahun kewangan | | – | – | – | – | 257,013 | 257,013 |
| Pada 31 Disember 2014 | | **351,490** | 366,765 | **(1,039,632)** | 1,733,939 | 531,933 | 1,944,495 |
| Pada 1 Januari 2013 | | **351,490** | 366,765 | **(1,039,632)** | 1,733,939 | 336,584 | 1,749,146 |
| **Urus niaga dengan pemilik-pemilik:** | | | | | | | |
| Dividen | 14 | – | – | – | – | (147,626) | (147,626) |
| Jumlah pendapatan komprehensif bagi tahun kewangan | | | | | | 254,677 | 254,677 |
| Pada 31 Disember 2013 | | **351,490** | 366,765 | **(1,039,632)** | 1,733,939 | 443,635 | 1,856,197 |

# PENYATA
## PERUBAHAN DALAM EKUITI
## bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2014

| | Nota | Modal saham (Nota 29) RM'000 | Premium saham (Nota 30) RM'000 | Rizab relief penggabungan (Nota 30) RM'000 | Perolehan tertahan (Nota 30) RM'000 | Jumlah RM'000 |
|---|---|---|---|---|---|---|
| **Syarikat** | | | | | | |
| Pada 1 Januari 2014 | | **351,490** | 366,765 | **1,733,939** | 2,175 | 2,454,369 |
| **Urus niaga dengan pemilik-pemilik:** | | | | | | |
| Dividen | 14 | – | – | – | (168,715) | (168,715) |
| Jumlah pendapatan komprehensif bagi tahun kewangan | | – | – | – | 172,497 | 172,497 |
| Pada 31 Disember 2014 | | **351,490** | 366,765 | **1,733,939** | 5,957 | 2,458,151 |
| Pada 1 Januari 2013 | | **351,490** | 366,765 | **1,733,939** | 1,958 | 2,454,152 |
| **Urus niaga dengan pemilik-pemilik:** | | | | | | |
| Dividen | 14 | – | – | – | (147,626) | (147,626) |
| Jumlah pendapatan komprehensif bagi tahun kewangan | | – | – | – | 147,843 | 147,843 |
| Pada 31 Disember 2013 | | **351,490** | 366,765 | **1,733,939** | 2,175 | 2,454,369 |

# PENYATA
## ALIRAN TUNAI
## bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2014

| | Nota | Kumpulan 2014 RM'000 | Kumpulan 2013 RM'000 | Syarikat 2014 RM'000 | Syarikat 2013 RM'000 |
|---|---|---|---|---|---|
| **ALIRAN TUNAI DARIPADA KEGIATAN KENDALIAN** | | | | | |
| **Keuntungan bagi tahun kewangan** | | **257,013** | 254,677 | **172,497** | 147,843 |
| **Pelarasan bagi:** | | | | | |
| Cukai | | **82,786** | 86,747 | **1,006** | 328 |
| Susut nilai hartanah, loji dan peralatan | | **43,842** | 38,885 | **146** | 15 |
| Keuntungan atas pelupusan hartanah, loji dan peralatan – bersih | | **(11)** | (561) | **–** | – |
| Keuntungan atas pelupusan aset dipegang untuk jualan | | **(57)** | (5,379) | **–** | – |
| Hartanah, loji dan peralatan dihapus kira | | **342** | 89 | **119** | 20 |
| Pelunasan bayaran pajakan prabayar | | **73** | 151 | **–** | – |
| Pelunasan aset tidak ketara | | **3,228** | 3,226 | **2** | – |
| Pelunasan bayaran terdahulu | | **773** | – | **–** | – |
| Keuntungan tidak direalis ke atas derivatif | | **(38)** | – | **–** | – |
| Pendapatan dividen | | **–** | – | **(168,715)** | (147,626) |
| Pendapatan faedah | | **(12,891)** | (15,017) | **(14,710)** | (13,059) |
| Perbelanjaan faedah | | **3,719** | 4,895 | **–** | – |
| Pelunasan aset biologi | | **1** | 1 | **–** | – |
| Keterbalikan kerosotan nilai ke atas hartanah, loji dan peralatan | | **–** | (28) | **–** | – |
| Aset dipegang untuk jualan dihapus kira | | **–** | 807 | **–** | – |
| Keuntungan tidak direalis ke atas terjemahan pertukaran asing | | **(3,248)** | (4,345) | **–** | – |
| Zakat | | **4,500** | 17,481 | **150** | 7,409 |
| Keuntungan kendalian sebelum perubahan modal kerja: | | **380,032** | 381,629 | **(9,505)** | (5,070) |
| Inventori | | **(103,408)** | (128,520) | **–** | – |
| Penghutang | | **7,986** | 32,328 | **(53)** | 29 |
| Pemiutang | | **38,144** | 145,419 | **1,232** | 1,027 |
| Baki pihak berkaitan | | **3,381** | 4,370 | **(5,797)** | (2,730) |
| Tunai dihasilkan daripada/(digunakan dalam) operasi | | **326,135** | 435,226 | **(14,123)** | (6,744) |
| Zakat dibayar | | **(4,500)** | (17,481) | **(150)** | (7,409) |
| Cukai dibayar | | **(81,791)** | (88,149) | **(533)** | (666) |
| Tunai bersih dihasilkan daripada/(digunakan dalam) kegiatan kendalian | | **239,844** | 329,596 | **(14,806)** | (14,819) |

# PENYATA
## ALIRAN TUNAI
### bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2014

| | Nota | Kumpulan 2014 RM'000 | Kumpulan 2013 RM'000 | Syarikat 2014 RM'000 | Syarikat 2013 RM'000 |
|---|---|---|---|---|---|
| **ALIRAN TUNAI DARIPADA KEGIATAN PELABURAN** | | | | | |
| Pembelian hartanah, loji dan peralatan | 35 | **(70,885)** | (81,065) | **(1,451)** | (44) |
| Pembelian aset tidak ketara | | **(1,083)** | (2,333) | **(287)** | (135) |
| Perolehan daripada pelupusan hartanah, loji dan peralatan | | **307** | 756 | **–** | – |
| Perolehan daripada pelupusan aset dipegang untuk jualan | | **75** | 6,511 | **–** | – |
| Aset biologi tambahan | | **(10,227)** | (11,654) | **–** | – |
| Tambahan bayaran pemajakan prabayar | | **(202)** | – | **–** | – |
| Faedah diterima | | **2,286** | 15,012 | **14,709** | 13,059 |
| Dividen diterima | | **–** | – | **168,715** | 147,626 |
| Pinjaman kepada anak-anak syarikat | | **–** | – | **(192,000)** | (202,000) |
| Bayaran balik pinjaman oleh anak-anak syarikat | | **–** | – | **202,000** | 20,000 |
| Tunai bersih (digunakan dalam)/dihasilkan daripada kegiatan pelaburan | | **(79,729)** | (72,773) | **191,686** | (21,494) |
| **ALIRAN TUNAI DARIPADA KEGIATAN PEMBIAYAAN** | | | | | |
| Pengeluaran pinjaman | | **1,081,690** | 476,000 | **–** | – |
| Bayaran balik pinjaman | | **(862,300)** | (908,000) | **–** | – |
| Dividen dibayar | | **(168,715)** | (147,626) | **(168,715)** | (147,626) |
| Faedah dibayar | | **(7,945)** | (4,598) | **–** | – |
| Tunai bersih dihasilkan daripada/(digunakan dalam) kegiatan pembiayaan | | **42,730** | (584,224) | **(168,715)** | (147,626) |
| **PENINGKATAN/(PENGURANGAN) BERSIH DALAM TUNAI DAN SETARA TUNAI** | | **202,845** | (327,401) | **8,165** | (183,939) |
| **TUNAI DAN SETARA TUNAI PADA PERMULAAN TAHUN KEWANGAN** | | **267,154** | 594,555 | **226,492** | 410,431 |
| **TUNAI DAN SETARA TUNAI PADA AKHIR TAHUN KEWANGAN** | 27 | **469,999** | 267,154 | **234,657** | 226,492 |

# NOTA
## KEPADA PENYATA KEWANGAN
## bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2014

### 1 MAKLUMAT AM

Syarikat telah diperbadankan di Malaysia di bawah Akta Syarikat 1965 sebagai sebuah syarikat awam berhad. Pejabat berdaftar Syarikat terletak di Aras 45, Menara Felda, Platinum Park, No.11, Persiaran KLCC, 50088 Kuala Lumpur. Tempat perniagaan utama Syarikat terletak di Aras 44, Menara Felda, Platinum Park, No.11, Persiaran KLCC, 50088 Kuala Lumpur.

Kegiatan utama Syarikat adalah pemegangan pelaburan. Kegiatan utama anak-anak syarikat dikemukakan dalam Nota 18 penyata kewangan. Tiada perubahan ketara dalam kegiatan-kegiatan utama Syarikat semasa tahun kewangan.

Syarikat adalah syarikat liabiliti awam berhad, diperbadankan dan berdomisil di Malaysia, dan disenaraikan pada Pasaran Utama Bursa Malaysia Securities Berhad.

Syarikat pemegangan utama adalah Felda Global Ventures Holdings Bhd ("FGVH"), syarikat yang diperbadankan dan berdomisil di Malaysia, dan disenaraikan pada Pasaran Utama Bursa Malaysia Securities Berhad.

### 2 ASAS PENYEDIAAN

Penyata kewangan Kumpulan dan Syarikat telah disediakan selaras dengan Piawaian-piawaian Pelaporan Kewangan ("FRS") dan peruntukan-peruntukan Akta Syarikat 1965 di Malaysia.

Kumpulan termasuk entiti-entiti peralihan dan telah memilih untuk terus menggunakan FRS dalam tahun kewangan. Kumpulan akan menerima pakai rangka kerja mematuhi IFRS yang baru, Piawaian-piawaian Pelaporan Kewangan Malaysia ("MFRS") bagi tempoh tahunan bermula pada 1 Januari 2017. Dalam menerima pakai rangka kerja baru, Kumpulan akan menggunakan MFRS 1 "Penerimaan pakai kali pertama MFRS".

Penyata kewangan Kumpulan dan Syarikat telah disediakan di bawah konvensyen kos sejarah melainkan dinyatakan sebaliknya dalam penyata polisi individu dalam Nota 3 kepada penyata kewangan.

Penyediaan penyata kewangan dalam mematuhi FRS memerlukan penggunaan anggaran dan andaian perakaunan penting tertentu. Ia memerlukan para Pengarah membuat anggaran dan andaian yang melibatkan jumlah aset dan liabiliti dilaporkan dan pendedahan aset dan liabiliti bersyarat pada tarikh penyata kewangan dan jumlah hasil dan perbelanjaan dilaporkan dalam tempoh dilaporkan. Keputusan-keputusan sebenar mungkin berbeza daripada anggaran-anggaran ini.

Ia juga memerlukan pengurusan untuk melaksanakan pertimbangan dalam proses menggunakan polisi-polisi perakaunan Kumpulan dan Syarikat. Bidang-bidang melibatkan tahap pertimbangan kekompleksan lebih tinggi, atau bidang-bidang di mana andaian dan anggaran adalah penting kepada penyata kewangan dinyatakan dalam Nota 5.

## 2 ASAS PENYEDIAAN (SAMBUNGAN)

(i) Piawaian, pindaan kepada piawaian dan tafsiran diterbitkan diterima pakai oleh Kumpulan dan Syarikat pada 1 Januari 2014:

- Pindaan kepada FRS 132 'Mengimbangi Aset Kewangan dan Liabiliti Kewangan'
- Pindaan kepada FRS 10 'Penyata Kewangan Disatukan, FRS 12 'Pendedahan kepentingan di Dalam Entiti Lain' dan FRS 127 'Penyata Kewangan Berasingan' – Entiti Pelaburan
- Tafsiran IC 21 "Levi"
- Pindaan kepada MFRS 139 'Novasi Derivatif dan Lanjutan Perakaunan Lindung Nilai'

Penerimaan pakai piawaian di atas, pindaan kepada piawaian dan tafsiran diterbitkan tidak mempunyai kesan kewangan ketara ke atas Kumpulan dan Syarikat.

(ii) Piawaian, pindaan kepada piawaian yang diterbitkan dan tafsiran kepada piawaian sedia ada yang terguna pakai kepada Kumpulan dan Syarikat tetapi belum lagi berkuat kuasa dan belum lagi diguna pakai:

**Berkuatkuasa bagi tempoh tahunan bermula pada atau selepas 1 Januari 2015 dengan pengguna-pakaian awal dibenarkan**

- Putaran peningkatan tahunan kepada FRS 2010-2012 (Pindaan kepada FRS 2 'Bayaran Berasaskan Saham', FRS 3 'Penggabungan Perniagaan, FRS 8 'Segmen Operasi', FRS 13 'Pengukuran Nilai Saksama', FRS 116 'Hartanah, Loji dan Peralatan' FRS 124 'Pendedahan Pihak Berkaitan' dan FRS 138 'Aset Tidak Ketara')
- Putaran peningkatan tahunan kepada FRS 2011-2013 (Pindaan kepada FRS 1 'Penerimapakaian kali Pertama Piawaian Pelaporan Kewangan', FRS 3 'Penggabungan Perniagaan', FRS 13 'Pengukuran Nilai Saksama' dan FRS 140 'Hartanah Pelaburan')
- Pindaan kepada FRS 119 'Manfaat Kakitangan' – Pelan Caruman Tetap: Sumbangan Kakitangan

**Berkuatkuasa bagi tempoh tahunan bermula pada atau selepas 1 Januari 2016 dengan pengguna-pakaian awal dibenarkan**

- Pindaan kepada FRS 11 'Perakaunan bagi Pemerolehan Kepentingan Di Dalam Operasi Bersama'
- Pindaan kepada FRS 116 'Hartanah, Loji dan Peralatan' dan FRS 138 'Penjelasan Kaedah Diterima bagi Susutnilai dan Pelunasan'
- Pindaan kepada FRS 10 'Penyata Kewangan Yang Disatukan' dan FRS 128 'Pelaburan di dalam Syarikat Bersekutu dan Usaha sama' – Jualan atau sumbangan aset di antara pelabur dan syarikat bersekutu/usaha sama
- Pindaan kepada FRS 127 'Penyata Kewangan Berasingan' – Perakaunan ekuiti di dalam penyata kewangan berasingan
- Putaran peningkatan tahunan kepada FRS 2012 – 2014 (Pindaan kepada FRS 5 'Aset Bukan Semasa Dipegang Untuk Jualan dan Operasi Dihentikan', FRS 7 'Instrumen Kewangan: Pendedahan, FRS 119 'Manfaat Kakitangan' dan FRS 134 'Pelaporan Kewangan Interim')

## 2 ASAS PENYEDIAAN (SAMBUNGAN)

(ii) Piawaian, pindaan kepada piawaian yang diterbitkan dan tafsiran kepada piawaian sedia ada yang terguna pakai kepada Kumpulan dan Syarikat tetapi belum lagi berkuat kuasa dan belum lagi diguna pakai: (sambungan)

**Berkuatkuasa bagi tempoh tahunan bermula pada atau selepas 1 Januari 2017 dengan pengguna-pakaian awal dibenarkan**

- MFRS 15 'Hasil'

**Berkuatkuasa bagi tempoh tahunan bermula pada atau selepas 1 Januari 2018 dengan pengguna-pakaian awal dibenarkan**

- MFRS 9 'Instrumen kewangan'

Kesan-kesan pindaan di atas terhadap piawaian yang telah diterbitkan yang sedang ditaksir oleh para Pengarah dijangka tidak mempunyai kesan yang ketara selain daripada pengguna-pakaian MFRS 141/MFRS 116 yang akan menyebabkan perubahan di dalam kaedah pelunasan aset biologi ke atas jangka masa hayat penggunaannya berbanding dengan dasar perakaunan semasa seperti yang dinyatakan di dalam Nota 3 (j).

## 3 POLISI-POLISI PERAKAUNAN PENTING

Polisi-polisi perakaunan penting terpakai dalam penyediaan penyata kewangan adalah dikemukakan di bawah. Polisi-polisi ini telah digunakan secara konsisten kepada semua tahun yang dibentangkan, kecuali dinyatakan sebaliknya:

### (a) Asas penyatuan dan pelaburan dalam anak-anak syarikat

Penyata kewangan disatukan termasuk penyata kewangan Syarikat dan semua anak-anak syarikatnya yang disediakan sehingga akhir tahun. Anak-anak syarikat adalah semua entiti (termasuk entiti berstruktur) ke atas yang mana Kumpulan mempunyai kawalan. Kumpulan mengawal entiti apabila Kumpulan terdedah kepada, atau mempunyai hak kepada, pulangan boleh ubah daripada penglibatannya dengan entiti yang mempunyai keupayaan untuk mempengaruhi pulangan tersebut melalui kuasanya ke atas entiti. Anak-anak syarikat disatukan sepenuhnya dari tarikh bila mana kawalan dipindah kepada Kumpulan. Ia dinyahsatukan dari tarikh kawalan berhenti.

**Perakaunan pengambilalihan**

Kaedah pengambilalihan perakaunan digunakan untuk mengakaunkan pengambilalihan anak-anak syarikat oleh Kumpulan. Pertimbangan dipindah bagi pengambilalihan anak syarikat adalah nilai saksama aset dipindah, liabiliti ditanggung bekas pemilik syarikat mengambil alih dan kepentingan ekuiti diterbitkan oleh Kumpulan. Pertimbangan dipindah termasuk nilai saksama sebarang aset atau liabiliti berpunca daripada pengaturan pertimbangan bersyarat. Kos berkaitan pengambilalihan dijadikan perbelanjaan apabila ditanggung. Aset-aset boleh dikenal pasti diambil alih dan liabiliti dan liabiliti bersyarat diambil alih dalam kombinasi perniagaan diukur pada awalnya pada nilai saksamanya pada tarikh pengambilalihan, tanpa mengambil kira tahap kepentingan tak mengawal. Kumpulan mengiktiraf mana-mana kepentingan tak mengawal dalam syarikat mengambil alih atas dasar pengambilalihan-demi-pengambilalihan, sama ada pada nilai saksama atau bahagian berkadar kepentingan tak mengawal daripada jumlah diiktiraf aset bersih boleh dikenal pasti syarikat diambil alih. Pada akhir tempoh pelaporan, kepentingan tak mengawal terdiri daripada jumlah dikira pada tarikh kombinasi dan bahagian daripada perubahannya dalam ekuiti anak syarikat sejak tarikh kombinasi.

## 3 POLISI-POLISI PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)

Polisi-polisi perakaunan penting terpakai dalam penyediaan penyata kewangan adalah dikemukakan di bawah. Polisi-polisi ini telah digunakan secara konsisten kepada semua tahun yang dibentangkan, kecuali dinyatakan sebaliknya: (sambungan)

### (a) Asas penyatuan dan pelaburan dalam anak-anak syarikat (sambungan)

**Perakaunan pengambilalihan (sambungan)**

Sekiranya kombinasi perniagaan dicapai secara berperingkat, tarikh pengambilalihan nilai dibawa kepentingan ekuiti dipegang oleh syarikat mengambil alih sebelumnya dalam syarikat yang diambil alih diukur semula kepada nilai saksama pada tarikh pengambilalihan melalui keuntungan atau kerugian.

Sebarang pertimbangan bersyarat yang akan dipindah oleh Kumpulan diiktiraf pada nilai saksama pada tarikh pengambilalihan. Perubahan-perubahan berikutnya kepada nilai saksama pertimbangan bersyarat yang dianggap sebagai aset atau liabiliti diiktiraf selaras dengan FRS 139 sama ada dalam keuntungan atau kerugian atau sebagai perubahan kepada lain-lain pendapatan komprehensif. Pertimbangan bersyarat yang dikelaskan sebagai ekuiti tidak diukur semula, dan penyelesaian berikutnya diakaunkan dalam ekuiti.

Lebihan pertimbangan dipindah, jumlah mana-mana kepentingan tak mengawal dalam syarikat yang diambil alih dan tarikh pengambilalihan nilai saksama akan mana-mana kepentingan ekuiti sebelum ini dalam syarikat diambil alih ke atas nilai saksama aset bersih boleh dikenal pasti diambil alih diiktiraf sebagai muhibah. Sekiranya jumlah pertimbangan dipindah, kepentingan tak mengawal diiktiraf dan kepentingan dipegang sebelum ini diukur adalah kurang daripada nilai saksama aset bersih anak syarikat diambil alih dalam kes tawaran pembelian, perbezaan diiktiraf secara langsung dalam keuntungan atau kerugian (Nota 3(d)).

**Perakaunan dengan syarikat-syarikat terdahulu**

Pengambilalihan anak-anak syarikat dan perniagaan-perniagaan di bawah kawalan bersama yang memenuhi syarat-syarat penggabungan diakaunkan dengan menggunakan asas perakaunan terdahulu.

Urus niaga antara syarikat, baki dan keuntungan tidak direalis ke atas urus niaga antara syarikat-syarikat Kumpulan dihapus kira, kerugian tidak direalis juga dihapus kira melainkan kos tidak boleh dipulih semula. Di mana perlu, pelarasan dibuat kepada penyata kewangan anak-anak syarikat untuk memastikan kekonsistenan dengan polisi-polisi yang diterima pakai oleh Kumpulan.

Semua perolehan dan kerugian anak syarikat dikaitkan kepada syarikat induk dan kepentingan tak mengawal, walaupun sekiranya pengaitan kerugian kepada kepentingan tak mengawal mengakibatkan baki debit dalam kepentingan tak mengawal.

Dalam penyata kewangan Syarikat, pelaburan dalam anak-anak syarikat ditunjukkan pada kos tolak kerugian kerosotan nilai terkumpul.

Di mana petunjuk kerosotan nilai wujud, jumlah dibawa pelaburan dinilai dan dikurangkan nilai dengan serta-merta kepada jumlah boleh diperoleh semulanya (Nota 3(g)).

## 3 POLISI-POLISI PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)

Polisi-polisi perakaunan penting terpakai dalam penyediaan penyata kewangan adalah dikemukakan di bawah. Polisi-polisi ini telah digunakan secara konsisten kepada semua tahun yang dibentangkan, kecuali dinyatakan sebaliknya: (sambungan)

### (a) Asas penyatuan dan pelaburan dalam anak-anak syarikat (sambungan)

Di bawah kaedah perakaunan syarikat-syarikat terdahulu, keputusan anak-anak syarikat atau perniagaan di bawah kawalan bersama dibentangkan seolah-olah penggabungan telah berlaku di sepanjang tahun kewangan semasa dan tahun-tahun sebelumnya. Aset dan liabiliti digabung diakaunkan berdasarkan jumlah dibawa daripada perspektif pemegang saham kawalan bersama pada tarikh pindahan. Apabila perniagaan digabungkan, kos pergabungan dibatalkan dengan nilai saham yang diterima. Sebarang kredit terhasil atau perbezaan debit dikelaskan sebagai rizab penyusunan semula organisasi. Sebarang saham premium, rizab tebusan modal dan sebarang rizab lain yang berpunca daripada modal saham entiti gabungan, kepada tahap di mana ianya tidak dipermodalkan oleh perbezaan debit, dikelaskan dan dibentangkan sebagai pergerakkan di dalam rizab modal lain.

### (b) Perubahan dalam kepentingan pemilikan dalam anak-anak syarikat tanpa perubahan kawalan

Urus niaga dengan kepentingan tak mengawal yang tidak mengakibatkan kehilangan kawalan diakaunkan sebagai urus niaga ekuiti – iaitu, sebagai urus niaga dengan pemilik-pemilik dalam keupayaan mereka sebagai pemilik-pemilik. Perbezaan di antara nilai saksama sebarang pertimbangan dibayar dan saham berkenaan diambil alih nilai dibawa aset bersih anak syarikat direkodkan dalam ekuiti. Keuntungan atau kerugian atas pelupusan kepada kepentingan tak mengawal juga direkodkan dalam ekuiti.

### (c) Pelupusan anak-anak syarikat

Apabila Kumpulan tidak lagi mempunyai kawalan mana-mana kepentingan tertahan dalam entiti diukur semula pada nilai saksamanya pada tarikh apabila kawalan hilang, dengan perubahan dalam jumlah dibawa diiktiraf dalam keuntungan atau kerugian. Nilai saksama adalah jumlah dibawa pada awal bagi tujuan perakaunan berikutnya bagi kepentingan tertahan sebagai syarikat bersekutu, usaha sama atau aset kewangan. Selain itu, sebarang jumlah diiktiraf sebelum ini dalam lainlain pendapatan komprehensif berhubung dengan entiti tersebut diakaunkan seolah-olah Kumpulan secara langsung telah melupuskan aset atau liabiliti berkaitan. Ini mungkin bermaksud jumlah diiktiraf sebelum ini dalam lain-lain pendapatan komprehensif dikelaskan semula kepada keuntungan atau kerugian.

### (d) Muhibah

Muhibah mewakili lebihan kos pengambilalihan anak-anak syarikat, syarikat-syarikat bersekutu dan entiti dikawal bersama ke atas bahagian Kumpulan daripada nilai saksama aset bersihnya yang boleh dikenal pasti termasuk liabiliti bersyarat pada tarikh pengambilalihan. Muhibah atas pengambilalihan berhubung dengan anak syarikat dimasukkan dalam penyata kedudukan kewangan disatukan sebagai aset tidak ketara, atau sekiranya timbul berhubung dengan syarikat bersekutu atau entiti dikawal bersama, dimasukkan dalam pelaburan dalam syarikat bersekutu atau entiti dikawal bersama.

Untuk tujuan pengujian kerosotan nilai, muhibah diambil alih dalam kombinasi perniagaan diperuntukkan kepada setiap unit penghasilan tunai ("CGU"), atau kumpulan CGU yang dijangka mendapat manfaat daripada sinergi-sinergi kombinasi. Setiap unit atau kumpulan unit kepada yang mana muhibah diperuntukkan mewakili tahap paling rendah dalam entiti pada mana muhibah diawasi bagi tujuan pengurusan dalaman.

## 3 POLISI-POLISI PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)

Polisi-polisi perakaunan penting terpakai dalam penyediaan penyata kewangan adalah dikemukakan di bawah. Polisi-polisi ini telah digunakan secara konsisten kepada semua tahun yang dibentangkan, kecuali dinyatakan sebaliknya: (sambungan)

### (d) Muhibah (sambungan)

Semakan kerosotan nilai muhibah dilaksanakan secara tahunan atau dengan lebih kerap sekiranya peristiwa atau perubahan dalam keadaan menunjukkan potensi kerosotan nilai. Nilai dibawa muhibah dibandingkan dengan jumlah boleh diperoleh semula, yang merupakan nilai dalam penggunaan dan nilai saksama yang mana lebih tinggi tolak kos untuk menjual. Sebarang kerosotan nilai diiktiraf dengan serta-merta sebagai perbelanjaan dan tidak diterbalikkan kemudiannya.

### (e) Aset tidak ketara

Aset tidak ketara diperoleh secara berasingan diukur atas pengiktirafan awal pada kos. Kos aset tidak ketara diperoleh dalam kombinasi perniagaan adalah nilai saksamanya pada tarikh pengambilalihan. Berikutan pengiktirafan awal, aset tidak ketara dibawa pada kos tolak sebarang pelunasan terkumpul dan sebarang kerugian kerosotan nilai terkumpul.

Hayat berguna aset tidak ketara dinilai sama ada sebagai pasti atau tidak pasti. Aset tidak ketara dengan hayat pasti dilunas atas dasar garisan lurus sepanjang anggaran hayat ekonomi berguna dan dinilai bagi kerosotan nilai di mana sahaja terdapat petunjuk bahawa aset tidak ketara mungkin rosot nilai.

Sekiranya petunjuk sedemikian wujud, jumlah dibawa aset dikurangkan nilai dengan serta-merta kepada jumlah boleh diperoleh semulanya sekiranya jumlah dibawa aset adalah lebih besar daripada anggaran jumlah boleh diperoleh semulanya. Lihat polisi-polisi perakaunan penting Nota 3(l) mengenai kerosotan nilai aset bukan kewangan.

Tempoh pelunasan dan kaedah pelunasan bagi aset tidak ketara dengan hayat berguna pasti disemak sekurang-kurangnya pada setiap tarikh penyata kedudukan kewangan.

Aset tidak ketara dengan hayat berguna tidak pasti dan aset tidak ketara di bawah pembangunan tidak dilunas tetapi diuji bagi kerosotan nilai secara tahunan atau dengan lebih kerap sekiranya peristiwa atau perubahan dalam keadaan menunjukkan bahawa nilai dibawa mungkin rosot nilai sama ada secara individu atau pada tahap unit penghasilan tunai. Hayat berguna aset tidak ketara dengan hayat tidak pasti juga disemak secara tahunan untuk menentukan sama ada penilaian hayat berguna terus menjadi boleh disokong.

#### (i) Jenama

Jenama diperoleh berkaitan dengan jenama gula ‘Prai’ telah diiktiraf pada nilai saksama pada tarikh pengambilalihan. Jenama mempunyai hayat berguna pasti dan dibawa pada kos tolak pelunasan terkumpul. Pelunasan dikira dengan menggunakan kaedah garisan lurus sepanjang hayat jenama dijangka 20 tahun.

#### (ii) Perisian

Perisian ini berkait dengan pembangunan suatu sistem IT. Pelunasan akan dikira dengan menggunakan kaedah garisan lurus ke atas hayat perisian dijangka 5 tahun.

Keuntungan dan kerugian atas pelupusan ditentukan dengan membandingkan perolehan dengan jumlah dibawa aset dan dimasukkan dalam ‘lain-lain pendapatan kendalian’, dalam keuntungan atau kerugian.

## 3 POLISI-POLISI PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)

Polisi-polisi perakaunan penting terpakai dalam penyediaan penyata kewangan adalah dikemukakan di bawah. Polisi-polisi ini telah digunakan secara konsisten kepada semua tahun yang dibentangkan, kecuali dinyatakan sebaliknya: (sambungan)

### (f) Aset kewangan

**Pengelasan**

Kumpulan mengelaskan aset kewangannya dalam kategori-kategori berikut: pada nilai saksama melalui keuntungan atau kerugian dan pinjaman dan penghutang. Pengelasan bergantung atas tujuan untuk apa aset kewangan telah diperoleh. Pengurusan menentukan pengelasan aset kewangannya pada pengiktirafan awal.

**(i) Aset kewangan pada nilai saksama melalui keuntungan atau kerugian**

Aset kewangan pada nilai saksama melalui keuntungan atau kerugian adalah aset kewangan yang dipegang untuk perdagangan. Aset kewangan dikelaskan dalam kategori ini sekiranya ia diperoleh atau ditanggung terutamanya untuk tujuan penjualan atau pembelian semula dalam tempoh terdekat. Derivatif-derivatif dikategorikan sebagai dipegang untuk perdagangan melainkan ia ditetapkan sebagai pelindung nilai. Aset-aset dalam kategori ni dikelaskan sebagai aset semasa sekiranya dijangka akan diselesaikan dalam tempoh 12 bulan; sekiranya tidak, ia dikelaskan sebagai bukan semasa.

Derivatif-derivatif pada awalnya diiktiraf pada nilai saksama pada tarikh kontrak derivatif ditandatangani dan kemudiannya diukur semula pada nilai saksamanya. Kaedah mengiktiraf keuntungan atau kerugian terhasil bergantung sama ada derivatif dinamakan sebagai instrumen melindung nilai, dan sekiranya demikian, sifat perkara telah dilindung nilai. Kumpulan tidak menggunakan perakaunan melindung nilai dalam akhir tahun kewangan.

**(ii) Pinjaman dan penghutang**

Pinjaman dan penghutang adalah aset kewangan bukan derivatif dengan bayaran tetap atau boleh ditentukan yang tidak disebut harga dalam pasaran aktif. Ia dimasukkan dalam aset semasa, kecuali bagi kematangan melebihi 12 bulan selepas akhir tempoh pelaporan. Ianya dikelaskan sebagai aset bukan semasa. Pinjaman dan penghutang Kumpulan dinyatakan dalam Nota 38.

**Pengiktirafan dan pengukuran awal**

Pembelian dan jualan biasa aset kewangan diiktiraf pada tarikh-perdagangan, tarikh bila mana Kumpulan membuat komitmen untuk membeli atau menjual aset.

Aset kewangan pada awalnya diiktiraf pada nilai saksama campur kos urus niaga bagi semua aset kewangan yang tidak dibawa pada nilai saksama melalui keuntungan atau kerugian. Aset kewangan dinyatakan pada nilai saksama melalui keuntungan atau kerugian pada awalnya diiktiraf pada nilai saksama, dan kos urus niaga dijadikan perbelanjaan dalam keuntungan atau kerugian.

## 3 POLISI-POLISI PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)

Polisi-polisi perakaunan penting terpakai dalam penyediaan penyata kewangan adalah dikemukakan di bawah. Polisi-polisi ini telah digunakan secara konsisten kepada semua tahun yang dibentangkan, kecuali dinyatakan sebaliknya: (sambungan)

### (f) Aset kewangan (sambungan)

**Pengukuran berikutnya – keuntungan dan kerugian**

Perubahan dalam nilai saksama aset kewangan pada nilai saksama melalui keuntungan atau kerugian, termasuk kesan-kesan terjemahan mata wang, pendapatan faedah dan dividen diiktiraf dalam keuntungan atau kerugian dalam tempoh dalam mana perubahan timbul.

**Penyahiktirafan**

Aset kewangan tidak lagi diiktiraf apabila hak-hak untuk menerima aliran tunai daripada pelaburan telah tamat atau telah dipindah dan Kumpulan telah memindah sebahagian besar semua risiko dan ganjaran pemilikan.

Penghutang yang difaktorkan kepada bank-bank dan lain-lain institusi kewangan dengan rekursa kepada Kumpulan tidak lagi diiktiraf sehingga tempoh rekursa telah tamat dan risiko dan ganjaran penghutang telah dipindah sepenuhnya. Tunai sepadan diterima daripada institusi kewangan direkodkan sebagai pinjaman.

**Pengimbangan**

Aset dan liabiliti kewangan diseimbangkan dan jumlah bersih dilaporkan dalam penyata kedudukan kewangan apabila terdapat hak boleh dikuatkuasan mengikut undang-undang untuk mengimbangkan jumlah diiktiraf dan terdapat hasrat untuk menyelesaikan atas dasar bersih, atau merealis aset dan menyelesaikan liabiliti secara serentak.

### (g) Kerosotan nilai aset kewangan

**Aset dibawa pada kos dilunas**

Kumpulan menilai pada akhir setiap tempoh pelaporan sama ada terdapat bukti objektif bahawa aset kewangan atau kumpulan aset kewangan terjejas. Aset kewangan atau kumpulan aset kewangan adalah terjejas dan kerugian penjejasan nilai ditanggung hanya sekiranya terdapat bukti objektif penjejasan nilai berpunca daripada satu atau lebih peristiwa yang berlaku selepas pengiktirafan awal aset ('peristiwa kerugian') dan peristiwa (atau peristiwa-peristiwa) kerugian mempunyai kesan ke atas anggaran aliran tunai masa hadapan aset kewangan atau kumpulan aset kewangan yang boleh dianggarkan dengan betul.

Kriteria yang digunakan Kumpulan untuk menentukan bahawa terdapat bukti objektif kerugian penjejasan nilai termasuk:

- Kesukaran kewangan ketara pembuat terbitan atau pemikul tanggungjawab; atau
- Kemungkiran kontrak, seperti pemungkiran atau delinkuens dalam faedah atau bayaran pokok; atau
- Kumpulan, atas alasan ekonomi atau undang-undang berkaitan dengan kesukaran kewangan peminjam, memberi kepada peminjam konsesi yang pemberi pinjaman tidak akan pertimbangkan sebaliknya; atau
- Ia menjadi berkemungkinan bahawa peminjam akan mengisytiharkan muflis atau lain-lain penyusunan semula kewangan; atau
- Kehilangan pasaran aktif bagi aset kewangan tersebut disebabkan oleh kesukaran kewangan; atau

## 3 POLISI-POLISI PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)

Polisi-polisi perakaunan penting terpakai dalam penyediaan penyata kewangan adalah dikemukakan di bawah. Polisi-polisi ini telah digunakan secara konsisten kepada semua tahun yang dibentangkan, kecuali dinyatakan sebaliknya: (sambungan)

**(g) Kerosotan nilai aset kewangan (sambungan)**

**Aset dibawa pada kos dilunas (sambungan)**

– Data boleh diperhatikan menunjukkan bahawa terdapat pengurangan yang boleh diukur dalam anggaran aliran tunai masa hadapan daripada portfolio aset kewangan sejak pengiktirafan awal aset tersebut, walaupun pengurangan masih belum dapat dikenal pasti dengan aset kewangan individu dalam portfolio, termasuk:

(i) Perubahan kurang baik dalam status bayaran peminjam dalam portfolio; dan
(ii) Keadaan ekonomi negara atau tempatan yang berkait dengan kemungkiran ke atas aset di dalam portfolio.

Jumlah kerugian diukur sebagai perbezaan di antara jumlah dibawa aset dan nilai semasa anggaran aliran tunai masa hadapan (tidak termasuk kerugian kredit masa hadapan yang belum ditanggung) didiskaunkan pada kadar faedah berkesan asal aset kewangan. Jumlah dibawa aset dikurangkan dan jumlah kerugian diiktiraf di dalam keuntungan dan kerugian. Sekiranya pinjaman atau pelaburan dipegang sehingga matang mempunyai kadar faedah boleh ubah, kadar diskaun bagi mengukur mana-mana kerugian kerosotan nilai adalah kadar faedah berkesan semasa ditentukan di bawah kontrak. Sebagai suai manfaat yang praktikal, Kumpulan mungkin mengukur kerosotan nilai atas dasar nilai saksama instrumen dengan menggunakan harga pasaran boleh diperhatikan.

Sekiranya, dalam tempoh berikutnya, jumlah kerugian kerosotan nilai berkurangan dan pengurangan boleh dikaitkan secara objektif kepada peristiwa yang berlaku selepas kerosotan nilai diiktiraf (seperti penambahbaikan dalam penarafan kredit penghutang), keterbalikan kerugian kerosotan nilai yang diiktiraf sebelum ini diiktiraf di dalam keuntungan atau kerugian.

Apabila aset menjadi tidak dapat dikutip, ia dihapus kira terhadap akaun peruntukan berkaitan. Aset-aset sedemikian dihapus kira selepas semua prosedur diperlukan telah selesai dilaksanakan dan jumlah kerugian telah ditentukan.

**(h) Liabiliti kewangan**

Liabiliti kewangan diiktiraf di dalam penyata kedudukan kewangan apabila, dan hanya apabila, Kumpulan menjadi pihak kepada peruntukan kontrak instrumen kewangan.

Liabiliti kewangan diiktiraf pada awalnya pada nilai saksama, campur, dalam kes liabiliti kewangan selain daripada derivatif, kos urus niaga boleh dikaitkan secara langsung.

Selepas pengiktirafan awal, semua liabiliti kewangan diukur pada kos dilunaskan dengan menggunakan kaedah faedah berkesan kecuali bagi derivatif dalam kedudukan kerugian, sekiranya ada, yang diukur pada nilai saksama.

## 3 POLISI-POLISI PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)

Polisi-polisi perakaunan penting terpakai dalam penyediaan penyata kewangan adalah dikemukakan di bawah. Polisi-polisi ini telah digunakan secara konsisten kepada semua tahun yang dibentangkan, kecuali dinyatakan sebaliknya: (sambungan)

### (h) Liabiliti kewangan (sambungan)

Bagi liabiliti kewangan selain daripada derivatif, keuntungan dan kerugian diiktiraf di dalam keuntungan atau kerugian apabila liabiliti tidak lagi diiktiraf, dan melalui proses pelunasan. Sebarang keuntungan atau kerugian yang berpunca daripada perubahan dalam nilai saksama derivatif diiktiraf di dalam keuntungan atau kerugian. Keuntungan atau kerugian bersih ke atas derivatif termasuk perbezaan pertukaran.

Yuran dibayar atas pewujudan kemudahan pinjaman diiktiraf sebagai kos urus niaga pinjaman sehingga tahap yang ia berkemungkinan bahawa beberapa atau semua kemudahan telah dikeluarkan. Dalam kes ini, yuran ditunda sehingga pengeluaran berlaku. Sehingga tahap tidak ada bukti yang ia berkemungkinan bahawa beberapa atau semua kemudahan akan dikeluarkan, yuran dipermodalkan sebagai prabayaran bagi perkhidmatan kecairan dan dilunaskan sepanjang tempoh kemudahan kepada mana ia berkait.

Pinjaman dikelaskan sebagai liabiliti semasa melainkan Kumpulan mempunyai hak tidak bersyarat untuk menunda penyelesaian liabiliti bagi sekurang-kurangnya 12 bulan selepas tarikh penyata kedudukan kewangan.

Kos pinjaman yang boleh dikaitkan secara langsung kepada pembelian, pembinaan atau pengeluaran aset-aset yang layak, di mana aset-aset ini mengambil tempoh yang lama untuk tersedia bagi tujuan kegunaan atau jualannya, ditambah kepada kos aset-aset tersebut, sehingga suatu masa tertentu apabila sebahagian besar aset-aset tersedia bagi tujuan kegunaan atau jualannya.

Semua kos pinjaman lain diiktiraf dalam keuntungan atau kerugian di dalam tempoh ianya ditanggung.

Liabiliti kewangan tidak lagi diiktiraf apabila obligasi di bawah liabiliti dihapuskan. Apabila liabiliti kewangan sedia ada diganti oleh liabiliti yang lain daripada pemberi pinjaman yang sama atas terma-terma yang berbeza secara ketaranya, atau terma-terma liabiliti sedia ada yang sebahagian besarnya diubah suai, seperti pertukaran atau modifikasi dianggap sebagai penyahiktirafan liabiliti asal dan pengiktirafan liabiliti yang baru, dan perbezaan dalam jumlah dibawa masing-masing diiktiraf dalam keuntungan atau kerugian.

## 3 POLISI-POLISI PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)

Polisi-polisi perakaunan penting terpakai dalam penyediaan penyata kewangan adalah dikemukakan di bawah. Polisi-polisi ini telah digunakan secara konsisten kepada semua tahun yang dibentangkan, kecuali dinyatakan sebaliknya: (sambungan)

### (i) Hartanah, loji dan peralatan

Hartanah, loji dan peralatan pada awalnya dinyatakan pada kos. Hartanah, loji dan peralatan pada awalnya dinyatakan pada kos tolak susut nilai terkumpul dan kerugian kerosotan nilai. Kos item hartanah, loji dan peralatan diiktiraf pada awalnya termasuklah harga pembeliannya dan mana-mana kos yang secara langsung boleh dikaitkan kepada pembawaan masuk aset ke kawasan dan keadaan yang perlu bagi membolehkan ia beroperasi dalam cara yang dihasratkan oleh pengurusan. Kos juga termasuk kos pinjaman yang secara langsung boleh dikaitkan dengan pembelian, pembinaan atau pengeluaran aset yang layak.

Kos berikutnya dimasukkan dalam jumlah dibawa aset atau diiktiraf sebagai aset berasingan, sebagaimana sesuai, hanya apabila ia berkemungkinan bahawa manfaat ekonomi masa hadapan dikaitkan dengan perkara akan mengalir kepada Kumpulan dan kos perkara boleh diukur dengan betul. Jumlah dibawa alat yang digantikan dinyahiktirafkan. Semua pembaikan dan penyelenggaraan lain dicaj di dalam keuntungan atau kerugian dalam tempoh kewangan di mana ianya ditanggung.

Tanah pegangan kekal tidak disusutnilaikan memandangkan ia mempunyai hayat tidak pasti dan aset sedang dalam pembinaan tidak disusutnilaikan sehingga aset sedia untuk tujuan kegunaannya.

Alat ganti utama, peralatan tunggu sedia dan peralatan penyelenggaraan dikelaskan sebagai hartanah, loji dan peralatan selain daripada inventori apabila ia dijangka akan digunakan lebih daripada satu tempoh.

Lain-lain hartanah, loji dan peralatan disusutnilaikan atas dasar garisan lurus untuk menghapus kira kos setiap aset kepada nilai baki selebihnya sepanjang anggaran hayat bergunanya.

Kadar tahunan utama digunakan diringkaskan seperti berikut:

| | |
|---|---|
| Tanah pegangan pajak | 66 – 99 tahun |
| Bangunan | 5 – 20 tahun |
| Loji dan mesin | 3 – 20 tahun |
| Perabot, pepasangan, peralatan dan kenderaan bermotor | 3 – 11 tahun |

Nilai baki aset-aset dan hayat berguna disemak, dan diselaraskan sekiranya sesuai, pada setiap tarikh penyata kedudukan kewangan.

## 3 POLISI-POLISI PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)

Polisi-polisi perakaunan penting terpakai dalam penyediaan penyata kewangan adalah dikemukakan di bawah. Polisi-polisi ini telah digunakan secara konsisten kepada semua tahun yang dibentangkan, kecuali dinyatakan sebaliknya: (sambungan)

### (i) Hartanah, loji dan peralatan (sambungan)

Susut nilai ke atas hartanah, loji dan peralatan berhenti pada penyahiktirafan dan pengkelasan sebagai dipegang untuk jualan yang mana lebih awal. Susut nilai ke atas aset sedang dalam pembinaan bermula apabila aset sedia untuk tujuan kegunaannya.

Keuntungan dan kerugian atas pelupusan ditentukan dengan membandingkan perolehan dengan jumlah dibawa dan dimasukkan dalam lain-lain pendapatan kendalian dalam keuntungan atau kerugian.

Pada setiap tarikh penyata kedudukan kewangan, Kumpulan menilai sama ada terdapat sebarang petunjuk kerosotan nilai. Sekiranya petunjuk sedemikian wujud, jumlah dibawa aset dikurangkan nilai dengan serta-merta kepada jumlah boleh diperoleh semula sekiranya jumlah dibawa aset adalah lebih besar daripada anggaran jumlah boleh diperoleh semulanya. Lihat polisi-polisi perakaunan penting nota 3(l) mengenai kerosotan nilai aset bukan kewangan.

### (j) Aset biologi

Aset biologi dinyatakan pada kos sejarah tolak kerugian kerosotan nilai terkumpul. Aset biologi terdiri daripada kos pembangunan penanaman baru ditanggung bagi penanaman baru getah, kelapa sawit dan lain-lain tanaman yang diakaunkan di bawah kaedah penyelenggaraan modal. Di bawah kaedah penyelenggaraan modal, kos pembangunan penanaman baru ditanggung (sebagai contoh pembersihan tanah, penanaman dan penjagaan pokok-pokok) sehingga tempoh matangnya dipermodalkan dan tidak dilunas.

Walau bagaimanapun, kos dipermodalkan akan dilunaskan kepada keuntungan atau kerugian atas dasar garisan lurus sepanjang tempoh pajakan selebihnya sekiranya selebihnya adalah lebih pendek daripada hayat berguna ekonomi aset biologi.

Apabila kawasan ditanam semula dengan tanaman berbeza, kos dipermodalkan sebelum ini di kawasan tersebut dijadikan perbelanjaan kepada keuntungan atau kerugian.

Perbelanjaan penanaman semula, yang mewakili kos ditanggung dalam menanam semula tanaman yang sama di atas kawasan-kawasan ditanam sedia ada, dicaj kepada keuntungan atau kerugian dalam tempoh kewangan dalam mana perbelanjaan ditanggung.

Kos tapak semaian terdiri daripada kos pembenihan kelapa sawit dan getah dan kos pembangunan berkaitan ditanggung (sebagai contoh pembajaan dan pembersihan rumput-rumpai) dalam menyediakan tapak semaian.

Kos tapak semaian berkaitan penanaman baru dipindah kepada perladangan kelapa sawit dan getah selepas mencapai tahap kematangan tertentu, yang adalah di antara 10 hingga 12 bulan bagi kelapa sawit dan 5 hingga 6 bulan bagi getah, manakala lain-lain jenis (dijual semula atau ditanam semula) dicaj kepada keuntungan atau kerugian.

## 3 POLISI-POLISI PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)

Polisi-polisi perakaunan penting terpakai dalam penyediaan penyata kewangan adalah dikemukakan di bawah. Polisi-polisi ini telah digunakan secara konsisten kepada semua tahun yang dibentangkan, kecuali dinyatakan sebaliknya: (sambungan)

### (k) Inventori

Inventori yang terdiri daripada bahan mentah, kerja dalam pelaksanaan, barangan siap, molases dan barangan pakai habis dinyatakan pada kos terendah dan nilai boleh direalis bersih.

Kos ditentukan atas dasar purata wajaran kos. Kos bahan mentah terdiri daripada kos berkaitan tanah barangan dibeli dan dalam hal kerja dalam pelaksanaan dan barangan siap, termasuk bahan, buruh langsung, lain-lain caj langsung dan bahagian sewajarnya bagi overhed kilang. Barangan pakai habis terdiri daripada kos pembelian asal.

Nilai boleh direalis bersih mewakili anggaran harga jualan dalam perjalanan biasa perniagaan, tolak kos jualan dan pengedaran dan lain-lain anggaran kos sehingga penyiapan.

### (l) Kerosotan nilai aset bukan kewangan

Aset-aset yang mempunyai hayat berguna yang tidak tetap sebagai contoh muhibah atau aset tidak ketara tidak sedia untuk kegunaan, tidak tertakluk kepada pelunasan dan diuji secara tahunan bagi kerosotan nilai, atau apabila peristiwa-peristiwa atau keadaan-keadaan berlaku menunjukkan bahawa kerosotan nilai mungkin wujud. Hartanah, loji dan peralatan dan lain-lain aset bukan semasa, termasuk aset tidak ketara dengan hayat berguna pasti, disemak bagi kerosotan nilai apabila peristiwa-peristiwa atau perubaha-perubahan dalam keadaan menunjukkan bahawa jumlah dibawa mungkin tidak boleh diperoleh semula. Kerugian kerosotan nilai diiktiraf bagi jumlah yang mana jumlah dibawa aset melebihi jumlah boleh dipulih.

Kerugian kerosotan nilai dicaj kepada keuntungan atau kerugian. Jumlah boleh dipulih semula adalah nilai saksama aset tolak kos untuk menjual yang mana lebih tinggi dan nilai dalam penggunaan. Untuk tujuan menilai kerosotan nilai, aset-aset dikumpulkan pada tahap paling rendah untuk yang mana aliran tunai boleh dikenal pasti secara berasingan (unit penghasilan tunai). Aset-aset yang telah rosot nilai kecuali muhibah disemak bagi keterbalikan yang mungkin akan kerosotan nilai pada setiap tarikh pelaporan.

### (m) Cukai pendapatan semasa dan tertunda

Perbelanjaan cukai bagi tahun terdiri daripada cukai semasa dan cukai tertunda. Cukai diiktiraf dalam keuntungan atau kerugian, kecuali sehingga tahap yang ia berkait dengan perkara-perkara yang diiktiraf dalam lain-lain pendapatan komprehensif atau secara langsung dalam ekuiti. Dalam kes ini, cukai masing-masing juga diiktiraf dalam lain-lain pendapatan komprehensif atau secara langsung dalam ekuiti.

Cukai semasa dan tertunda diukur menggunakan kadar cukai berkanun atau diperundangkan kemudiannya pada tarikh penyata kedudukan kewangan di dalam negara-negara di mana anak-anak syarikat Kumpulan beroperasi menjanakan pendapatan yang boleh dicukai.

Cukai tertunda diperuntukkan atas perbezaan sementara yang timbul di antara asas cukai aset-aset dan liabiliti-liabiliti dan jumlah dibawanya dalam penyata kewangan. Aset cukai tertunda diiktiraf sehingga tahap yang ia berkemungkinan bahawa keuntungan boleh dicukai masa hadapan akan tersedia untuk digunakan terhadap perbezaan sementara boleh ditolak dan kerugian cukai tidak digunakan boleh digunakan.

## 3 POLISI-POLISI PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)

Polisi-polisi perakaunan penting terpakai dalam penyediaan penyata kewangan adalah dikemukakan di bawah. Polisi-polisi ini telah digunakan secara konsisten kepada semua tahun yang dibentangkan, kecuali dinyatakan sebaliknya: (sambungan)

### (m) Cukai pendapatan semasa dan tertunda (sambungan)

Cukai tertunda diperuntukkan atas perbezaan sementara yang timbul di antara asas cukai aset-aset dan liabiliti-liabiliti dan jumlah dibawanya dalam penyata kewangan. Aset cukai tertunda diiktiraf sehingga tahap yang ia berkemungkinan bahawa keuntungan boleh dicukai masa hadapan akan tersedia untuk digunakan terhadap perbezaan sementara boleh ditolak dan kerugian cukai tidak digunakan boleh digunakan. Cukai tertunda tidak diakaunkan sekiranya ia timbul daripada pengiktirafan awal aset atau liabiliti di dalam urus niaga selain daripada pergabungan perniagaan di mana pada masa urusan tidak menjejaskan perakaunan atau keuntungan atau kerugian yang boleh dicukai.

Cukai pendapatan tertunda diperuntukkan atas perbezaan sementara yang timbul atas pelaburan dalam anak-anak syarikat, kecuali bagi liabiliti cukai pendapatan tertunda di mana pemasaan daripada keterbalikan perbezaan sementara dikawal oleh Kumpulan dan ia berkemungkinan bahawa perbezaan sementara tidak akan diterbalikkan pada masa hadapan boleh diramal.

Aset dan liabiliti cukai tertunda dan cukai pendapatan diseimbangkan apabila terdapat hak boleh dikuatkuasakan mengikut undang-undang untuk mengimbangkan aset cukai semasa sekali lagi liabiliti cukai semasa dan apabila aset dan liabiliti cukai pendapatan tertunda berkait dengan cukai dikenakan oleh pihak berkuasa cukai yang sama sama ada entiti boleh dicukai atau entiti-entiti boleh dicukai yang berlainan di mana terdapat hasrat untuk menyelesaikan baki atas dasar bersih.

Manfaat cukai daripada elaun pelaburan semula diiktiraf apabila kredit cukai digunakan.

### (n) Zakat

Kumpulan mengiktiraf tanggungjawabnya terhadap pembayaran zakat ke atas perniagaan. Zakat bagi tempoh semasa diiktiraf bila dan apabila Kumpulan mempunyai tanggungan zakat semasa berpunca daripada taksiran zakat. Jumlah perbelanjaan zakat akan ditaksir apabila sebuah syarikat di dalam Kumpulan telah beroperasi sekurang-kurangnya 12 bulan, iaitu bagi tempoh dikenali sebagai “haul (tempoh layak)”.

Kadar zakat berkanun atau sebahagian besarnya digubal sebelum tarikh penyata kedudukan kewangan digunakan untuk menentukan perbelanjaan zakat. Kadar zakat ke atas perniagaan, sebagaimana ditentukan oleh Majlis Fatwa Kebangsaan bagi 2014 adalah 2.5% daripada asas zakat entiti. Bagi tahun 2014, jumlah asas zakat Kumpulan telah ditentukan oleh pihak pengurusan berdasarkan keputusan kewangan Kumpulan bagi tahun semasa. Zakat ke atas perniagaan dikira dengan mendarabkan kadar zakat dengan asas zakat. Jumlah zakat ditaksir diiktiraf sebagai perbelanjaan dalam tahun kewangan dalam mana ia ditanggung.

## 3 POLISI-POLISI PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)

Polisi-polisi perakaunan penting terpakai dalam penyediaan penyata kewangan adalah dikemukakan di bawah. Polisi-polisi ini telah digunakan secara konsisten kepada semua tahun yang dibentangkan, kecuali dinyatakan sebaliknya: (sambungan)

### (o) Mata wang asing

**Mata wang kefungsian dan pembentangan**

Perkara-perkara termasuk dalam penyata kewangan Kumpulan diukur dengan menggunakan mata wang daripada persekitaran ekonomi utama dalam mana entiti beroperasi ('mata wang kefungsian'). Penyata kewangan dibentangkan dalam Ringgit Malaysia (RM), yang merupakan mata wang kefungsian dan mata wang pembentangan Kumpulan dan Syarikat.

**Urus niaga dan baki**

Urus niaga mata wang asing diterjemahkan kepada mata wang kefungsian dengan menggunakan kadar pertukaran yang tersedia ada pada tarikh urus niaga atau penilaian di mana perkara-perkara diukur semula. Keuntungan dan kerugian mata wang asing berpunca daripada penyelesaian urus niaga sedemikian dan daripada terjemahan pada kadar pertukaran akhir tahun aset dan liabiliti monetari didenominasi dalam mata wang asing diiktiraf dalam keuntungan dan kerugian.

Keuntungan dan kerugian mata wang asing berkaitan dengan pinjaman dan tunai dan setara tunai dibentangkan dalam keuntungan dan kerugian. Keuntungan dan kerugian mata wang asing berkaitan dengan kontrak hadapan mata wang asing dibentangkan dalam keuntungan dan kerugian dalam "lain-lain (kerugian)/keuntungan – bersih".

### (p) Pengiktirafan hasil

Hasil merangkumi nilai saksama pertimbangan yang diterima atau boleh diterima bagi penjualan barangan dan perkhidmatan dalam kebiasaan. Hasil dinyatakan selepas menolak barangan dan perkhidmatan, rebat dan diskaun dan selepas mengeluarkan jualan di dalam Kumpulan.

Hasil daripada jualan barangan diiktiraf selepas penghantaran barangan, apabila risiko ketara dan ganjaran pemilikan barangan dipindahkan kepada pembeli.

Subsidi boleh diterima daripada Kerajaan Malaysia bagi barangan dijual berkait dengan perbezaan di antara anggaran harga pasaran dan harga kawalan yang ditentukan oleh Kerajaan bagi jualan gula bertapis dalam pasaran tempatan. Subsidi dipersetujui dengan Kerajaan atas dasar tahunan dan dikreditkan kepada penyata pendapatan komprehensif dan diiktiraf sebagai sebahagian daripada hasil dalam tempoh perakaunan dalam mana jualan barangan sepadan diiktiraf. Bermula Oktober 2013, Kerajaan telah menghapuskan subsidi gula.

Pendapatan faedah diiktiraf dengan menggunakan kaedah faedah berkesan. Apabila pinjaman dan belum terima rosot nilai, Kumpulan mengurangkan jumlah dibawa kepada jumlah boleh dipulih semula, merupakan anggaran aliran tunai masa hadapan didiskaunkan pada kadar faedah berkesan asal instrumen, dan terus meleraikan diskaun sebagai pendapatan faedah. Pendapatan faedah ke atas pinjaman rosot nilai dan belum terima diiktiraf dengan menggunakan kadar faedah berkesan asal.

## 3 POLISI-POLISI PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)

Polisi-polisi perakaunan penting terpakai dalam penyediaan penyata kewangan adalah dikemukakan di bawah. Polisi-polisi ini telah digunakan secara konsisten kepada semua tahun yang dibentangkan, kecuali dinyatakan sebaliknya: (sambungan)

**(p) Pengiktirafan hasil (sambungan)**

Pendapatan dividen diiktiraf apabila hak pemegang-pemegang saham untuk menerima dibuktikan. Ini diguna-pakai walaupun jika ianya dibayar daripada keuntungan pra-pengambilalihan. Namun, akibatnya pelaburan mungkin perlu diuji bagi rosot nilai.

**(q) Pengagihan dividen**

Dividen ke atas saham-saham biasa diiktiraf sebagai liabiliti apabila dicadangkan atau diisytiharkan sebelum tarikh penyata kedudukan kewangan. Dividen dicadangkan atau diisytiharkan selepas tarikh penyata kedudukan kewangan, tetapi sebelum penyata kewangan dibenarkan untuk terbitan, tidak diiktiraf sebagai liabiliti pada tarikh penyata kedudukan kewangan.

**(r) Tunai dan setara tunai**

Tunai dan setara tunai termasuk tunai dalam tangan, deposit dipegang pada panggilan dengan bank, lain-lain pelaburan jangka pendek mudah ditunaikan dengan kematangan asal selama tiga bulan atau kurang.

**(s) Pajakan**

**Pengelasan**

Pajakan diiktiraf sebagai pajakan kewangan sekiranya ia memindah sebahagian besar kepada Kumpulan semua risiko dan ganjaran sampingan kepada pemilikan. Pajakan tanah dan bangunan dikelaskan sebagai pajakan kendalian pajakan kewangan dalam cara yang sama sebagai pajakan lain-lain aset dan ciri-ciri pajakan tanah dan bangunan dipertimbangkan secara berasingan untuk tujuan pengelasan pajakan. Kesemua pajakan yang tidak memindahkan sebahagian besar kesemua risiko dan ganjaran dikelaskan sebagai pajakan kewangan.

**Pajakan kendalian**

Bayaran pajakan kendalian diiktiraf ssebagai perbelanjaan atas dasar garisan lurus sepanjang tempoh pajakan. Agregat manfaat insentif disediakan oleh pemajak diiktiraf sebagai pengurangan perbelanjaan sewa sepanjang tempoh pajakan atas dasar garisan lurus.

Apabila pajakan kendalian ditamatkan sebelum tempoh pajakan telah tamat, sebarang bayaran yang perlu dibuat kepada pemajak melalui penalti diiktiraf sebagai perbelanjaan dalam tempoh dalam mana penamatan berlaku.

Kos langsung awal yang ditanggung oleh Syarikat dalam merunding dan mengatur pajakan kendalian diiktiraf dalam keuntungan dan kerugian apabila ditanggung.

## 3 POLISI-POLISI PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)

Polisi-polisi perakaunan penting terpakai dalam penyediaan penyata kewangan adalah dikemukakan di bawah. Polisi-polisi ini telah digunakan secara konsisten kepada semua tahun yang dibentangkan, kecuali dinyatakan sebaliknya: (sambungan)

**(s) Pajakan (sambungan)**

**Pajakan kendalian (sambungan)**

Bayaran bagi hak penggunaan tanah dan bangunan sepanjang tempoh yang ditentukan terlebih dahulu, dikelaskan sebagai bayaran pajakan prabayar dan dinyatakan pada kos tolak pelunasan terkumpul dan kerugian kerosotan nilai terkumpul. Bayaran pajakan prabayar dilunaskan atas dasar garisan lurus sepanjang tempoh pajakan berkisar dari 15 hingga 49 tahun.

**Pajakan kewangan**

Pajakan hartanah, loji dan peralatan di mana Kumpulan mempunyai sebahagian besar kesemua risiko dan ganjaran pemilikan dikelaskan sebagai pajakan kewangan. Pajakan kewangan dipermodalkan pada permulaan pajakan pada nilai saksama hartanah dipajak dan nilai semasa bayaran pajakan minimum yang mana lebih rendah.

Setiap bayaran pajakan diperuntukkan di antara caj liabiliti dan caj kewangan untuk mencapai kadar faedah berkala tidak berubah ke atas baki liabiliti yang selebihnya. Obligasi-obligasi sewa yang sepadan, tolak caj kewangan, dimasukkan dalam lain-lain pemiutang jangka panjang. Ciri faedah kos kewangan dicaj kepada keuntungan atau kerugian sepanjang tempoh pajakan untuk menghasilkan kadar faedah berkala tidak berubah ke atas baki liabiliti selebihnya bagi setiap tempoh.

Hartanah, loji dan peralatan diperoleh di bawah pajakan kewangan disusutnilaikan sepanjang hayat berguna dan tempoh pajakan aset yang mana lebih pendek.

Kos langsung awal ditanggung oleh Kumpulan dalam merundingkan dan mengatur pajakan kewangan ditambah kepada jumlah dibawa aset dipajak dan diiktiraf sebagai perbelanjaan dalam keuntungan atau kerugian sepanjang tempoh pajakan atas dasar yang sama seperti perbelanjaan pajakan.

**(t) Manfaat kakitangan**

**(i) Manfaat kakitangan jangka pendek**

Upah, gaji, cuti tahunan berbayar, cuti sakit berbayar, bonus dan manfaat bukan berupa wang diiktiraf sebagai perbelanjaan dalam tempoh dalam mana perkhidmatan berkaitan diberikan oleh kakitangan. Ketidakhadiran diberi pampasan jangka pendek terkumpul seperti cuti tahunan berbayar diiktiraf apabila perkhidmatan diberikan oleh kakitangan yang meningkatkan keberhakan mereka kepada ketidakhadiran diberi pampasan masa hadapan. Ketidakhadiran diberi pampasan jangka pendek tidak terkumpul seperti cuti sakit diiktiraf apabila ketidakhadiran berlaku.

## 3 POLISI-POLISI PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)

Polisi-polisi perakaunan penting terpakai dalam penyediaan penyata kewangan adalah dikemukakan di bawah. Polisi-polisi ini telah digunakan secara konsisten kepada semua tahun yang dibentangkan, kecuali dinyatakan sebaliknya: (sambungan)

**(t) Manfaat kakitangan (sambungan)**

**(ii) Pelan caruman tetap**

Pelan caruman tetap adalah pelan manfaat pasca perkhidmatan di mana Kumpulan membayar caruman tetap kepada entiti atau dana berasingan dan tidak mempunyai obligasi undang-undang atau konstruktif untuk membayar caruman selanjutnya sekiranya mana-mana daripada dana tidak mempunyai aset mencukupi untuk membayar semua manfaat kakitangan berkaitan dengan perkhidmatan kakitangan dalam tahun-tahun kewangan semasa dan sebelumnya. Caruman sedemikian diiktiraf sebagai perbelanjaan dalam keuntungan dan kerugian sebagaimana ditanggung.

Selaras undang-undang Malaysia, syarikat-syarikat di Malaysia membuat caruman tertentu kepada Kumpulan Wang Simpanan Pekerja ("KWSP").

**(iii) Manfaat penamatan**

Kumpulan membayar manfaat penamatan dalam hal-hal penamatan pekerjaan di dalam rangka kerja penyusunan semula. Kumpulan mengiktiraf manfaat Penamatan sebagai liabiliti dan perbelanjaan apabila ianya mepunyai pelan rasmi terperinci tanpa kemungkinan penarikan balik yang realistik.

**(u) Instrumen ekuiti**

Saham-saham biasa dikelaskan sebagai ekuiti. Dividen ke atas saham-saham biasa diiktiraf dalam tempoh dalam mana ianya diisytiharkan.

Kos urus niaga daripada urus niaga ekuiti diakaunkan sebagai penolakan daripada ekuiti, tolak cukai bersih. Urus niaga ekuiti terdiri hanya daripada kos luaran tambahan secara langsung boleh dikaitkan kepada urus niaga ekuiti yang akan sebaliknya dielakkan.

**(v) Liabiliti bersyarat**

Kumpulan tidak mengiktiraf liabiliti bersyarat tetapi mendedahkan kewujudannya dalam penyata kewangan. Liabiliti bersyarat adalah kemungkinan obligasi yang timbul daripada peristiwa lepas yang kewujudannya akan disahkan oleh peristiwa masa hadapan tidak pasti yang di luar kawalan Kumpulan atau obligasi semasa yang tidak diiktiraf disebabkan ia tidak berkemungkinan bahawa aliran keluar sumber akan diperlukan untuk menyelesaikan obligasi. Liabiliti bersyarat juga timbul dalam keadaan yang amat jarang berlaku di mana terdapat liabiliti yang tidak boleh diiktiraf disebabkan ia tidak boleh diukur dengan betul. Walau bagaimanapun liabiliti bersyarat tidak termasuk kontrak jaminan kewangan.

## 3 POLISI-POLISI PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)

Polisi-polisi perakaunan penting terpakai dalam penyediaan penyata kewangan adalah dikemukakan di bawah. Polisi-polisi ini telah digunakan secara konsisten kepada semua tahun yang dibentangkan, kecuali dinyatakan sebaliknya: (sambungan)

### (w) Pelaporan bersegmen

Maklumat segmen dibentangkan dalam cara yang seimbang dengan pelaporan dalaman yang disediakan oleh ketua pembuat keputusan kendalian. Ketua pembuat keputusan kendalian, yang bertanggungjawab bagi memperuntukkan sumber dan menilai prestasi segmen kendalian, telah disahkan sebagai Ketua Pegawai Eksekutif.

### (x) Peruntukan

Peruntukan diiktiraf apabila:

- Kumpulan mempunyai obligasi undang-undang atau konstruktif berpunca daripada peristiwa lepas; dan
- ia berkemungkinan bahawa aliran keluar sumber akan diperlukan untuk menyelesaikan obligasi; dan
- anggaran yang betul jumlah boleh dibuat.

Di mana Kumpulan menjangkakan peruntukan akan dibayar balik (sebagai contoh, di bawah kontrak insurans), bayaran balik diiktiraf sebagai aset berasingan tetapi hanya apabila bayaran balik adalah hampir pasti. Peruntukan tidak diiktiraf bagi kerugian kendalian masa hadapan.

Di mana terdapat beberapa obligasi serupa, kemungkinan bahawa aliran keluar akan diperlukan dalam penyelesaian ditentukan dengan menimbangkan kelas obligasi secara menyeluruh. Peruntukan diiktiraf walaupun sekiranya kemungkinan aliran keluar berhubung dengan mana-mana satu perkara dimasukkan dalam kelas obligasi yang sama mungkin kecil.

Peruntukan diukur pada nilai semasa perbelanjaan dijangka akan diperlukan untuk menyelesaikan obligasi dengan menggunakan kadar pra-cukai yang menunjukkan penilaian pasaran semasa nilai masa wang dan risiko-risiko khusus kepada obligasi. Peningkatan dalam peruntukan disebabkan oleh pengedaran masa diiktiraf sebagai kos kewangan.

### (y) Kontrak membebankan

Kumpulan mengiktiraf peruntukan bagi kontrak-kontrak membebankan apabila manfaat dijangka untuk diperoleh daripada kontrak adalah kurang daripada kos memenuhi obligasi yang tidak dapat dielakkan di bawah kontrak.

### (z) Aset bukan semasa dipegang untuk jualan

Aset bukan semasa dikelaskan sebagai aset dipegang untuk jualan apabila jumlah dibawanya akan dipulih semula terutamanya melalui urus niaga jualan dan jualan dianggap amat berkemungkinan. Ia dinyatakan pada jumlah dibawa dan nilai saksama yang mana lebih rendah tolak kos untuk menjual.

## 3 POLISI-POLISI PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)

Polisi-polisi perakaunan penting terpakai dalam penyediaan penyata kewangan adalah dikemukakan di bawah. Polisi-polisi ini telah digunakan secara konsisten kepada semua tahun yang dibentangkan, kecuali dinyatakan sebaliknya: (sambungan)

### (aa) Pendapatan sesaham

Kumpulan membentangkan data pendapatan sesaham asas dan tercair ("EPS") bagi saham biasanya. EPS asas dikira berdasarkan keuntungan selepas cukai yang disatukan yang boleh diagihkan kepada pemegang saham ekuiti Syarikat dan dibahagikan oleh bilangan wajaran saham biasa dalam terbitan.

### (ab) Pengukuran nilai saksama

Nilai saksama aset atau liabiliti, kecuali bagi bayaran berdasarkan saham dan urus niaga pajakan, ditentukan sebagai harga yang akan diterima bagi menjual sesuatu aset atau dibayar untuk memindahkan liabiliti di dalam suatu pengaturan teratur di antara pesaing-pesaing pasaran pada tarikh pengukuran. Pengukuran mengandaikan bahawa urus niaga untuk menjual aset atau memindahkan liabiliti berlaku di pasaran utama atau sekiranya tiada pasaran utama, di pasaran yang paling menguntungkan.

Bagi aset buka kewangan, pengukuran nilai saksama mengambil kira keupayaan pesaing pasaran menjana manfaat ekonomi dengan menggunakan aset dalam penggunaan tertinggi dan terbaik atau dengan menjualnya kepada pesaing pasaran lain yang akan menggunakan aset dalam penggunaan tertinggi dan terbaiknya.

## 4 OBJEKTIF-OBJEKTIF DAN POLISI-POLISI PENGURUSAN RISIKO KEWANGAN

### (a) Polisi pengurusan risiko kewangan

Kumpulan terdedah kepada risiko pasaran (termasuk risiko mata wang asing, risiko harga komoditi dan risiko kadar faedah), risiko kredit dan risiko kecairan yang timbul daripada kegiatan perniagaannya. Strategi pengurusan risiko keseluruhan Kumpulan adalah untuk meminimumkan kesan-kesan negatif pasaran kewangan yang tidak dapat diramal ke atas prestasi kewangan Kumpulan. Kumpulan menggunakan instrumen kewangan derivatif berkaitan untuk melindung nilai risiko daripada pendedahan komersial sedemikian dan untuk memastikan pelaksanaan pelan tindakan risiko bagi mengurangkan risiko-risiko sedemikian secara berkesan. Instrumen kewangan derivatif sedemikian tidak dipegang bagi perdagangan atau untuk tujuan spekulatif.

Lembaga Pengarah mempunyai tanggungjawab menyeluruh bagi memantau pengurusan risiko kewangan yang termasuk pengenalpastian risiko, operasi atau strategik, dan pelan-pelan tindakan berikutnya untuk menguruskan risiko-risiko ini. Pengurusan bertanggungjawab bagi mengenal pasti, mengawasi dan mengurus pendedahan risiko Kumpulan.

## 4 OBJEKTIF-OBJEKTIF DAN POLISI-POLISI PENGURUSAN RISIKO KEWANGAN (SAMBUNGAN)

### (a) Polisi pengurusan risiko kewangan (sambungan)

**Risiko pasaran**

**(i) Risiko pertukaran mata wang asing**

Kumpulan beroperasi secara global dan terdedah kepada risiko pertukaran asing yang timbul daripada pelbagai pendedahan mata wang, terutamanya kepada Dolar Amerika Syarikat. ("USD")

Kumpulan menggalas pendedahan mata wangnya menerusi kontrak hadapan mata wang asing.

Analisis kesensitifan telah dilaksanakan berdasarkan mata wang asing belum dijelas yang mendenominasikan perkara monetari pada akhir tahun. Sekiranya USD mengukuh atau menjadi lemah sebanyak 10% berbanding dengan RM dengan kemalaran kesemua angka boleh ubah, keuntungan sebelum cukai dan ekuiti Kumpulan akan merosot atau meningkat sebanyak RM3,285,231 (2013: RM6,366,449).

**(ii) Risiko harga komoditi**

Kumpulan terdedah kepada harga gula mentah yang tertakluk kepada naik turun disebabkan oleh faktor-faktor tidak boleh diramal seperti cuaca, perubahan dalam permintaan global, pengeluaran global dan harga gula mentah. Kumpulan tidak mempunyai kawalan ke atas harga jualan gula bertapisnya sebanyak 61% (2013: 69%) kepada pelanggan perindustrian dan runcit.

Pengurusan bertanggungjawab untuk mengawal pendedahan Kumpulan kepada kos input gula mentah terhadap harga jualan gula bertapis yang ditetapkan oleh Kerajaan. Pengurusan bermesyuarat dengan kerap untuk menyemak keperluan gula mentahnya dan trend harga dan kemudiannya memutuskan masa pembelian dan harga konsainan gula mentah agar margin penapisan dikunci bagi memastikan matlamat keuntungan dapat dicapai.

Pengurusan juga menandatangani kontrak jangka panjang dengan pembekal bagi bekalan gula mentah dengan penetapan harga gula mentah untuk tempoh masa tertentu. Selain itu, pengurusan melindung nilai baki keperluan gula mentahnya melalui kontrak hadapan gula.

Analisis kesensitifan telah dilaksanakan berdasarkan pendedahan Kumpulan kepada kontrak hadapan gula pada akhir tahun. Sekiranya harga gula mentah meningkat atau merosot sebanyak 10% dengan kemalaran kesemua angka boleh ubah keuntungan sebelum cukai dan ekuiti Kumpulan meningkat atau merosot sebanyak RM3,275,372 (2013: Tiada).

**(iii) Risiko kadar kewangan**

Risiko kadar kewangan adalah risiko bahawa nilai saksama aliran tunai masa hadapan instrumen kewangan akan mengalami naik turun disebabkan oleh perubahan dalam kadar kewangan pasaran.

Pada 31 Disember 2014, Kumpulan dan Syarikat tidak terdedah kepada risiko kadar kewangan.

### 4 OBJEKTIF-OBJEKTIF DAN POLISI-POLISI PENGURUSAN RISIKO KEWANGAN (SAMBUNGAN)

#### (a) Polisi pengurusan risiko kewangan (sambungan)

**Risiko kredit**

Risiko kredit merujuk kepada risiko bahawa pihak berlawanan akan memungkiri obligasi-obligasi kontraknya mengakibatkan kerugian kewangan kepada Kumpulan dan Syarikat. Kumpulan dan Syarikat menerima pakai polisi dalam berurusan dengan pelanggan-pelanggan dengan sejarah kredit yang sesuai, dan memperoleh cagaran mencukupi termasuk jaminan bank dan bayaran pendahuluan di mana sesuai untuk mengurangkan risiko kredit. Anggaran pendedahan maksimum menyamai dengan jumlah dibawa aset kewangan.

Selain itu, pendedahan penghutang perdagangan terus diawasi dan disusuli dengan teliti oleh jabatan kewangan dan pemasaran. Dua belas pelanggan utama Kumpulan terdiri daripada 60% penghutang perdagangan pada 31 Disember 2014.

Kumpulan bermatlamat meningkatkan aset tunainya secara berhemat dengan mendepositkannya dengan institusi-institusi kewangan berlesen.

Baki bank dan tunai Kumpulan sebahagian besarnya diletakkan dengan institusi-institusi kewangan utama di Malaysia. Para Pengarah berpendapat bahawa kemungkinan ketidaklaksanaan oleh institusi-institusi kewangan ini, termasuk institusi-institusi kewangan bukan bertaraf tersebut, adalah amat kecil berdasarkan kekukuhan kewangan institusi-institusi kewangan tersebut.

**Risiko kecairan**

Risiko kecairan adalah risiko bahawa Kumpulan akan menghadapi kesukaran dalam memenuhi obligasi-obligasi disebabkan oleh kekurangan dana. Kumpulan mengekalkan tahap tunai dan setara tunai mencukupi untuk memenuhi keperluan modal kerja Kumpulan dengan mengawasi secara teliti aliran tunainya. Disebabkan oleh sifat perniagaannya, Kumpulan telah menerima pakai pengurusan risiko kecairan berhemah dalam mengekalkan dan memperoleh kemudahan kredit mencukupi daripada institusi-institusi kewangan.

Peramalan aliran tunai dilaksanakan dalam entiti-entiti kendalian Kumpulan dan kemudiannya diagregatkan oleh pengurusan. Pengurusan mengawasi ramalan berkitar keperluan kecairan Kumpulan untuk memastikan ia mempunyai tunai mencukupi untuk memenuhi keperluan operasi manakala mengekalkan lebihan mencukupi ke atas kemudahan pinjaman komited tidak dikeluarkannya pada sepanjang masa agar Kumpulan tidak melanggar had atau waad pinjaman (di mana berkenaan) ke atas mana-mana daripada kemudahan pinjamannya. Peramalan sedemikian mengambil kira pelan pembiayaan hutang, pematuhan waad, pematuhan dengan penyata sasaran nisbah kedudukan kewangan dalaman Kumpulan dan, sekiranya terpakai, keperluan berperaturan atau undang-undang luaran – sebagai contoh, sekatan mata wang.

Lebihan tunai dilaburkan dalam akaun semasa menerima keuntungan, deposit masa, deposit pasaran wang dan sekuriti boleh pasar, memilih instrumen dengan kematangan sesuai atau kecairan mencukupi untuk menyediakan lebihan mencukupi sebagaimana ditentukan oleh ramalan tersebut di atas. Pada tarikh pelaporan, Kumpulan memegang pelaburan tunai sebanyak RM424,043,000 (2013: RM242,433,000) dan lain-lain aset kecairan sebanyak RM45,956,000 (2013: RM24,721,000) yang dijangka mudah menghasilkan aliran masuk tunai bagi mengurus risiko kecairan. Pada tarikh pelaporan, Syarikat memegang pelaburan tunai sebanyak RM233,891,000 (2013: RM225,351,000) dan lain-lain aset kecairan sebanyak RM766,000 (2013: RM1,141,000) yang dijangka mudah menghasilkan aliran masuk tunai bagi mengurus risiko kecairan.

## 4 OBJEKTIF-OBJEKTIF DAN POLISI-POLISI PENGURUSAN RISIKO KEWANGAN (SAMBUNGAN)

### (a) Polisi pengurusan risiko kewangan (sambungan)

**Risiko kecairan (sambungan)**

Jadual di bawah menganalisis liabiliti kewangan bukan derivatif Kumpulan ke dalam pengumpulan kematangan berkenaan berdasarkan tempoh-tempoh kematangan selebihnya pada tarikh pelaporan sehingga tarikh kematangan kontrak. Liabiliti kewangan derivatif dimasukkan dalam analisis sekiranya kematangan kontraknya adalah penting bagi memahami pemasaan aliran tunai. Jadual di bawah meringkaskan profil kematangan liabiliti kewangan Kumpulan dan Syarikat berdasarkan tempoh-tempoh kematangan selebihnya pada tarikh penyata kedudukan kewangan. Jumlah dinyatakan dalam jadual adalah berdasarkan aliran tunai tidak didiskaunkan secara kontrak.

| Kumpulan | Kurang daripada 1 tahun RM'000 | Antara 1 dan 2 tahun RM'000 | Antara 2 dan 5 tahun RM'000 | Lebih daripada 5 tahun RM'000 | Jumlah RM'000 |
|---|---|---|---|---|---|
| **Pada 31 Disember 2014** | | | | | |
| Pemiutang | **231,216** | – | – | – | **231,216** |
| Jumlah terhutang kepada lain-lain syarikat berkaitan | **2,336** | – | – | – | **2,336** |
| Jumlah terhutang kepada syarikat pemegangan utama | **8,918** | – | – | – | **8,918** |
| Pinjaman | **248,390** | – | – | – | **248,390** |
| Jumlah liabiliti kewangan tidak didiskaunkan | **490,860** | – | – | – | **490,860** |
| **Pada 31 Disember 2013** | | | | | |
| Pemiutang | 194,804 | – | – | – | 194,804 |
| Jumlah terhutang kepada lain-lain pihak berkaitan | 2,770 | – | – | – | 2,770 |
| Jumlah terhutang kepada syarikat pemegangan utama | 3,764 | – | – | – | 3,764 |
| Pinjaman | 29,000 | – | – | – | 29,000 |
| Jumlah liabiliti kewangan tidak didiskaunkan | 230,338 | – | – | – | 230,338 |

## 4 OBJEKTIF-OBJEKTIF DAN POLISI-POLISI PENGURUSAN RISIKO KEWANGAN (SAMBUNGAN)

### (a) Polisi pengurusan risiko kewangan (sambungan)

**Risiko kecairan (sambungan)**

| Syarikat | Kurang daripada 1 tahun RM'000 | Antara 1 dan 2 tahun RM'000 | Antara 2 dan 5 tahun RM'000 | Lebih daripada 5 tahun RM'000 | Jumlah RM'000 |
|---|---|---|---|---|---|
| **Pada 31 Disember 2014** | | | | | |
| Pemiutang | **7,172** | – | – | – | **7,172** |
| Jumlah terhutang kepada lain-lain syarikat berkaitan | **2,025** | – | – | – | **2,025** |
| Jumlah terhutang kepada anak-anak syarikat | **309** | – | – | – | **309** |
| Jumlah terhutang kepada syarikat pemegangan utama | **1,139** | – | – | – | **1,139** |
| Jumlah liabiliti kewangan tidak didiskaunkan | **10,645** | – | – | – | **10,645** |
| **Pada 31 Disember 2013** | | | | | |
| Pemiutang | 1,590 | – | – | – | 1,590 |
| Jumlah terhutang kepada lain-lain pihak berkaitan | 2,555 | – | – | – | 2,555 |
| Jumlah terhutang kepada syarikat pemegangan utama | 270 | – | – | – | 270 |
| Jumlah liabiliti kewangan tidak didiskaunkan | 4,415 | – | – | – | 4,415 |

### (b) Polisi-polisi pengurusan risiko modal

Objektif-objektif utama Kumpulan ke atas dasar-dasar pengurusan modal adalah untuk melindungi keupayaan Kumpulan untuk mengekalkan nisbah-nisbah modal yang baik sebagai usaha berterusan untuk menyediakan pulangan bagi pemegang-pemegang saham dan manfaat bagi lain-lain pemegang kepentingan dan untuk mengekalkan struktur modal optimum untuk mengurangkan kos modal.

Kumpulan mengurus struktur modalnya dan membuat pelarasan kepadanya, berdasarkan perubahan dalam keadaan-keadaan ekonomi. Untuk mengekalkan atau menyelaraskan struktur modal, Kumpulan boleh menyelaraskan bayaran dividen kepada pemegang-pemegang saham, mengembalikan modal kepada pemegang-pemegang saham atau menerbitkan saham-saham baru. Tiada perubahan telah dibuat dalam objektif, polisi atau proses dalam tahun kewangan berakhir 31 Disember 2014 dan 31 Disember 2013.

Kumpulan mengawasi modal dengan menggunakan nisbah penggearan. Nisbah ini dikira sebagai hutang bersih dibahagikan dengan jumlah modal Kumpulan. Hutang bersih dikira sebagai jumlah pinjaman (termasuk 'pinjaman semasa dan bukan semasa' sebagaimana ditunjukkan dalam penyata kedudukan kewangan disatukan). Jumlah modal dikira sebagai ekuiti boleh dikaitkan kepada pemilik-pemilik Kumpulan sebagaimana ditunjukkan dalam penyata kedudukan kewangan disatukan termasuk hutang bersih Kumpulan.

## 4 OBJEKTIF-OBJEKTIF DAN POLISI-POLISI PENGURUSAN RISIKO KEWANGAN (SAMBUNGAN)

### (b) Polisi-polisi pengurusan risiko modal (sambungan)

Nisbah-nisbah penggearan pada 31 Disember adalah seperti berikut:

| | Kumpulan 2014 RM'000 | Kumpulan 2013 RM'000 |
|---|---|---|
| Hutang bersih | **248,390** | 29,000 |
| Ekuiti boleh dikaitkan kepada pemilik-pemilik Kumpulan | **1,944,495** | 1,856,197 |
| Jumlah modal | **2,192,885** | 1,885,197 |
| Nisbah penggearan | **11%** | 2% |

Peningkatan dalam nisbah penggearan Kumpulan pada 2014 berpunca terutamanya daripada pinjaman luaran yang lebih tinggi sepanjang tahun bagi tujuan membeli bekalan gula mentah.

Tidak ada keperluan modal dikenakan secara luaran bagi Kumpulan dan Syarikat dalam tahun kewangan.

### (c) Anggaran nilai saksama

Instrumen kewangan yang diukur di dalam penyata kedudukan kewangan pada nilai saksama dinyatakan mengikut hierarki pengukuran nilai saksama berikut:

- Harga disebut harga (tidak diselaraskan) dalam pasaran aktif bagi aset atau liabiliti serupa (Tahap 1).
- Input selain daripada harga disebut termasuk di dalam Tahap 1 yang dapat diperhatikan bagi aset atau liabiliti, secara langsung (iaitu harga) atau tidak langsung (diperolehi daripada harga) (Tahap 2)
- Input bagi aset atau liabiliti yang bukan berdasarkan data pasaran boleh diperhatikan (input tidak boleh diperhatikan) (Tahap 3).

**Pada 31 Disember 2014**

| Aset | Jumlah bawaan RM'000 | Tahap 1 RM'000 | Tahap 2 RM'000 | Tahap 3 RM'000 |
|---|---|---|---|---|
| Aset kewangan pada nilai saksama melalui keuntungan atau kerugian: | | | | |
| – Derivatif | **38** | **–** | **38** | **–** |
| Pinjaman dan penghutang | | | | |
| – Pinjaman dan belum terima | **35,000** | **–** | **–** | **35,000** |

Tiada pindahan di antara Tahap 1 dan Tahap 2 semasa tahun kewangan.

## 4 OBJEKTIF-OBJEKTIF DAN POLISI-POLISI PENGURUSAN RISIKO KEWANGAN (SAMBUNGAN)

### (i) Instrumen kewangan di dalam Tahap 2

Nilai saksama instrumen kewangan yang tidak didagang di dalam pasaran aktif ditentukan menggunakan teknik penilaian. Teknik penilaian ini memaksimumkan penggunaan data pasaran yang boleh diperhatikan sekiranya tersedia ada dan meminimumkan penggunaan anggaran terkhusus entiti. Sekiranya kesemua input yang diperlukan bagi nilai saksama satu instrumen dapat diperhatikan, instrumen tersebut dimasukkan ke dalam Tahap 2. Instrumen yang termasuk di dalam Tahap 2 merangkumi kontrak hadapan gula.

## 5 ANGGARAN DAN PERTIMBANGAN PERAKAUNAN PENTING

